

GRADUATE
ON TIME
for Ph.D





Graduate on Time (G.O.T) for Ph.D

Mei 2018



G.O.T for Ph.D

2018

Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan oleh:
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel : 03-83126666
Faks : 03-83126655
Web : <http://ipgm.moe.edu.my>

eISBN : 978-967-12720-4-6

© Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia 2018

Semua hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia terlebih dahulu.

Mei 2018

Penaung

Dr. Sariah binti Abd. Jalil
Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penasihat

Dr. Masitah binti Mohammad Yusof, AMN
Ketua Jabatan
Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Editor

Dr. Roslina binti Suratnu

Editor Bersama

Rosninah binti Ghani
Penolong Pengarah
Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penyelaras IPGM

Mat Rasid bin Ishak
Penolong Pengarah
Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penyelaras PROSPEN Zon Tengah

Dr. Kamaruddin bin Ilias	IPGKIPOH
Dr. Mohamad Redzuan bin Khalili	IPGKPI
Dr. Man Ah Keow	IPGKIPBA
Dr. Ismail bin Raduan	IPGKIK

Reka Bentuk & Susun Atur

Muntasir bin Muaz
Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Institut Pendidikan Guru Malaysia



KANDUNGAN

Tajuk /Nama	Halaman	Tajuk /Nama	Halaman
1 Bicara Journey Dr. Mashudi bin Bahari IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	1	11 Akhirnya Impian Tercapai... Dr. Azizah binti Zain IPG Kampus Darulaman Jitra, Kedah	29
2 Journey to Ph.D Dr. Norfadhilah binti Nasrudin IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	3	12 Musafir Ilmu: Memaknakan Ph.D Dr. Noor Zila binti Md. Yusuf IPG Kampus Darulaman Jitra, Kedah	31
3 Proses Perjalanan Ph.Dku: Kembali kepada FITRAH Dr. Norabeerah binti Saforrudin IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	5	13 Aku, Ph.D dan Masjid Dr. Amir bin Juhari IPG Kampus Darulaman Jitra, Kedah	37
4 Toleh dan Renungi ke Belakang. Ada Insan Sahabat Setia Menemanimu di Garis Akhir Ph.D Dr. Mohamed Ayob bin Sukani IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	8	14 Ph.Dku di Persimpangan Dilema Dr. Mohamad Redzuan bin Mohd Khalil IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	41
5 Menggapai Ph.D Dr. Siti Halimah binti Md. Yassin IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	12	15 Penyelia, Keluarga dan Rakan PIMM, Sumber Inspirasiku Dr. Bani Hidayat bin Mohd Shafie IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	44
6 Beyond the Fog, Lies Clarity... Datin Dr. Thusha Rani Rajendra IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	15	16 Ph.D... Bukan kerana Nama Dr. Jefridin bin Pilus IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	47
7 Inilah Coretan Perjalanan Sufi Ph.Dku Dr. Noorashikin binti Edin IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	18	17 Coretan Memori dalam Menggapai Impian Dr. A. Rahman bin Haron IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	49
8 Citra Ilmu Suluh Hidup Dr. Mohd Haidi bin Mohd Kasran IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	21	18 Menyingkap Memori Ph.D Dr. Sobariah binti Baharum IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	51
9 Jurnal Perjalanan Ph.D Dr. Tuan Jah binti Tuan Yusof IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	24	19 Catatan Perjalanan Menggapai Ph.D Dr. Mahazi bin Si Harun IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	53
10 Ph.D... Suatu Coretan Perjalanan Dr. Shamsul Aizuwani bin Nawi IPG Kampus Bahasa Melayu Lembah Pantai, Kuala Lumpur	26	20 Baby Ph.D Dr. Ainon binti Wazir IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	55

KANDUNGAN


Tajuk>Nama	Halaman	Tajuk>Nama	Halaman
21 Sepahit Hempedu Semanis Madu Dr. Nurul Huda binti Hassan IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	58	31 Dr. Paha 2015... Betullah, Ph.D Kecil tapi Relevan dan Signifikan Dr. Paharudin bin Arbain IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	87
22 Anugerah Terindah Buatmu Dr. Normazidah binti Mahmood IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	60	32 Pengajian Secara Part Time 3 ½ Tahun Dr. Kamaruddin bin Hj. Ilias IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	90
23 Walk to the Talk Dr. Romarzila binti Omar IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	63	33 Semangat Mesti Kuat Dr. Mohd Nazri bin Zainuddin IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	92
24 Kembara Ph.D Dr. Ali Ahmad bin Seman IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	66	34 Problem Statement Gap Dr. Masitah binti Mohammad Yusof Ketua Jabatan Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme, IPGM	94
25 My Supervisors' Advice!! Dr. Zaida Nor binti Zainudin IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	68	35 Liku-liku Ph.D ku... Dr. Yusni binti Haji Mohamad Yusop IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	98
26 Travelog Ph.D Dr. Zarina binti Ahmad IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	71	36 Mampukah Aku Mendapatkannya? Dr. Hjh. Suhaidah binti Tahir IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	101
27 Terima Kasih Dr. Ismail bin Abas IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	74	37 Meneroka Ilmu Baharu Dr. Mohan Kumar Chellaiah IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	103
28 Masih Aku Teringat Dr. Nazariyah binti Sani IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	78	38 Coretan Pengalaman Ph.Dku Dr. Che Aleha binti Ladin IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	105
29 Ph.D Prasekolah Dr. Saayah binti Abu IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	82	39 Chasing the Paper Dr. Wong Kiet Wah, IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	108
30 Reda... Redah Dr. Siti Iwana Sharizah binti Abu Samah IPG Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi, Selangor	85	40 My Ph.D Journey Dr. Tan Ai Lee IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	111

KANDUNGAN

Tajuk /Nama	Halaman	Tajuk/Nama	Halaman
41 Completing My Ph.D Ecologically Dr. Devadason Robert Peter IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	114	51 Pintu Hidayah di Dunia Dr. Ros Eliana binti Ahmad Zuki IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	143
42 Journey to Ph.D Dr. Yahya bin Osman IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	117	52 Impian Si Ratu Air Mata Dr. Nurdiana binti Abdullah IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	146
43 Coretan di Sepanjang Pengalaman Dr. Hj Badrul Hisham bin Alang Osman IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	120	53 Misi 1/6=100% Dr. Nur Bahiyah binti Abdul Wahab IPG Kampus Temenggong Ibrahim	148
44 My Ph.D Journey... Dr. Munirah binti Abd. Hamid IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	122	54 My Learning Curve Dr. Santhanamary R. Anthony IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	151
45 Saya Boleh Dr. Suriati binti Abdul Aziz IPG Kampus Ipoh Hulu Kinta, Perak	125	55 My Ph.D True Friends Dr. Sarala @ Thulasi A/P Palpanadan IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	154
46 Impian Semalam Kenyataan Hari Ini Dr. Hj. Ridzuan bin Ahmad IPG Kampus Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah	129	56 My Ph.D Journey - A Smooth Enriching Sail Towards Self-Growth and Professional Development Dr. Ng Pei Fern IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	156
47 Journey to Ph.D Dr. Hj Zakaria bin Mohd Arif. IPG Kampus Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah	132	57 Tiada Jalan Mudah untuk Berjaya Dr. Mohd Zairi bin Husain IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	159
48 Jihad Ilmu Dr. Suzana binti Mutalib IPG Kampus Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah	188	58 Ph.D Usaha Bersama Dr. Heng Lee Ling IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	163
49 A Reflective Journey Dr. Lee Wai Heng IPG Kampus Sultan Abdul Halim Sungai Petani, Kedah	135	59 Syukur Alhamdulillah! Dr. Azhari bin Mariani IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	166
50 Mengapa Ph.D? Dr. Yazid bin Abdul Manap IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	139	60 Zero to Hero Dr. Ahmad bin Zainal IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	169

KANDUNGAN

Tajuk>Nama	Halaman	Tajuk>Nama	Halaman
61 Pengajian Habis Darjah Dr. Abdullah bin Abdul Rahman IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	173	65 My Journey to Ph.D Dr. Halimatussaadiyah Salleh IPG Kampus Perempuan Melayu Durian Daun, Melaka	183
62 Perjalanan Ilmiah Saya Dr. Yong Kee Ping IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru, Johor	177	66 Ph.Dku Dr. Kamarudin bin Haji Abu Hassan IPGK Perempuan Melayu Melaka Durian Daun, Melaka	186
63 Done and Over with it...Six Semesters Ya... Dr. Chiam Sun May IPG Kampus Kent Tuaran Sabah	179	67 Seeking Solace Dr. Rohaya binti Abdullah IPG Kampus Pulau Pinang Bukit Coombe, Penang	188
64 The Journey to My Ph.D Dr. Chai Chin Peng IPG Kampus Gaya Jalan Maktab Gaya, Sabah	182		



KATA ALU-ALUAN



REKTOR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullohi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur dan berbangga kerana IPGM dapat menerbitkan buku *Graduate on Time (G.O.T) for Ph.D* bagi tahun 2017 ini yang memaparkan suka duka perjalanan Ph.D dan beberapa panduan dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru. Pensyarah-pensyarah ini telah berjaya menamatkan pengajian peringkat Ph.D sama ada secara sepenuh masa ataupun separuh masa dalam tempoh yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme (JKPP) IPGM dan semua penyelaras Program Sokongan Pensarjanaan (PROSPEN) IPG KPM yang telah berusaha mengumpul dan membukukan pengalaman-pengalaman dan panduan yang amat berharga ini untuk dikongsi bersama rakan-rakan pensyarah dan guru-guru yang sedang dan akan menyambung pengajian di peringkat Ph.D.

Buku ini diharap dapat dijadikan suntikan motivasi dan panduan kepada anda semua. Sesungguhnya budaya menulis sangat digalakkan dalam gerak kerja warga IPG serentak dengan transformasi IPG yang bermatlamat ke arah menjadi institusi latihan guru yang utama dalam meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui pembangunan pendidikan guru.

Akhir kata, saya amat mengalu-alukan usaha kreatif dan inovatif ke arah mewujudkan budaya kerja cemerlang melalui penulisan buku dalam kalangan warga kampus bagi meneruskan kecemerlangan demi memacu kemajuan dan perkembangan Institut Pendidikan Guru Malaysia.

“Pendidikan itu kegembiraan, keterbukaan, kebajikan”.

Dr. Sariah binti Abd. Jalil



KETUA JABATAN
JABATAN KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullohi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, akhirnya buku *Graduate on Time (G.O.T) for Ph.D* bagi tahun 2017 dapat disiapkan sebagai panduan kepada para pensyarah dan guru yang sedang dan bakal menyambung pengajian di peringkat Ph.D. Peluang menyambung pengajian di peringkat Ph.D secara sepenuh masa merupakan satu bentuk penganugerahan dan pengiktirafan kepada PPP yang cemerlang, berpotensi, kreatif dan inovatif. Kemudahan penajaan dan cuti belajar adalah merupakan galakan dan dorongan kepada PPP untuk meningkatkan ilmu, kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu bidang pendidikan secara khusus.

Dalam perancangan program penajaan, kumpulan pelaksana dan penggerak adalah sasaran utama penajaan peringkat Sarjana manakala kumpulan pembimbing dan mentor adalah sasaran utama penajaan peringkat Ph.D. Seterusnya kumpulan pemikir strategik dan pemikir holistik perlu mempunyai Ph.D yang dilengkapi dengan program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (kursus pelengkap) sebagai nilai tambah. Lantaran itu, adalah menjadi tanggungjawab PPP yang mendapat peluang menyambung pengajian sama ada secara sepenuh masa atau sambilan supaya dapat menamatkan pengajian dengan jayanya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pegawai Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme IPGM dan semua penyelaras dan ahli Program Sokongan Pensarjanaan (PROSPEN) IPG yang telah berusaha mengumpul bahan dan menjadi panel penulis buku *G.O.T for Ph.D*.

Adalah diharapkan dengan terbitnya buku ini dapat menjadi wadah untuk membimbing rakan-rakan pensyarah dan guru yang sedang dan ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D.

Sekian dan semoga *graduate on time*.

Dr. Masitah binti Mohammad Yusof, AMN

Apabila menerima surat rasmi yang menyatakan bahawa saya berjaya menerima Hadiah Latihan Persekutuan Biasiswa Belajar Sepenuh Masa peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), pertama sekali saya ucapkan kesyukuran ke hadrat Ilahi. Terima kasih kepada semua yang menitip doa. Amin.

UPSI, pilihan tempat belajar saya kerana rasa nulari ahli “Anak Kandung Suluh Budiman” memang serasi sejak melangkah belajar peringkat sijil perguruan (MPSI) dan sijil lanjutan (IPSI) dan kini peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D). Secara kebetulan sebagai pelajar sulung peringkat Ph.D di UPSI.

Selama tiga tahun dan ditambah setahun menanti untuk ‘viva’. Tumpuan kepada menelaah pelbagai bahan rujukan dan sumber. Berulang-alik ke menara gading, gedung ilmu untuk mencari karya, buku dan seumpamanya. Di samping itu, menghadiri seminar, konvensyen, kolokium dan pembentangan kertas kerja, kertas jurnal dan penulisan lain. Rutin kehidupan sebagai mahasiswa jauh berbeza untuk menikmati keseronokan dunia dan keluarga. Sebaliknya mewah dan bahagia dengan seribu catatan dalam buku nota mahupun *lap-top*. Buku nota dan *lap-top* teman sejati, teman paling setia dan tidak pernah berasing berenggang. Buat permulaan, bersengkang mata, berwaras minda, sihat jasmani, penuh yakin, penuh azam (penuhkan apa yang belum penuh) bermula dari mencari tajuk tesis, mencari permasalahan tesis, teori, literatur kajian, kaedah kajian, dalam bahasa mudah ilmu penyelidikan mesti mantap dan padat. Lebih enam bulan atau satu semester barulah selesai. Mengolah dan menjanakan isi tesis puluhan jam, berjam-jam tidak ada satu bab yang terus diterima. Diulang, diperbetulkan, dipersembahkan kepada penyelia, menghampiri empat tahun barulah selesai. Begitulah proses belajar ke peringkat Ph.D.

“Apa dia Ph.D.?” Sudah dapat Ph.D., nak buat apa? Pelbagai persoalan dan ragam jawapan antara calon yang akan dan bergelar ‘Doktor Falsafah’. Prinsip bagi saya sampai ke tahap ini kerana saya mahu belajar untuk mendalami ilmu dan bidang yang saya minati. Saya belajar dan terus belajar dan mengajarkan ilmu pembelajaran dalam pelbagai pedagogi dan wadah serta khalayak. Menjadikan gelar ‘Dr.’ itu sebagai sandaran untuk memantapkan dan mengukuhkan ilmu yang berteras kalam Allah menelesuri kehebatan ilmu Allah swt, kita sekadar menyebarkan dan menurunkan kepada anak didik serta golongan yang mahu menimba dan menambah ilmu. Cabaran, dugaan, godaan dan cubaan, (Ini cubaan... ini cubaan... bukan... bukan... Ini benar... benar... benar berlaku) ketika perjalanan untuk menggapai segulung ijazah. Bak kata puisi ‘segulung ijazah itu laksana belayar di lautan, gelora dan angin ribut, tenang dan dingin, panas terang dan gelap gelita, namun belayar taklah sama dengan ijazah yang didakap.

Pensyarah penyelia seorang yang arif. Seorang yang telah dahulu menelusuri ilmu daripada kita. Penyelia punya visi dan misi. Tahap keilmuan yang tinggi penuh dengan teori dan aplikasi, maka itulah yang dititipkan kepada kita. Dengan erti kata lain, kesinambungan ilmunya, kita yang menebar ke khalayak. Maka segala teguran, saranan, hambatan dan herdikan adalah nadi dan hati penyelia yang ketika itu penyelia mahukan kita berjaya. Mana mungkin seorang penyelia mabuk menghentam anak didiknya tanpa proses pewarasan ilmu yang kita tuntuti itu. Oleh itu, karenah penyelia hanya dongeng dan mitos moden. Hubungan dengan penyelia perlu kita ikat dan tambat seikhlasnya

sebagai ‘murabbi’. Air mata, rasa sebak, rasa kecewa, rasa jengkel, rasa masam dan kecut, semua sudah dirasakan. Namun, penyelia saya adalah sebaik-baik insan yang memberi sumber inspirasi hingga berjaya. Yang tidak baik (hanya pada pandangan saya), kujajarkan pada ban makruf dan diuliti dengan kesyumulan serta kemenjadian.

Mengimbau kembali, kita ini adalah insan kerdil, kurus kering dan tidak bermaya dalam mengejar ilmu. Imbauan inilah kita hargai setelah kita melangkah menerima segulung ijazah Ph.D. Saya ambil nukilan, berkat sabar, berkat santun, berkat berguru, berkat berpakat, berkat doa ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai, akhirnya saya sampai ke puncak. Syukur kerana-Mu, gedung ilmu maha luas Ya Allah. Amin.

Mashudi bin Bahari, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur



Masih dalam ingatan, pada awal tahun 2010, niat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sangat membara di dalam dada. Niat tersebut dinyatakan kepada suami tercinta. Tanpa disangka-sangka, jawapan beliau positif. Alhamdulillah. Begitu juga, hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D itu, saya maklumkan kepada bonda tersayang. Bonda menyatakan “Jika boleh mengurus masa dengan baik antara masa untuk pelajaran, masa untuk suami dan anak-anak”, bonda tiada halangan malah akan sentiasa mendoakan kejayaan dan kemudahan buat saya. Alhamdulillah. Niat yang sama juga saya ajukan kepada tiga anakanda yang sudah boleh memahami erti pengajian tinggi. Alhamdulillah. Ketiga-tiga anakanda turut bersikap positif malah gembira kerana mama mereka akan menjemput dan menghantar mereka ke sekolah setiap hari. Maka, bermulalah saya bergelar ‘*student Ph.D*’, Cuti Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa pada Julai 2010.

Saya sangat teruja untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar universiti semula. Saya mula bertemu dengan penyelia, iaitu Profesor Madya Dr. Norasmah binti Othman. Beliau merupakan pemeriksa kertas projek saya semasa pengajian sarjana di UKM. Kami berbincang tentang tajuk atau skop penyelidikan yang boleh dikaji. Ucapan pertama beliau adalah “Balik dan baca”. Mulanya saya tidak faham maksud penyelia malah menjadi bertambah kabur. Merata perpustakaan IPTA saya kunjungi dan mula menyimpan buku log literatur. Tapi saya masih kabur, apakah skop dan fokus kajian yang perlu saya kaji. Dalam masa dua minggu saya kembali semula berjumpa dengan penyelia. Ayat yang sama ‘balik dan baca’ juga disebut oleh beliau. Saya merasa sedih dan sedikit tersinggung dengan kenyataan tersebut, sedangkan sudah merata perpustakaan saya kunjungi untuk mencari maklumat. Pencarian fokus kajian masih diteruskan sehinggalah mengambil masa satu semester.

Pada semester kedua, barulah penyelia mahu mendengar cadangan fokus dan skop kajian saya. Alhamdulillah, penyelia menerima proposal saya untuk membuat penyelidikan berkaitan penilaian program. Program yang ingin dinilai pada ketika itu adalah program keusahawanan di politeknik. Mengapa di politeknik? Ini adalah kerana program keusahawanan di sekolah rendah dan di sekolah menengah sudah dikaji oleh pengkaji lepas. Maka, saya mengambil inisiatif untuk melihat pelaksanaan program keusahawanan di peringkat lanjutan di sekolah menengah pula. Sebagai langkah awal dan kebetulan semasa semester 1/2010 tersebut, kelas kuliah penilaian program telah diwujudkan dengan tenaga pengajarnya termasuklah penyelia saya. Oleh itu, dapatlah saya memahami dan menguasai topik-topik berkaitan konsep, model-model penilaian program, metodologi menilai suatu program dan menulis laporan. Saya menjadi lebih aktif mencari bahan-bahan literatur yang menjadi asas kepada model-model penilaian semenjak dari tahun seawal 1960an. Saya sangat bersyukur kerana di perpustakaan Universiti Malaya terdapat banyak rujukan silam. Dengan itu, dapatlah saya membuat perbandingan dan memahami dengan lebih mendalam lagi konsep penilaian program. Sehinggalah saya mula menulis beberapa draf proposal dan mengajukan kepada penyelia. Selama dua semester mencari literatur, membaca dan menulis, akhirnya pada awal semester ketiga, saya dibenarkan membentangkan kertas cadangan di dalam Seminar Penyelidikan anjuran Fakulti Pendidikan, UKM.

Pengalaman pertama membentangkan dan mempertahankan kertas proposal, saya sangat takut dan pada masa yang sama saya mahu proposal saya diterima. Tempoh tiga semester sebenarnya masih belum matang lagi untuk membuat penyelidikan. Masih banyak pembetulan yang perlu saya lakukan sebelum meneruskan ke peringkat seterusnya, iaitu pengumpulan dan penganalisan data. Maka,

saya menerima sahaja komen yang diberi oleh panel penilai. Saya berasa sangat bersyukur kerana mendapat komen yang begitu membina daripada seorang pensyarah yang sangat pakar dalam bidang penilaian program.

Seterusnya saya perlu membuat pembetulan di samping mengorak langkah seterusnya, iaitu membina instrumen kajian dan mengutip data. Satu peristiwa yang sangat sedih dan menggugat kelancaran perjalanan pengajian. Bonda yang sangat dikasihi dan yang sentiasa memberi motivasi, mengajar beberapa amalan kerohanian dan pendengar setia masalah saya telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2012. Saya sangat terkesan dengan pemergian bonda yang saya anggap sebagai pembakar semangat buat saya. Saya menjadi putus asa untuk meneruskan pengajian, terasa kehilangannya dan berasa tidak perlu memilik sijil Ph.D tanpa bonda. Namun, kata-kata hikmat daripada anak sulung telah mengubah semua tanggapan dan perasaan putus asa saya. Anakanda telah meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada saya agar meneruskan dan menghabiskan pengajian kerana beliau dan adik-adik akan mencontohi dan menurut jejak saya dalam menuntut ilmu. *Perseverance* dan komitmen dalam belajar saya akan menjadi ikutan mereka sampai bila-bila. Anak-anak berkata, “Walaupun ninda mereka sudah tiada tetapi saya masih mempunyai anak-anak yang akan terus memberi sokongan, semangat dan motivasi kepada saya”. Bertitik tolak daripada itu, saya mula bangkit dan tidak toleh ke belakang lagi. Saya bertekad untuk membuktikan kepada anak-anak dan suami bahawa mereka masih memerlukan saya sebagai idola mereka dalam proses menuntut ilmu hingga berjaya. Saya sangat berterima kasih kepada anakanda semua dan sangat bersyukur kepada Illahi memberi kekuatan dan peluang kepada saya untuk meneruskan perjalanan dan perjuangan untuk bergelar seorang Doktor Falsafah.

Tanpa menoleh ke belakang, saya meneruskan proses membina instrumen, bergerak ke semua lokasi sampel kajian, berjumpa dengan ramai pakar dalam bidang metodologi, penilaian dan keusahawanan, berjumpa dengan semua penyelaras, berjumpa dengan penyelia sekerap mungkin di samping berbakti kepada keluarga tercinta. Memang banyak cabaran, halangan, dugaan di sepanjang perjalanan itu, namun yang paling penting dan berharga adalah kuasa dan kemurahan yang Maha Kuasa dan Maha Mendengar memberi saya peluang dan ruang untuk saya mendekati-Nya. MUSIBAH membantu saya mendekati Allah. Saya kembali normal malah lebih berusaha untuk melengkapkan diri dengan mentaati perintah-Nya dan mendukung sunah kekasih-Nya sekerap mungkin dalam kehidupan ini. Saya tahu saya adalah insan kerdil yang lemah, yang tidak mempunyai daya dan kekuatan melainkan dengan daya dan kekuatan-Nya. Allah adalah KEKUATAN. Untuk itu, saya perlu mencari ALLAH. Syukur alhamdulillah, pada tanggal 1 November 2014, saya berjaya berbaris menaiki pentas di dewan DECTAR, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memakai jubah dan topi graduan Ph.D. Segala penat lelah dan liku-liku sepanjang perjalanan pengajian menjadi catatan sejarah hidup yang tidak akan pernah dilupakan. Segala pengorbanan dan kesabaran ahli keluarga menjadi sebahagian daripada ‘parcel’ kejayaan saya menghabiskan pengajian selama tiga tahun lapan bulan.

Semua tidak akan terjadi tanpa keampunan, rahmat dan dengan izin-Nya. Siapalah saya berbanding KEBESARAN, KEAGUNGAN, KEMURAHAN dan KELUASAN RAHMAT ALLAH swt. Berpeganglah kepada kata-kata ini, “Selalu ada HARAPAN bagi mereka yang sering BERDOA, selalu ada JALAN bagi mereka yang sering BERUSAHA”.

Norfadhilah binti Nasrudin, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Aku sudah lupa mengapa aku ingin membuat Ph.D dahulu. Kalau nak diikutkan ramai sangat teman-teman yang mengatakan, “Buat apalah kau nak buat Ph.D, gaji sama sahaja. Pangkat pun tak naik. Bukan ada kelebihanpun bila kau di IPG ni”. Wallahuaklam.

Tapi yang pasti, aku suka belajar, aku suka untuk berguru, aku suka membaca, aku suka membuat eksplorasi dan aku suka untuk mencari jalan penyelesaian. Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sarjana yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, setiap tahun aku memohon untuk biasiswa Ph.D. Alhamdulillah pada permohonan kali kedua, aku diterima untuk ditemuduga dan seterusnya menerima biasiswa. Sebenarnya aku memerlukan cuti belajar. Aku telah mencuba untuk membuat Ph.D secara separuh masa, namun kurang berjaya. Dalam banyak hal, keluarga sentiasa yang paling utama bagiku.

Perjalanan Ph.Dku ini tiada yang uniknyanya. Sama sahaja seperti orang lain, isu penyelia yang sangat sibuk, isu susah nak jumpa dan mendapat bimbingan penyelia, isu bertukar tajuk penyelidikan beberapa kali, isu trauma selepas jumpa penyelia, isu ‘blank’, isu kesihatan, isu famili, isu bertukar fakulti, isu suami ke luar negara kerana tugas selama setahun dan perlu menguruskan anak-anak sendiri, isu bahan hilang, isu komputer rosak (bertukar hingga sebanyak tiga buah komputer baharu sepanjang pengajian), isu tambah modul lagi selepas siap sebuah sistem dan pelbagai isu lagi.

Wallahuaklam. Aku seolah-olah sudah melupakan semua isu itu untuk diceritakan secara lebih lanjut. Namun, setiap kali ada teman-teman yang sedang melalui perjalanan Ph.D berkongsi masalah, dalam hati aku akui yang aku telah melalui isu itu. Aku cuma mampu mendoakan agar Allah membantunya.

Perjalanan Ph.D telah banyak mengubah diri ini daripada seorang yang *perfectionist* kepada seseorang yang lebih rasional, reda dan berprinsip, *do the best and lets Allah do the rest*. Sebagai pemegang ijazah pertama dalam bidang Sains Komputer, juga Sarjana dalam Teknologi Maklumat dan Ph.D dalam Sains Komputer (lebih tepat lagi Informatik Visual), sifat yang terlalu sistematik, *perfect*, sentiasa bersedia dengan alternatif atau *plan* dan pergantungan pada akal logik dan intelektual semata-mata mula terhakis. Alhamdulillah. Ph.D mengajar diri ini meletakkan pergantungan hanya kepada Allah. Benar-benar rasa diri ini *zero*.

Pada peringkat awal memulakan Ph.D, input daripada mereka yang telah berjaya memperoleh Ph.D banyak membantu. Pada semester pertama, hampir semua kursus yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan aku ikuti. Di samping itu, dengan kerjasama teman-teman daripada Persatuan Siswazah yang mengadakan program yang berkaitan dengan ilmu dan kemahiran Ph.D, aku usahakan untuk hadir. Ada juga yang aku usahakan di luar dari universiti untuk memperoleh ilmu dan kemahiran tertentu. Memang tidak dinafikan, wang biasiswa itu tidak mencukupi untuk menampung tapi alhamdulillah ia banyak membantu. Aku sentiasa mengingatkan diri, “Bersyukurlah kau dapat biasiswa, ada kawan kau yang tak dapat biasiswa tetapi masih sanggup meneruskan pengajian yang tidak menjanjikan kelebihan apapun ini”. Selain itu, aku turut memohon untuk *sit in* kelas daripada

pensyarah tertentu mengikut keperluan kajian yang mungkin sedang aku terokai. Aku berazam untuk menamatkan pengajian ini sebagaimana perancangan, iaitu 3 tahun. Memang kekadang hati ini cuak juga bila ada yang mengatakan, ramai dalam kalangan teman yang mengambil bidang ICT atau Sains Komputer ini sangkut atau tak habis pengajian. Tapi semua itu kumasukkan ke telinga kanan dan keluarkan ke telinga kiri sahaja.

Pelbagai pengalaman pahit manis yang telah kulalui daripada membentangkan kertas cadangan kajian (*proposal*) sehinggalah ke peringkat viva. Aku bersyukur kerana mempunyai keluarga yang amat mendokong, menyokong dan mendoakanku untuk melalui perjalanan Ph.D ini. Teman-teman seperjuangan sering mengingatkan agar kembali kepada-Nya apabila terdengar keluhan dan rugutan keluar dari mulut ini. Prinsip menghormati guru amat dijaga oleh teman-temanku. Aku teringat ketika aku mendapat tahu tarikh vivaku, aku diminta oleh penyelia untuk membuat rombakan besar-besaran kepada tesis yang telah kuhantar hampir dua tahun sebelumnya dalam tempoh beberapa hari sahaja. Sepanjang menyiapkan rombakan tersebut, aku mengabaikan waktu tidurku sehingga ditegur oleh suami dengan kata-kata “Berbaloi ke semua ni sampai tak tidur malam?”. Aku tahu sebenarnya dia amat risau tentang kesihatanku yang mungkin terganggu dengan keadaan sebegitu. Ketika aku menelefon ibu, kata-kata beliau telah menyedar dan menguatkan diriku untuk meneruskan perjuangan hingga ke titik terakhir.

Benarlah perjalanan Ph.D ini mengajar diri ini untuk kembali mentauhidkan Allah. Perjalanan dan proses Ph.D ini adalah didikan lembut daripada-Nya untuk diriku, bahawa Dia yang Maha Memberi, Dia yang Maha Bijaksana, Dia yang Maha Mengetahui, Dia yang Maha Mengatur, Dia yang Maha Penyayang, Dia yang Maha Mendengar, Dia yang Maha Melihat dan Dia yang Maha Pengampun. Tidak dapat aku menafikannya bahawa selama ini memang aku tahu tapi rupa-rupanya tidak benar-benar menyedari dan menghayati hakikat itu.

Dia ingin mengikis sikap ego yang wujud dalam diriku yang selama ini merasakan diri ini sudah baik, telah buat amal soleh, bersungguh-sungguh, berdisiplin, ikut perancangan yang diatur. Malah terasa juga bahawa Dia ingin diri ini perlu adil dengan masa. Ada masa untuk diri, ada masa untuk keluarga, ada masa untuk masyarakat dan ada masa bersama pencipta-Nya.

Perjalanan Ph.D juga mengingatkan diri ini tentang 3 persoalan pokok, iaitu (i) Dari mana aku datang? (ii) Mengapa aku dihidupkan? dan (iii) Ke mana aku selepas kehidupan ini? Ini membuatkan aku sentiasa untuk kembali muhasabah niatku untuk membuat Ph.D. Niat sentiasa perlu diperbetulkan. Fokus perlu sentiasa diletakkan dan bersyukur dengan setiap detik yang dilalui.

Ayat al-Baqarah 216 menjadi motivasi bila melalui saat sukar menempuh perjalanan Ph.D.

“...Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan ingatlah, Allah jualah Yang Maha Mengetahui semuanya itu, sedangkan kamu tidak mengetahuinya.”

Alhamdulillah perjalanan Ph.D yang penuh berliku itu telah berakhir dengan tempoh viva yang sangat pendek, berjaya dengan diberikan tempoh pembetulan selama sebulan tapi dapat disiapkan dalam masa 2 hari dan selesai semuanya, iaitu semakan dengan *internal examiner* dan *hardcover* dalam

masa satu minggu. Tiada kata yang terucap, hanya alhamdulillah, alhamdulillah dan alhamdulillah. Terima kasih Allah. Segala puji itu buat-Mu. Akhirnya amanah ini telah aku tunaikan. Moga tiada lagi hutangku kepada rakyat Malaysia yang telah 'menyumbang' sepanjang pengajian Ph.Dku. Terima kasih semua, atas doa dan sokongan kalian.

Hati ini mengakui, tamatnya Ph.D ini bukan kerana usahaku atau bijakku atau solat tahajudku, sedekahku, bukan, bukan dan bukan. Ia adalah kerana Allah memang hendak memberi, mungkin kerana ada di antara doa mereka yang makbul doanya telah didengari Allah. Abang, emak, Izzah, Iffah, Ameer dan Wani, jazakumullahu khairan khatiro atas kesabaran dan pengorbanan kalian melalui saat getir untuk bersamaku dalam perjalanan kembali kepada FITRAH.

Norabeerah binti Saforrudin, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri“ (al-Quran, Juz 13: Surah al-Ra’d: Ayat 11).

“Ya Allah, bilalah dapat kuakhiri pengajianku ini?” “Bantulah aku Ya Allah. Tolong Ya Allah. Berilah kekuatan untuk kuhabiskan doktor falsafahku ini.” Itulah antara bisikan yang sering terbit, sering muncul serta sering hadir di benak hatiku. Segala-galanya hadir silih berganti. Risau, gusar, cemas, kabur, gelap dan macam-macam.

Semasa saya mendaftar pengajian peringkat Doktor Falsafah sepenuh masa dengan dibiayai oleh KPM di Fakulti Pendidikan, UKM, saya mengenali lima orang rakan kongsi saya (kongsi manis, masam juga pahit sebagai pelajar Ph.D). Dua bulan selepas saya mendaftar sebagai pelajar di UKM, saya juga mendapat tawaran jawatan sebagai pensyarah di sebuah IPG di Lembah Klang. Sehubungan itu, saya telah mohon penangguhan ke IPG. Sebaliknya meneruskan cuti belajar dengan tawaran biasiswa. Di UKM, saya bertemu dengan ramai rakan Ph.D baharu dan semuanya memang sangat bersemangat. Masa terus berlalu dan kami menjadi semakin akrab dan rapat. Ada ketikanya tidak terkejar oleh gerak masa yang pantas. Kawan-kawan adalah wadah tempat kami sama-sama berkongsi rasa dan berkongsi jalur-alur serta liku-liku kehidupan sebagai pelajar dewasa atau ‘mahasiswa’. Dalam berkawan itu, kami berlima memang akrab dan sering bersama-sama di kolokium, kuliah tambahan, perpustakaan, masjid, kafe, kedai buku dan di mana-mana sahaja. Kawan, rakan dan teman merupakan sumber inspirasi dalam perjuangan pengajian saya untuk mengharungi setiap cabaran dan gelombang badai Ph.D selain dorongan dan sokongan keluarga (khususnya isteriku). Rakan, teman dan sahabat akrab saya, salah seorangnya dari Kota Bharu, Kelantan (Oth - bidang Kaunseling), seorang dari Ipoh, Perak (An - bidang Pendidikan Khas), seorang dari Jasin, Melaka (Yas - bidang Sains), seorang dari Seremban, Negeri Sembilan (Zai - bidang Sains) dan saya dari Klang, Selangor (bidang Prasekolah/PAKK). Jarak dan kejauhan lokasi, kepayahan untuk berada atau berpisah dengan keluarga, susah peritnya untuk kuasai bidang stastistik (mengerikan saya dan An), perlu membaca serta meneroka pelbagai aspek ilmu yang menjadi bidang kajian juga pelbagai disiplin ilmu, semua ini tidak menjadi halangan sewaktu kami sama-sama menelusuri Ph.D secara sepenuh masa. Kami sentiasa positif. Segala masalah yang hadir sedaya upaya diatasi dengan cara atau kaedah yang termampu dan terbaik. Bagi saya, mengikuti kelas tambahan stastistik sudah semestinya menjadi satu ‘keperitan’ kerana latar belakang pendidikan saya yang bukan daripada aliran Sains. Alhamdulillah segala perkara dan isu dapat kami hadam dengan lancar. Tetapi segala-galanya berubah apabila kami bertukar mod pengajian dari sepenuh masa kepada separuh masa. Di sinilah cabaran, dugaan, rintangan, kepayahan dan segala pancaroba pengajian Ph.D muncul. Benar benar menguji minda, menghiris perasaan, memadam motivasi, mengancam keyakinan, merobek kesabaran, mencair ketekunan, mencabar kesungguhan dan hilangkan fokus dalam pengajian.

Sepanjang tempoh tiga tahun pengajian di UKM, kami telah melepasi peringkat usulan dan kemajuan. Syukur alhamdulillah. Walaupun pemantapan tidak kesampaian (Fakulti Pendidikan, UKM mengamalkan lulus/diperaku usulan, kemajuan dan pemantapan, baru sampai kepersediaan untuk viva). Sewaktu di semester lima, kami sama-sama mengajukan permohonan untuk penganjutan

tempoh pengajian kepada pihak Bahagian Basiswa untuk kelulusan menambah talian hayat pengajian kami selama enam bulan lagi bagi permohonan kali yang pertama. Alhamdulillah permohonan kami semua diluluskan. Memang bersyukur dan gembira tetapi pada masa yang sama kami berlima 'dikejutkan' kerana perlu memilih sama ada untuk meneruskan pengajian sebab telah mendapat kelulusan pelanjutan (kami bercadang untuk menghabiskan pengajian dalam tempoh tujuh semester atau lapan semester) atau kembali ke IPG kerana pada waktu (2007), IPG-BPG-KPM sedang melakukan penstrukturan perjawatan. Ringkas ceritanya, jika kami tidak kembali bertugas sebaliknya memilih untuk meneruskan pengajian. Maka tiada jaminan untuk kami dapat kembali ke tempat asal (ini info yang kami peroleh selepas kami merujuk kepada pihak BPG). Setelah kami berlima beristiqarah, bermuzakarah dan bersembang bual yang panjang, akhirnya kami akur untuk menukar mod pengajian kepada separuh masa. Dalam erti kata lain, kami sepakat memilih untuk kembali bertugas di IPG setelah mempertimbangkan pelbagai rasional serta kewajarannya.

Setelah menjadi pelajar separuh masa, yakni bekerja sambil belajar maka situasi dan rutin kehidupan saya sebagai seorang pelajar berubah berbanding dari sebelumnya. Waktu ini, saya perlu melaksanakan dua tanggungjawab besar dalam satu masa, yakni melaksanakan tanggungjawab sebagai pensyarah dengan tugas yang pelbagai dan mengalas tanggungjawab untuk menyelesaikan pengajian Ph.D. Alhamdulillah Zai telah dapat menghabiskan Ph.Dnya setahun selepas itu tanpa sebarang masalah dan cabaran yang luar biasa. Tahniah teman. Insya-Allah janji kegigihan yang pernah kita meteri bersama tetap menjadi azimat buat bekalan kami walaupun ada waktunya, ada antara kami yang hampir lemas dan tenggelam di lautan Ph.D ini tetapi rakan teman tetap terus membakar semangat. Menyusul selepas itu, Yas pula akhirnya bergelar Dr. Yas. Syabas rakanku kerana dapat menghabiskan Ph.Dnya tanpa sebarang masalah dan cabaran yang luar biasa. Masalah dan cabaran itu tetap ada tetapi semua itu merupakan adat dalam menuntut ilmu. Kini, tinggal kami bertiga, Oth, An dan aku yang masih mencari ruang mengintai peluang untuk mampu sampai ke garisan penamat Ph.D. Dr Zai dan Dr Yas kami jadikan idola dan pembakar semangat juang kami. Kalau mereka boleh, pasti kami juga boleh khususnya pada waktu kami hampir-hampir hilang motivasi diri. Kami sedar dan amat faham, sesungguhnya semua itu tidak semudah yang dilihat atau diucapkan. Tidak semudah dipandang atau disebut. Tidak semudah renungan atau ungkapan. Alhamdulillah dan syukur kepada Allah. Kini kami bertiga telah diizinkan Allah untuk menghabiskan pengajian Doktor Falsafah dalam bidang masing-masing dan bergelar doktor (Dr.) juga akhirnya.

Namun, bagi saya, Dr. Oth dan Dr. An laluan dan rintangan juga onak yang berduri tetap ada. Sememangnya kami dapat menghabiskan Ph.D kami tetapi dengan cabaran yang luar biasa. Ubat untuk melalui juga mendepani segala yang luar biasa itu, hanyalah keyakinan atas izin Allah swt, kesabaran yang luar biasa, ketekunan tanpa jemu dan kepercayaan yang tinggi dengan apa yang ada dalam diri sendiri. Motivasi dan janji rakan teman yang sentiasa disegar bugarkan, pengorbanan yang entah di mana hujungnya, kesungguhan tanpa kelihatan batas sempadan dan doa kudus pasrah kepada Allah swt. Kami bertiga diuji dengan ujian yang berbeza-beza dan pelbagai. "Allah swt tidak akan menguji hamba-hambanya sekiranya hambanya itu tidak mampu mendepani ujian tersebut. Hambanya yang diuji itu adalah insan pilihan Allah swt dan setiap ujian Allah itu pasti ada hikmah dan nikmatnya". Dr. An, cukup tabah dan istiqamah dengan karenah 'penilai' selepas viva. Subhanallah, setahun lebih selepas viva barulah Dr. An diberi perakuan untuk bergraduasi. Kami bertiga sentiasa bergerak bersama bagi memotivasikan diri. Dr. Oth, sesungguhnya saya sangat bersyukur serta kagum. Siapa sangka sewaktu hanya tuan sendirian untuk menghabiskan sisa-sisa perjuangan Ph.D yang mana akhirnya (seolah-olah sudah tiada lagi sekecil-kecil ruang), tuan telah mengambil keputusan muktamad, keputusan akhir, keputusan nekad, keputusan NOKTAH buat Ph.D tetapi akhirnya kau bangkit dari tidur yang disulami pengsan yang panjang. Syukur Ya Allah

dan terima kasih Allah kerana hanya dengan izin-Mu yang dapat membuka kembali pintu hati, tingkap nurani dan jendela sanubari di dalam lubuk jiwa kami, khususnya Dr. Oth untuk akhirnya sampai serta bermukim di daerah Ph.D ini.

Syukur alhamdulillah ujian besar saya cuma permohonan cuti tanpa gaji (tiga bulan) yang berkali-kali ditolak oleh majikan dan cabaran untuk mengembalikan semula rentak irama penulisan bagi meneruskan perjuangan (lagu Brothers: Perjuangan & Teman Sejati jadi penawar). Tanpa berputus asa, saya terus memohon tanpa jemu. Saya tahu keupayan, kelemahan, kekuatan dan risiko yang perlu dihadapi, namun yang pasti saya perlu menghabiskan Ph.D saya dan tempoh maksimum pengajian pasti akan berakhir juga. Justeru, tindakan segera perlu diambil. Langkah berani mesti diperkembangkan. Pembacaan jitu perlu difokuskan dan penulisan mantap mesti diteruskan bagi memastikan pengajian Ph.D dihabiskan. Syukur akhirnya permohonan CTG saya diluluskan setelah saya mengucapkan “Sama ada CTG saya ini diluluskan atau sebaliknya, saya tetap tidak akan datang berkhidmat mulai 1 September ini dan saya benarkan tiga bulan gaji saya dipotong seperti mana dalam surat dan borang permohonan CTG saya”. Maka apabila pendayung sudah di tangan dan perahu sudah di air, saya teruskan dayungan Ph.D hingga ke destinasi yang terakhir. Syukur alhamdulillah. Bagi sahabatku Dr. Oth, sesungguhnya cabarannya lebih hebat dengan tempoh maksimum yang kian hampir. Apa tidaknya, berkali-kali *lap-top* peribadinya hilang dan dicuri (yang membuatkan perut menjadi sehabis kecut), dengan lokasi dan jarak yang saling bersulam antara siang dan malam untuk sampai ke UKM, dengan motivasi yang dihimpit keseorangan, kepayahan, persekitaran dan segala macam kesukaran, namun kami tahu jiwamu sebenarnya besar teman. Aku sedar jiwamu sebenarnya kental teman. Aku faham jiwamu tidak mudah tewas teman. Aku arif jiwamu adalah jiwa kami jua teman. Jiwa yang mengundur selangkah ke belakang tetapi tetap mengatur maju dengan seribu harap, seribu tekad dan seribu nekad.

Syukur Ya Allah Ya Robb ilalamin. Sungguh bicara daripada teman yang kerdil, ungkapan daripada rakan yang daif, pesanan daripada taulan yang kabur, catatan pinggir sahabat yang miskin kata-kata hikmat tetapi dengan izin-Nya jua yang telah mengubah 360^o NOKTAH akhirnya teman. Oth yang telah mengambil keputusan muktamad. Keputusan nekad, keputusan akhir, keputusan yang pada kami sangat mustahil untuk kami bantu. Katamu, “Maaf Ay dan teman-temanku. Aku dah buat keputusan untuk tidak menghabiskan Ph.Dku. Ini aku dah fikir habis. Aku dah tak sanggup. Aku dah muktamad. Ph.Dku = NOKTAH”. Terdiam kami, terpaku kami, terkedu kami dan terkesima kami. Lalu dengan sisa-sisa bahasa basi yang tinggal, kuambil telefon ‘zaman batuku’. Kutulis dan kutulis. Aku terus menulis. Entah apa yang kutulis tetapi yang pasti dalam banyak hal yang kutulis itu antaranya, “Jika itu keputusanmu teman, aku hormati, aku sanjung, aku hargai tetapi sebelum kau tinggalkan aku, sebelum kau tutup derita pedih payah Ph.Dmu itu, sebelum itu cuba kau toleh dan renung nun di kejauhan di belakangmu teman, **Tolehlah ke belakangmu teman**, kau pasti akan nampak di celah kabus yang sayup-sayup itu, aku di situ, aku berdiri di situ, aku setia di situ, seorang **Insan Sahabat Setia Menemanimu di Garis Akhir Ph.Dmu**. Itulah aku, temanmu. Kami, teman-temanmu yang setiap saat, yang saban waktu, yang dalam setiap nafas ini mendoakan kejayaan buatmu, doa kejayaan buat kita, doa kejayaan dunia akhirat buat kita bersama, temanku”.

Akhir kalam, “Tidak akan berubah nasibku ini, jika bukan aku sendiri yang mengubahnya”. Cabaran, dugaan, kekangan, rintangan dan halangan mungkin juga ancaman sewaktu mengharungi pengajian di peringkat Doktor Falsafah memangnya ada dan akan sentiasa ada serta akan sentiasa datang tanpa diundang. Cuma, hadirnya itu dalam pelbagai wajah, dalam pelbagai rasa juga dalam pelbagai warna dan sememangnya berbeza-beza. Bagi setiap individu mahasiwa atau mahasitua, semuanya itu perlu

didepani dengan bijaksana, dengan pengorbanan, dengan kesabaran, dengan matlamat dan hala tuju yang jelas, dengan keberanian, dengan kesungguhan, dengan kewarasan, dengan kesedaran, dengan berlapang dada, dengan niat yang jitu lagi satu 'lillahitaallah'. Istiqamahlah dalam jihad ilmu insya-Allah segala-galanya pasti akan dapat diharungi, mematangkan kedewasaan kita di samping menambah tebal warna warni kamus kehidupan kita di dunia yang fana ini untuk bekalan kita di kehidupan yang kekal abadi di akhirat nanti dalam syurga Allah swt. Syukur Allah. Terima kasih ibu bapaku jua isteri dan anak-anakku. Terima kasih temanku Oth, An, Zai dan Yas. Terima kasih semua dan selamat maju jaya.

Mohamed Ayob bin Sukani, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur



Pengenalan

Bukan mudah untuk mendapat apa yang dicita-citakan, jika tidak dengan izin-Nya. Begitu juga dengan kenyataan bahawa tidak semua orang diberi rezeki oleh Allah untuk membuat Ph.D. Jika begitu tidak semua orang akan diberi Ph.D oleh-Nya. Hanya yang terpilih sahaja diberi hidayah-Nya untuk memperoleh Ph.D. Ia seperti hendak menunaikan fardu haji di Mekah. Hanya yang mendapat hidayah dan jemputan-Nya sahaja yang boleh berkunjung ke rumah Allah. Itulah yang aku pelajari sepanjang menelesuri cita-cita menggapai Ph.Dku.

Kisah bermula...

Apabila mendapat tawaran biasiswa melanjutkan pelajaran membuat Ph.D, gembira yang tidak terkata sebab itu yang diidam-idamkan. Cuti bergaji penuh selama 4 tahun. Dek kerana keseronokan dan kegembiraan aku terlupa untuk memasang niat. Bermulalah pembelajaran aku di UKM. Namun begitu, aku tidak bersyukur. Aku sebenarnya hendak belajar di UM. Maklumlah dekat dengan rumahku. Sejak itu aku mula belajar dengan tidak ikhlas. Aku banyak menghabiskan masa belajarku di UM dari UKM. Kesan daripada itu aku tidak mempunyai banyak jaringan dan rangkaian (*networking*) dengan UKM baik dari segi rakan-rakan sesama Ph.D, staf sokongan dan staf akademik. Aku lebih banyak mengenali UM. Itulah aku.

Supervisor...

Aku diberi seorang supervisor, iaitu Prof. Madya Dr. T. Orangnya sangat berpengalaman dan baik hati umpama seorang ayah kepadaku. Dek kerana baik hati, aku mengambil kesempatan untuk jarang berjumpa dan berhubung dengan Dr. T untuk mendapat bimbingan dan tunjuk ajar beliau. Namun, aku sempat membentangkan proposal dan kemajuan semasa tempoh di bawah seliaan Prof. Madya Dr. T tetapi bimbingan dan nasihat oleh supervisor dari universiti yang lain. Belumpun sempat aku membentangkan pemantapan, supervisorku Prof. Madya Dr. T pun bersara. Dalam pada aku masih tidak kisah siapa pengganti Prof. Madya Dr. T, rupa-rupanya aku telah disandarkan kepada begitu ramai supervisor yang aku sendiri tidak ketahui dan kenali, iaitu Dr. A kemudian kepada Dr. K dan akhirnya Prof. Datuk Dr. T bersama dengan Dr. Z.

Proses pemantapan...

Aku gagahi dan reda dengan cara aku sendiri. Hanya nasihat, bimbingan dan ajaran daripada rakan taulan dan bahan bacaan yang aku sendiri peroleh dari pelbagai sumber. Namun, untuk mendapat bimbingan dari tempat belajar asal UKM memang tidak. Ditambah pula semasa menyiapkan

pemantapan, tempoh belajar aku telah tamat. Aku kena balik bekerja dan ditempatkan di Kuala Lumpur.

Di tempat kerja...

Aku semakin bingung. Rutin kerja semakin sibuk dan banyak. Kalau beginilah caranya bagaimanakah aku hendak menyiapkan penulisan pemantapan aku. Di sinilah aku tersadai dengan kerja-kerja pembelajaran dan pekerjaanku. Aku semakin menjadi tidak fokus dengan mencampuradukkan urusan peribadi, iaitu menyiapkan penulisan pemantapan dengan pekerjaan hingga kadang-kadang aku hilang pertimbangan dan buntu lalu mengambil keputusan melupakan penulisan pemantapanku buat kesekian lamanya.

Rezeki...

Dalam mengharungi kebuntuan untuk kesekian lamanya, aku diberi rezeki oleh Allah untuk kenaikan pangkat. Untuk ini aku kena berhijrah jauh dari UKM, iaitu di sebuah negeri di utara semenanjung Malaysia (negeri P). Masa ni baru aku terfikir dan terasa yang aku kini sudah semakin sukar hendak ke UKM. Aku mulai susah hati. Rupa-rupanya kesusahan hatiku didengari oleh-Nya. Enam bulan kemudian, aku ditukarkan ke sebuah negeri di selatan Malaysia, iaitu negeri M. Baharulah lapang rasa hati sebab kali ini aku rasa aku sudah semakin dekat dengan UKM. Di sinilah aku mula membina hasrat untuk menyiapkan penulisan pemantapanku.

Kejutan...

Suatu petang sedang aku duduk membaca tulisan pemantapanku, aku dikejutkan dengan satu panggilan telefon. Kulihat di skrin telefon. Panggilan daripada supervisorku Prof. Datuk Dr. T. Mengigil juga aku nak jawab. Satu ayat sahaja yang aku paling ingat pertanyaan Prof Datuk Dr. T ialah “Engkau ni nak belajar lagi ke tak? Engkau nak gagal ke?” Perghh!!! Sangat terpukul aku dengan soalan-soalan itu. Aku lantas menjawab “Mmm.... nak... nak... Prof...” Prof. Datuk Dr. T kata, “Kalau nak, minggu depan aku nak tengok engkau hantar penulisan kau untuk membolehkan kau buat pemantapan,” tegas dan garang bunyinya. Aku mengiakan. Aku memang segan dan sangat menghormati Prof. Datuk Dr. T.

Aku bangun...

Mulai dari detik dan saat itu aku bekerja keras menyiapkan penulisan pemantapanku. Aku juga lulus dalam proses pemantapan. Prof T sangat gembira. Aku diminta menyiapkan penulisan tesisku untuk dihantar viva. Akhirnya dalam tempoh sebulan aku telah dapat menyiapkan tesisku. Kini, tesisku dalam proses menunggu viva.

Viva...

Berpeluh sejuk semasa melalui proses viva ini. Manakan tidak inilah saat dan ketikanya seseorang itu diberi keputusan sama ada lulus atau gagal. Alhamdulillah aku diumumkan lulus dengan syarat memperbaiki semula penulisan bab 4 (analisis dapatan) sebagaimana yang dikehendaki semasa perbincangan dalam viva. Cabarannya kini ialah bagaimanakah aku hendak membaikinya???

Hidayah-Mu...

Di saat dan ketika aku membuat pembaikan itu, aku berserah dan memohon kepada Allah. Betulkan balik niatku dan solat tengah malam memohon kepada yang maha Esa dan kuasa untuk membantu aku hamba-Mu yang lemah. Memang betul Allah tak pernah berdusta. Allah kabulkan permintaan hambanya yang bersungguh-sungguh meminta. Syukur Ya Allah dengan hidayah-Mu aku dapat menganalisis dan menulis semula dapatan sebagaimana yang dikehendaki dalam proses viva dengan mudah dan lancar. Selesai pembetulan penulisan, aku hantar kepada pemeriksa dalam untuk semakan akhir. Alhamdulillah, akhirnya tesis akhir yang aku hantar diterima dan disahkan oleh Senat bahawa aku LULUS. Syukur alhamdulillah. Aku kini telah berjaya memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Sains (Pendidikan Alam Sekitar) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Syukran!

Ph.D yang ku gapai mengajarku...

- Bahawa tiada jalan mudah untuk mencapai kejayaan.
- Jangan mengalah dalam perjuangan.
- Berusaha itu tangga kejayaan.
- Niat mesti betul kerana Allah dan Rasulullah.
- Yakin dan percaya kepada universiti yang telah ditentukan.
- Perlu berguru dalam pembelajaran.
- Membuat perancangan bagi menamatkan pembelajaran dalam tempoh yang diitetapkan.
- Bermunajat dan bermohonlah kepada Allah.
- Cabaran dan dugaan yang diberi Allah jika dilalui dengan sabar, tabah dan reda akan diberi lebih ganjaran dan kelapangan. Insya-Allah.

Siti Halimah binti Md. Yassin, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Change is hard at first, messy in the middle and gorgeous at the end.

- Robin Sharma

In reflection...

To me, Sharma's profound quotation resounds so well throughout my Ph.D. journey. What a journey it was, peppered with much trials and tribulations. I took a good five years to complete this arduous journey of mine, and boy, was it challenging. At times, I wished I could just throw in the towel but my faith in God propped me forward, always. There were times that I wished things were simpler but a Ph.D. journey is never such an endeavour, at least not for me.

At the beginning...

In my first few months at the Faculty of Education, University of Malaya, under the esteemed Prof. Dr. Samuel Moses, I was requested to change my area of research by the Ministry of Education. As such, I plodded on with a heavy heart to the Faculty of Languages and Linguistics. Truth be told, I never liked linguistics; it is dry and too theory oriented. Being the person I am, I just threw caution to the wind and decided that if this is what was needed of me, I am certainly going to make my research feasible and interesting; in an area which is close to my heart! Prof. Jawakhir, the deputy dean was a motherly figure who convinced me that linguistics is not such a dry area and challenged me to rise to the occasion. A meeting with my supervisor, Dr. Fauziah Taib, finally sealed my faith and I knew that behind every cloud, there must be a silver lining. Dr. Fauziah happily took me under her wings and gave me ample of time to think about a new proposal. The next few months were trying; I had to go through a rigorous research methodology class under Dr. David Yoong, who is known for his 'SO WHAT' questioning tactics!! But blossomed I did. The faculty opened so many possibilities beyond my wildest dreams and I am glad that I persevered. I grew fond of semiotics after auditing the class and soon found myself marrying my love for comics, graphic novels, semiotics and multimodality into a feasible study. It was well received by the faculty and the following one year saw me auditing different classes to enhance my knowledge on the various fields of linguistics: semiotics, systemic functional linguistics, discourse analysis and critical discourse analysis. The following months passed into years; from proposal to candidature defences, seminar and finally, the submission of thesis for examination. The viva voce session on 2nd September 2016 was a breeze and my thesis was finally approved with minor corrections... it was really a surreal experience for at that point of time, I really had no emotions! What was more rewarding is that both the foreign examiners loved my work. I felt drained but happy that the journey has finally ended

The extras...

My Ph.D. journey also gave me opportunities to present papers at many conferences and I won two silver medals along the way. The most memorable was the 2nd Global Conference: The Graphic Novel at the University of Oxford, for it was my very first escapade overseas on my own. From the daily walks along the Bodleian Library, Sheldonian Theatre and Christ Church Cathedral; to savouring typical sumptuous English food at the many cafes and pubs, it was good to soak in the air of academia in that city called Oxford. It was also pretty exhilarating to know that there were conferences specifically dedicated to comics and graphic novels. My trip to Bandung, Indonesia was another rewarding experience as I shared the benefits of adopting graphic novels with other fellow comics enthusiasts. I challenged myself further when I presented my thesis in three minutes at the University Malaya's 3 Minutes Thesis Competition. Though I only obtained second placing, the experience was a good platform to present the main elements of my thesis to the general public. The MELTA International Conference on Graduate Research in English Language Education was tough for I was grilled by various academicians and I won the Silver Medal for my research. Other international conferences also paved way to share my ideas with a broad spectrum of audience and gave me a chance to travel to many places. With the need of published articles in indexed journals as a prerequisite for the conferment of a Ph.D., I spent many hours writing articles related to my research. To date, I have articles published in the Journal of Modern Languages and the Malaysian Online Journal of Educational Sciences besides various conference proceedings. Heck, I am slowly relishing the fact that I do enjoy writing academic articles.

The people...

The Ph.D. journey also gave me many chances to interact with renowned scholars like Professor Ruth Wodak and Professor Theo van Leeuwen, thanks to the efforts of the faculty. I must say, I am proud to be a true blue alumni member of the University of Malaya, for their rigorous academic programmes have opened so many possibilities for me.

The Ph.D. experience is an embodiment of a childhood dream come true and I am eternally thankful for those who have been with me through this journey. Beyond the language and images, this journey has seen the contribution of so many people who have left such an indelible mark in my life. For these and more, I thank God - thank you for giving me the strength to persevere all these years; Dr. Fauziah Taib - my enigmatic supervisor; Dr. Sakina Suffian who guided me through the completion of my Ph.D journey upon Dr. Fauziah's retirement; my thesis committee; Dr. Surinderpal Kaur, Dr. Sridevi, Dr. David Yoong, Prof. Stefanie Pillai, Prof. Zuraidah Mohd. Don, Prof. Jawakhir, Dr. Francisco Veloso (Hong Kong Polytechnic University), Greg Rebis, Jennifer Tanner, L.L. Owens, Peggy Albers and Eileen Guan. My dearest friends Dr. Kumaran Rajendran, Prof. D.r Esther Boucher, Dr. Nellie Loh, Amilly Eu, Lina Yip, Siew Ling, S. Komathy, R. Kalaivalli and Datin Padlon were there for me and offered assiduous moral and emotional support. And of course my family...my beloved husband Siva, for instilling work ethics and the desire to achieve even the most impossible of goals; my son Abhilash; for being the joy of my life; my siblings, Devi and Sara; and my parents - K. Rajendra and Suguna Paul for the inspiration and selfless sacrifice towards my education pursuits from young and for sowing the seeds of excellence in my life and academic achievements.

And finally...

Yes, no two Ph.D. journeys are the same. What is more important is that those who are on their pursuit for a Ph.D. should never lose their focus and perseverance. With focus, discipline and faith, that dream is achievable. My Ph.D. journey has come to an end and I am looking forward to the beginning of a new chapter in my life. It might not be an easy journey but my Ph.D. experience has taught me to be resilient even in the darkest of hours. Truth be told, the finish line is just the beginning of a whole new race.

“Toto, I have a feeling we’re not in Kansas anymore.”

-L. Frank Baum, *Wizard of the Oz*

Datin Thusha Rani Rajendra, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

5 September 2011

Bermulalah perjalanan sufi Ph.Dku secara sepenuh masa. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB). Duit simpanan untuk belajar hanya lebih kurang RM8 ribu. Aku hanya tawakal kepada Allah untuk mencukupkan apa yang tidak cukup. Memulakan pengajian secara sepenuh masa di Fakulti Pengajian Pendidikan di UPM. Sebelum itu aku sudah pun melalui satu semester pengajian secara separuh masa. Struktur pengajian Ph.D di UPM ketika itu sangat ketat. Para pelajar Ph.D perlu mengambil 12 jam kredit kursus lanjutan yang berkaitan. Maka aku menghabiskan lebih kurang tiga semester untuk menyelesaikan kursus tersebut. Sangat meletihkan tapi seronok sebab kuliah *postgraduate* bersama-sama pelajar antarabangsa. Medium pengajaran dan pembentangan adalah sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Sempatlah berkenal-kenalan dengan pelajar Iran, Bangladesh, Nigeria dan Iraq.

Akhir Disember 2012-Awal Februari 2013

Berlaku sedikit ketidaksefahaman dengan *supervisor* pertama kerana beliau memaksa aku mengambil geran penyelidikan universiti dengan menggunakan tajuk kajianku. Akhirnya aku akur. Aku mohon geran tersebut dan berjaya mendapat pembiayaan sebanyak RM33 ribu untuk penyelidikan selama 3 tahun. Hinggalah pada satu ketika berlaku peristiwa bertikam lidah dengan SV tersebut. Manakan tidak, aku perlu memberi komitmen 100% sebagai Pembantu Penyelidik (RA) beliau, sedangkan sudah berkali-kali aku menegaskan komitmen utamaku ialah terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi cuti belajar untuk menyiapkan tesis dalam masa tiga tahun. Bermakna aku sepatutnya selesai pengajian pada September 2014. Rentetan itu, sudah tiada lagi jalan penyelesaian yang dapat kulihat. Aku buntu. Hanya air mata sebagai peneman aku seharian. Aku terus-menerus sujud memohon ke hadrat Ilahi supaya memberiku petunjuk mencari jalan keluar daripada keserabutan. Allah bantulah aku Ya Allah.

Pertengahan Februari 2013

Ya. Keputusan muktamad telah aku ambil. Selamat tinggal UPM. Bayangan pintu gerbang UKM seolah-olah menggamit ke arahku dengan ramah dan megah dalam sujudku. Alhamdulillah. Maha suci Allah. Sungguh ajaib kekuasaan yang ditunjukkan-Nya. Allah telah permudahkan urusanku bertukar universiti, sekali gus bertukar *supervisor* hanya dalam masa tiga hari sahaja!!! Pihak Fakulti Pendidikan UKM sangat komited untuk membantu aku menyelesaikan pengajian aku yang terbantut seketika. Bahagian Tajaan Pendidikan menyatakan proses pertukaran menjadi lebih mudah kerana yuran pengajian adalah biayaku sendiri. Rupa-rupanya inilah antara hikmah aku mendapat CBBPTB. Air mata kesyukuran mengalir deras. Sujud Syukur. Di UKM aku perlu mengambil lapan jam kredit kursus. Banyak *assignment* kena siapkan. Tapi kali ini aku lebih bersedia.

Akhir Mei 2013

Alhamdulillah. Aku lulus pembentangan proposal kajian (Usulan). Bagusnya Fakulti Pendidikan UKM ialah para pelajar *postgraduate* perlu menjalani tiga peringkat sebelum viva. *Voce*, iaitu peringkat Usulan, Kemajuan dan Pemantapan. UKM tidak membenarkan aku menggunakan tajuk yang sama semasa di UPM. Jadi, aku menukar tajuk kajian dan hanya fokus kepada tiga *variable* utama. Soalan bertubi-tubi daripada pemeriksa dalaman tesis serta para peserta tidak mematahkan semangat aku untuk meneruskan perjuangan. Proses mencari instrumen kajian yang sesuai untuk diadaptasi, proses menghadam tajuk persampelan kajian, memahami reka bentuk kajian, proses penilaian pakar dan pelbagai lagi perkara berkaitan kajian merupakan senarai yang panjang. Itulah keindahan proses Ph.D sebenarnya.

November 2013

Permohonanku untuk skim Zamalah UKM diluluskan kerana aku tidak mendapat apa-apa penajaan. Yuran pengajianku ditanggung selama dua semester dan diberi elaun pengajian sebanyak RM2 ribu sebulan selama 12 bulan. Allah...Allah... kau tidak beri aku Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tapi Kau gantikan aku dengan yang lebih baik lagi. Sujud syukur. Air mata aku tumpah seharian. Malu dengan nikmat yang Allah kurniakan kepada hamba-Nya yang kerdil ini. Dengan duit itu dapatlah aku membiayai kos kutipan data yang mencecah ribuan ringgit.

Februari 2014

Alhamdulillah. Aku berjaya membentangkan dapatan kajian, iaitu peringkat Kemajuan. Wah, rasa macam cerah masa depan! Ketika itu aku sasarkan untuk viva pada penghujung tahun 2014. Yakin Boleh!!! Ya Allah, bantu aku.

Julai 2014

Syukur Ya Allah. Aku berjaya membentang di peringkat pemantapan. Tapi aduh, banyak betul yang perlu dibaiki sebelum notis penghantaran tesis untuk viva. Walau bagaimanapun. alhamdulillah. Sujud syukur.

September 2014

Eh, dah cukup tiga tahun rupa-rupanya aku diberi cuti belajar! 4 September 2014, aku kembali bertugas di IPG KBM. Kesibukan bekerja membataskan proses pembetulan tesis. Hanya masa hujung minggu dan cuti sekolah aku ambil untuk fokus kepada tesis yang kian ke garis penamat. Tak sabar.

Julai 2015

Akhirnya berjaya juga aku hantar tesis untuk diperiksa di bulan ramadan yang mulia. Ya Allah, saat itu semakin hampir.

24 November 2015

Alhamdulillah, Subhanallah, Allahuakbar! Aku lulus viva setelah menjalani sesi soal jawab selama 1 jam 45 minit dan diberi tempoh selama enam bulan untuk membuat pembedulan. Sujud syukur.

April 2016

Secara rasminya Senat UKM menganugerahkan aku Ijazah Doktor Falsafah (Psikologi Pendidikan). Ya Allah, bermimpikah aku? Terima kasih Allah. Sujud syukur.

5 November 2016

Hari Konvokesyen UKM. Aku terima ijazah Doktor Falsafah setelah menjalani 7 semester pengajian. Sesungguhnya tiada daya upayaku melainkan dengan keizinan-Nya aku selesai menghadapi proses ini, proses mendapatkan segulung ijazah Ph.D. Inilah secebis kisah perjalanan sufi Ph.Dku.

Noorashikin binti Edin, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Hasrat sebagai pelajar

Melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran merupakan idaman setiap insan yang bergelar pelajar dalam sebarang bidang pengajian. Tiada yang menyangka saya yang merupakan seorang anak kampung dan lulusan Sijil Perguruan Asas dari Maktab Perguruan telah berjaya menggenggam segulung Ijazah Kedoktoran. Setelah mendapat Sijil Perguruan Asas dengan pangkat cemerlang, cita-cita untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi sangat berkobar-kobar dengan laluan pertama memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya Ijazah Sarjana ketika masih bertugas di sekolah rendah.

Cita-cita menjadi calon Ph.D

Setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana dari UPM, semangat untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran menjadi igauan saya, lebih-lebih lagi setelah menjawat jawatan sebagai pensyarah di salah sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak. Berteraskan bidang kesusasteraan amatlah sukar ditemui bidang ini di institusi pengajian tinggi di Sarawak atau Sabah. Oleh itu, pusat pengajian terbaik berteraskan bidang kesusasteraan adalah di UKM, iaitu bidang Persuratan Melayu. Syukur, saya telah terpilih sebagai salah seorang pelajar Ph.D separuh masa dengan mod *Fully Thesis* di UKM yang merupakan salah satu Universiti Penyelidikan tersohor dan terbaik di Malaysia.

Liku-liku sebagai calon Ph.D

Setelah memilih UKM sebagai pusat pengajian lanjutan ini, kekangan dan rintangan mulai terjelma terutama yang melibatkan kos dan masa. Maklumlah seorang pelajar dari Sarawak ke UKM Bangi, Selangor. Dengan menggunakan wang sendiri sebagai sumber untuk menyara pengajian seperti yuran, tambang kapal terbang, bahan ilmiah (buku, jurnal, bahan fotokopi) semuanya melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Hanya semangat yang kental dan penuh kesabaran sahaja yang mampu untuk kuteruskan cita-cita murni ini.

Suatu ketika, penyelia (yang merupakan orang lama) telah mengarahkan saya menghantar draf tesis bab dua dengan segera. Saya terpaksa membeli tiket kapal terbang secara tergesa-gesa dan ketika itu harga tiket mencecah hampir RM500. Penyelia tidak suka draf tesis dihantar secara e-mel. Dengan menaiki teksi KLIA menuju UKM dengan berbekalkan draf tesis dan cenderamata seperti kek lapis atau ikan terubuk masin, hati ini berdebar-debar untuk menatap penyelia. Penyelia merupakan seorang yang sangat menepati masa. Saya mesti menunggu sekurang-kurangnya 20 minit di luar pintu bilik beliau ataupun menyambut kehadirannya untuk sama-sama masuk ke biliknya. Setelah masuk, saya menyerahkan tesis untuk disemak. Draft tesis disemak lebih kurang 20 minit dan penyelia menyatakan pemurniaan tesis akan dimaklumkan kemudian. Dalam setengah jam

saya pulang semula ke KLIA untuk pulang ke Sarawak semula pada sebelah petangnya kerana masih banyak kerja dan tugas yang perlu dilaksana. Hanya bertemu lebih kurang setengah jam dengan penyelia, saya telah mengorbankan begitu banyak wang ringgit, masa dan tenaga.

Walaupun minda dan tubuh berasa sangat letih tetapi sepanjang tempoh pengajian dan bertemu dengan penyelia saya tidak pernah mengeluh atau merungut berkaitan sebarang masalah peribadi seperti kehilangan banyak kos, masa dan tenaga. Bukan hipokrit, namun bagi saya inilah pengorbanan dan cabaran yang harus ditempuhi oleh calon Ph.D. Sebagai seorang pelajar, terutamanya pelajar Ph.D, kekangan dan setiap permasalahan tidak perlulah diceritakan untuk menagih simpati terutamanya daripada pihak penyelia. Jadilah seorang yang matang sebagaimana tingginya martabat untuk memiliki Ph.D.

Proses menyiapkan Ph.D

Berada di Sarawak bukanlah penghalang kepada proses menyiapkan Ph.D. Pernah saya perlu mendapatkan bahan yang hanya berada di sebuah perpustakaan di Kuching. Perjalanan dari rumah ke Bandar raya Kuching mengambil masa sehingga lima jam. Namun begitu, kekuatan semangat dan harapan yang tinggi dari diri sendiri dan doa daripada ahli keluarga mendorong kuat untuk menyiapkan Ph.D.

Dalam proses menyiapkan tesis ini, perpustakaan merupakan rumah kedua saya. Tidak kira sama ada perpustakaan di Sarawak atau di Semenanjung Malaysia, saya tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu yang berkaitan dengan bidang kajian. Selain itu, sepanjang menjadi seorang pelajar Ph.D, saya tidak melepaskan peluang membentangkan kertas kerja di seminar-seminar kebangsaan ataupun antarabangsa. Saya akan membentangkan beberapa bahagian daripada draf tesis sebagai cara penambahbaikan atau pemurnian apabila khalayak memberi idea dan saranan mereka. Sepanjang menyiapkan tesis, lebih 15 buah kertas kerja telah saya bentang di seminar-seminar. Selain itu, dengan membentangkan kertas kerja ini, bukan sahaja memberi lebih keyakinan diri, malahan dapat melatih diri apabila menghadapi proses ujian lisan (viva) kelak.

Apabila pihak pengurusan fakulti mengarahkan agar draf tesis berserta lampiran borang untuk viva diserahkan untuk dinilai dan dibuat temu janji, perasaan di hati amat gembira dan berbangga dengan apa yang telah dilakukan sepanjang dalam proses menyiapkan tesis. Setelah menunggu hampir tiga bulan, keputusan viva telah dikeluarkan oleh pihak pentadbiran fakulti. Dengan harapan dan keyakinan yang tinggi, saya melangkah masuk ke dalam bilik viva untuk dinilai. Saya dinilai oleh seorang pengerusi dan empat orang penilai lain yang terdiri daripada profesor dan profesor madya. Berkat keyakinan dan doa kepada Allah, proses viva hanya berlangsung selama 30 minit (pembentangan dan soal jawab). Ketika menunggu keputusan, peluh dingin mencurah keluar walaupun bilik diselubungi dengan pendingin hawa. Setelah hampir 10 minit menunggu, keputusan telah diumumkan oleh pengerusi. Alhamdulillah, saya perlu membetulkan tesis dengan tiga bulan pembetulan sahaja (*minor correction*). Tiada apa yang mampu diungkapkan, hanya air mata kesyukuran dan kegembiraan yang menjadi saksi awal kejayaan yang penuh bermakna ini. Syukur kepada Allah, terima kasih kepada isteri, anak-anak dan ibu bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saya ini. Pembetulan tesis dapat disiapkan sepenuhnya dalam masa seminggu sahaja walaupun pada

dasarnya tiga bulan. Seterusnya, setelah tesis dibuat kulit tebal, penantian hari konvokesyen ke-41 UKM telah dilangsungkan pada bulan Oktober 2013. Itulah, saat yang amat dinantikan setelah berhempas pulas bertahun-tahun sebagai pelajar Ph.D. Bermula selepas majlis yang penuh gilang-gemilang itu, kini saya telah bergelar Dr. Mohd Haidi bin Mohd Kasran (Doktor Falsafah).

Penutup

Secara keseluruhannya, sebelum bergelar 'Dr.', pelbagai rintangan, cabaran dan kekangan pastinya akan dihadapi oleh setiap calon. Terkadang terdapat calon yang sangat mudah untuk 'dilepaskan' oleh penyelia, namun ada juga yang sukar. Cepat atau lambat dalam menghabiskan pengajian Ph.D, bagi saya bersifat subjektif. Hanya mereka yang menghadapinya sendiri akan merasai 'kenikmatannya'. Percayalah kepada diri sendiri dan hormatilah penyelia. Pastinya segulung Ijazah Kedoktoran menjadi milik kita.

Mohd Haidi bin Mohd Kasran, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Surat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bertarikh 6 Jun 2000 kugenggam erat tanda syukur dan teruja. Sebulan selepas itu aku menerima pula tawaran menunaikan ibadat haji di tanah suci Mekah. Itulah rezeki yang tidak boleh dilepaskan, bisik hati kecilku. Keberangkatanku dengan pesawat Saudi diiringi anak-anakku yang masih belajar di sekolah rendah dan yang bongsu masih menyusu. Selain barang-barang keperluan ibadat haji, beg besar yang disediakan oleh pihak Tabung Haji turut diisi dengan buku-buku urusan pengajian Ph.D. Selain anak-anak, ibu dan saudara mara juga turut menghantarku ke Kelana Jaya untuk mengucapkan selamat berangkat ke tanah suci Mekah al-Mukaramah. Selama empat puluh hari empat puluh malam di bumi Mekah dan Madinah aku mengambil kesempatan berdoa di pintu Raudhah dan Kaabah agar Allah mempermudah urusan pengajianku dan dapat menggenggam Ijazah Kedoktoran dalam masa tiga hingga empat tahun.

Nasibku baik kerana mempunyai suami yang amat memahami situasiku dan sentiasa menyokongku dari belakang. Setiap kali berjumpa penyelia, suamiku akan menyemak terlebih dahulu penulisan draf tesis supaya tiada kesalahan bahasa, fakta dan sebagainya. Pagi-pagi lagi suamiku mengingatkanku supaya tidak lupa bertanya kepada penyelia jika ada perkara-perkara yang tidak jelas tentang kajian yang akan dijalankan. Keprihatinan suamiku mengatasi penyelia. Perasaan tertekan kuubah menjadi bersyukur. Kerjaku menjadi mudah. Belum sempat sampai di rumah suami sudah menelefon bagaimana hasil perbincangan dengan penyelia. Kadang-kadang dengan sedih aku memberitahu kena buat semula dan tambah itu dan ini. Suami dengan tenang akan menasihati supaya fokus dengan kehendak penyelia. Urusan anak-anak ke sekolah dan tuisyen diuruskan oleh suamiku. Inilah antara kekuatan yang ada padaku untuk memudahkan aku menyempurnakan penulisan tesis dalam masa 3 tahun 3 bulan. Alhamdulillah.

Setiap kali berjumpa penyelia, aku diberi semangat dengan ayat-ayat berbaur motivasi, iaitu “Saya mahu awak berjaya dan lulus”. Beliau sentiasa memberi tunjuk ajar dan menyenaraikan buku-buku yang perlu dibaca dan dikupas isi kandungannya. Selain itu, beliau menyarankan aku berguru dengan profesor yang tersohor dan berpengalaman dalam bidang falsafah Islam seperti Syed Naguib Al-Attas, Profesor Mohd. Nor Daud, Profesor Hashim Musa, Profesor Emiritus Datuk Nik Safiah Karim dan pegawai-pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Jalan Duta, Kuala Lumpur. Tujuannya supaya maklumat dan data yang diperoleh adalah sah dan tepat. Ini merupakan prasyarat setiap kali berjumpa penyelia. Perkara-perkara yang disarankan mesti dipenuhi. Sememangnya aku rasa amat berat tetapi dengan pertolongan Allah swt, berkat doa di tanah suci Mekah dan Madinah, tugas yang kurasa amat berat berjaya dilaksanakan mengikut spesifikasi penyelia yang agak cerewet tetapi amat membantu untuk mengumpul dan mengawal kualiti data. Inilah pengalaman yang aku jadikan kenangan sepanjang hayatku, iaitu boleh dikatakan setiap kali selesai berjumpa dengan penyelia, aku rasa bagaikan kepalaku dicucuk besi dan digantung dengan bola besi seberat sepuluh kilogram di kiri dan kanan penyucuk besi. Sakit dan menderitanya. Tetapi rupa-rupanya kesakitan yang aku alami itu bersifat sementara, iaitu beberapa bulan penghujung tahun pertama pengajian sahaja. Selepas itu, aku lebih yakin dan bersemangat untuk meneruskan kajian. Satu lagi pengalaman yang sukar dilupakan ialah dikejar oleh anjing Tok Batin orang Asli di Kampar, Perak dan menyeberangi titian

gantung ketika banjir di Gua Musang, Kelantan ketika mengutip data untuk kajian yang bertajuk Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang Asli.

Sepanjang tiga hingga empat tahun cuti yang diberikan oleh kerajaan untuk belajar, aku tidak pernah membuang masa dengan melancong atau melakukan kerja-kerja yang tiada kaitan dengan pengajian. Tiap-tiap hari dari pukul sembilan pagi hingga lima petang aku menghabiskan masa di dalam bilik belajar, perpustakaan dan menghadap komputer. Berkat usaha, doa yang tidak putus-putus setiap kali selepas solat dan pemantauan suami serta azam penyelia mahu melihat pelajar di bawah penyeliaannya berjaya, aku lulus dalam proses viva pada Mei 2004. Pada 31 Julai 2005 aku dianugerahi Ijazah Kedoktoran Pengajian Melayu oleh Tuanku Canselor Universiti Malaya, Sultan Azlah Shah.

Itulah perjalanan Ph.D yang aku lalui. Penuh berliku tetapi lurus menuju puncak kejayaan. Alhamdulillah syukur atas segala pertolongan-Nya.

Tuan Jah binti Tuan Yusof, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Bercakap tentang Ph.D saya suka mengingatkan diri saya dan mungkin orang lain bahawa ada 'Dr.' di hadapan nama bukannya bererti pandai. Bukanlah lambang kehebatan, bukanlah lambang berilmu tinggi. Ph.D itu hanya diperoleh setelah melalui suatu proses, suatu perjalanan yang hebat dan hanya orang-orang terpilih oleh Yang Maha Kuasa mampu memilikinya. Ada sebab mengapa Allah memilih kita.

Bermula dengan satu niat yang tersemat kukuh dalam hati, pada tahun 1996 apabila mula menjejakkan kaki ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), saya memerhatikan para graduan di majlis konvokesyen. Di hadapan saya sebaris graduan Doktor Falsafah yang memakai bonet dan jubah berbeza daripada graduan lain. Sambil melontarkan bonet ke atas, para graduan menjerit dan begitu bergembira membayangkan kepuasan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata di wajah mereka. Senyum dan tawa saling memecah suasana. Dari saat itulah hati ini berkata-kata bahawa "Aku juga akan memakai jubah dan bonet Ph.D itu". Itulah detik pertama yang membawa gelaran 'Dr.' di hadapan pangkal namaku. Allah tidak mengurniakan gelaran tersebut sekelip mata tetapi selepas 16 tahun kemudian. Allah lebih mengetahui.

Justeru, hari ini apabila terenggam sebuah Ph.D yang berjaya dihabiskan dalam tempoh masa (Graduate On Time), membuka pintu hati saya menerima pelawaan Dr. Roslina bagi membuat sedikit coretan tentang perjalanan Ph.D yang telah selesai. Perkara pertama yang saya ingin ingatkan kepada calon Ph.D yang membaca coretan ini ialah perkataan 'PENGORBANAN'. Apa yang tersirat daripada perkataan ini amat besar pengertiannya bagi seseorang yang sedang melalui proses mendapatkan Ph.D. Calon Ph.D lazimnya mereka yang sudah berkeluarga. Semuanya memerlukan pengorbanan; anak isteri, suami, ibu, bapa, keluarga, masa, tenaga, wang ringgit, orang sekeliling malah kehidupan peribadi juga. Ph.D tidak akan tercapai jika tidak sanggup mengorbankan semua ini. Keluarga mesti ditinggalkan dalam beberapa sela masa tertentu untuk 'bermukim' di gedung-gedung ilmu. Tiga jam berada di perpustakaan dalam satu tempoh masa adalah sangat minimum bagi seorang calon Ph.D. Apatah lagi dalam sela masa minimum itu dicuri lagi oleh ke tandas, berbual-bual, membelek telefon pintar dan sebagainya. Menjadi kelaziman bagi saya untuk bermukim di perpustakaan dari pagi yang rehatnya pada waktu tengah hari untuk menikmati juadah dan solat, disambung sehingga azan asar dan maghrib berkumandang. Apabila badan dan otak terasa letih barulah bergerak balik ke penginapan.

Meninggalkan isteri dan anak bagi tempoh seminggu adalah perkara biasa sepanjang lima semester pengajian di UKM. Hanya di semester ke enam keputusan diambil untuk berulang-alik dari Temerloh ke UKM sementara draf akhir sudah nampak jelmaannya. Berkorban keselesaan diri dengan mengambil keputusan untuk tinggal di kolej kediaman bersama pelajar-pelajar pra ijazah yang jauh muda-muda dan budak-budak sikapnya menjadi 'alah bisa tegal biasa'. Bersama-sama mengharungi tempoh sukar ketiadaan air, menunggu bas, memanjat tangga ke tingkat lima bangunan kolej kediaman, makan roti, makan biskut bercicahkan air milo dan yang 'legend' makan Maggie adalah perkara biasa yang dilalui. Anak, tatkala usia setahun lapan bulan terpaksa ditinggalkan. Berbekalkan baju anak, itulah peneman tidur setiap malam untuk diletakkan di atas dada semasa tidur. Tangisan

anak yang tidak membenarkan kita meninggalkannya terpaksa dilupakan dan ditinggalkan di belakang bersama pengasuh tatkala isteri bekerja. Air mata berderai mengenangkan anak yang menghulurkan tangan minta jangan ditinggalkan terpaksa dihadapi. Kita tidak boleh tewas Ph.D kerana anak, Allah telah menyuratkan itu.

Wang dan kewangan, jangan kira. Sebut mana tempat simpanan wang; bank, koperasi, Tabung Haji, ASB, semua 'dikorek'. Buku-buku mesti diperoleh walau dengan apa cara sekalipun, beli yang asal, buat salinan. Selain buku, bayaran yuran, kos sara hidup, perjalanan; semua memerlukan perbelanjaan. Jangan mengharapkan orang lain untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut untuk kita. Namun, syukur kerana dapat diuruskan sendiri dan tidak menyusahkan orang lain. Malah sepanjang tempoh Ph.D, tiga akaun di bank terpaksa ditutup kerana 'baki minimum'.

Ibu bapa, jangan ditinggalkan walau sesibuk manapun kita menghadapi dugaan Ph.D. Telah ditakdirkan dalam tahun akhir pengajian, ayah diserang strok yang menyebabkan lumpuh separuh badan. Ayah dan ibu dibawa tinggal bersama dan diuruskan sebaik mungkin. Jangan menjadikan surat ini sebagai suatu penghalang menyudahkan Ph.D. Di sebaliknya, Allah telah memberi sesuatu yang lebih besar. Badan ayah yang tidak pernah disentuh selain tangan untuk bersalaman telah dimandikan, diangkat, digosok, dipakaikan lampin dewasa dan disuapkan makanan. Allah memberi kesempatan itu sehingga ke hari ni. Begitulah sedikit coretan kisah suatu pengorbanan dalam perjalanan menuju Ph.D. Saya percaya ada orang lain yang lagi besar dan hebat PENGORBANANNya.

Di sebalik PENGORBANAN yang dilakukan, coretan ini juga menyisipkan kisah mengenai PERANCANGAN. Yang dimaksudkan perancangan dalam coretan ini ialah perancangan kita dalam menghadapi tahun-tahun Ph.D bermula dari semester pertama lagi. Semester pertama selama enam bulan mesti bermula dengan sesuatu yang wujud. Permasalahan kajian mesti sudah ada. Kerangka kajian sudah ada bayangannya. Objektif sekurang-kurangnya tiga sudah tersenarai. Saya memulakan sesi pengajian semester pertama pada 30 Ogos 2013. 31 Ogos cuti Hari Kemerdekaan. 1 September mula menemui penyelia untuk membincangkan perkara-perkara di atas. Coretan seakan proposal mesti sudah ada. Jangan datang tangan kosong dan minta disuap oleh penyelia. Itu tidak akademik. Akan berlaku rombak dan ubah suai selepas bertemu penyelia. Itu normal. Keluar dari bilik penyelia terus mencari pertolongan 'Mr Google' dan perpustakaan universiti untuk mengumpul bahan-bahan. Beberapa minggu kemudian penyelia memanggil ke pejabatnya. Rombakan agak besar melibatkan permasalahan kajian dan tujuan kajian terpaksa dilakukan. Pasrah dengan kehendak penyelia, jangan lawan, jangan layan hati yang kecewa kerana telah buat kerja yang sia-sia, sebaliknya kumpulkan kekuatan dan usaha mencari bahan-bahan baharu. Ph.D ialah perjuangan diri kita sendiri. Jadi jika bukan kita yang melangkah, tiada siapa akan menolong. Sebenarnya apa yang cuba disampaikan dalam coretan yang ringkas ini ialah bermula semester pertama fokus mesti sudah jelas. Jangan ikut model lama, iaitu semester pertama ialah semester untuk membaca sahaja. Sekarang, bagi saya, itu seakan tahyul untuk meraih Ph.D. Ini kerana kita akan 'kebal' dan akhirnya terbuai dengan keseronokan bercuti, menikmati cuti dan akhirnya membaca itu menjadi tugas kedua, ketiga dan sebagainya. Satu semester amat singkat untuk membaca.

Hasilnya daripada PERANCANGAN tersebut, dapatlah dibentangkan proposal dan diterima dalam semester pertama. Apabila proposal diterima, jalan menjadi semakin mudah. Rangka tesis sudah mula dapat diagak-agak untuk peringkat pertengahan. Langkah seterusnya ialah sentiasa membuat 'mapping' untuk ditunjukkan kepada penyelia. Sering diingatkan 'jangan datang tangan kosong

berjumpa penyelia.’ ‘Mapping’ kita mesti ada untuk ditunjukkan. ‘Mapping’ tersebut akan diubah suai oleh penyelia dan itulah yang menjadi ‘jalan lurus’ kita menghabiskan satu demi satu bab. Itulah yang akan menjadikan persefahaman kita dengan penyelia. Capai kata putus bersama penyelia tentang ‘mapping’ tersebut, cari bahan dan menulis terus menulis. Seorang pensyarah pernah menyebut kepada kami semasa sesi santai bahawa Ph.D ini ialah menulis. Ph.D tidak akan siap jika tidak ditulis.

Selain PENGORBANAN dan PERANCANGAN, PENYELIA ialah faktor penting dalam menamatkan Ph.D. Apakah ukuran bahawa Ph.D kita sudah tamat? Ukurannya ialah apabila penyelia berkata “Tesis awak sudah boleh *submit*”. Ya, ‘*green light*’ itulah yang dinantikan untuk viva. Pada setiap semester, penyelia saya kerap mencatat dalam laporan kemajuan calon pada bahagian kekerapan berjumpa penyelia, iaitu ‘sangat kerap’. Memang, kerana tempoh dua minggu tidak bertemu penyelia dirasakan begitu lama. Hubungan baik bersama penyelia mesti dikekalkan. Namun, jangan ingat hubungan baik ini akan terus menyenangkan kita. Semester-semester seterusnya yang dalam bab-bab yang melibatkan kutipan data, kajian lapangan akan sentiasa berubah. Wang ringgit, masa dan tenaga yang dibazirkan ketika situasi ini terjadi jangan dikira tetapi teruskan dengan reda. Hasilnya pada awal semester keenam saya berjaya menghantar notis untuk pemeriksaan lisan. Setelah empat bulan menunggu, viva diharungi dengan perasaan yang hanya orang yang menghadapi viva sahaja mampu menceritakannya. Namun, saya berpegang kepada kata-kata penyelia, iaitu jika tesis ini disiapkan 100% oleh kita maka Insya-Allah semua soalan akan dapat dijawab. Perkara tersebut ternyata benar, walaupun lebih sejam di bilik viva dan hasilnya seperti dunia milik kita apabila mendengar keputusan pengerusi viva, iaitu, “En. Shamsul anda lulus”. Pembetulan? Pasti ada dan lalui sahaja proses tersebut.

Akhirnya saya suka mencoretkan dalam tulisan ini perkara yang terbesar dan terpenting sebenarnya dalam perjalanan menuju Ph.D ini, iaitu kepada PENCIPTA-NYA. Mohonlah sebenar-benarnya kepada-Nya. Lakukanlah apa yang disuruh-Nya wajib atau sunat. Allah memberi masa sepanjang cuti menuju Ph.D itu dengan masa-masa yang sangat berharga untuk lebih dekat kepada-Nya. Pepatah Melayu menyatakan ‘masa itu emas’ namun, bagi saya ‘masa itu musuh’. Di mana sahaja kita berada, apa sahaja yang kita lakukan, masa akan datang menempuh kita. Kita tidak mengejanya, kita tidak perlu berusaha mencapainya tetapi masa datang tanpa mampu kita melawannya. Semoga berjaya kepada calon-calon Ph.D. Sekian, coretan ringkas saya. Amin

Shamsul Aizuwani bin Nawi, Ph.D
IPG Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

“Cukup dah kot”, itu ayat yang keluar dari mulut suamiku setiap kali aku menyuarakan hasrat untuk menyambung pelajaran di peringkat Ph.D. Baginya cukup setakat Ijazah Sarjana kerana sudah enam tahun aku belajar tanpa henti bermula dari Sarjana Muda hinggalah mendapat Ijazah Sarjana. Namun, suamiku berubah fikiran apabila melihat PGNK akhirku. Keizinan yang diberikannya bersyarat, iaitu aku hanya dibenarkan belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Alhamdulillah, restu dan kepercayaan suami memberi semangat kepadaku untuk meneruskan perjuangan ini. Perasaan gembira tidak dapat diungkap dengan kata-kata apabila permohonanku untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D diterima. Bermula dari hari pendaftaran aku sebagai pelajar Ph.D di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, aku telah menetapkan matlamat, iaitu aku akan menyiapkan Ph.Dku ketika berumur 45 tahun, berazam untuk menjadi orang pertama dalam ahli keluargaku yang bergelar ‘Dr.’ dan cikgu prasekolah pertama di Malaysia mempunyai Ijazah Kedoktoran. Tiga matlamat inilah yang menguatkan semangatku yang kadangkala goyah dengan rasa penat dan kekangan masa sebagai pelajar separuh masa. Aku pernah memohon untuk mendapat biasiswa di awal pengajian tapi gagal kerana tidak cukup syarat permohonan.

Sepanjang perjalanan aku menyiapkan Ph.D banyak perkara yang telah dipermudahkan oleh-Nya. Pasti setiap calon Ph.D mempunyai jalan cerita suka duka yang berbeza walaupun mempunyai matlamat yang sama untuk menuju ke penghujungnya. Syukur kerana aku mempunyai suami dan anak-anak yang sedia maklum dan sudah biasa dengan kesibukanku sebagai pelajar separuh masa. Aku juga mendapat penyelia yang ikhlas dan benar-benar membimbingku, iaitu Prof Madya Abdul Aziz Shukor. Pertama kali aku berjumpa dengannya dia meminta aku membaca jurnal-jurnal berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dan datang berjumpa dengannya 2 minggu selepas itu dengan tajuk yang relevan dengan bidangku. Alhamdulillah kali kedua berjumpa dengannya tajuk yang aku tunjukkan diterima. Akupun mula membuat pembacaan dan mencari bahan-bahan rujukan. Masuk hujung semester ketiga aku telah membenteng usul dan lulus dengan baik.

Memasuki tahun kedua merupakan cabaran yang hebat kepadaku. Membuat kajian dengan pendekatan etnografi memerlukan aku menulis dapatan secara penceritaan. Menghuraikan setiap dapatan secara terperinci. Sebagai seorang guru prasekolah yang mengajar ABC dan suku kata, menulis dan mengarang menjadi satu masalah bagiku. Aku pernah mengambil masa lebih dari seminggu untuk mendapat satu perenggan dalam penuliskanku. Kadangkala pernah terfikir kenapalah aku menyusahkan diri, membebani hidup dengan buku-buku di sekelilingku, dengan data-data yang perlu ditranskripsi dan dianalisis sedangkan melihat rakan-rakanku boleh bercuti, *bershopping* dan sebagainya tanpa berfikir setiap masa seperti aku. Setiap kali apabila aku hendak makan, mandi, tidur dan apa saja aktiviti yang dilakukan otak akan terfikir tentang tesis. Kadangkala semasa tengah memasak idea datang, tangan cepat mencapai pen di atas meja komputer. Meja komputer sengaja aku letakkan di satu sudut di ruang dapur kerana memudahkan aku membuat kerja ketika masak dan juga ketika menunggu kain di mesin basuh.

Teringat juga beberapa peristiwa sedih yang tidak dapat kulupakan. Pada tahun pertama aku menyambung pelajaran, ibu kesayanganku telah kembali kepada-Nya. Tidak sempat arwah ibu melihat aku berjaya. Terngiang-ngiang kata-kata akhir arwah ibuku, “Nak buat apa lagi, kerja dah ada, gaji dah ada” bila tahu aku menyambung pelajaran lagi. Jawapan mudah yang aku berikan, “Saja, suka-suka”. Kemudian, selepas aku hampir siap mengumpul data salah seorang daripada subjek kajian aku, iaitu adik Mohamad Shahril terlibat dalam kemalangan di hadapan pagar sekolah. Dilanggar oleh sebuah lori ketika hendak melintas jalan bersama neneknya. Sungguh sedih melihat pemergiannya dengan cara sebegitu tetapi takdir mengatasi segalanya. Al-Fatihah kepadanya dan juga ibu kesayanganku. Semoga mereka ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.

Pada tahun keempat pengajianku, aku telah berjaya menyerahkan tesisku untuk viva terakhir. Rupa-rupanya sebelum viva terakhir aku perlu melalui viva di fakulti dahulu. Proses ini mengambil masa juga sebelum sampai ke viva akhir. Syukur hari yang menggerunkan, menakutkan setiap calon Ph.D akhirnya aku tempuhi dengan selamat. Aku diberi masa selama enam bulan untuk membuat pembetulan. Proses membuat pembetulan juga memberi tekanan kepadaku. Kugagahi juga untuk menyiapkannya dan syukur aku hanya mengambil masa tiga bulan lebih dan berjaya menyiapkannya. Bila melihat tesis akhir siap dijilid rasa bagai hendak menangis, tidak sia-sia pengorbananku selama ini. Akhirnya impian aku tercapai dan matlamat yang aku tetapkan berjaya.

Sebelum majlis konvokesyen aku dikejutkan dengan e-mel yang memaklumkan aku telah dipilih untuk menerima anugerah “*Graduate On Time*” (GOT). Alhamdulillah dan syukur yang teramat sangat dengan anugerah ini. Terharu juga kerana aku dan seorang lagi rakan seperjuangan, iaitu Dr. Surayah Saidon sama-sama menerima anugerah ini dan kami merupakan graduan sulung Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) UPSI.

Akhirnya penat lelah untuk mencapai impian menjadi nyata di hari konvokesyenku. Terima kasih kepada yang sentiasa ada di sisiku dan yang sentiasa memberi semangat sepanjang perjalanan ini. Sekarang impian seterusnya ialah aku ingin mencari ilmu untuk perjalanan terakhirku dan menebus kembali hutang masa bersama-sama suami dan anak-anak yang aku rasa diabaikan sepanjang 11 tahun aku belajar tanpa henti.

Azizah binti Zain, Ph.D
IPG Kampus Darulaman
Jitra, Kedah

Perjalanan yang panjang sebagai musafir ilmu bukanlah kayu pengukur bahawa kembara itu akan sampai di penghujung perjalanan. Liku-liku perjalanan menuju destinasi yang entah bila akan sampai perlu ditempuh dengan sabar. Jatuh bangun dalam meniti onak duri dan lopak gersang hampir membuahkan rasa kecewa, 'give up' dan putus asa. Malah, ada yang rebah dalam kepayahan. Ingin berpatah balik, sudah jauh rasanya kembara ini. Ingin berlari moga cepat sampai tidak mampu dek halangan yang sentiasa menguji kekuatan diri.

Tergopoh-gapah aku berlari mencari bilik kuliah, "Maaf Dr., saya lambat. *Flight delay* tadi. Nak dapat teksi ke sinipun susah". Begitulah rutinku saban minggu. Memulakan perjalanan seawal lapan pagi dari Bintangor ke Lapangan Terbang Sibul. Tiba di LCCT menaiki bas ke KL Central. Kemudian, menaiki komuter ke Serdang. Jika nasib baik terus daftar masuk hotel, solat dan turun semula ke stesen bas untuk ke UPM. Andai bas sudah terlepas terpaksa ambil teksi yang tambangnya RM10. Jika nasib kurang baik terus ke UPM dengan teksi, malam baru daftar masuk hotel. Kelas pukul 3 petang hingga 6 petang dan pukul 8 malam hingga 11 malam wajib kuhadiri. Penat bukan masalah utama. Tapi pemburuan masa yang menyebabkan aku lelah. Menaiki 5 buah kenderaan untuk memungkinkan aku sampai sebelum pukul 3 petang hanya boleh dirancang. Percaturan Allah tiada siapa yang tahu. Adakalanya *flight delay*, terlepas bas, komuter membatalkan perjalanan, karenah pemandu teksi yang sombong semuanya perlu ditempuh. Jika datang sehari lebih awal tidak mungkin kerana aku bekerja. Berapa hari sangat cuti yang aku ada. Cuti rehat hanya 7 hari setahun, cuti kursus sambilan bukan senang nak lulus, bergantung kepada budi bicara ketua jabatan.

Alhamdulillah tamat kuliah hari ini. Jam menunjukkan pukul 11 malam. "Ada lagi ke bas UPM nak ke Serdang?" Dengan langkah yang laju aku menuju ke perhentian bas berhadapan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Selepas menunjukkan kad pelajar kepada pemandu, aku duduk di bangku sambil memerhati lampu jalan di sepanjang jalan keluar masuk UPM. Mampukah masa depanku bersinar seperti cahaya lampu itu. Ya Allah berilah aku kekuatan. Perjuangan hari ini selesai, minggu depan bagaimana? Oh, minggu depan aku tak perlu ke sini. Tugas memburu masa dan ilmu akan dipikul pula oleh suamiku. Tugasku menjaga anak-anak di rumah. Suamiku pula yang akan melalui saat ini. Hendak datang berdua, tidak mungkin. Anak yang empat orang itu perlu ke sekolah juga. Tambang yang menjadi 5 kali ganda perlu dikira juga. Cara terbaik, buat penggiliran. Jika nasib baik pensyarah diam, nasib tak baik, tahanlah telinga. Begitulah rutin mingguan aku dan suami. Walaupun keputusan menyambung pengajian pada peringkat Ph.D bersama suami secara sambilan dianggap keputusan yang kurang bijak, namun kami memegang prinsip 'susah biar sama susah dan senang biar sama senang'. Sekali kami membuat keputusan, kami telah bersedia dengan segala kemungkinan serta onak dan duri dalam kembara ini.

Tamat dua semester aku dan suami berulang alik dari Sarawak ke UPM Serdang setiap minggu. Kami mampu menarik nafas lega. Syarat hadir kuliah untuk empat kursus berjaya dipenuhi. Kegembiraan berganda apabila mendapat berita bahawa suamiku berjaya dalam temuduga Cuti Belajar Bergaji

Penuh Tanpa Biasiswa. Hal ini bermakna suami akan mendapat cuti selama tiga tahun. Walaupun tanpa biasiswa sekurang-kurangnya Allah telah memberi kelapangan masa kepada suamiku untuk menulis tesis. Aku pula bagaimana? Tetap meneruskan pengajian walaupun tanpa cuti dan tanpa biasiswa. Bagi kami cukuplah seorang mendapat cuti. Sekurang-kurangnya boleh mengurangkan kesibukan kami terutama dalam menguruskan anak-anak yang masih bersekolah. Dengan langkah dan strategi yang baharu kami mula mengatur semula perjalanan kami. Kami melangkah ke semester tiga dengan semangat yang berkobar-kobar. Baharu menarik nafas lega, aku diduga lagi. Setiap pelajar perlu menghadiri seminar pembentangan proposal pada semester tiga. Untuk membentangkan proposal setiap pelajar perlu melantik jawatankuasa penyeliaan yang terdiri daripada pengerusi dan dua orang jawatankuasa. Pelantikan perlu diluluskan oleh pihak senat fakulti. Aku mula mencari pensyarah yang sesuai dengan bidangnya. Setiap pensyarah yang kutemui tidak bersedia menjadi penyelia tesis. Mereka kurang yakin dengan kemampuanku memandangkan aku pelajar sambilan, apatah lagi lokasi tempat tinggalku yang jauh. Setiap kali bertemu dengan pensyarah, setiap kali itulah aku akan menangis. Mengapa tiada tempat untukku. Jawapan klise yang aku terima, “Maaf kuota pelajar Ph.D dah penuh”.

Ya Allah, kepada-Mu aku memohon pertolongan. Mengapa aku dihukum sekejap ini. Dalam doa sujud tahjud tak pernah kulupa menitipkan doa agar aku dipertemukan dengan pensyarah yang bersedia menjadi penyelia tesis. Tarikh akhir penyerahan borang pelantikan jawatankuasa semakin dekat. Perasaanku bercampur baur. Perlukah aku menangguhkan pengajian. Pada suami kuluahkan segalanya. Nasihat suami selagi hayat dikandung badan, jangan mengaku kalah. Berusahalah di samping berdoa, Insya-Allah kita akan temui jalannya. Alhamdulillah akhirnya Allah mendatangkan aku dengan seorang hamba yang mulia hatinya. Walaupun kami berlainan agama, namun beliau ikhlas menjadikan aku pelajar seliaannya. Aku bersyukur Ya Allah, masih ada insan berhati mulia. Beliau tidak merendah-rendahkan kemampuan seseorang. Beliaulah yang membantuku menyelesaikan masalah pelantikan jawatankuasa penyeliaan malah terus membimbingku menyiapkan proposal. Alhamdulillah aku dan suami lulus dalam pembentangan proposal. Diterima tanpa pindaan. Syukur alhamdulillah.

Selepas proposal diterima, pelajar perlu menghadiri peperiksaan komprehensif untuk memastikan bab 1 hingga bab 3 ditulis dengan sempurna tanpa unsur plagiat. Alhamdulillah aku berjaya. Selepas itu, bermulalah fasa mengumpul data, menganalisis data dan menulis tesis. Dalam kesibukan yang tiada henti antara tugas sebagai pensyarah di IPG, tugas sebagai pelajar, sebagai isteri dan sebagai ibu menuntut kesabaran yang tinggi. Setiap kali tibanya Februari dan September, hatiku rungsing. Yuran pengajianku dan suami perlu dibayar. Tika aku hampir rebah dalam kepayahan, pernah terdetik untuk berhenti. Dorongan dan semangat yang diberikan oleh suami menyebabkan kugagahi juga. Kekuatan fizikal dan mental perlu jalan seiring. Saat aku ketandusan idea, hanya Allah tempat mengadu. Tiada daya upaya kekuatanku melainkan dengan pertolongan-Mu Ya Allah, tambahkanlah rezeki dan lapangkanlah masa buatku. Dua ayat ini tak pernah lupa untuk diucapkan setiap kali aku bersujud kepada-Nya. Tapi Allah mendatangkan rezeki dalam pelbagai bentuk. Yuran pengajian perlu didahulukan. Aku tidak mahu kerana berhutang perjalanan pengajianku terganggu. Aku mahu pengajian ini penuh keberkatan. Setiap sen amat berharga bagiku. Kutolak segala keinginan dan kemewahan demi sebuah kejayaan. Walaupun terpaksa berjimat, tanpa bantuan kewangan, alhamdulillah kami berjaya membayar yuran pengajian tepat pada masanya.

Kesempatan menunaikan haji bersama suami merupakan rezeki anugerah Allah yang paling bernilai. Di depan kaabah aku luahkan segala-galanya. Hanya Allah tempat kami meminta dan memohon pertolongan. Aku puas. Hatiku kembali tenang. Semoga Allah mendengar rintihan hambanya.

Perjuangan perlu diteruskan. Kembara ini kembara suci. Aku perlu sampai ke destinasi. Biarpun perjalanan ini penuh ranjau dan duri, aku tetap harungi. Pulang mengerjakan ibadat haji perjalananku dalam kembara mencari ilmu lancar. Kajian lapangan di sekolah mendapat kerjasama daripada JPN Sarawak dan pihak sekolah. 6 bulan aku berulang alik ke sekolah membuat rakaman, pemerhatian, temu bual dan ujian. Alhamdulillah dataku sudah lengkap. Syukur atas bantuan semua pihak. Semoga Allah membalas jasa mereka yang terlibat. Kerja analisis dan transkripsi rakaman agak sukar. Aku terpaksa membeli kamus bahasa Iban. Aku berguru dengan rakan-rakan dan pelajar daripada kaum Iban untuk menterjemah bahasa Iban ke dalam bahasa Melayu. Sokongan padu daripada mereka amatku hargai. Kerja menjadi lebih mudah. Inilah hikmah aku belajar sambil bekerja. Mudah untuk aku mendapat pertolongan daripada sahabat-sahabat yang cukup memahami. Akhirnya semua data dapat dianalisis.

Pada 16 September 2013, aku mendapat berita yang cukup menggembirakan. Permohonan pertukaranku ke negeri kelahiranku diluluskan atas alasan mengikut suami yang sedang cuti belajar. Syukur alhamdulillah. Sekurang-kurangnya jarak perjalananku lebih dekat. Aku berazam untuk menyiapkan tesis dengan segera. Aku perlu menghargai ruang dan peluang yang Allah berikan. Proses menulis tesis menjadi lebih mudah kerana aku dapat berulang alik ke UPM untuk mendapat bimbingan daripada jawatankuasa penyeliaan. Waktu tidur malamku terpaksa kukurangkan. Anak-anak sudah lama tidak bercuti. Kukorbankan cuti sekolah mereka untuk mengikutku berkampung di UPM setiap kali tiba cuti sekolah. Pada mereka kubisikkan kata keramat, “Habis ibu menulis tesis, ibu akan hadiahkan percutian yang bermakna kepada anak-anak ibu”. Aku menghargai kesabaran mereka. Alhamdulillah draf pertamaku siap. Aku menarik nafas lega. Walaupun masih belum sempurna, kuserahkan tesis kepada penyelia dengan hati yang berbunga. Janji kepada anak kukotakan. Tanggal 2 Jun 2014, kami sekali lagi menjadi tetamu Allah. Kali ini bukan berdua tapi berenam. Inilah hadiah percutian paling berharga yang pernah kuberikan kepada anak-anak. Hadiah kerana memahami kesibukan ibu dan ayah yang tidak bertepi. Terima kasih anakku. Sujudlah pada Allah anakku. Jadikan ibu dan ayah pendorong semangat. Belajarlah bersungguh-sungguh. Mintalah pada Allah, jangan meminta daripada yang lain. Kutitipkan pesanan itu ketika kami betul-betul berada di hadapan Kaabah, di bawah Pancur Emas, di dalam Hijir Ismail. Kulihat air mata anak-anakku bercucuran. Kuusap kepala anak-anak. Pada mereka kubisikkan,” Semoga anak-anak ibu menjadi anak yang soleh dan solehah serta berjaya di dunia akhirat. Tolong doakan kejayaan ibu dan ayah. Sesungguhnya ibu tidak kuat”. Kulihat anak lelaki tunggalku mengesat air mata dengan kain ihramnya.

Pulang dari umrah, aku mendapat khabar gembira daripada penyelia. Penyelia berpuas hati dengan isi kandungan tesis, namun perlu diperkemas lagi dari segi penganalisan data, bahan rujukan dan aspek tatabahasa. Aku mengambil masa selama enam bulan untuk memantapkan tesis melalui draf kedua ketiga dan keempat. Alhamdulillah dalam tempoh 3 tahun 2 bulan tesisku siap sepenuhnya. Penyelia menyarankan aku menghantar notis penyerahan tesis kepada Sekolah sSiswazah agar pelantikan jawatankuasa pemeriksaan tesis dapat dilakukan. Dengan berbekalkan wang RM1000 aku melangkah ke Sekolah Siswazah. “Nampaknya bulan ni terpaksa berjimat”, bisik hati kecilku. Tak lupa juga untuk aku panjatkan doa semoga urusan tesisku berjalan lancar.

Tempoh tiga bulan menunggu keputusan jawatankuasa pemeriksa tesis, masa kuisi dengan membaca tesis dan buku-buku yang boleh dijadikan panduan untuk viva. Tesis yang telah siap *dibinding* sebanyak lima salinan telah tersedia di dalam kotak. Aku tersenyum setiap kali melihat tesis yang tersusun kemas. Hatiku puas. Alhamdulillah, tak henti-henti kupanjatkan rasa syukur kepada Allah. Namun, kusangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari”. Khabar buruk yang

diterima daripada penyelia menyebabkan jantungku berdegup kencang. Musibah apakah ini Ya Allah. Pelantikan jawatankuasa pemeriksa tesis tidak diluluskan. Penyelia perlu buat lantikan semula. Ini bermakna aku terpaksa menunggu tiga bulan lagi untuk menghantar tesis. Selepas itu, menunggu tesis dibaca oleh pemeriksa tiga bulan lagi. Aku pandang tesis dengan wajah yang sayu. Air mataku mengalir tanpa dapat kutahan. Sebak hati hanya Allah yang tahu. Berita buruk ini kukhabarkan kepada suami. Suamiku tidak henti-henti memberikan kata semangat. Puas kupujuk hati ini, namun lukanya tetap berbekas. Perlahan-lahan kotak yang menyimpan tesis itu kututup. Kubiar tanpa disentuh. Dalam hening malam aku bermunajat kepada Allah. Ampunilah dosa-dosaku Ya Allah. Mungkin ada dosa-dosaku yang tidak diampun oleh Allah. Solat sunat taubat menjadi teman rapatku kini. Dalam doaku yang panjang tak lupa kupanjatkan kesejahteraan buat arwah ayah dan bonda di alam sana. Anakmu ini tidak kuat. Anakmu tak tahan dengan ujian ini. Dalam hati aku beristighfar. Jangan ada buruk sangka kepada Allah. Mungkin ada hikmah disebalik apa yang berlaku. Kita hanya merancang Allah yang menentukan.

Setelah enam bulan menanti saat yang mendebarkan, akhirnya ungkapan ini kuterima, “Noor Zila, tesis ini diterima dengan pindaan kecil tesis terbaik. Anda diberi tempoh tiga puluh hari untuk menghantar naskhah tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah”.

Alhamdulillah syukur. Air mataku mengalir laju. Kugenggam erat tangan penyeliaku. Terima kasih Prof Madya Dr. Vijayalecthomy. Tanpamu di sisi sudah lama kurebah. Suami menyambutku di luar bilik viva dan kubisikkan di telinganya “Kejayaanku adalah kerana adanya seorang lelaki yang berdiri teguh di belakang, yang sentiasa memimpinku untuk terus berjalan tatkala aku hampir tersungkur dalam kembara ini”.

Dua bulan kemudian suamiku pula mendapat ungkapan keramat ini. “Amir, tesis ini diterima dengan pindaan kecil. Anda diberi tempoh tiga puluh hari untuk menghantar naskhah tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah”.

Alhamdulillah, dengan bersaksikan Allah janji yang kami meterai sebelum memulakan perjalanan sebagai musafir ilmu, akhirnya sampai ke destinasi dengan kehendak-Nya jua. Syukur Ya Allah. Kami tidak akan sampai ke destinasi tanpa bantuan-Mu. Kami berjanji akan terus menjadi pembuka jalan kepada rakan-rakan yang hampir rebah, menaikkan semangat rakan-rakan yang baharu memulakan langkah, menggerakkan rakan-rakan yang hampir sampai ke puncak.

Untuk sahabat-sahabatku yang telah tamat belajar, yang sedang belajar dan yang akan belajar kutitipkan pesanan ini buat kalian.

Wahai musafir ilmu,

Sedarkah kamu apa makna Ph.D yang sebenarnya? Berbanggakah kamu dengan apa yang kamu kaji? Berbanggakah kamu dengan tesis yang kamu tulis? Kamu boleh berbangga, namun cukupkah

dengan hanya menulis tesis itu kamu menjadi pakar? Berapa ramai yang membaca tesis kamu? Berapa ramai yang membaca hasil kajian kamu? Berapa ramai yang faham apa yang kamu tulis? Sudah boleh menjadi pakarkah, andai setitis sahaja ilmu yang digarap dimanfaatkan oleh orang lain?

Wahai musafir ilmu,

Usah kamu bangga dengan apa yang kamu tulis tapi berbanggalah dengan kesusahan yang kamu lalui dalam kembara mencari ilmu. Berapa ramai yang sudah rebah? Berapa ramai yang sudah tersungkur dan berapa ramai pula yang bangun? Yang masih teguh berdiri, perlahan-lahan melangkah menuju destinasi. Yang ingin menamatkan kembara, rasanya sudah jauh perjalanan. Teruskanlah dengan mengharapkan pertolongan yang Maha Esa kerana kita hamba yang tiada daya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Wahai musafir ilmu,

Kembaralah kerana Allah, kerana dengan kembara ini kau akan temui satu falsafah yang tiada nilainya. Falsafah yang sentiasa menuntut agar kamu sentiasa bersyukur, sentiasa kuat melawan dugaan dan sentiasa tawaduk terhadap pencipta-Nya. Setiap yang kamu temui dalam kembara ini, setiap masalah, setiap halangan, jatuh bangunnya kamu dalam bermusafir akan membentuk satu falsafah. Proses inilah Ph.D. Bukan tesis, bukan apa yang kamu tulis, bukan apa yang dikaji. Tak perlu berbangga dengan hasilan tesis itu. Berbanggalah dengan apa yang kamu lalui dalam kembara ini. Tesis hanyalah bukti bahawa kamu telah melalui perjalanan ini. Berbanggalah dengan perjalanan ini. Jadilah pakar dalam selok-belok perjalanan yang kau lalui.

Wahai Musafir ilmu,

Fahamilah falsafah ini. Secara tersuratnya Ph.D ialah tesis tetapi tersiratnya ialah nilai-nilai yang lahir daripada perjalanan yang panjang untuk menemui satu titik bagi mendapatkan segulung ijazah. Nilai-nilai yang tidak ada pada orang lain. Hanya orang yang melalui jalan yang satu ini. Jalan menuju ke puncak.

Kuabadikan nukilan ini buat insan-insan istimewa dalam hidupku.

*Buat Allahyarham ayahanda Md. Yusuf bin Awang dan
Allahyarhamah bonda Rubiah binti Ismail,
saat kalian menghembuskan nafas terakhir,
kutanam semangat yang kental untuk mengubah nasib keluarga.*

*Buat suami tercinta Amir bin Juhari,
saat aku hampir rebah dalam kepayahan ini
kau tak pernah henti menyokong dan memberi semangat.*

*Buat anak-anak tersayang, Nur Fahada, Nur Fariha,
Muhammad Firzan dan Nur Farisha,
saat kalian meminta perhatian, ibu terleka,
maafkan ibu atas kesibukan yang tiada henti.
Buat pensyarah penyelia yang dihormati Dr. Vijayaletchumy
saat aku ketandusan idea, kau tabah membimbing,
pembakar semangat, mencurahkan ilmu.*

*Buat kakak, abang, adik, keluarga mentua, rakan-rakan dan majikan,
terima kasih atas sokongan yang padu.*

*Sesungguhnya,
Jerih, perih, onak, duri, suka, duka kutempuh sabar.
Kini,
sebuah kejayaan sudah digenggam.
Syukur Ya Allah,
kerana memberi ruang dan peluang dalam kembara mencari ilmu.
Menjadikan aku seorang musafir yang sentiasa mensyukuri nikmat yang engkau berikan.*

Noor Zila binti Md. Yusuf, Ph.D
IPG Kampus Darulaman
Jitra, Kedah

Masjid

Solat? Kuliah di Masjid? Masa? Setiap hari masa 'berlalu'. Namun, tesisku belum nampak penghujungnya. Hatiku resah, jiwa kacau. Aku seolah-olah berperang dengan masa. Solat di masjid itu penting kata hatiku. Ustaz pun kata begitu. Ilmu agama? Penting kerana jika tak menuntut ilmu agama kita akan jadi orang yang jahil agama. Menuntut ilmu itu kan wajib. Kata syaitan, "Aku lebih takutkan seorang ahli ibadat yang berilmu daripada seribu ahli ibadat yang jahil". Tapi, tesisku perlu disiapkan. Jika aku 'tunggu' di masjid untuk mendengar kuliah, kuranglah masa aku gunakan untuk menulis tesis. Isteri tercinta selalu bertanya, "Bang, hari ni tesis dah banyak tulis?" Soalan yang sukar dijawab. Sebenarnya isteriku bimbang aku mensia-siakan masa setiap hari tanpa 'menjengah' tesis. Penyelia tesisku juga begitu. Seorang perempuan juga. Aku mula fikir, "Pergi ke masjid, beriktikaf, mendengar kuliah, solat tahajud, TESIS? Ah, jiwa kacau! Tapi semuanya tidak akan berjaya tanpa pertolongan Allah", fikirku. Ya, Allahlah yang mengatur segala-galanya. Segala sesuatu tidak akan berlaku tanpa izin-Nya. Segala-galanya, Allah yang tentukan. Hidup, sihat, mati, musibah, rezeki, semuanya Allah yang tentukan. Bukan aku dan bukan penyelia tesisku. Mengapa aku boleh berprasangka yang amal ibadat boleh menghalang tesisku daripada siap. Siapa aku?. Aku hanya hamba-Nya. Hamba yang mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa memuji-Nya, menyembah-Nya. Aku teruskan beriktikaf di masjid, duha, tahajud, puasa, sedekah. Setiap kali aku 'tersangkut' idea dalam menghurai, menganalisis, mengolah tesis, malah 'down', ya, sering kali aku 'down'. Sering kali aku lemah semangat dan tidak tahu nak buat apa-apa. Maka Allahlah tempatku mengadu. Aku berdoa, solat, dan merayu kepada Allah azzawajalla agar diberikan ketabahan, diberikan ilham, diberikan semangat. Allah penentu segala. Aku terus iktikaf di masjid. "Ya Allah, permudahkanlah urusan tesisku dan isteriku, Ya Allah anugerahkanlah aku dengan ilham untuk menulis tesis dengan baik, Ya Allah kurniakanlah semangat untuk sentiasa berusaha untuk menyiapkan tesis, Ya Allah bantulah aku agar ahli keluargaku memahami kesibukan ayahnya, Ya Allah bantulah aku, bantulah aku".

Isteri

Aku bertuah kerana Allah telah mengurniakan isteri yang sentiasa memahami, membantu dan sentiasa menyokongku ketika aku hampir 'rebah'. Allah tugaskan dia untuk membantuku ketika aku kekeringan idea, menyuntik semangat dan menggerakkan aku ketika aku terleka sehingga masa sedang meninggalkanku. Terima kasih isteriku. Dia juga menyambung pengajian ke peringkat Ph.D seperti ku tetapi secara sambilan. Tapi aku SEPENUH MASA. Aku tidak mendapat apa-apa biasiswa hanya cuti belajar. Bukan sedikit mereka yang menyambung pengajian Ph.D secara sepenuh masa sepertiku yang tak dapat menamatkan pengajian, bahkan ramai. Begitu juga secara sambilan, ramai yang tak siap. Bagaimana hendak menyiapkan tesis, kena kerja lagi. Yang sepenuh masa leka dengan masa 'rehat' yang panjang, masa untuk 'bersara' seketika, masa untuk 'berbulan madu' dan masa untuk 'bercuti'.

Anak

Terima kasih anak-anak kerana memahami kesibukan ayah, kerana membantu ayah, kerana sedar tugas ayah, kerana tetap menyayangi ayah ketika ayah kurang memberi perhatian terhadap anak-anak, kerana tidak berkecil hati dengan ayah, namun tidak sedikitpun kasih sayang ayah berkurangan terhadap anak-anak.

Tambang oh tambang, yuran, sibuk!

2011, aku mula menyambung pengajianku di Universiti Putra Malaysia (UPM). Isteriku juga. Mulanya secara sambilan. Duit banyak? Tidak juga. Ketika itu bermulalah cabarannya. Aku masih bertugas di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Bintangor, Sarawak. Sibuk sangat. Jabatan Pengajian Melayu pula telah dipilih oleh IPGM sebagai Pusat Kebitaraan atau Kecemerlangan Bahasa Melayu Zon Sarawak. Banyak masaku dicurahkan untuk jabatanku, menjalankan aktiviti, program kecemerlangan, kursus, bengkel, dan sebagainya. Tahun pertama pengajian aku diwajibkan untuk hadir kelas Ph.D. Bagaimana untuk hadir ke kelas setiap minggu di UPM? Mesti, terpaksa. Untuk bergraduasi perlu hadir kuliah Kuantitatif, Kualitatif, Teori Linguistik Lanjutan dan sebagainya. Setiap minggu aku perlu membeli tiket kapal terbang. Pukul 7.00 pagi isteriku menghantarku ke Lapangan Terbang Sibu. Pukul 9.00 pagi dari Lapangan Terbang Sibu aku 'terbang' ke Kuala Lumpur. Dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang terkenal sibuk, duitku 'terkopak' lagi dengan menaiki teksi ke KL Central. Dalam kesibukan dan hingar-bingar di KL Central aku mengheret beg pakaianku antara penghuni kota yang berbagai-bagai karenahnya. Dari KL Central aku menaiki komuter dengan berhimpit-himpit di celah-celah warga kota ke Stesen Komuter Serdang. Aduh, penat. Sampai di Komuter Serdang aku mengheret begku lagi menaiki jejantas ke seberang jalan dan mendaftar masuk di sebuah hotel bajet. Letak beg, terus keluar dari hotel. Aku perlu ke kelas sebelum pukul 3.00 petang. Aku mencari teksi atau bas yang mana dahulu, agar aku dapat sampai ke kelas tepat pada masanya. Akhirnya aku tiba di kelas tepat pada masanya. Pernah sekali seorang pensyarah memujiku, "Amir walaupun jauh di Sarawak tetapi selalu hadir kelas, setiap minggu dan tepat pada masanya". Tapi dia tidak tahu 'azabnya' nak berulang setiap minggu. Membeli tiket kapal terbang seolah-olah membeli tiket bas. Demikianlah setiap minggu yang perlu dilakukan. Dah mahir dah aku membeli tiket kapal terbang dari syarikat Airasia, "*Everybody can fly*". Ya, dah sama mahir macam agen jual tiket kapal terbang di kaunter tiket. Jadi, akupun setiap minggu 'fly'. Terbang sentiasa. Duit pun 'terbang'. Bukan sedikit duitku habis. Keringat, penat sudah tentu. Isteriku pun. Itupun belum lagi dihitung yuran pengajian setiap bulan Februari dan September pada setiap tahun. Kami berdua hanya menghitung hari dan saki baki duit yang masih ada.

Musibah

Menggunakan pengangkutan awam kadangkala bukanlah suatu cara yang benar-benar selamat untuk sampai ke sesuatu destinasi. Kadangkala cepat sampai, kadangkala lambat. Berpusu-berpusu, berebut, berbaris dan berhimpit-himpit itu merupakan lumrah bagi yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Malang tidak berbau. Seperti biasa, habis kuliah aku menaiki teksi yang kuambil di depan fakulti untuk ke Stesen Komuter Serdang dengan mengheret beg pakaian dan beg *lap-top* yang kugalas. Langkahku longlai. Aku kepenatan. Penat kuliah, penat berjalan, penat mengheret beg dan penat berfikir. Sampai di seberang untuk menaiki komuter ke KL Central, kulihat kiri dan kanan agak ramai tapi tidaklah terlalu sesak. Komuter yang dinantipun tiba. Sebaik sahaja pintu komuter dibuka, aku meluru masuk dengan mengheret beg pakaian dan menggalas beg *lap-top*. Ketika itulah aku berasa ada beberapa orang penumpang merempuhku dari belakang. Aku memegang kuat beg pakaianku dan beg *lap-top*ku sehingga aku sukar bergerak, seolah-olah ramainya yang menaiki komuter ketika itu. Sebaik sahaja pintu ditutup, aku dapati tidaklah ramai sangat yang menaiki komuter tetapi mengapa aku dirempuh sebegitu rupa. Pelik! Tiba-tiba aku teringat dompetku yang

berada di poket hadapan. Aku meraba poketku. Hilang! Dompotku hilang! Bukan aku tak beringat sebelum menaiki komuter. Aku meletakkan dompetku di poket depan. Memang profesionallah penyeluk saku ni. Aku panik. Aku menjadi seperti orang bodoh dan bingung. Aku pula meraba poket beberapa orang lelaki yang berdekatan denganku. Mereka pun tak sedar aku buat begitu. Seorang lelaki yang sedar kejadian itu mencadangkan aku terus melaporkan di balai polis di KL Central dan bermurah hati menghulurkan wang sepuluh ringgit kepadaku. Alhamdulillah aku masih bersyukur kerana telefon bimbitku masih ada. Sampai di KL Central aku menelefon saudaraku yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur. Dia menghantarku ke Lapangan Terbang LCCT dan meminjamkan wang dua ratus ringgit kepadaku. Alhamdulillah ada yang sudi menolong. Aku terpaksa menghubungi semua institusi bank untuk menghentikan serta merta perkhidmatan kad kredit dan transaksi. Kad pengenalan, kad kredit, wang tunai dan baucar buku bernilai RM 250.00 LENYAP! Geram, marah betul kepada 'si penyeluk saku' tu kerana menyebabkan aku susah, 'berserabut', susah hati, mengganggu ketenanganku. Tapi apa boleh buat. Takdir.

Ph.D. itu , “Perlu hampiri Dia...”

Tesis itu tidak mungkin akan siap! Tesis tidak akan siap jika pelajar tidak mahu sentiasa berjumpa penyelia. Perlu sentiasa **menghampiri** penyelia, **hampiri dia**. Ikut arahannya, ikut panduannya dan perlu sentiasa bersedia untuk dibimbing penyelia. Penyeliaku perempuan. Sistematis juga kerjanya. Dia membuat plan tindakan untukku, membuat carta *gantt* meliputi setiap bulan. Daripada menulis draf pertama, kedua, ketiga, pembentangan proposal, penulisan jurnal, penghantaran jurnal, sehingga tesis siap. Malangnya sukar betul untukku mengikut setiap perancangannya. Siap satu bab, aku terus berjumpanya. Tak sampai tahap katanya. Tulis lagi, lagi, lagi dan lagi. Aku tak ingat dah berapa kali draf tesis aku hantar kepadanya. “Ah, kampung!” katanya. Aku tersentak. “Kalau nak buat tesis mesti antarabangsa. Jangan lihat dalam negara sahaja. Saya mahu luar negara”, bentaknya. Tesisku berkaitan mesyuarat. Tajuk tesisku ialah “Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat Pengurusan”. Kajian bentuk lapangan. Kajian yang memerlukan aku terlibat sama. Sesuai dengan bidangku, bahasa dan linguistik, aku mengkaji bahasa yang terdapat dalam mesyuarat, aku menganalisis setiap ayat yang terdapat dalam mesyuarat. Oleh itu, aku perlu merakam perbualan dalam mesyuarat di institusi tempat aku berkhidmat. Setiap kali mesyuarat aku perlu terlibat dan merakam perbualan. Lamanya mesyuarat dari pukul 8.30 pagi hingga pukul 1.00 petang. Aku ikut saja 'rentak' penyeliaku. Aku pun melihat kajian tentang mesyuarat oleh pengkaji barat. Mesyuarat di negara ini pun berdasarkan 'acuan' mesyuarat yang diasaskan oleh barat. Mesyuarat itu orang barat yang memulakannya. Betulkah? Tidak, sebenarnya Nabi Muhammad SAW lah orang yang mula-mula memperkenalkan mesyuarat. Dalam al-Quran ayat 159, surah al-Imran Allah berfirman:

“...Dan bermesyuaratlah (Muhammad) dengan mereka dalam urusan (**peperangan dan hal-hal keduniaan**) itu, kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakallah kepada Allah sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya”.

Menerusi surah tersebut Allah memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk bermesyuarat dengan para sahabatnya sebelum pergi ke medan perang. Malah bukan sahaja dalam urusan peperangan bahkan juga Allah perintahkan agar bermesyuarat dalam apa jua urusan dunia. Cepatnya orang barat melakukan amalan bermesyuarat ni. Mereka bukan sahaja sering bermesyuarat malah membuat kajian bagaimana caranya untuk menjadikan sesuatu mesyuarat itu berkesan. Malah orang barat telah mencipta mesin atau alat yang merakam seluruh perbualan dalam mesyuarat dan terus mencetak isi kandungan mesyuarat. Namun, alat ini masih terdapat kelemahan kerana tidak dapat menterjemah

ayat dalam mesyuarat yang mengandungi maksud tersurat. Orang barat juga banyak menulis tentang tatacara bermesyuarat, kemahiran bermesyuarat dan kemahiran mempengerusikan mesyuarat. Dapatan ini aku masukkan dalam kajiaku. Baharulah tesisku tidak 'kampung' lagi malah penyeliaku memujiku kali ini. "Ini barulah taraf Ph.D, barulah bertaraf antarabangsa. Kajian mestilah bertaraf antarabangsa, Amir". Ini baharulah tesis". Alhamdulillah, aku lega dan bersyukur. Sebagai pelajar kita perlu hormati penyelia kita. Dia pensyarah kita dan guru kita. Ingat lagi setiap bertemu penyeliaku, degup hatiku tak pernah berhenti berdebar setiap kali aku mengetuk pintu bilik penyeliaku. Aku tahu penyeliaku tegas orangnya tetapi sebagai pelajar jarang aku terlupa membawa buah tangan. Sebelum masuk ke bilik penyeliaku aku akan menyorokkan 'buah tangan' dalam begku. Aku biarkan penyeliaku mengkritikku, memerliku, memarahiku jika dia perlu berbuat demikian. Selesai perbincangan, tiba-tiba aku mengeluarkan hadiah dan memberikannya kepada penyeliaku. Dia tersentak. Sungguh dia tak pernah menyangka aku akan berbuat demikian. Itulah yang selalu aku lakukan setiap kali berjumpa dengan penyeliaku yang tegas sehinggalah tesisku siap.

Ph.D itu ialah "Perlu hampiri Dia". Siapa dia? Dialah Tuhan, dialah Allah. Sungguh Ph.Dku tidak akan sekali-kali siap tanpa 'menghampiri Dia'. Dengan rahmat Allah, alhamdulillah siap. Aku hampiri Dia, aku hampiri masjid, aku hampiri rumah-Nya. Setiap kali aku hilang semangat, luntur, aku mengadu kepada-Nya, merayu kepada-Nya, menyebut nama-Nya. Dialah yang mempermudah urusanku. Walaupun aku menjadi 'penunggu' setia masjid. Aku terus juga menulis tesis. "Ya Allah, permudahkanlah tesisku" mengiringi tahajudku, duhaku, zikirku dan majlis ilmu di masjid. Allah tidak pernah meninggalkanku walaupun sesaat. Dia sentiasa mendengar rintihanku. Dengan menghampiri-Nya aku mendapat kekuatan. Kekuatan yang tidak pernah kuperoleh sebelum ini. Aku yakin perencanaan Allah itu sempurna. Biarpun aku terpaksa menempuh pelbagai musibah, aku tetap bersangka baik terhadap-Nya. Setiap detik kuhampiri-Nya akan kutemui nikmat di sebalik perjuangan ini. Terima kasih Allah. Kusebut nama-Mu dalam setiap sujudku yang panjang dan dengan titisan air mata keinsafan. Akhirnya pada 23 November 2015, dalam vivaku, aku mendengar kalimah "Tesis ini diterima dengan pindaan kecil". Alhamdulillah, tak berhentiucapkan kalimah keramat itu.

Mencari barakah...

Selesai pengajian, aku ditempatkan di IPG Kampus Darulaman, Jitra Kedah. Aku diminta mengajar kursus Penyelidikan Tindakan. Aku gunakan ilmu yang aku pelajari ketika belajar pada peringkat Ph.D dahulu dengan mengajar kaedah kajian, kualitatif, kuantitatif dan sebagainya kepada para pelajarku. Nah, sempurnanya perancangan Allah!. Aku juga menggunakan ilmu itu untuk membimbing rakan yang sedang menulis tesis Ph.D mereka. Alhamdulillah, Allah memberi peluang kepadaku untuk mendapat pahala. Bukan gelaran yang kucari, bukan sanjungan, bukan pujian tetapi ilmu yang boleh dimanfaatkan dan aku mencari keberkatan serta rahmat-Nya.

Alhamdulillah... Alhamdulillah... Alhamdulillah...

Amir bin Juhari, Ph.D
IPG Kampus Darulaman
Jitra, Kedah

Sebaik sahaja menerima keputusan dari Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP) untuk menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah, aku terkedu. Manakan tidak, ia tidak seperti yang dirancang dan diharapkan. Sudah beberapa kali aku menghadap pegawai-pegawai di Bahagian Pendaftaran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tidak sabar untuk mendaftar kerana surat tawaran menyambung pengajian sudah berada di tangan. Cuma menanti jawapan BTP sahaja untuk membekalkan biasiswa dan Cuti Belajar Bergaji Penuh. Malah ketika menghadapi temu duga di Parcel E, Putrajaya surat tawaran itulah yang aku bawa. Puas aku jadikannya sebagai alasan yang paling kuat sebab aku layak mendapat tajaan. Bukan senang hendak menempatkan diri di UIAM. Alih-alih tawaran ke UIAM itu seolah-olah ditolak mentah-mentah sahaja. Dipandang sepi oleh tiga orang panel temu duga. Beria-ia benar mereka ingin aku ke luar negara, walaupun aku menegaskan permohonan aku hanya di dalam negara. Malah aku tidak bersedia untuk ke luar negara lagi. Lebih-lebih lagi setelah berkeluarga dan beranak-pinak. Aku bimbang kerana mengejar impianku sendiri, habis tunggang-langgang arus pembelajaran anak-anakku. Aku jangkakan panel-panel temu duga itu sekadar mengujiku. Acah-acah saja. Walaupun jauh di sudut hati aku memang mendambakannya tapi aku bimbang untuk menyahutnya. Perkara itulah yang menyebabkan aku berusaha mendaftarkan anak aku yang ke-3 dan ke-4 ke *International Modern Arabic School (IMAS)* berhampiran Bank Negara Malaysia ketika itu. Tidak pergi ke luar negara pun tidak mengapa. Dalam negara pun ada. Kerana apa? Semata-mata untuk anak-anak dapat mendalami bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah itu. Bukan aku tidak tahu yurannya sangat tinggi.

Rupa-rupanya apa yang aku runsingkan benar-benar berlaku. Tahniah, permohonan anda berjaya! Itulah kata-kata yang terpapar di ruang skrin komputerku. Pelik bukan? Perkara yang merisaukan aku apabila ada lagi perkataan tambahan dalam kurungan yang tertera (Luar Negara) bukan (Dalam Negara) seperti yang aku harapkan. Tanpa berlengah aku terus memasukkan nombor KPT isteriku. Dia juga memohon sepertiku. Cuma perbezaan kami pada tahap pengajian. Aku di tahap Doktor Falsafah (Ph.D) manakala isteriku di tahap Sarjana (Master). Keputusannya benar-benar membuatkan aku terus terduduk. Tahniah, permohonan anda berjaya! (Dalam Negara). Suami ke luar negara. Isteri di dalam negara. Anak-anak? Hampir dua minggu aku tidak bertindak apa-apa. Sehingga aku dan isteri didatangi sepucuk surat dari BTP, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebaik sahaja aku membuka surat aku terkejut lagi. Kejutan demi kejutan terus melanda. Aku baca semula dengan teliti maklumat yang tertera. Tawaran belajar ke luar negara hanya ke negara Jordan. Selain itu, tawaran terbatal dengan sendiri. Sudahlah BTP meminta aku ke luar negara walaupun aku pohon dalam negara, ditambah pula syarat lain. Ke Jordan sahaja. Urusan isteri aku yang di dalam negara pun belum selesai. Adakah aku perlu merelakan sahaja isteriku belajar di dalam negara? Aku tercampak ke Jordan? Anak-anak pula bagaimana? Ikut siapa? Bukan sedikit. Hampir masuk lima orang. Yang ke-5 sudah 4 bulan dalam kandungan atau aku memohon agar tawaran itu ditukar sahaja ke dalam negara agar kami dapat belajar bersama-sama? Atau aku ke luar negara, isteri sekadar mengikutiku bercuti tanpa gaji dengan menolak tawaran belajar yang diberi? Atau... Atau... Atau... Kami sememangnya di persimpangan dilema. Kebanyakan pemohon seperti kami sudah mempunyai misi dan visi. Matlamat mereka jelas. Sasaran mereka mengena. Berbeza dengan kami. Pada peringkat permulaannya jelas tapi menjadi cacamarba. Hanya kerana tawaran yang diberikan.

Dalam keadaan meraba-raba mencari pedoman, masjid adalah destinasi ku setiap pagi. Sebaik sahaja sampai ke tempat kerja, sekiranya tiada kuliah pagi, kebiasaannya aku beriktikaf di masjid. Kepada Allah aku berserah untuk merungkai dan membuat pilihan bagi kami sekeluarga. Sebulan aku memohon agar Tuhan memberi jalan keluar buat kami. Justeru itu, langkah pertama yang aku buat adalah mencari tempat pengajian untuk isteri di mana-mana universiti awam dalam negara yang menawarkan pengajian mengikut permohonan isteri. Ia merupakan keputusan yang berat untuk meninggalkan isteri di Malaysia bersama-sama anak-anak manakala aku ke Jordan. Apatah lagi dalam keadaan berbadan dua. Aku gagahkan diri bergegas ke Universiti Putra Malaysia (UPM) mengemukakan permohonan. UPM menjadi tumpuan kerana aku bercadang setelah isteriku menyempurnakan kerja kursus dalam tempoh satu semester, kemudian dia boleh mengikutiku ke sana ketika menyiapkan penulisan tesisnya. Inilah cadangan terbaik yang kami dapat fikirkan. Bersusah payah dalam tempoh 4 hingga 5 bulan. Belajar sambil menguruskan anak-anak serta menguruskan diri sendiri untuk melahirkan anak kami yang ke-5 pada saat suami tiada di sisi. Sememangnya ia adalah keputusan yang amat berat. Walau bagaimanapun aku tetap pasrah. Tiba-tiba... “Encik, tempoh mengemukakan permohonan telah ditutup,” kata seorang pegawai pendaftaran permohonan. “Apa? Bantulah saya Encik. Isteri saya ni penerima biasiswa,” rayuku. “Maaf, encik. Ia adalah kendalian aplikasi secara *online*. Saya tidak boleh membantu,” tambah pegawai itu. Sedih bukan kepalang menerjah. Aku semakin buntu.

Sehinggalah aku dipanggil untuk menghadiri satu kursus yang dianjurkan oleh BTP, KPM. Kursus Intervensi pada penghujung bulan Julai 2008 diadakan di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang. Kursus ini mengumpulkan seluruh pemegang biasiswa pada peringkat Doktor Falsafah dalam negara dan luar negara. Masing-masing berwajah ceria, melainkan aku. Kursus ini penting kerana memberikan persiapan kepada para penerima biasiswa dari aspek fizikal dan mental. Adakalanya aku berasa sangat teruja apabila ada juga pemegang Ph.D berkongsi pengalaman melalui ranjau sepanjang bergelar graduan pascasiswazah. Sedikit sebanyak dapat meningkatkan semangat yang merudum dek permasalahan dan dilema yang bakal dihadapi. Beberapa pegawai BTP juga datang memberikan taklimat mengikut slot masing-masing yang diperuntukkan. Terdapat satu slot yang meminta para penerima biasiswa menandatangani akur janji untuk menyempurnakan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tidak berjaya menghabiskan pengajian, pihak BTP tidak teragak-agak untuk menuntut semula segala kos yang telah dibelanjakan. Hakikatnya ia membuatkan aku kembali runsing. Bolehkah aku belajar? Mampukah aku memberikan tumpuan? Bersediakah aku untuk menempuh segala kesukaran yang bakal dihadapi? Padahal situasi yang mendatang mengundang banyak permasalahan dan cabaran. Ketika kursus semakin hampir melabuhkan tirai, aku bertanya kepada salah seorang pegawai BTP pada akhir sebuah slot. Aku menerangkan situasi sukar yang sedang kufikirkan. Panjang lebar aku terangkan, pegawai itu hanya menjawab, “Jumpa saya di belakang selepas slot ini”.

Sebaik sahaja selesai slot terakhir tersebut, tanpa melengah waktu aku bergegas ke barisan belakang. Pegawai itu kelihatan tersenyum. “Cikgu bersama-sama isteri mengambil kursus yang samakan?” tanya pegawai itu. Aku hanya mengangguk. “Nasib baik kursus yang sama. Masalah ini mudah sahaja nak diselesaikan. Tak perlu runsing-runsing. Belajar di Jordankan, Cikgu? Cikgu cuba dapatkan tempat buat isteri di sana. Sekiranya dah dapat surat penerimaan untuk menawarkan tempat pengajian di sana bagi Cikgu dan isteri, Cikgu datang bawa surat-surat tersebut ke BTP. Kita akan *switch*kan tawaran biasiswa isteri agar sama dengan Cikgu. Isteri ikut suami. Jangan bimbang,” jelas pegawai itu dengan yakin. Segala puji bagi Tuhan Yang Maha Mendengar permohonan hamba-Nya. Aku rasakan beban semakin terungkai satu persatu. Walaupun tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya masalah berenggang dengan anak isteri dapat dielakkan. Aku tahu menyambung pengajian Bahasa

Arab peringkat Doktor Falsafah bukanlah sesuatu yang mudah. Apatah lagi di negara Arab Jordan yang terkenal dengan kepayahannya, khususnya pada peringkat pascasiswazah. Sebab itulah ada seorang sahabat berterus terang kepadaku, “Wan, kalau kau dapat habiskan pengajian Ph.D di Jordan, bukan setakat dua tangan aku tabik kepada kau, dua-dua kaki aku pun aku angkat untuk tabik”. Seheinggakan isteriku pernah menyuarakan kebimbangannya, “Bang, bagaimana kalau kita tak dapat habiskan pengajian?” “Kita balik sajalah,” selorohku. Namun, jauh di sudut hati aku berjanji bahawa aku tidak akan mengalah. Aku nekad. Aku mesti bersemangat kental. Menggenggam bara api, biar sampai jadi arang. Oleh itu, aku mesti bersungguh-sungguh. Tambahan pula ia adalah satu amanah yang mesti dipikul. Sebaik sahaja aku bersetuju menerima tawaran biasiswa, maka sudah menjadi satu kewajipan untukku menunaikan amanah yang diberi. Ya Tuhan, Kau bantulah diri kami. Permudahkanlah segala urusan kami. *My journey to Ph.D has just begin...*

Mohamad Redzuan bin Mohd Khalil, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Sejurus tiba di rumah aku terlihat dua pucuk surat di dalam peti surat rumahku. Lantas aku membuka, “Mi, abang dapat sambung Ph.D di UKM”, ujarku tersenyum dan gembira. “Alhamdulillah, mi dapat juga”, balas isteriku. Aku tersengih saja. Tak tahu nak cakap apa. Dalam fikiranku bermacam-macam perkara bermain-main. Semua jawapan tak pasti. Hari yang dinanti-nantikan telah tiba. Tanggal 27 Disember 2009, aku telah mendaftar sebagai pelajar untuk mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), iaitu HLP di bawah tajaan KPM. Selang dua minggu selepas itu, pada awal Januari 2010 isteriku pula mendaftar di fakulti yang sama dalam bidang Pengukuran dan Penilaian dalam bidang kedoktoran di bawah tajaan KPT. Setinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi dan aku sungguh gembira dan terharu kerana diterima untuk menimba ilmu di universiti yang ketiga selepas UM dan UPM. Apa yang sangat mendebarkanku ialah aku dan isteriku telah mendapat penyelia yang sama cuma beliau sebagai penyelia utama manakala untuk isteriku beliau adalah penyelia bersama. Bagaimanapun aku sangat teruja kerana Allah telah memilihku untuk dibimbing di bawah seliaan seorang ‘guru’ yang sangat hebat dan dipanggil Dr. Halim. Beliau sangat disegani pada masa itu terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam di Malaysia. Namanya sering aku tatapi di jurnal, prosiding seminar dan buku yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Aku hanya mengenali secara kebetulan tatkala isteriku di bawah seliaannya semasa di peringkat sarjana dan ketika itu beliau baru sahaja pulang dari UK setelah tamat pengajian di peringkat Ph.D dari Universiti Birmingham, United Kingdom.

Pada fasa awal pengajianku ini dinamakan sebagai ‘fasa REDAH’. Banyak persoalan yang perlu aku fikirkan jawabannya. Namun, aku tekad dan redah sahaja. Mungkin di situ ada pertolongan Ilahi. Aku sering bermonolog pada diri ini, “Adakah aku mampu untuk menyiapkan tesis Ph.Dku selama 3 tahun ini? Adakah aku dapat menguruskan keluargaku sedangkan isteriku juga sama-sama membuat Ph.D? Bolehkah aku menyiapkan tesis pertamaku? Aku belum pernah menulis tesis di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana? Bolehkah aku belajar di bawah seliaan Dr Halim? Persoalan-persoalan inilah yang bermain di benak fikiranku.

Ijazah Ph.D bukanlah suatu ijazah yang mudah untukku peroleh. Aku perlu melalui satu proses pembelajaran dan penyelidikan yang tinggi mutunya sesuai dengan status ketinggian ijazah tersebut. Aku pernah mendengar kata-kata angkasawan pertama negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar berkaitan moto hidupnya, “*What the mind believes, the body can achieve*”.

Aku yakin dan faham sekarang bahawa aku tidak boleh menoleh kebelakang. Aku perlu terus melangkah ke hadapan walaupun diri ini sangat naif dan kerdil untuk menempuh segala dugaan yang mendatang, namun demi amanah yang telah diberikan di pundakku aku terima cabaran ini kerana peluang ini tidak akan datang untuk kali keduanya. Takdir yang akan menentukan segala-galanya.

“*Enta dan Yati dalam seminggu mesti 3 hari berada di UKM. Study ikut time office hour*”, kata-kata penyeliaku masih terngiang-ngiang di telingaku semasa memberikan nasihat di pertemuan kali pertama selepas aku mendaftar pengajian. Selama tiga bulan aku berulang-alik dari Tanjung Malim

ke Bangi. Penat dan *stress* juga menempuh kesesakan jalan raya di KL ni. Aku mula berfikir perlu lakukan sesuatu.

Pengorbanan pertamaku ialah mencabar tahap 'zon selesa' ini untuk aku berhijrah tempat dari Tanjung Malim ke Sepang kerana mahu dekat dengan UKM. Tindakan ini pada awalnya mengganggu emosiku. Apa tidaknya rumah yang selesa di Tanjung Malim ditinggalkan. Hanya sebulan sekali kami balik menjengah, lalu kami telah menyewa sebuah rumah kampung di Kampung Lanjut di Salak Tinggi. Hanya 30 minit ke UKM. Semua anakku turut berpindah sekolah. Aku cuba melazimi "*study ikut waktu office hour*" sebagaimana nasihat penyeliaku. Aku juga turut mengamalkan panduan yang diperoleh daripada seorang penceramah semasa kursus Intervensi KPM sebelum aku cuti belajar, iaitu amalankan 3 cara belajar '*search*', '*read*' dan '*write*'.

Aku tampal di dinding bersama carta *gantt* perjalanan Ph.Dku untuk tiga tahun di dinding bilik bacaanku sebagai pembakar semangatku. Pada mulanya agak sukar untuk menyesuaikan diri namun, Allah telah memberi aku motivasi untuk tidak tenggelam dalam cuti belajar ini. Aku juga dapat rasakan anak-anak juga turut merasakan tempias Ph.D ini seolah-olah kami sekeluarga buat Ph.D. Dalam masa setahun aku telah diberikan Allah ruang dan peluang untuk menyiapkan proposalku. Alhamdulillah pada akhir semester kedua aku telah berjaya membentangi proposal dalam seminar penyelidikan Fakulti Pendidikan yang diadakan setiap dua bulan sekali dengan sedikit pembetulan. Hijrahku diganjar rezeki yang tidak kusangka. Tuan rumah yang rumahnya aku sewa telah menawarkan rumah anaknya untuk aku beli dengan harga yang sangat berbaloi. Aku dan isteriku menerima tawaran itu. Mungkin ada hikmah di sebalik penghijrahan ini. Kami semakin bersemangat untuk meneruskan saki baki perjalanan Ph.D ini.

Pada fasa pertengahan perjalanan Ph.Dku, aku namakan sebagai 'fasa PULUN'. Fasa ini aku mula sibuk dengan membina instrumen, '*validity*' dan '*reability*' data. Selepas itu, aku telah melaksanakan rintis dan '*collect*' data di lapangan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Fasa ini amat meletihkan dan mencabar emosiku. Tatkala aku sibuk mengumpul dan menganalisis data, penyeliaku meminta agar aku sentiasa hadir dalam kelab perbincangan Ph.D bersama rakan lain di bawah seliaannya secara berkala dan aku juga turut serta dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh Persatuan Siswazah, Fakulti Pendidikan di samping menulis artikel untuk dibentangi di seminar-seminar dalam mahupun luar negara berkaitan Pendidikan Islam. Aku akur dan menyambut cabaran ini. Pada mulanya agak berat juga. Maklumlah kerana banyak masa dan wang perlu dilaburkan. Baharuku faham bahawa perjalanan Ph.D adalah satu proses *mujahadah*, bukan 'membantu' sahaja seseorang di rumah atau '*library*', namun aku perlu berada bersama-sama rakan seperjuangan. Aku bersyukur dipertemukan dengan rakan-rakan senior yang sangat hebat dan proaktif terutamanya anak-anak didik penyeliaku yang telah bergelar 'Dr.' sehingga aku berasakan bahawa Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM) sebahagian daripada kehidupan kesarjanaanku. Apa tidaknya, melalui aktiviti-aktiviti PIMM, aku telah banyak mendapat khidmat nasihat dan tunjuk ajar rakan-rakan PIMM dalam penulisan tesisku. Di samping itu, *ukhuwah* kami yang dibina terpaut kukuh sehingga aku dapat membentangi kertas kerja dan bertemu dengan ramai '*scholar*' dalam Pendidikan Islam seperti Prof Dr. Sheikh Mabud, Prof Dr. Glenn Hardeker, Prof. Dr. Mawil Izzudin dari UK semasa seminar di Universiti of Wales, UK pada tahun 2011, Seminar Pendidikan Islam di Mekah pada tahun 2012 dan seminar anjuran PIMM di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Rupa-rupanya pertemuan dengan para sarjana dalam bidang kajianku ini telah menyedarkanku bahawa perjalanan Ph.D perlu disulami aktiviti-aktiviti ke arah melengkapkan diri untuk menjadi seorang '*scholar*' dalam bidang yang dikaji. Hal ini demikian kerana di sana berlaku

proses *'sharing'* dan *'caring'* sehingga ilmu, kemahiran dan pengalaman untuk penulisan tesis aku dapat di mana-mana tempat sahaja. Pernah suatu ketika aku *'down'* dan *'stuck'* dalam penulisan tesisku tetapi apabila aku pergi *'present'* kertas kerja di seminar, barulah aku nampak jalan keluar daripada kekusutan itu. Baharulah aku rasakan bahawa ada "*light at the end of tunnel*".

Fasa terakhirku dalam perjalanan Ph.Dku aku namakan "fasa BERSIAP SIAGA". Aku telah membaca satu tulisan oleh Prof. Dr. Kamil Ibrahim dalam bukunya bertajuk "Ph.D Kecil Tapi Signifikan", menyatakan Ph.D merupakan suatu proses unik. Ramai yang mencuba untuk mendapatkannya tetapi ramai yang kecundang. Mereka yang berjaya pula melalui pelbagai halangan. Ada orang mengatakan Ph.D suatu proses yang cukup perit dan meletihkan". Pejam celik, pejam celik tempoh cuti pengajianku dah sampai penghujung. Aku makin berdebar. Pertamanya, bila aku nak *'submit'* tesis? Bila pulak nak viva? Aku akan *'re-posting'* kat mana pula? Penyeliaku meminta agar memantapkan penulisan tesisku dan ditambah data kualitatif agar lebih mantap. Aku akur walaupun kehendak hatiku cukup dengan analisis yang telah ada.

Aku mendapat tambahan cuti selama enam bulan lagi, maka aku gunakan sepenuhnya untuk melengkapkan tesisku di samping menyiapkan artikel-artikel untuk dihantar ke jurnal-jurnal kerana itu merupakan syarat untuk aku bergraduasi. Alhamdulillah sebanyak lapan artikel telah diterima dalam beberapa jurnal, di samping dua artikel yang merupakan bab dalam buku di samping 25 artikel dalam prosiding seminar sepanjang pengajian Ph.Dku.

Selepas sebulan aku bertugas di tempat baru, iaitu di IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Tarikh vivaku telah tiba. Pada ketika itu aku dalam emosi yang tidak menentu. Namun, aku telah bersedia sebelum itu. Cuma membuat semakan terakhir untuk pembentangan. Aku masih teringat pada hari Jumaat, pukul 9 pagi 23 Mac 2014 aku telah menjalani viva Ph.Dku. Hari itu aku ditemani isteri serta beberapa rakan yang telah menguatkan semangat untuk menempuh saat getir ini. Aku berserah kehadrat Ilahi agar dipermudahkan segala urusan. "Tahniah anda berjaya", ucapan dari mulut pengerusi viva kepadaku. "Tahniah Dr.", sahut penyeliaku Prof. Dato' Dr. Halim Tamuri. Aku sangat terharu dan sebak di saat itu. Tiada yang dapat aku ucapkan hanyalah kesyukuran yang tidak terhingga kepada-Mu Ya Allah. Akhirnya pada tanggal 1 November 2014 merupakan hari sejarah dalam hidupku. Aku dan isteri telah sama-sama naik ke pentas di DEKTAR UKM menerima Ijazah Kedoktoran kami. Syukur kepada-Mu Ya Allah atas kurnian-Mu ini. Masih banyak ilmu yang perlu kugali. Jadikanlah penganugerahan ini untuk aku lebih dekat kepada-Mu dan menabur bakti kepada ummah.

Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Kalau mohon HLP dapat tak dapat 50-50. Tapi kalau tak mohon memang tak dapat. Mulalah saya memohon HLP secara atas talian. Semasa melengkapkan borang maya dah rasa macam 50 peratus berjaya. Cuma tunggu lagi 50 peratus. Saya masih ingat semasa berada di sebuah pusat membeli belah di Seremban, saya menerima panggilan telefon mengatakan saya kena hadir sesi temu duga untuk HLP. Tarikh dan tempat dah lupa tapi pada tahun 2006.

Pada hari temu duga di Bahagian Biasiswa, KPM saya bersedia dengan *proposal*, segala dokumen dan dua buah buku teks; Bahasa Arab Tinggi Tingkatan 5 dan Buku Bahasa Arab Tahun 4. Memang sesuai dengan bidang yang saya pohon, iaitu Pendidikan Bahasa Arab. Semasa sesi temu duga saya menjawab soalan panel dengan penuh yakin. Adakalanya saya berhujah dengan salah seorang panel tersebut tapi berlangsung dalam suasana akademik dan rasional. Antara ayat yang saya masih ingat ialah “Maaf doktor, saya berbeza pendapat dalam isu ini. Izinkan saya mengemukakan sudut pandangan saya”. Ahli panel tersebut mengganggu kepala saya. Bila habis saja sesi temu duga dan melangkah keluar, calon HLP menyapa saya. Katanya ”Lamanya temu duga. Sejam baru habis”. Saya pula tidak perasan yang saya berada dalam sesi temu duga dalam tempoh itu. Mungkin faktor selesa, yakin dan teruja berkongsi proposal kajian dengan ahli panel menyebabkan tak terasa tempoh tersebut berlalu.

Hendak dijadikan cerita, entah macam mana keesokan harinya saya berkunjung ke *Shopping Complex Alamanda Putrajaya* dan terserempak dengan salah seorang panel temu duga. Saya tegur panel tersebut sebab saya amat mengenali beliau setelah sejam berada dalam sesi temu duga semalam. Beliau pun turut mengenali saya. Beliau terus memberitahu saya bahawa panel seorang lagi tertarik dengan respons saya dalam temu duga semalam. Sebenarnya saya tidak bertanya tentang hal temu duga. Malu dan mungkin dianggap tidak profesional.

Saat menyemak keputusan permohonan HLP telah tiba. Saya menyemak keputusan permohonan secara *online*. Berdebar, antara berjaya atau tidak. Alhamdulillah keputusan BERJAYA. Terasa mata macam masuk habuk. Air mata kesyukuran cuba mengalir tapi ego lelaki berjaya menyekanya. Namun, jauh di lubuk hati rasa penuh kesyukuran dipanjatkan kepada Pemberi Nikmat. Berita gembira ini saya kongsi bersama-sama isteri, anak-anak dan rakan sekerja. Ucapan tahniah daripada mereka kepada saya. Syukur halangan pertama berjaya dilepasi.

“Ustaz buat Ph.D nak kerja kat U ke?” Persoalan itu timbul sebab saya mengajar di sekolah. Mungkin pada pandangan mereka setakat mengajar di sekolah tak perlulah ada Ph.D. Kalau adapun *Master* sudah mencukupi. Tapi saya sudah ada jawapan bagi soalan tersebut dan jawapan tersebutlah yang mendorong saya menyudahkan pengajian sarjana saya. Sekarang sedang menuju ke tangga Doktor Falsafah. Jawapan saya ialah SAYA MENYEDIAKAN DIRI SAYA DENGAN SISTEM DAN KEPERLUAN. Maksudnya sistem dan keperluan dalam pendidikan akan sentiasa berubah. Dulu nak jadi guru memadai dengan Sijil Perguruan. Kemudian, perlu kepada Ijazah Pertama. Mungkin keperluannya kepada Ijazah Sarjana. Tidak mustahil pada masa hadapan keperluannya adalah Ijazah Doktor Falsafah. Saya sentiasa mahu menjadi pemain utama dalam bidang pendidikan. Mahu sentiasa berada di barisan hadapan. Kalau disusun kelulusan pendidikan tertingginya adalah Ph.D. Kemudian *Master* dan minimum *Bachelor* maka saya berada dalam kelompok itu.

Tapi perjuangan sebenar masih belum bermula sehinggalah saya mendaftarkan diri menjadi pelajar Ph.D pada bulan Julai 2006. Kehidupan sebagai seorang pelajar Ph.D sudah bermula. Cabaran, dugaan dan pahit manis bakal dirasakan. Memang benar orang kata Ph.D ialah *Parmenant Head Damage*. Sampai ke suatu tahap saya berasa mahu sahaja panjat tangga Bahagian Tajaan, KPM untuk beritahu bahawa saya tidak mampu meneruskan pengajian dan mahu tarik diri dari HLP. Tapi bila difikirkan perkara yang bernilai memang perlukan pengorbanan yang benar. Lagipun memang ini yang saya mahukan, iaitu belajar ke peringkat paling tinggi. Saya katakan pada diri sendiri bahawa peluang sudah ada. Manfaatkan peluang ini sebaik mungkin. Kesyahan dan cabaran memang mendahului kejayaan. Bak kata orang bijak pandai, “Berakit-rakit ke hulu berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian”.

Prinsip “Kalau kita tak buat, siap lagi nak buat” menjadi pembakar semangat juang saya dalam mengemudi bahtera Ph.D. mengharungi ombak dan badai demi segulung ijazah bakal menaikkan maruah diri sebagai pendidik bangsa demi kesejahteraan agama dan negara tercinta. Saya berusaha menyelamatkan diri dari hanyut, tenggelam dan lemas dalam samudera alpa diri dan fungsi sebagai pelajar Ph.D. Terlalu banyak pengalaman dan pengajaran yang saya ceduk sepanjang hidup sebagai pelajar Ph.D. Pelbagai falsafah, antaranya ialah bergeraklah walaupun selangkah atau setapak, pasti kita akan ke hadapan. Buatlah kerja kita walaupun sedikit lebih baik daripada tak buat apa-apa. Tidak lupa juga suatu pengalaman yang tak dapat saya lupakan, iaitu saya berjaya mengikuti sehingga tamat sinetron Indonesia bertajuk “Anakku Bukan Anakku”. Banyak juga pengajaran yang saya petik daripada kisah tersebut.

Setelah semua perjalanan tersebut saya lalui dengan kecekalan, sabar, doa dan sokongan semua pihak terutamanya keluarga, penyelia dan rakan-rakan akhirnya saya berjaya menjalani viva dan setelah melakukan pembetulan dan tempoh yang diberi akhirnya saya berjaya berada dalam majlis konvokesyen di DECTAR untuk menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam pendidikan Bahasa Arab. Saat bersejarah itu lebih manis apabila emak dan ayah serta isteri turut berada di dalam dewan tersebut menyaksikan Dr. Jefridin bin Pilus menerima segulung Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih emak, ayah, isteri, anak-anak dan tak lupa kepada KPM yang telah menjadikan saya pemain utama dalam arena pendidikan.

Jefridin bin Pilus, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Pada bulan September 2011 mencatat sejarah bermulanya kehidupan saya sebagai pelajar Doktor Falsafah (Ph.D) sepenuh masa di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pendidikan di peringkat Bachelor dan *Master* di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum ini adalah secara separuh masa dengan perbelanjaan sendiri. Alhamdulillah, kali ini pendidikan di peringkat Ph.D dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) oleh Bahagian Tajaan Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setinggi kesyukuran kehadiran-Nya kerana permohonan kali kedua untuk menyambung pengajian di peringkat Ph.D membuahkan hasil dengan berjaya dalam temu duga dan ditawarkan CBBPTB.

Saya telah ditawarkan untuk menjadi Penolong Penyelidik (GRA) kepada Prof. Dr. Zamri bin Mahamod dengan Geran Universiti Penyelidikan (GUP). Tawaran tersebut menjadi titik-tolak untuk mendalami kaedah lapangan dalam menjalankan kajian di empat buah sekolah. Dengan menjadi GRA, membantu saya untuk menjalankan kajian sebenar Ph.D. Memudahkan urusan dengan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah dan guru bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian.

Setelah menyiapkan GUP, saya mula mengorak langkah membenteng kajian yang telah dibuat di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, Indonesia. Seterusnya, kajian tersebut diterbitkan dalam e-jurnal UKM. Pada tahun 2012, berakit pula untuk pembentangan tesis di peringkat usulan. Komen yang membina daripada Prof. Datin Juriah Long diambil kira untuk memperbaiki kelompongan yang ada. Berbekalkan semangat oleh penyelia utama, iaitu Prof. Madya Dr. Jamaludin Badusah (ketika itu masih Dr.) dan penyelia ke-2, iaitu Prof. Dr. Zamri Mahamod; penulis menjalankan kajian lapangan dengan melakukan kajian rintis dan kajian sebenar Ph.D di sekolah dengan tajuk kajian: “Keberkesanan Modul SALAK DIDIK dalam Penulisan Karangan”.

Hampir setahun menjalankan penyelidikan dengan pengumpulan data-data ujian pra, ujian pos, temu bual dan pemerhatian. Kini, data-data mentah perlu dianalisis dengan perisian SPSS dan NVivo. Tanpa pengalaman di peringkat Bachelor dan *Master* untuk menganalisis data, sudah pasti amat memeritkan. Dalam keperitan ada jalan ke arah penyelesaian masalah. Alhamdulillah, seorang sahabat yang juga pelajar Ph.D sedia berkongsi ilmu. Beliau yang dimaksudkan ialah En. Zakri bin Abdullah yang kini telah bergelar Dr. dan bertugas di IPG Kampus Raja Melewar. Wakaf di sekitar Fakulti Pendidikan, UKM dan pusat sumber menjadi saksi keintiman kami sebagai sahabat yang kerap bersoal jawab dalam perkongsian ilmu. Ibarat guru dengan murid. Tak faham bertanya. Daripada tidak tahu langsung tentang SPSS dan NVivo, saya mula merangkak memahami cara untuk menganalisis data. Seterusnya, berjinak-jinak dengan kursus-kursus yang dianjurkan oleh Persatuan Siswazah Fakulti Pendidikan untuk menambahkan ilmu pengetahuan mencari maklumat dengan mudah dari jurnal, buku, menggunakan *Mendeley* dan kemahiran menggunakan *MS-Word* untuk rangka kerja tesis.

Pada bulan Mei, 2013; mula mengorak langkah menjalankan pembentangan tesis di peringkat kemajuan berdasarkan dapatan kajian rintis dan kajian sebenar yang telah dijalankan. Pada tahun 2014, saya dan isteri menerima tawaran bagi kali ketiga untuk mengerjakan haji oleh pihak Tabung

Haji. Sebelum itu, telah dua kali menolak tawaran untuk mengerjakan haji, iaitu pada tahun 2007 dan 2008. Tawaran kali ketiga oleh Tabung Haji tidak boleh dilepaskan begitu sahaja pada kali ini dan panggilan “Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu Ya Allah”, benar-benar meruntun kalbu menggamit kami untuk menghadirkan diri ke Tanah Suci. Tinggalkan barang seketika penulisan tesis.

Umum mengetahui bahawa terdapat banyak tempat mustajab untuk berdoa di Mekah dan Madinah. Salah satu doa yang saya panjatkan ialah dapat menyiapkan tesis dan lulus dengan jayanya. Sekembali dari Tanah Suci, bergegas menyiapkan tesis untuk pembentangan di peringkat pemantapan. Tahun 2015, penulis mengambil langkah proaktif dengan membentang tesis di peringkat pemantapan. Komen-komen oleh pembaca dalam cuba diselami untuk penambahbaikan penulisan tesis. Saya juga sempat menyertai Pertandingan K-Inovasi anjuran UKM bersama-sama penyelia sebelum cuti belajar berakhir. Alhamdulillah, kami berjaya meraih pingat perak.

Legasi menyertai pertandingan inovasi diteruskan lagi di peringkat IPG Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) bersama-sama rakan di Jabatan Pengajian Melayu dan berjaya meraih pingat emas. Seterusnya, saya dan rakan-rakan mewakili IPGKPI ke Pertandingan Kreativiti dan Inovasi IPG Peringkat Kebangsaan dan turut meraih pingat emas. Alhamdulillah, bertali-temali kesyukuran kepada-Mu Ya Ilahi.

Hari berganti bulan, bulan berganti tahun. Menjelang 20 April 2016, saya menempuh viva dengan iringan doa restu daripada bonda tercinta sebulan sebelum bonda koma di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru akibat penyakit tiga serangkai. Kompilasi jantung, kencing manis dan darah tinggi.

Setiap kali sebelum menaiki kenderaan untuk pulang ke rumah selepas menziarahi bonda, saya akan bersalaman dengan bonda. Kata-kata terakhir bonda masih terngiang-ngiang di gegandang telinga.

“Mak doakan semua hajat Andak (kata panggilan untuk saya dalam keluarga) dimakbulkan Allah. Tercapai semua hajat yang anak-anak mak, nak. Insyaa-Allah”.

Sehingga kini kata-kata bonda tetap terpahat dalam memori. Terima kasih bonda dengan doa yang dititipkan buat setiap anakanda bonda. Masing-masing ada hajat yang tersendiri. Semoga bonda tenang di alam barzakh dan dicucuri rahmat serta tergolong dalam golongan insan solehah. Amin. Kembalinya bonda mengadap Ilahi pada 23 April 2016, iaitu tiga hari selepas saya menempuh viva.

“En. A.Rahman bin Haron. No. Matrik: P62681. Tahniah, saudara LULUS”.

Itulah antara ungkapan yang meluncur keluar dari mulut pengerusi viva yang masih terakam indah dalam lipatan sejarah. Susah payah dan pahit getir menempuh liku-liku hidup sebagai pelajar siswazah peringkat Doktor Falsafah.

“Lulus. Alhamdulillah. Syukur kehadiran-Mu Ya Allah yang telah mengabulkan permintaan hamba-Mu ini”.

A. Rahman bin Haron, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Aku mencabar diri sendiri untuk menyambung Ph.D selepas lulus *Master* Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2000. Belajar *Master* sambil bekerja sebagai guru dengan perbelanjaan sendiri. Cukup tiga semester aku lulus, jadi semangat untuk menuntut ilmu diteruskan walaupun sibuk dengan kerjaya dan anak-anak yang masih bersekolah. Tidak ada sahabat yang sama-sama lulus *master* yang menyambung Ph.D pada masa itu tetapi aku nekad walaupun tanpa biasiswa aku teruskan juga dengan perbelanjaan sendiri pada tahun 2003. Aku memilih struktur A, iaitu belajar dengan menulis tesis tanpa kuliah. Hanya ada perbincangan dengan penyelia aku sahaja, iaitu Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah. Nampak belajar Ph.D senang tetapi hidup masa belajar itu juga susah dan mencabar kerana sibuk dengan tugas sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu di SMK Seri Indah, Daerah Petaling, Selangor dan ibu kepada anak kecil berusia dua tahun.

Belajar secara sambilan memerlukan aku memilih membuat tesis dengan kaedah analisis kandungan, iaitu lebih kepada analisis teks kerana aku tidak banyak masa untuk keluar selalu untuk membuat penyelidikan kecuali ke perpustakaan universiti di Lembah Kelang. Jadi, aku memilih lima buah novel Sasterawan Negara, Abdullah Hussain, iaitu Imam, Masuk Ke dalam Cahaya, Interlok, Terjebak dan Konserto Terakhir. Kata penyeliaku, untuk tahap Ph.D perlu mengkaji sekurang-kurangnya lima buah novel. Fuh, berpinar mataku membaca novel-novel yang tebal kecuali novel Konserto Terakhir yang merupakan novel untuk pelajar tingkatan lima yang aku gunakan untuk mengajar.

Aku memilih tajuk tesis, RETORIK DALAM NOVEL-NOVEL ABDULLAH HUSSAIN. Retorik bermaksud penggunaan bahasa secara berseni, berketerampilan dan berkesan sama ada dalam pertuturan atau penulisan. Dari aspek keterampilan komunikasi, retorik bermaksud kebijaksanaan dan kepandaian bertutur atau berhujah dengan menggunakan bahasa secara efektif untuk mempengaruhi khalayak atau pendengar. Dari perspektif penulisan pula, retorik merupakan seni penulisan yang menggunakan bahasa yang indah, bergaya, menarik dan berkesan dalam mempengaruhi pembaca. Seiring dengan pemahaman terhadap konsep ini, kajian dalam bidang linguistik yang menggunakan lima buah novel karya Abdullah Hussain sebagai bahan kajian dilaksanakan. Pemilihan novel sebagai bahan kajian amat sesuai kerana novel merupakan alat retorik yang mempersembahkan cerita sambil menerapkan pemikiran dan mesej tentang peristiwa dan kehidupan manusia. Syukur kerana penyelia dapat menerima tesis yang dicadangkan.

Pada aku nampak senang belajar Ph.D. Seronok sangat. Cuma nak menulis bahan-bahan yang telah dikumpulkan, Allah saja yang tahu. Memang masalah ini tak ada kesudahannya dan apabila perlu menghantar draf dan bahagian yang ditetapkan penyelia, mulalah aku menulis tak kira waktu sama ada petang atau sebelum subuh. Jika tidak, penyelia akan menelefonku bertanyakan khabar apabila aku tidak muncul di hadapannya. Opps, memang penyeliaku amat berdisiplin dari segi masa. Katanya kalau aku tidak selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan pelajar lain tidak ada peluang untuk memilih dia sebagai penyelia. Betul juga dan yang penting duit yuran tidak perlu dibazirkan untuk masa yang lama. Berurusan dengan Pusat Siswazah UPM juga satu hal yang mengambil masa walaupun sistem secara *on-line*. *Targetku*, dalam tempoh empat tahun tesis perlu siap.

Proses menulis, mengkaji dan membuat penyelidikan amat memerlukan kesabaran yang tinggi sebab apa-apa yang ditulis ada yang tidak menepati sasaran penyelia. Banyak bukti dan sokongan diperlukan bagi sesuatu fakta yang dinyatakan. Membuat pembetulan dan membuat penambahbaikan kadang-kadang menyebabkan aku berhenti memberi tumpuan kepada penulisan. Kadang-kadang apabila hendak mula menulis, aku sendiri sudah lupa setakat mana hasil penulisanku. Aku pernah menanggung pengajian selama dua semester sepanjang pengajian Ph.D. Banyak komitmen lain yang perlu diselesaikan termasuk tumpuan kepada tiga orang anak yang sedang belajar di universiti pada masa itu, yang pertama di Universiti Sains Islam Malaysia, yang kedua dan ketiga di Universiti Teknologi Petronas. Doaku juga semoga anak-anakku dapat mengikut jejakku untuk belajar sehingga tahap tertinggi. Alhamdulillah, sehingga kini anak pertama telah menyambung *Master Young Leaders Programme*, di Universiti Nagoya, Jepun dalam bidang Sains Kesihatan dengan biasiswa kerajaan Jepun. Alhamdulillah, telah tamat dengan segulung Ijazah Sarjana dalam tempoh setahun. Moga dia akan meneruskan pengajian ke peringkat Ph.D.

Masih teringat semasa mula *submit* tesis untuk viva, datang perasaan masih kurang percaya aku menghampiri fasa akhir pengajian Ph.D. Lama juga masa yang diambil oleh penyelia untuk membaca dan memeriksa. Alhamdulillah, syukur dengan doa dan keyakinan aku berjaya dalam sesi viva dengan penyelia luar, iaitu Profesor Norhashimah Jalaluddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada hari Jumaat, awal Januari 2008. Selepas membuat pembetulan tesis seperti yang diminta, aku mengisi borang untuk *binding hardcover*. Sebanyak tujuh salinan siap dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah UPM dan itu menandakan pengajianku telah tamat. Hari konvokesyen yang meriah pada tahun 2008 amat bermakna bagiku kerana diraikan dalam suasana yang gemilang. Jutaan terima kasih kepada keluargaku yang amat memahami dan saling membantu sehingga aku berjaya. Terima kasih juga kepada barisan penyelia terutama Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat. Alhamdulillah, syukur kepada Allah.

Tujuan aku menulis adalah untuk tatapan bagi mereka yang masih belajar dan akan belajar ke peringkat Ph.D.

1. Sebagai motivasi supaya mereka terus kuat dalam menempuh cabaran semasa belajar. Kita akan lebih kuat dalam belajar kalau niat kita hendak bangunkan agama, ummah dan negara berbanding belajar hanya untuk diri sendiri sahaja.
2. Sebagai panduan, jika sudah berkahwin, kejayaan hanya akan datang jika pasangan dan anak-anak kita benar-benar faham akan sikap dan niat kita dan sanggup berkorban untuk kita dan kita perlu menghargai segala pengorbanan mereka.
3. Semoga anak-anak juga akan belajar hingga berjaya dan cemerlang dalam kerjaya masing-masing.

Sobariah binti Baharum, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Dalam hidup ini, kita mempunyai pilihan. Tapi yang pasti, kita perlu membuat pilihan. Sama ada mahu ataupun tidak melakukan pilihan yang dibuat itu, terpulang kepada kita. Inilah catatan perjalanan diriku dalam menggapai segulung Ijazah Doktor Falsafah. Orang kata, itulah tingkat pencapaian ilmu formal yang tertinggi. Tapi bagi diriku, bukan tingkat tertinggi ilmu itu yang aku kejar, akan tetapi kepuasan diriku dalam menggali ilmu yang Allah Taala berikan peluang kepada hamba-Nya. Pernah orang bertanya diriku, adakah aku berbangga dengan Ph.D yang diperoleh? Sejujurnya, bukan kebanggaan yang aku mahukan kerana takut diriku menjadi riak dan sombong dengan ilmu yang Allah pinjamkan ini. Tetapi, walaupun memperoleh Ph.D ini, aku merasakan banyak lagi ilmu yang aku perlu pelajari sama ada ilmu duniawi ataupun ilmu ukhrawi.

Kisah perjalanan diriku dalam menggapai Ph.D ini bermula dengan angan-angan sahaja. Berangan-angan untuk melemparkan *bonnet* ke langit. Segalanya adalah angan-angan satu ketika dahulu. Ibuku pernah berpesan, berangan-angan tanpa usaha tidak menghasilkan apa-apa. Mahukan sesuatu perlu berusaha untuk mencapainya. Mungkin kebetulan dan rezekiku apabila bertugas menjadi seorang kaunselor satu masa dahulu. Menjadi pendengar yang setia kepada orang lain. Menjadi seorang yang sering memotivasikan orang lain. Mungkin itu antara ganjaran yang Allah janjikan kepada hambanya yang mempermudah urusan orang lain dan mungkin juga doa-doa orang lain yang pernah aku bantu satu ketika dahulu.

Mungkin keberkatan doa yang mereka titipkan buat diriku, Allah memberikan aku peluang untuk menimba ilmu. Hanya dengan sekali permohonan, aku ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa. Alhamdulillah, Allah mempermudah urusanku. Aku berangan-angan untuk mempunyai Ph.D sebelum umur 45 tahun tetapi Allah mempercepatkannya pada usia 37 tahun. Apabila mendapat tawaran tersebut, aku terfikir adakah aku mampu melalui perjalanan menggapai Ph.D ini sebaiknya. Adakah aku bersedia untuk mengharunginya. Kerana sering kali aku lebih banyak mendengar cerita-cerita yang menakutkan tentang proses mendapat Ph.D berbanding cerita-cerita yang menggembirakan.

Setelah memohon petunjuk daripada Allah dan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada keluargaku terutama ibu dan isteri, aku tidak menoleh ke belakang lagi. Ibarat kata pepatah, 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.' 'Genggam bara api biar sampai menjadi arang.' Mahu berjaya, perlukan DUIT (Doa, Usaha, Istiqamah, Tawakal). Itulah yang aku pegang dulu, kini dan selamanya. Melangkah menjadi seorang calon Ph.D memerlukan aku mengorbankan sesuatu dalam hidupku. Aku amat bersyukur kerana diberi keluarga yang memahami dan menyokong aku sepenuh hatinya.

Sepanjang menjadi calon Ph.D, banyak cerita pahit dan manis telah aku lalui. Aku sungguh bernasib baik kerana mendapat 3 orang ahli jawatankuasa penyeliaan yang sangat membantu dan mereka mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain. Apatah lagi, penyelia utama yang aku lihat sangat berdedikasi dan komited. Paling penting semasa menjadi calon Ph.D ini, hubungan dengan rakan-rakan sepengajian perlu dibina. Tidak rugi mempunyai ramai sahabat daripada tiada langsung.

Malahan, hubungan dengan para pensyarah terutamanya penyelia perlu dijaga sebaik mungkin. Adat belajar dan berguru, terasa dengan kata-kata mereka itu adalah biasa. Jangan jadikan itu sebagai pelemah diri tetapi jadikan ia sebagai muhasabah dan motivasi diri.

Tapi, apa yang paling penting segala usaha yang dilakukan semasa proses mendapatkan Ph.D itu adalah lahir dari diri kita sendiri bukannya orang lain. Itulah kemanisan belajar namanya. Daripada tidak tahu menjadi tahu. Daripada kurang membaca kepada banyak membaca. Rugi besar bagi orang yang tidak mahu bersusah payah mencari ilmu tetapi mengharapkan orang lain memberi dan menunjukkan ilmu kepadanya. Bak kata pepatah, 'bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian.' Apalah maksudnya jika kita mendapat Ph.D hasil upahan dan pembikinan orang lain tetapi kita hanya membentangkannya malahan bangga seolah-olah kita yang membinanya.

Pengalaman mengutip data mengajar aku erti kemanusiaan dan kesabaran. Tidak rugi jika kita mempermudah urusan orang lain. Apalah untungnya jika kita merumitkan urusan orang lain. Hal ini menjadi pengajaran buat diriku agar mempermudah urusan orang lain yang memerlukan bantuan kita. Jangan kita mengharapkan balasan daripada manusia tapi haraplah balasan daripada Allah. Jangan sesekali tagih pujian dan penghargaan manusia atas bantuan yang dihulurkan tapi yakinlah dengan janji Allah, iaitu buat baik akan dibalas dengan kebaikan juga. Sama ada cepat atau lambat Allah tetap akan beri ganjaran atas kebaikan kita itu.

Akhirnya, aku berjaya juga sampai ke penghujung pencarian dalam menggapai Ph.D. Syukur tidak terkira kepada Allah kerana mengizinkan aku menamatkan pengajian. Lulus dalam peperiksaan lisan (*viva voce*) dan menghasilkan naskah tesis adalah satu momen yang mengharukan kerana aku sendiri tidak mampu untuk menyatakan bagaimana perasaan itu. Mungkin inilah yang dikatakan hanya pemilik Ph.D sahaja yang mampu merasai dan memahami apa yang dilalui oleh calon Ph.D. Tetapi mungkin pengalaman setiap orang adalah berbeza-beza semasa menjadi calon Ph.D.

Sejujurnya, apa yang dapat dikatakan dalam menggapai Ph.D ini, perlu fokus dan usaha yang tinggi untuk tamat dengan jayanya. Cepat atau lambat bukan isunya kerana bukan mudah untuk menamatkannya. Proses mendapatkan Ph.D ini adalah satu proses yang menyeronok tetapi bukanlah proses untuk berseronok-seronok. Hendak seribu daya, tidak mahu seribu dalih. Jangan orang lain melakukannya untuk kita tetapi biar kita melakukannya sendiri. Jaga hubungan dengan Allah. Hormatilah orang yang berkorban buat kita seperti ibu, ayah, suami, isteri atau anak-anak. Insya-Allah proses ini menjadi mudah. Proses mendapatkan Ph.D ini tidaklah terlalu sukar sebenarnya tetapi bergantung kepada bagaimana cara calon itu berhadapan dengan proses tersebut. Jangan melawan arus jika tidak mahu lemas. Letakkan diri kita sebagai orang yang serba tidak tahu dan carilah ilmu bagi memenuhi kekurangan tersebut. Apa yang penting setelah memperoleh Ph.D ialah diri kita menjadi semakin *tawaduk*. Semoga dengan Ph.D yang diperoleh mampu memberi manfaat kepada orang lain.

Mahazi bin Si Harun, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

“Dengan ini kami memaklumkan bahawa anda telah lulus dengan pembetulan”.

Saat itu saya terasa sebak. Mata saya berkaca. Alhamdulillah, syukur yang sangat *extravaganza*.

“Dipersilakan saudari untuk memberi ucapan”.

Saya sedikit terkejut kerana tidak menyangka akan diberi peluang untuk membuat ucapan dalam sesi *viva*.

“Alhamdulillah, syukur kepada Allah”, suara saya tersekat di situ. Hati saya sangat hiba walaupun sepatutnya saya bergembira. Dalam kepala saya terbayang perjalanan Ph.D saya yang manis dan pahit bersilih ganti.

“Terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, suami dan keluarga saya, penyelia saya, para pemeriksa, panel viva saya pada hari ini. Sesungguhnya hari ini adalah kemuncak kepada perjalanan Ph.D saya”. Saya terhenti lagi. Saya tertanya-tanya, apakah yang paling saya kenang sepanjang perjalanan Ph.D saya?

“Saya telah lalui pelbagai cabaran untuk sampai ke tahap ini. Sepanjang tempoh ini, saya telah dua kali mengandung dan dua kali bersalin”. Secara serentak semua panel saya tersenyum panjang. Ada yang mengangguk-anggukkan kepala sambil ketawa kecil.

Ya, sepanjang tempoh tiga tahun lebih sepanjang pengajian Ph.D, Allah SWT mengurniakan dua orang anak kepada saya. Yang pertama semasa saya di peringkat pembentangan proposal pada tahun 2012 dan yang kedua semasa saya sibuk menyiapkan draf akhir tesis untuk dihantar bagi tujuan *viva* pada tahun 2015. Alhamdulillah.

Ramai yang bertanya kepada saya, bagaimanakah saya menyiapkan Ph.D dengan dua kelahiran *baby*? Saya tidak ada jawapan khusus. Semuanya dengan pertolongan Allah jua. Tidak dinafikan juga suami saya banyak membantu. Pada fasa pertama kehamilan *baby* Ph.D pertama, saya mengalami alahan yang agak teruk selama hampir 3 bulan. Jadi, saya banyak menghabiskan masa di rumah kerana tidak berdaya untuk berjalan jauh. Apabila sedikit kuat, saya mula berulang-alik ke perpustakaan kerana pada masa itu saya sedang bertungkus lumus menyiapkan proposal saya. Hampir setiap hari saya akan ke perpustakaan dengan bekalan penting di dalam beg sandang saya; minyak cap kapak, biskut kosong dan pelbagai jenis asam. Oleh kerana dalam tempoh itu saya cepat lapar dan perut tidak boleh dibiarkan kosong, saya juga terpaksa berhenti beberapa kali untuk minum pagi,

makan tengah hari dan minum petang. Jarak dari perpustakaan ke kafetaria pula agak jauh tetapi saya gagahkan juga untuk mengisi perut. Jika setakat biskut dan asam, sudah tentulah saya curi-curi makan di perpustakaan sahaja!

Begitulah keadaannya sehinggalah kehamilan saya masuk ke bulan terakhir. Semakin perut saya membesar, semangat saya semakin kuat untuk menyiapkan proposal. Sering kali saya berinteraksi dengan *baby* agar dia juga kuat dan tidak meragam. “Jangan keluar awal sangat ye *baby*, ummi nak bentang proposal ni. Lepas dah bentang baru kita jumpa ye”. Berkat pertolongan Allah SWT, akhirnya saya berjaya menyiapkan proposal tersebut. Alhamdulillah, saya juga berjaya membentangkan proposal saya lebih awal berbanding rakan-rakan yang lain. Di saat itu, perut saya seakan-akan sudah mahu meletup. Patutlah, kerana dua minggu kemudian, *baby* Ph.D saya pun menjenguk dunia.

Selepas bersalin, saya terpaksa melupakan seketika urusan Ph.D saya kerana ingin memberi fokus kepada *baby* dan penyembuhan diri. Beberapa bulan selepas itu barulah saya mula menyambung kembali kerja-kerja Ph.D dengan fasa mengutip data.

Alhamdulillah, kandungan kedua saya juga tidak banyak masalah. Sewaktu usia kandungan 34 minggu, cuti belajar saya telah tamat dan saya melaporkan diri untuk kembali bekerja. Pada masa yang sama, saya telah berjaya membentangkan fasa akhir kajian saya. Semangat yang sama juga saya rasakan pada masa itu, seolah-olah kekuatan itu berada pada *baby* yang diusung ke sana sini. Oleh kerana saya sudah mula bekerja semula, saya tidak memiliki begitu banyak masa untuk menyiapkan draf akhir tesis, maka saya terpaksa mencuri waktu tidur untuk menyiapkan draf tersebut. Pada waktu ini, suamilah yang banyak membantu menguruskan anak yang lain serta memberi masa kepada saya untuk fokus kepada draf tesis. Benarlah kata orang, dalam kesempitan itu ada kekuatan dan bersama kesusahan itu ada kesenangan. Berakit-rakit dahulu, bersenang-senang kemudian. Dengan izin Allah, sewaktu *baby* berusia hampir 5 bulan, saya telah lulus viva dengan pembetulan *minor*.

Melalui *baby* Ph.D, saya belajar banyak perkara:

1. Segala perjalanan hidup kita bukanlah di tangan kita. Semuanya di tangan Allah. Yakinlah dan percayalah bahawa semua ketentuan Allah itu datang bersama hikmah dan keajaiban yang kadang kala tidak dapat ditelah oleh akal manusiawi.
2. Kesusahan dan kesempitan bukanlah penutup jalan tetapi sebenarnya adalah pembuka kepada jalan yang lebih panjang. Fikirlah dengan celik hati, pasti akan terbentang luas pintu keluar.
3. Mendapat peluang Ph.D ialah rezeki, dikurniakan *baby* semasa Ph.D juga ialah rezeki. Bersyukurlah dan uruskanlah semua komitmen dengan bijaksana. Susun keutamaan kita, mana yang lebih penting dan yang lebih *urgent* pada satu-satu masa.

4. Kita tidak pernah terlalu ‘tua’ untuk mendapat *baby*! Bersyukurlah jika kita dikurniakan anak yang ramai, itulah aset akhirat kita.

Semoga dua orang *baby* Ph.D saya, Muhammad dan Munzir, bersama-sama abangnya Muaz dan kakak-kakaknya Nuwailah dan Nusaibah menjadi anak soleh dan solehah dan dapat menuntut ilmu ke tahap yang lebih tinggi daripada Ph.D, Insya-Allah. Doa ummi sentiasa bersama kalian semua.

Allahumma amin. Makbulkanlah Ya Allah.

Ainon binti Wazir, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Tanggal Mei 2008 (Ingat-ingat lupa), satu berita baik telah kuterima. Betapa gembiranya ahli keluargaku sebaik ketahuan aku berjaya mendapat tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Selain suami, anak-anak, ibu dan adik beradik, ayahku adalah antara orang yang amat berbangga dan gembira denganku. Aku anak ketiganya yang dianggap bertuah. Wajah ayahku yang dimamah usia itu bertambah bersih dan berseri-seri sebaik mendengar berita ini kerana beliaulah yang selalu bertanya bila nak sambung pengajian hingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran.

Tiga hari selepas mendapat keputusan tawaran HLP, ayahku ke Sabah bersama ibuku kerana menziarahi anak dan menantunya yang berkelana mencari rezeki Allah di bumi Bawah Bayu itu. Sekembalinya ayahku ke Semenanjung setelah dapat melepaskan rindu dengan anak cucu di sana, ayahku singgah di rumahku sehari dua. Ketika itu aku merupakan seorang warden di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Malam itu, aku, suami dan anak-anakku duduk berkerumun mengelilingi ayahku kerana beliau sedang membuka beg kargo yang kukira seberat 25 kilogram. Sambil tersenyum simpul, ayahku menunjukkan sepasang *bush jacket* berwarna coklat yang berharga lebih RM500. Aku melihat sut yang bagiku cukup mahal dan halus jahitannya. Menurut ayahku, sut tersebut dibeli di sebuah pasaraya yang terkenal di Kota Kinabalu. Aku hairan kenapa ayahku membeli sut yang kukira dari segi kemunasabahan dan keperluannya membeli sut semahal itu. Masakan tidak, bilakah sut itu hendak dipakai sedangkan ayahku merupakan pesara kerajaan yang telah lama meninggalkan dunia pekerjaannya. Ayahku merenungku. Mungkin ayahku memahami apa yang bermain di kotak fikiranku lantas dia menyatakan bahawa sut tersebut tidak akan dipakai melainkan khas untuk majlis konvokesyenku nanti. Aku terkejut dan terdiam. Kelu dan tidak tahu untuk berkata apa-apa. Aku sungguh terharu seolah-olah HLP itu adalah untuknya. Ya Allah betapa ayahku menunjukkan kebanggaan dan kesungguhannya terhadap diriku walaupun aku hanya memaklumkan sahaja bahawa aku berjaya mendapat tawaran untuk cuti belajar. Belum ada hitam putihnya secara rasmi, hanya diperoleh secara maya sahaja. Namun, kesungguhan dan kebanggaan ayahku ini tidak mungkin dianggap sepi.

Sesungguhnya Allah Maha Kaya. Perancangan Allah lebih hebat daripada perancangan manusia. Ayahku telah dipanggil ke alam baqa sebaik menamatkan puasa enam dalam bulan Syawal 2008. Ia merupakan hari ke tujuh, iaitu sehari selepas puasa enam. Menurut ibuku, ayahku telah jatuh ketika mengambil wuduk untuk memunaikan solat Zuhur. Berita yang kuterima itu amat mengejutkan dan amat menyedihkan. Tambahan pula, masih lagi dalam bulan Syawal yang mulia. Kini hilanglah seorang insan yang amat kusayangi. Seorang insan yang sering membakar semangat anak-anaknya agar cintakan ilmu sejak dari bangku sekolah lagi. Walaupun aku telah berkeluarga, layanan ayahku tetap sama. Ayahku tetap membakar semangat anak-anaknya agar jangan ada istilah jemu dalam menuntut ilmu biarpun telah beranak-pinak. Perginya bersama harapan agar aku perlu meneruskan perjuanganku untuk memperoleh kejayaan dalam pengajianku kelak.

Aku terkenang ketika malam hari di rumah ibu ayahku di kampung. Selepas pengkebumian ayah, kami semua berkumpul membaca al-Quran dan bertahlil. Sebaik selesai, ibuku mengeluarkan semua pakaian almarhum ayahku. Ibu meminta supaya semua anak-anak mengambil apa sahaja yang boleh dipakai dan dimanfaatkan. Moga jariah itu sampai jua kepada ayahku di alam barzakh.

Tidak semena-mena, sekilas mataku memandang ke arah sut yang berwarna coklat yang amat kukenali. Adik-beradikku berbisik dan memegang sut tersebut dan mengatakan tidak sempat arwah mengenakan sut itu dan dah pergi menghadap Ilahi. Ada yang menyatakan memang tidak dipakai langsung sut tersebut sebab akan dipakai ketika konvolesyen aku nanti. Aku tidak tahan mendengar kata-kata mereka walaupun itu hanya sebagai pernyataan sahaja dan bukan bertujuan untuk mengenakan aku. Aku juga tidak tahan melihat *bush jaket* coklat yang masih baru dan masih terlipat kemas. Ia menyebabkan aku lebih mengingati kata-kata ayahku tentang sut tersebut. Masih teringat dan terbayang wajahnya yang begitu bangga denganku walaupun aku tidak tahu apa yang bakal berlaku. Lantas aku berlari naik ke bilikku dengan hamburan air mata sambil mencapai sehelai shawl tebal yang menjadi sejadah kegemaran ayahku buatan dari Pakistan. Ia sepatutnya digunakan oleh arwah ayahku pada siang tadi untuk menunaikan solat Zuhur selepas berwuduk. Namun tidak kesampaian. Ia masih terhampar kaku di satu sudut di ruang rehat keluarga di bahagian atas rumah. Itu ruangan kegemaran bapakku untuk bermunajat kepada Allah SWT. Aku memeluk shawl tersebut sambil mencium bau harumnya, Bau harum almarhum ayahku kerana berasa teramat rindu dan sedih atas kehilangannya.

Aku seolah-olah tidak dapat menerima kenyataan dan masih tidak mempercayai bahawa ayahku telah pergi menghadap Ilahi. Aku mengurungkan diri di dalam bilikku dan menutup wajahku dengan shawl tersebut. Aku menangis dan menangis hingga basah kuyup shawl tersebut. Sambil menangis aku membacakan al-Fatihah dan surah al-Ikhlas berkali-kali serta niat untuk dihadiahkan kepada arwah ayahku. Suamiku yang perasan dengan tindakanku itu menasihatkan aku agar perbanyakkan zikrullah dan banyakkan membaca ayat suci al-Quran serta hadiahkan kepada arwah ayahku. Suamiku juga meminta agar aku bersabar dan jangan terlalu menangiisi pemergian ayahku, tidak baik dan bukan sifat seorang mukmin.

Aku beristighfar memohon ampun kepada Allah SWT, kkuatir tindakanku itu seolah-olah aku tidak redha dengan takdir Allah SWT. Kini aku telah berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah walaupun banyak onak dan duri namun kuharungi jua walaupun ada ketikanya rasa ingin menamatkan sahaja perjuanganku ini kerana tidak sanggup lagi untuk meneruskan pengajian. Berkat semangat yang diberikan oleh suami tersayang, ibuku, adik-beradikku dan tidak dapat dilupakan jasa penyeliaku yang sangat dedikasi serta tidak pernah jemu membakar semangatku agar terus berjuang dan berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Itulah senjata yang menyebabkan aku bertahan dan meneruskan perjuanganku walaupun ada ketikanya aku umpama mengengsot bak siput menggengam air tetapi ketirisan. Walaupun perjalanannya pahit bak hempedu akhirnya manis bak madu. Dalam menempuh hidup sebagai seorang sarjana peringkat Ijazah Doktor Falsafah, sokongan moral dan pembakar semangat sangat penting terutama daripada orang yang tersayang. Oleh itu, hargailah orang-orang yang disayangi selagi masih ada. Semangat dan dorongan mampu menyuntik semangat juang agar terus berjaya. Perkara yang paling penting, memohon pertolongan daripada Allah SWT. Mengadulah kepada Yang Maha Mendengar Lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya Allah akan memberi pertolongan dan mempermudah jalan bagi hamba-Nya yang mengingati Allah ketika sukar dan senang. Terima Kasih Ya Allah. Buat almarhum ayahku semoga Allah menempatkan ayahku di taman syurga. al-Fatihah.

Nurul Huda binti Hassan, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Jom... jom... kita semak *online*! Tetiba matakku terpaku dan berulang kali kubaca berita yang dipaparkan. Adakah ini benar? Timbul keraguan dan ketidakpercayaan kepada keputusan yang diperoleh. Apapun syukur atas segala nikmat-Mu Ya Allah. Aku terus menghubungi suami tercinta untuk mengkhabarkan berita gembira yang kuperoleh pada pagi yang penuh keberkatan ini. Ucapan “*Alfu Mabruk* buat isteri tercinta dan Insya-Allah umi mampu untuk meneruskan perjuangan ini”. Itulah kata-kata semangat yang kuterima dan disambut dengan hati terbuka dan berbunga-bunga. Tidak aku lupakan juga untuk kukhabarkan berita gembira ini kepada ayahanda dan bonda tersayang. Mereka menunjukkan riak wajah yang sangat gembira dengan linangan air mata kegembiraan. Kata ayah, “Inilah harapan dan cita-cita ayah untuk melihat anak ayah berjaya menggenggam segulung Ijazah Kedoktoran. Semoga impian ini akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat. Ayah sentiasa doakan yang terbaik dan dipermudahkan segala urusan belajar anak ayah ini”. Alhamdulillah.

Bulan Disember 2007 aku mendaftarkan diri sebagai seorang pelajar Ph.D di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Maka bermulalah perjuanganku untuk memenuhi cita-citaku sekian lama dan secara langsung untuk memenuhi hasrat ayahandaku yang tercinta untuk melihat anaknya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah.

Aku terus mengorak langkah untuk berjuang hingga ke titisan terakhir. Bak kata pepatah, ‘Alang-alang menyelup perkasam biar sampai ke pangkal lengan’. Aku cuba untuk mendisiplinkan diri dengan membuat jadual harian. Setiap hari aku akan berkongsi kereta dengan suami tercinta untuk ke Pusat Dokumentasi dan Penyelidikan di E8 Putrajaya. Sudah menjadi rutin harianku sebelum pukul 8 pagi aku sudah terpacak di lobi E8. Aku merupakan orang yang pertama masuk ke perpustakaan ini untuk mencari bahan-bahan rujukan kajian. Beginilah setiap hari mulai Isnin hingga Jumaat aku mendisiplinkan diri untuk berada di sini bermula pukul 8 pagi sehinggalah pukul 4.15 petang. Selepas itu, aku terus melangkah ke lobi E12 untuk menunggu suami tercinta untuk sama-sama pulang ke rumah pukul 5 petang. Sabtu dan Ahad aku rehatkan diri untuk bersama keluarga tercinta.

Alhamdulillah, berkat ketekunan dan disiplin, pada tahun pertama pengajianku, aku berjaya menyiapkan kajianku sampai ke bab 3. Setiap dua minggu atau sebulan sekali aku akan adakan pertemuan dan perbincangan dengan penyeliaku yang merupakan seorang yang sangat komited dengan kerjanya tetapi alangkah kecewanya bulan Ramadan tahun 2008 aku dikejutkan apabila fakulti telah membuat pertukaran penyelia baharu disebabkan penyelia pertama telah *resign* daripada menjadi pensyarah di UM. Aku reda dan pasrah dengan keputusan ini. Justeru, aku diminta oleh fakulti untuk membuat pertemuan dan perbincangan dengan penyelia baharu.

Aku terus mengorak langkah dengan hati yang terbuka untuk membuat pertemuan dan perbincangan dengan penyelia baharuku. Apabila perbincangan dibuat, penyelia baharuku meminta aku menukar tajuk kajian yang baharu dan membuat *proposal* baharu. Katanya, “Kajian ustazah ni terlalu luas, jadi kecilkan skop kajian agar senang di kemudian hari”. Aku hormatinya dan menerima pandangannya walaupun di sudut hati kecilku sangat kecewa dan teramat sedih tidak dapatku bayangkan. Apapun aku mesti terima dan reda untuk masa depanku. Aku terfikir; adakah aku mampu untuk meneruskan

perjuangan ini? Aku diberi tempoh untuk menyiapkan *proposal* dan selepas dua minggu Hari Raya aku dikehendaki menyerahkan *proposal* baharu untuk tajuk kedua kajiannya.

Dengan penuh kesedihan, aku meninggalkan fakulti dan terus menuju ke kereta. Sebelum meninggalkan fakulti, aku terus menghubungi suami tersayang untuk memberitahu peristiwa hari ini. Tanpaku sedari air mataku bercucuran lebat membasahi pipiku. Aku menangis sekuat hati kerana terlalu sebak dan sedih dengan keputusan ini. “Sabar Mi Insya-Allah kita bincang di rumah nanti. Bertenang dan relaks. Jangan *drive* dahulu. Baba akan sentiasa membantu umi”, kata suamiku memujuk aku. Kesedihan ini dirasakan kerana sudah berlalu hampir setahun cuti belajarku dihabiskan untuk kajian ini, tiba-tiba tajuk ini ditukarkan. Yang tinggal sekarang cuti belajarku hanya berbaki dua tahun sahaja lagi. Detik hati kecilku, “Adakah aku mampu untuk meneruskan perjuangan ini?”

“Aku harus bangkit dan terus berjuang sehingga berjaya walaupun tempoh cuti belajarku hanya dua tahun sahaja lagi. Aku tidak boleh berputus asa”, bisik hati kecilku. Selepas dua minggu Hari Raya, aku terus ke fakulti untuk berjumpa penyelia sebagaimana yang dijanjikan untuk menyerahkan *proposal* baharu. Alhamdulillah, aku panjat setinggi-tinggi kesyukuran kepada yang Maha Esa kerana aku dihabiskan bahawa *proposal* kedua-dua telah diterima oleh fakulti. Ini juga berkat keperihatinan penyeliaku. Justeru, aku terus melangkah dengan penuh semangat dan berjanji kepada diri ini untuk menghabiskan dalam tempoh dua tahun yang berbaki ini.

Doa kupanjatkan kepada yang Maha Esa dan mohon restu daripada suami dan ayahanda tercinta serta keluarga dan kawan-kawan agar mendoakan untuk dipermudahkan segala urusan belajarku dan aku berazam untuk menghabiskan pengajiannya dalam tempoh yang diberikan kerana ini adalah satu amanah yang mesti aku tunaikan. Perjuangan ini aku teruskan dan aku penuhi jadual belajarku dengan tahap disiplin yang tinggi. Setiap hari aku akan cuba meluangkan masa untuk melangkah ke perpustakaan universiti tempatan yang berdekatan untuk membuat rujukan bahan-bahan kajian di sana. Aku juga ke lapangan untuk mengumpul data kuantitatif. Alhamdulillah, berkat kegigihan dan kerjasama daripada semua pihak aku dapat mengumpul data dengan mudah dan baik.

Untuk memperoleh sesuatu kejayaan atau kesenangan, kita diuji dengan pelbagai dugaan dan cabaran. Pada tanggal 17 Jun 2010 aku terpaksa menemani suami tercinta untuk bertugas di *Education Malaysia Jordan* sebagai pegawai *Attace* Pendidikan. Apa yang penting aku harus menghabiskan juga kajian ini, maka aku membawa segala data untuk dianalisis di sana. Walaupun berada di perantauan, aku gagahi juga untuk menghabiskan perjuangan ini dengan terus mendisiplinkan diri. Rutin harianku, aku akan siapkan kerja-kerjaku sebelum menghadiri aktiviti-aktiviti di sana. Alhamdulillah, akhir Disember 2010 aku pulang ke Malaysia dan berjaya menyerahkan tesis kepada penyelia untuk semakan peringkat pertama. Awal Februari 2011, aku berjaya menyerahkan notis untuk pemeriksaan. Alhamdulillah *thumma* alhamdulillah aku dapat menghabiskan pengajiannya dalam tempoh dua tahun yang berbaki ini.

Berkat doa daripada semua, aku berjaya menghabiskan pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Cuti belajar HLP yang aku peroleh, tidak aku sia-siakan kerana aku gunakan dengan penuh amanah. Alhamdulillah, aku juga diberi insentif oleh UM di atas kejayaanku yang dapat menghabiskan pengajian dalam tempoh yang singkat. Kejayaan ini aku kongsi buat semua. Riak wajah suami dan ayahndaku berbunga-bunga apabila menerima berita kejayaanku ini. Kupanjatkan

setinggi-tinggi kesyukuran kepada-Mu atas anugerah ini. Bisikku kepada ayahanda tercinta, “Ayah, Zida akan konvo Ph.D ni”. Jawab ayah dengan penuh kesayuan, ‘Ayah minta maaf sebab ayah tak dapat nak meraikan hari konvokesyen anak ayah. Ayah dah tak boleh bergerak dan tak sihat (strok). Jadi, siapa yang akan meraikan kejayaan anak ayah ini?’”, tanya ayah kepadaku. Aku terus memeluk erat tubuh ayahku dengan linangan air mata yang tak henti-henti. “Tak pe ayah, Din (suamiku) dan Auni (permata hatiku) ada dan mereka akan sama-sama masuk dewan untuk meraikan kejayaan anak ayah ini”. Mamaku juga tidak dapat menemaniku kerana dia tak boleh meninggalkan ayah sendirian. Begitu juga dengan ibu bapa mertuaku, mereka semua dah uzur.

Aku bangga dan bersyukur kepada yang Maha Esa kerana aku mampu merealisasikan hasrat dan cita-cita ayahandaku untuk melihat aku bergelar Dr. sebelum beliau menghembuskan nafas yang terakhir (26 Februari 2013). Dialah sumber inspirasiku dan dialah idolaku. Aku hormat dan sangat menyayanginya sepenuh hatiku. Al-Fatihah buat al-marhum ayahandaku Ustaz Haji Mahmood bin Abd. Rahman. Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan solihin. Amin Ya Rab. Terima kasih juga aku titipkan buat semua yang menyokong perjuanganku dan mendoakan kejayaanku terutama suami tercinta Saifuddin bin Hussin, penyeliaku yang sangat komited dengan tugasnya Dr. Mohd Zaki bin Abdul Rahman dan seluruh keluarga serta sahabat handai, juga yang terlibat secara langsung dan tak langsung. Tanpa sokongan semua, kejayaan ini tidak akan dicapai. Tanpa usaha yang gigih, kejayaan ini juga tidak akan diperoleh. Usaha, doa dan tawakal kepada yang Maha Esa adalah resepinya. Terima kasih Ya Allah atas anugerah ini.

Akhir kalam buat semua pencinta ilmu dan adik-adik yang baharu berjuang untuk menggapai ijazah ini, teruskan berusaha dan jangan mudah putus asa dengan segala dugaan dan cabaran yang mendatang. Moga segala usaha anda akan dipermudahkan dan tercapai segala cita-cita murni anda. Semoga pengalaman ini akan memberi semangat untuk semua.

Normazidah binti Mahmood, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Saya seorang yang boleh belajar. Sewaktu di sekolah saya adalah antara pelajar cemerlang. Sayangnya tak habiskan pendidikan ke peringkat yang tinggi. Tak salah untuk mencuba dan mencabar diri sendiri. Mungkin mimpi semalam merupakan petunjuk agar saya teruskan belajar sehingga peringkat yang tertinggi.

Bermula daripada satu mimpi, iaitu berenang di lautan Atlantik yang luas terbentang membuatkan saya terfikir saya sebenarnya boleh buat Ph.D dalam bidang yang saya minat. Berjumpa dengan pakar kurikulum, iaitu Dr. Sharifah Nor Puteh dan melamar beliau sebagai penyelia saya, maka bermulalah perjalanan saya sebagai seorang pelajar Ph.D. Azam saya ialah saya ingin menuntut ilmu sebanyak mungkin dalam bidang Kurikulum dan Pedagogi, iaitu lanjutan daripada Ijazah Sarjana saya dengan seorang pakar kurikulum di Kementerian Pendidikan Malaysia satu ketika dahulu, iaitu penyelia saya. Saya juga nekad, saya mesti menyudahkan apa-apa yang telah saya mulakan.

Perjalanan saya sebagai seorang pelajar Ph.D banyak dicorakkan oleh penyelia saya. Buku pertama yang saya baca ialah "*How to finish Ph.D*". Pada semester pertama penyelia saya telahpun mendaftarkan saya untuk membuat pembentangan penyelidikan pada peringkat antarabangsa di Universitas Pendidikan Bandung, Indonesia bagi membentangkan literatur kajian Ph.D saya. Hampir sebulan saya membuat persediaan untuk seminar tersebut dan ini merupakan seminar pertama saya pada peringkat antarabangsa. Bermula daripada seminar itu, saya mula belajar untuk bersoal jawab tentang penyelidikan di luar negara.

Hampir setiap hari saya berjumpa penyelia untuk membincangkan tajuk kajian dan beliau mengajar saya satu persatu. Akhirnya setelah dipersetujui bersama, saya mula membaca jurnal di perpustakaan dan pusat sumber di Fakulti Pendidikan. Penyelia saya akan meminta saya rumuskan apa-apa yang telah saya baca. Kata penyelia saya, "Sebagai seorang *doctorate* bukan hanya mendapat ijazah dalam bidang tersebut tetapi pengalaman dan ilmu adalah penting supaya nanti selayaknya Zie digelar seorang Doktor. Saya nak awak menjadi *Ph.D holder* yang berkualiti dan saya ingin turunkan segala ilmu saya kepada awak Zie". Oleh sebab itu, semasa saya bergelar pelajar Ph.D saya juga belajar dan masuk ke kelas beliau.

Perjumpaan seterusnya ialah perbincangan kepada persoalan dan kerangka konsep kajian. Penyelia saya seorang yang sangat komited sehingga tidur di rumah saya untuk membincangkan kajian yang dijalankan. Beliau bersama-sama dengan saya berfikir dan berbincang tentang kajian yang akan dijalankan sehingga akhirnya persoalan dan kerangka konsep kajian disiapkan.

Saya belajar untuk memartabatkan kajian penyelidikan di luar negara. Pada setiap semester penyelia saya akan membawa saya ke persidangan antarabangsa dan membentangkan kajian dalam bahasa Inggeris. Hampir 13 persidangan telah saya bentangkan pada peringkat antarabangsa sepanjang saya bergelar pelajar Ph.D. Kenangan yang paling manis serta kemuncak kejayaan saya adalah apabila saya telah mendapat dua anugerah, iaitu "*The Best Presentation Award*" dalam pembentangan penyelidikan

saya di Cambodia dan Vietnam, sedangkan pada ketika itu terdapat penyertaan pelajar Ph.D dan pensyarah dari pelbagai universiti peringkat antarabangsa. Saya berasa sangat bangga dan kejayaan itu merupakan hadiah saya kepada penyelia yang telah membimbing saya sehingga pukul 2 pagi untuk memastikan saya berjaya.

Pada setiap minggu penyelia saya akan bertanya tentang perkembangan penulisan tesis saya. Sebelum saya menjalankan kajian penyelidikan untuk mengumpul data, terlebih dahulu penyelia saya melibatkan saya dengan kajian penyelidikan sebagai prapersediaan sebelum kajian yang sebenar. Hasil kajian ini telah dijadikan buku penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang melibatkan beberapa pensyarah yang lain. Kajian ini sangat berguna kepada saya kerana saya belajar cara mentadbir kajian sebelum saya mengutip data.

Saya menghantar tesis saya kepada penyelia untuk pembentangan *proposal* sebanyak lima kali, dengan kerangka konsep sebanyak 13 kali dibetulkan. Penyelia saya membaca dengan teliti dan membetulkan struktur bahasa kerana saya agak lemah dalam penyusunan struktur ayat. Meskipun penyelia saya seorang yang sangat teliti tetapi banyak yang saya pelajari. Kebanyakan pelajar saya lulus tesis Ph.D dengan cemerlang.

Sebelum proses pengumpulan data, saya mempersiapkan diri dengan menghadiri kursus untuk analisis data seperti kursus Atlas-T.i, Nvivo, penulisan kajian kualitatif dan sebagainya. Kursus-kursus ini banyak membantu saya sepanjang pengumpulan data agar proses pengumpulan data lebih sistematik dan terarah. Selain itu, kursus ini juga membantu saya mendapat gambaran awal untuk menganalisis data sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.

Oleh sebab kajian saya kajian kualitatif sepenuhnya, saya mengambil masa enam bulan untuk menganalisis data dan enam bulan untuk penulisan tesis sepenuhnya. Penyelia saya telah membaca sebanyak lima kali sebelum dibentangkan dalam pemantapan (*previva*). Walau bagaimanapun, saya menghadapi situasi yang getir apabila penyelia saya ditamatkan kontrak ketika saya sedang menganalisis data. Meskipun penyelia saya yang baharu, Dr. Zanaton Hj. Iksan seorang yang sangat memahami dan membantu tetapi bertukar penyelia pada saat-saat akhir merupakan satu kekangan dan masalah kepada saya. Meneruskan perjuangan dan berbekalkan semangat daripada penyelia pertama, Dr. Sharifah Nor Puteh, ketika beliau memegang tangan saya dan berkata, “Zie, saya yakin awak berjaya dan dapat Ph.D. Saya nak awak berjaya dan saya sentiasa doakan awak. Awak anak didik terbaik saya.” Kata-kata itu yang menguatkan semangat saya dan pada hari viva beliau masuk bersama-sama dalam bilik viva.

Sewaktu pengerusi mengumumkan kalimah ‘lulus’ dalam viva, saya melihat Dr. Sharifah Nor Puteh menekup kedua-dua tangannya ke muka melafazkan syukur ke hadrat Allah. Pada masa itu saya ingin terus memeluk beliau dan menyatakan, “Doktor, saya lulus dan saya tidak hampakan harapan Doktor.” Namun, beliau terlebih dahulu bangun dan datang memeluk saya serta mengucapkan tahniah bersama-sama dengan penyelia saya Dr. Zanaton. Dalam meniti perjalanan sebagai seorang pelajar Ph.D, hubungan yang erat bersama-sama penyelia adalah sangat penting. Beliau bukan sahaja seorang ‘sifu’ saya tetapi juga seperti seorang ibu. Dari satu sudut yang lain, Dr. Zanaton sentiasa membantu saya memberikan idea dan pendapat tentang metodologi kajian kualitatif. Meskipun hanya sekejap menyelia saya tetapi beliau banyak membantu dan memberi peluang kepada saya

dalam bidang penyelidikan sehingga kini. Kami seperti adik dan kakak dan saling membantu dalam kerjaya. Selain itu, keberkatan dan doa daripada suami sepanjang masa telah memberkati hidup saya sepanjang saya belajar. Allah anugerahkan kepada saya berjumpa dengan orang yang baik-baik dan memudahkan segala urusan saya. Keikhlasan dalam menuntut ilmu, jujur terhadap ilmu dan bersedia menghadapi cabaran adalah penting sebagai seorang penuntut ilmu khususnya sebagai seorang calon Ph.D. Saya begitu yakin, iaitu apabila kita memudahkan urusan orang lain, Allah akan memudahkan urusan kita. Syukur alhamdulillah.

Romarzila binti Omar, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor



Dear Ali,

I'm sorry but its not good news, Ali. The reports by both internal and external examiners say that there are weaknesses in the thesis which need to be addressed. The suggestion is to defer the viva - which has been accepted. They want you to rework your thesis before resubmission in six months time.

The FSSK graduate secretariat is preparing a letter to that effect to be sent to you, together with examiners' comments and a copy of your thesis with comments. Yes it is a big setback, and you have every right to be frustrated, angry, disappointed, etc. But actually the examiners are doing you a big favour by defering the viva and giving you a chance to address the weaknesses and rework your thesis accordingly.

*Unfortunately, PPBL is organising the SOLLS '11 conference next week and we are all busy with that and marking exam scripts, which has to be completed by *this Friday*. You also need a bit of time to get over the news, to clear your head, and get back into thesis mode.*

We can arrange a meeting in the week after SOLLS '11. How about 18 or 19 May?

Dr. Known (Letter received in March, 2012)

Sedih, pilu, sendu, marah, kecewa, murung, miong... semua ada. Setelah bertungkus lumus selama empat tahun setengah, tesis yang dihantar untuk proses penilaian viva mendapat keputusan seperti di dalam lembaran surat di atas. Keputusan panel penilai diterima setelah setahun setengah tesis itu terperap di bawah meja penyelia ganti dan satu semester lagi menunggu pemeriksa luar dan pemeriksa dalam menjalankan penilaian mereka. Penyelia utama telah berpindah ke sebuah universiti antarabangsa cawangan di Malaysia setelah beliau membuat keputusan bahawa tesis itu memang sudah sedia untuk penilaian viva.

Menunggu selama dua tahun, SMS entah berapa banyak kali dihantar tidak berjawab, *email* yang tidak diendahkan dan temu janji yang sukar untuk direalisasikan. Pelbagai alasan diterima untuk segala helah sedia ada, akhirnya jawapan itulah yang saya terima. Bulan Mei, Jun dan Julai saya tidak berbuat apa-apa kerana terlalu kecewa dan marah. Pada hujung bulan Julai 2012, muhasabah diri terjadi apabila semua kos, masa, tenaga, wang yang digunakan untuk menyiapkan tesis diambil kira; digagahi juga untuk membuka semula tesis itu walaupun dengan hati yang penuh sebal dan kesal. Ingatan berhujan berpanas di dalam bot yang tidak berbumbung semasa dihempas ombak Laut China Selatan dalam perjalanan menyusuri pantai Sarawak mengumpul maklumat dan data di kampung-kampung kecil yang terpencil menjadi pencetus usaha membuka semula komputer riba lewat-lewat malam hari.

Harapan orang tua dan keluarga terdekat membuat usaha menulis semula tesis mengikut arahan penyelia baharu itu menjadi agak mudah untuk dilalui. Mencincang, menyusun, menulis dan mengedit tesis itu siap pada akhir bulan Ogos dan dihantar untuk permohonan viva semula. Permohonan viva diluluskan dan penilaian itu akan dibuat pada 4 Disember 2012. Hati saya tersangat riang.

Pada 4 November 2012, saya mengambil peluang membenteng dalam Simposium Folklor Asia Tenggara di DBP, Kuching dan penerimaan terhadap kajian saya adalah amat memberangsangkan. Banyak pujian diterima. Namun, kegusaran dan kegelisahan mula membuak di hati saya. Semasa membenteng, saya dapati bahawa soalan kajian (RQ) saya terlalu *simplistik* dan memang bakal terdedah kepada komen-komen yang berat atau mungkin boleh dibantutkan lagi kelulusan tesis saya. Saya bergegas menelefon penyelia utama, namun deringan telefon tidak berjawab. Saya menelefon penyelia kedua (Dr. Shanthini Pilai) dan mantan penyelia (Profesor Dr. Ganakumaran S.) yang telah berpindah untuk konsultasi.

Jawapan mereka, tulis RQ dan bab empat serta bab lima semula. Balik dari Kuching, saya terus mengolah semula tesis itu untuk kesekian kalinya dan berdoa agar ia diterima dalam viva yang bakal dihadapi dalam masa kurang dari sebulan. Dengan persetujuan dan bimbangan kedua-dua insan mulia ini, tesis itu siap *diedit* semula seminggu sebelum viva.

Semasa viva, pembaca luar seorang professor dari universiti jiran UKM sangat terkejut apabila tesis yang saya benteng RQ dan bahagian bab empat dan lima tidak sama dengan teks tesis asal yang diterimanya. Profesor itu telah bersedia dengan empat muka surat komen tentang RQ yang asal kerana pada pandangan beliau, RQ itu memang tidak sesuai. Pembetulan yang telah dibuat itu telah menjawab semua persoalan yang bakal beliau timbulkan dan beliau sangat berpuas hati dengan jawapan saya. Viva yang siap dalam masa 30 minit (20 minit pembentangan dan 10 minit soal jawab) telah menetapkan pembetulan tesis perlu dibuat di antara tarikh 4 Disember 2012 hingga 3 Mac 2013.

Saya hantar tesis yang siap diedit kepada pihak UPP UKM pada pertengahan Februari 2013. Oleh kerana saya ingin meraikan kebebasan daripada ikatan tesis, saya ke Beijing melalui jemputan Beijing Foreign University untuk lawatan PROKALA I. Adat penamat perjuangan untuk ijazah Ph.D saya ialah Konvokesyen ke-41 UKM 2013. Terima kasih UKM, terima kasih pensyarah Pusat Bahasa dan Lingusitik, terima kasih Prof. Dr. Ganakumaran yang kini di Universiti Nottingham Malaysia dan terima kasih semua kerana telah membantu perjuangan saya untuk mendapat sekeping ijazah Ph.D. Sesungguhnya perjalanan untuk Ph.D itu sangat berliku dan detik penamatnya ialah apabila kita menerima surat akuan daripada Senat Universiti yang menyatakan kita telah lulus dan layak dianugerahkan ijazah atas usaha kita itu.

Alhamdulillah.

Ali Ahmad bin Seman, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

I enrolled as a Ph.D student when I was 35 years old. Being at the age of 35, one could imagine my struggle with my children who were then 12, 9, 8 and 2 years old. To cater the needs of keeping my house clean, cooking, sending them to schools and tuition classes, one can imagine me juggling the hours everyday. But having a set of wonderful Supervisory Panel really made my Ph.D journey smooth and I graduated on time. My Supervisory Panel consists of four remarkable lecturers, Late Prof. Madya Dr. Lily Mastura Harun, Prof. Dr. Mohd Shahandri Ghani, Prof. Madya Rosnaini Mahmud and Prof. Madya Dr. Hj. Jamaludin Ahmad. They always gave me good advice and I now I passed it to you, my friends.

During a leisure conversation with my supervisor, after discussing my thesis of course, my supervisor asked me. "Zaida, have you seek blessing from your parents and husband in pursuing your study?" "Of course!" I replied. "Did you ask permission or blessing?" The statement put me in a shocked state. Without confessing to her, I admitted that I only asked permission from my husband, not blessings. And as for my mum, I only told her, not even asking permission or blessings. That evening with guilty feeling and shaking voice, I asked for blessing from my husband. Definitely he was shocked too. He would have wondered, what had happened to his wife who suddenly asked for blessing? He gave me his blessing that evening. And later, through phone, I asked my mother's blessing as well. To my surprise, she was in tears when she said that she had been praying for my Ph.D journey to be smooth and graceful since I told her that I was applying for my Ph.D. With these significant people's blessings, my Ph.D journey sailed smoothly, swayed gently and gracefully. My friends, I am passing this advice to you too, seek blessing from your significant ones. You will see the magic in their blessings.

On my first semester, I asked my supervisor, "Should I take as many classes possible to increase my knowledge in my field area". Her answer was, "Zaida, you can read and google them later if you really want to know. Now you just focus on the thesis". So taking her advice, I registered the minimum credit needed for my Ph.D requirement. Till now, I truly thanked her for that precious advice. Many of my friends registered in classes with the same reason, to acquire as much knowledge as possible in the field. Later, they ended up not finishing their proposal on time. This is because once you enrolled for classes; you have to abide with attendance, assignments, group discussions, presentations as well as final examination. All the hours that you suppose to be allocated to your thesis are spent on other needs. You will end up doing very minimum for your thesis for that specific semester and this will contagiously affect the following semesters. If it is a must for you to register classes, go for classes that focus on research such as research methodology, qualitative approach, experimental designs and so on. Do not enroll for classes that have minimum benefits towards your research or thesis. It will dispute your attention, time and also effort.

On my first few attempt on getting my research title right, I was commuting constantly to my supervisors' office. Then my supervisor told me this, "Zaida, next time you must come with 3 conceptual frameworks. Put it Plan A, B and C. Work smart". I followed her advice, together with three plans, I managed to get straight on most possible ideas that were suitable for my thesis. Later, I always came with three plans in every meeting. I came with three plans on instruments to be used, samples, panel experts and many more. Even I came with three plans for my research objectives and

hypotheses. And it works! So I hand down this advice to you as well, so your proposal preparation will go smoothly and gracefully. Always remember to equip yourself with three plans whenever you meet your supervisors.

During my discussions with my beloved main supervisor, I always came out with complicated ideas. I think that my research must be super good, super advance and should influence my field of study tremendously. With her smiles she constantly said this, “Zaida, you are not going to change the world. Don’t go beyond your reach. Ph.D is about the journey, not the research result. If your results are positive, that is bonus, but if your results are negative, that is also a bonus. Again, your thesis is not going to change the world.” I stick to this advice every time I got stuck and stressed out. It was really an antidote for Ph.D. migraine and stress, hehe.

When I was constantly visiting the faculty library, one of my supervisors asked me, “Zaida, I always see you here. What are you doing?” What am I doing here? Library? Reading of course, my mind spoke first. But politely I answered, “I was reading the seniors’ thesis, books and journals. She smiled and said this, “Zaida, you are not in 70’s nor 80’s. You are in the 21st century. Use latest medium to get information. Work smart Zaida.” It took me whole afternoon to figure out what she meant. I asked my friends is there any other way to get information? Only one of my friends (who is younger) mentioned other medium that he used. He said internet, Refworks, Eric, Ebscohost, Scopus and many other alien words. “My God, what are those?” I asked. (Bear in mind that I was the 70’s generation). He giggled and said, “Go to the librarian and ask for information searching tutorial”. When I asked the librarian at the counter, she gave me an appointment for that tutorial session called “Program Literasi Maklumat”. The session will be on the next day. Later, I came with my other two friends for that tutorial. The librarian in-charge taught us about the library and it was a special room within the library, the catalogue system, the subscribed webs, the research search engines such as Citeulike, Google Scholar, Infomine, Infotobia, and many more. He taught us about e-book such as EBRARY. So my friends, library is not the only place for reading or borrowing books. It is more than that. I am passing my supervisor’s advice to you, my friends, go and ask library personnel for tutorial. It is part of their job specification. You will be overwhelmed with numerous articles, journals, thesis, books, papers, proceedings and lot more. Work smart!

Since one of my supervisory panel was specialized in technology, (my thesis title is E-Counselling) she constantly commented on my ancient way of writing and organizing my files and folders. “Zaida, you are doing something about the benefits of using internet. It seems like you are a technology-advanced person. Yet, you did not utilize the Internet and Apps to the maximum. Go and find software that can help you organize your files and folders”. Again, how am I going to get all those information? Yes, you are right. I asked the Y-Generation friends. Here are some apps and software for you to go through and later you can figure out which are the best to suit your needs. They are BibTeX, LaTeX, Wunderlist, Moleskine, Scrivener, Mendeley, Evernote, Instant Article, Zotero, Mellel. Please, choose any that you like! There are more out there, not only SPSS and nVivo that we are familiar with.

One day during my first year Ph.D, my precious laptop was struck by lightning. Struck by lightning? Seriously? Yup, I was studying in the era of using land-line as internet connection. Back then there was no wifi only TM land-line. And my laptop got struck through that land-line cable. Can you imagine how I felt that moment? I cried and cried and cried and cried. I rushed to the nearest

computer service shop, praying that all my files and folders were safe. My laptop's motherboard was in total damage, but my hard disk survived. Thank God. When I reported this to my supervisor, she said "Zaida, always do back-up. Never trust your computer and pendrives alone". So I started having back-ups instead of pendrives. Those days we started using emails as our back-ups. But now there are more advance back-up systems and apps such as 1File1Thesis, RFOT, ZDOT, Dropbox, and Sync to name a few. So I am passing this advice also to you my friends, always have back up for your thesis's files and folders.

One of my supervisors was the Head of Department. Meeting her was almost impossible. Every time I asked for appointment, her answer was always the same, "I can't give you a date. Just come". And every time I come, she was not around nor available. When I have a chance meeting her, she said this to me, "Zaida, that is for you to figure out how to make connection with people. You will have a great deal with birocracy as well as forms to be filled till the end of your study. Make rapport with the staff of the faculty, library, graduate school". I started practicing her advice. Yes, she was right. I had an easy and graceful Ph.D journey with these networking. I say hello to the staff in the faculty, brought some doughnuts or curry puffs for them. Sitting with them at the cafeteria. Spend extra 15 minutes every time I was at the library counter chit-chatting. Brought 'pisang goreng' when I went to Graduate School. No, it is not bribing. It is a way of making friends. And I still in contact with some of these staff till today. Remember friends, we are merely students there, so do not bring along your ego as a boss in your office to the university. You will be treated exactly as a student; the difference is either a student or a beloved student. And trust me, you will benefit from this networking. And of course, my supervisor's PA helped me a lot in making appointments with my supervisor.

And my most precious advice from my supervisor was "Zaida, the thesis is yours, not your supervisors". You are the one who know exactly what is in your thesis or what is your thesis about. Don't follow blindly all the suggestions given by your supervisors." Bingo! That is the magic sentence. This is my thesis. I will do according to my justification. And I passed this magic advice to all of you, my friends, you are the master of the thesis. It is yours. Solidly yours. Supervisors are there to help. Not to own your thesis.

Remember, Ph.D is a journey. Make it as one of the beautiful journeys you have in your life. Enjoy your study, enjoy writing your proposal, enjoy your data collection, enjoy your proposal defense, enjoy your trips to photostate shops, enjoy your printer's sound and don't forget to enjoy your life too. Enjoy the time with your family, enjoy your family days, enjoy your gathering with friends and enjoy your shopping time, please. Doing Ph.D is not the end of the world. **Be alive, then you will survive!!**

Zaida Nor binti Zainudin, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Selepas tamat pengajian peringkat *Master Sains* (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama) aku bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D dalam bidang Pengukuran dan Penilaian. Aku sangat meminati bidang ini selepas berpeluang mengikuti kursus KSPK Pengujian dan Penilaian dalam Bahasa Melayu selama setahun di Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) pada tahun 1994. Aku juga kerap memperoleh keputusan cemerlang dalam kursus yang berkaitan pengukuran dan penilaian pada peringkat *bachelor* dan *master*. Aku mula melihat iklan di akhbar dan mendapati bahawa kursus berkenaan ada ditawarkan di UPSI dan UKM. Kalau boleh aku ingin menyambung pelajaran di UPM kerana berhampiran dengan rumah dan sekolah tempat aku mengajar pada ketika itu. Aku telah pergi berjumpa dengan Timbalan Dekan Siswazah di UPSI untuk mendapatkan pandangan beliau. Beliau telah mencadangkan kepada aku supaya meneruskan bidang yang sama di UPM. Namun, aku telah berjumpa dengan rakan guru di sekolah dan menerima pandangannya dengan pergi ke UPM yang akhirnya Ketua Jabatan Psikologi dan Kaunseling Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) bersetuju untuk menjadi penyelia tesis. Beliau menyatakan bahawa dalam subjek Psikologi ada bahagian Psikometrik dan aku boleh membuat kajian tentang penilaian dalam Bahasa Melayu. Aku telah memohon dan telah ditawarkan dalam bidang Psikologi di FPP UPM. Namun, atas beberapa sebab tertentu aku telah menangguhkan pendaftaran selama dua semester. Setelah tamat tempoh, aku 'terpaksa' melaporkan diri. Kebetulan pula mulai tahun tersebut semua pelajar Ph.D perlu mengikuti kelas. Aku menghadapi dilema sama ada mahu meneruskan pengajian dalam bidang Psikologi dan perlu menghadiri kelas Psikologi atau bertukar bidang. Kemudian, aku telah menangguhkan pengajian selama dua semester. Setelah berfikir secara mendalam serta menerima pandangan daripada seorang pegawai di BPG, akhirnya aku memilih FBMK untuk mengikuti Ph.D Bahasa Melayu. Pertukaran FPP ke FBMK agak rumit walaupun dalam universiti yang sama. Pertukaran fakulti mengambil masa satu semester di samping perlu membayar yuran pengajian.

Sepanjang tempoh tersebut juga aku telah diterima untuk bertugas di Jabatan Pengajian Melayu Maktab Perguruan Islam. Sepanjang aku bekerja sambil belajar, banyak pengalaman pahit manis yang aku tempuhi. Aku menghadiri apa sahaja kursus berkaitan penyelidikan yang dianjurkan oleh BPG pada ketika itu untuk meningkatkan pengetahuan. Pada tahun 2006, aku cuba memohon HLP tetapi tidak berjaya. Bersama-sama rakan pensyarah yang juga tidak berjaya dalam permohonan tersebut, kami telah pergi ke Bahagian Biasiswa untuk bertanya tentang perkara itu. Aku berpeluang berjumpa seorang pegawai yang aku masih ingat namanya. Aku mencadangkan kepada beliau, "Boleh tak kalau saya diberi cuti tanpa biasiswa?" Disebabkan saya membiayai pengajian sendiri, sudah tentu saya mahu menyiapkan pengajian dalam masa yang singkat. Al-maklum sajalah pada ketika itu, gaji tidaklah seberapa, tambahan pula dengan pelbagai komitmen lain. Pegawai tersebut menjawab sambil tersenyum, "Ooo, kalau macam tu tak ada pula guru di sekolah nanti. Semuanya nak cuti belajar bergaji penuh". "Ye ke ramai yang nak cuti belajar, bukan semua", dalam hatiku berkata-kata.

Setelah permohonan HLP tidak berjaya, beberapa rakan telah membuat rayuan. Disebabkan kekangan tugas pada ketika itu, aku ketinggalan. Ada antara rakan-rakan yang membuat rayuan telah berjaya memperoleh HLP. Aku masih ingat kata-kata pegawai tersebut bahawa hanya dua orang yang akan dipilih bagi sesuatu bidang dan keutamaan diberikan kepada yang mendapat markah prestasi tinggi dan sudah mencapai had maksimum umur 43 tahun. Ketika itu aku masih ada dua tahun lagi peluang untuk memohon HLP. Aku terima keputusan tersebut dengan hati terbuka.

Aku cuba memohon untuk tahun berikutnya. Sebaik sahaja aku memasukkan nombor kad pengenalan untuk membuat permohonan atas talian, aplikasi tersebut terus ditolak kerana umur maksimum permohonan telah diturunkan kepada 40 tahun. Aku terus menelefon Bahagian Biasiswa untuk bercakap dengan pegawai berkenaan tetapi malangnya beliau tidak lagi bertugas di bahagian tersebut dan sempat juga aku meluahkan perasaan kepada pegawai baharu yang amat memahami dan melayani aku dengan sabar.

Selepas peristiwa tersebut, aku telah membulatkan tekad untuk tidak menoleh ke belakang dan terus berusaha bagi mencapai impian tanpa mengharapkan belas ihsan biasiswa. Aku terus meningkatkan doa kepada Allah agar dipermudahkan dan aku menjadi semakin kuat untuk menghadapi cabaran dalam perjalanan menuju kejayaan. Bagi aku, untuk belajar perlu ikhlas dengan niat yang betul, iaitu berusaha meningkatkan ilmu yang boleh dimanfaatkan untuk diri dan juga orang lain.

Sepanjang pembelajaran Ph.D, soalan yang sering ditanya oleh rakan-rakan ialah “Senang tak buat Ph.D?”, “Susah tak buat Ph.D?” Apakah jawapan yang terbaik yang harus aku jawab?

Kalau aku mengatakan susah, implikasinya aku tidak memberi motivasi kepada rakan-rakan yang berminat untuk menyambung pelajaran. Kalau aku mengatakan ‘susah’ macam mana aku boleh tamat, sedangkan aku belajar secara ‘sambilan’. Maksudnya belajar tanpa biasiswa dan tanpa cuti malah tidak pernah mengambil cuti sakit. Bukannya bermaksud tidak pernah sakit, tetapi alhamdulillah Allah mudahkan walaupun tidak semudah yang disangkakan. Allah mudahkan dalam pelbagai cara. Aku sakit mata yang amat teruk dan tidak boleh melihat cahaya, apatah lagi melihat skrin komputer semasa dalam proses menyiapkan tesis pada peringkat akhir sebelum disemak pemeriksa. Aku memohon penangguhan penghantaran tesis dan pihak UPM bersetuju. Tidak ramai yang mengetahui kerana peristiwa tersebut berlaku pada waktu cuti antara semester selama 3 minggu pada tahun 2009.

Sekiranya saya menjawab soalan tersebut sebagai ‘senang’, seperti aku tidak berkata benar pula. Kesimpulannya susah atau senang adalah sangat subjektif bagi setiap individu. Aras kesukaran dalam menyiapkan laporan tesis adalah berbeza antara satu sama lain. Ujian yang dihadapi mungkin pada permulaan, pertengahan atau ketika peringkat akhir. Kita perlu sedar bahawa apa-apa yang akan berlaku kita tidak tahu, maka bersedialah dengan sebarang kemungkinan. Tetapkan hati dan bertekadlah bahawa sekali kita ‘terjebak’ dalam masalah yang kita pilih sendiri kerana kita tidak dipaksa untuk berbuat demikian, kita perlu bertanggungjawab untuk menamatkannya, walau apapun yang terjadi. Hal ini adalah pendirian aku yang belajar dengan pembiayaan sendiri. Aku tahu perkara yang diinginkan dalam kehidupanku. Bukan untuk diri sendiri tetapi untuk orang lain juga. Aku mahu dijadikan contoh dan teladan kepada anak-anak dan pelajar-pelajar bahawa untuk menuntut ilmu tidak mengira usia asalkan ilmu tersebut boleh dimanfaatkan. Selain itu, ilmu yang diperoleh boleh dikongsikan bersama-sama keluarga, pelajar, rakan sejawat dan sesiapa sahaja yang memerlukannya. Aku berasa puas sekiranya dapat membantu sesiapa sahaja dalam bidang yang aku kuasai. Keyakinan aku meningkat di samping keyakinan orang di sekelilingku juga meningkat terhadap diriku.

Perkara lain yang menyentuh perasaanku ialah apabila terdapat dalam kalangan rakan-rakan yang menyatakan bahawa “Buat apa susah-susah belajar, gaji sama juga”. Selain itu, ada juga yang menyatakan bahawa “Saya nak utamakan anak-anak yang nak belajar, takut anak terbiar”. Terkedu aku. Adakah keputusanku untuk meneruskan pelajaran ini tepat atau aku akan mengabaikan anak-anak?

Persoalan lain yang timbul semasa mula-mula aku ingin menyambung pelajaran ialah terdapat beberapa orang rakan sejawatan yang berasa pelik dan hairan sebab aku ingin melanjutkan pelajaran sedangkan gaji dan gred tidak berubah. Setelah aku renungkan, rupa-rupanya terdapat dalam kalangan kita yang hendak belajar adalah sebab gaji atau imbuhan yang akan diperoleh. Patutlah ramai antara mereka yang tidak mahu belajar sekiranya tidak memperoleh biasiswa walaupun mereka mampu belajar dengan biaya sendiri, malah mempunyai kereta dan rumah mewah tetapi 'tiada wang untuk belajar'. Ada juga yang mengusik aku dengan mengatakan bahawa aku banyak duit sedangkan pada ketika itu aku hanyalah pensyarah biasa dibandingkan dengan yang berkata itu.

Bagi persoalan yang kedua, benar-benar menyentuh perasaanku kerana seseorang telah mengatakan bahawa seolah-olah aku akan mengabaikan anak-anak dan mementingkan diri sendiri. Mungkin yang berkenaan tidak bermaksud begitu tetapi pada ketika itu aku sangat sensitif. Namun, aku bersyukur kerana ibu bapa dan ibu bapa mentua tidak menghalang malah menyokong kerana bagi mereka kalau suami membenarkan dan aku mampu berbuat demikian, aku boleh teruskan. Aku memaklumkan kepada mereka supaya mereka memahami situasi aku sekiranya aku tidak dapat hadir ke majlis saudara mara pada masa-masa tertentu. Namun, tidak ramai yang mengetahui aku melanjutkan pelajaran dengan cara ini kerana bimbang perkara yang dicita-citakan tidak kesampaian.

Untuk pengetahuan, sebelum aku memohon untuk menyambung pelajaran, aku telah berbincang dengan suami tentang kemungkinan yang akan berlaku dan suami bersetuju dan membenarkan. Aku juga memberitahu anak-anak bahawa aku belajar dan akan bersama-sama mereka belajar. Aku amat berterima kasih kepada suami dan anak-anak yang sangat memahami dan sedia maklum bahawa sekiranya ibu mereka tiada di rumah, maknanya ibu ke UPM atau ke perpustakaan, tidak ke tempat lain dan ibu mereka tidak 'hilang'. Adakalanya aku membawa mereka bersama-sama ke perpustakaan. Aku mahu mereka berjaya dan menepis anggapan bahawa ibu sambung belajar menyebabkan anak terbiar.

Dalam proses menulis laporan tesis, aku lebih selesa menulis pada waktu awal pagi. Pada waktu ini sangat tenang dan tenteram untuk menulis. Pada waktu lain aku tumpukan kepada tugas sebagai pensyarah akademik serta hal-hal pengurusan. Aku akan pastikan bahawa tugas-tugas 'wajib' aku diselesaikan dahulu. Ada ketikanya aku tidak menyentuh langsung penulisan tesis dalam tempoh masa yang lama kerana situasi yang sangat sibuk di tempat kerja. Terima kasih kepada mantan Ketua Jabatan JPM yang memberikan dorongan dan sokongan untuk aku meneruskan pengajian. Aku masih ingat lagi ketika beliau mengingatkan aku supaya dapat menghabiskan pengajianku sebelum beliau bersara. Mulai saat itu, aku lebih berdisiplin. Selepas pukul lima petang, aku mula setkan minda untuk tumpukan kepada penulisan tesis sebelum menjemput anak dari sekolah agama. Aku akan sambung menulis pada waktu awal pagi. Pada waktu itu suasana sunyi dan tenteram dan aku dapat menumpukan perhatian kepada penulisan tesis. Terima kasih juga kepada mantan Pengarah IPGKPI pada ketika itu kerana memberi kebenaran dan sokongan untuk aku menyertai kursus penyelidikan selama 12 minggu di IPGKBA pada tahun 2008. Begitulah perjalananku dalam usaha mencapai impian sehingga akhirnya aku berjaya mengenggam Ph.D dengan keizinan dan ketentuan-Mu Ya Allah.

Zarina binti Ahmad, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Menghadapi waktu *vetting* yang semakin dekat, saya masih berbincang dengan penyelia mengenai konsep tajuk yang masih kabur dan kurang menepati kajian. Secara prinsipnya, tajuk tesis saya ialah Pengajaran Akidah diterima, iaitu mengkaji Kesan Kaedah Penyelesaian Masalah Pengajaran Akidah Terhadap Peningkatan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. Saya perlu mendapatkan teori pengajaran agar tidak dipertikaikan oleh panel penilai.

Saya merujuk ayat al-Quran dan al-Hadis yang menunjukkan manusia diarahkan berfikir dan menganalisis alam kenyataan ini supaya akidah tertanam kukuh. Begitu juga dalam sejarah, para ilmuan Islam gigih melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis sehingga melahirkan beberapa cabang ilmu seperti ilmu tafsir, ilmu hadis, ilmu kalam, ilmu mantik, ilmu falak, ilmu usul fiqh dan sebagainya tetapi terlalu sukar untuk saya mendapatkan model kemahiran berfikir dalam pengajaran Pendidikan Islam. Akhirnya saya menjumpai model Imam al-Ghazali untuk diaplikasikan dengan pendekatan penyelesaian masalah akidah.

Saya juga membahaskan isu akidah pada zaman Khulafa Rashidin, pertembungan mazhab dari awal sejarah hingga sekarang, iaitu mazhab Ahlu Sunnah wal Jamaah, mazhab Muktazilah, Jabariah, Qadariah dan berlaku peperangan saudara antara aliran salaf dan khalaf serta kumpulan NGO aliran moden liberal. Saya perlu menghuraikan dengan tepat dan perlu cari titik temu yang betul walaupun sukar untuk mencari bahan rujukan. Saya perlu memberi penekanan tentang peranan hati dan akal yang perlu disepadukan dalam akidah. Sekiranya tidak selaras satu bahagian sahaja, saya menghadapi kesukaran dalam *vetting*.

Saya berjumpa penyelia setiap dua minggu sekali dengan membawa bahan baharu dan mengadakan perbincangannya. Saya mengelak daripada berjumpa kosong atau sekadar tunjuk muka sahaja sebagai tanda kehadiran. Kadang-kadang saya juga mengunjungi perpustakaan universiti dan institusi yang lain untuk mendapatkan bahan baharu, walaupun kadang-kadang saya perlu melawan budaya belajar yang semakin luntur. Penyelia saya sering berpesan supaya saya terus menyiapkan kajian demi untuk umah, bukan diri saya seorang sahaja. Beliau memberi pengharapan yang begitu tinggi kepada saya. Saya merasa amat terharu dengan pengharapan yang diberikannya kepada saya.

Kuantitatif vs Kualitatif?

Waktu *vetting* sudah hampir tiba tetapi saya masih menghadapi delima kerana kaedah kajian saya memerlukan pendekatan penyelidikan kuantitatif disepadukan dengan pendekatan kualitatif. Kalau tidak, kajian saya bermasalah besar jika menggunakan satu sahaja kaedah kajian, lebih-lebih lagi dalam bidang pengajian Islam.

Hasil perbincangan dengan penyelia, saya perlu mereka bentuk pendekatan penyelidikan kuantitatif dahulu. Hal ini kerana kajian awal berhubung dengan kaedah pengajaran mata pelajaran, kerap

kalinya menggunakan kaedah quasi-eksperimen dan lebih berorientasikan pengukuran, walaupun kecerakinan kreativiti di dalam kelas tidak dapat dirakam tetapi akan disepadukan dengan kaedah kajian kualitatif. Saya memilih kaedah quasi-eksperimen berbanding kaedah eksperimen kerana tidak dapat membuat pemilihan secara rawak dan juga kesukaran saya untuk mengubah kedudukan pelajar atas sebab sistem pentadbiran dan pengurusan sekolah.

Pengajaran berasaskan masalah

Satu lagi dilema saya tentang kesan pengajaran penyelesaian masalah dalam Pengajaran Akidah menimbulkan perasaan kurang yakin diri saya bagaimana pelaksanaan yang hendak diguna pakai. Masa untuk *vetting* sudah hampir tiba tetapi saya masih kurang jelas dan belum selesai beberapa teori yang perlu saya siapkan. Saya semakin panik, baru peringkat masih awal sudah terperangkap dengan beberapa isu yang saya sukar mencari jalan penyelesaiannya.

Saya merujuk kepada penyelia saya. Alhamdulillah, mendapat pencerahan bahawa pendekatan ini memberi penekanan utama mengubah pelajar daripada penerima maklumat yang pasif kepada boleh memproses maklumat yang aktif. Secara tidak langsung, kaedah pengajaran juga turut berubah daripada berorientasi pengajaran kepada berorientasikan pengajar dan merupakan strategi memberi murid tumpuan untuk menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru secara kolaboratif.

Saya sudah hampir bersedia untuk *vetting*, walaupun kadang-kadang saya curiga keupayaan saya tetapi saya perlu hadapi. Hanya pasrah kepada Allah selepas usaha yang sedikit saya lakukan. Walau bagaimanapun, penyelia saya memberikan sokongan penuh untuk saya terus maju dan memberi keyakinan dan penghargaan atas usaha-usaha yang saya lakukan.

Semasa *vetting*

Ternyata semasa *vetting*, pendekatan penyelesaian masalah menimbulkan banyak pertanyaan tentang bagaimana saya laksana dalam konteks pengajaran terkini. Menjalankan kaedah eksperimen jarang dilakukan dalam pengajaran umum atau Pendidikan Islam. Hasil dapatan dirumuskan mungkin bersifat umum dan dalam bentuk peratus tetapi apa dan bagaimana hendak dilaksanakan.

Saya perlu mencari sumber asal pendekatan penyelesaian masalah. Saya tidak boleh terbawa-bawa amalan umum yang diterima pakai kerana banyak percanggahan. Saya ditegur menggunakan eksperimen bercampur-campur yang sebenarnya saya tidak tahu ada kategori tersendiri model tersebut. Sebenarnya diterima baik ciri-ciri pendekatan penyelesaian masalah dan amat sesuai digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pengajaran akidah yang menekankan tentang kemahiran berfikir secara saintifik, kritis dan kreatif kerana penggunaan tugas tulen (*authentic tasks*) yang berkaitan dengan masalah sebenar dapat menarik minat pelajar dalam menyelesaikan senario masalah yang disediakan.

Salah seorang panel *vetting*, iaitu Prof. Dr. J. Arul Philip melakarkan konsep struktur penyelesaian masalah kepada saya dan bagaimana ia beroperasi dalam minda individu untuk mendapatkan data pencapaian pelajar. Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas bimbingan beliau. Begitu juga Prof. Dr. Nik Aziz Nik Pa yang memberi maklumat baharu kepada saya tentang pendekatan buku Polya dalam bidang Matematik jika diterapkan dalam proses penyelesaian masalah dalam pengajaran. Beliau mencadangkan saya rujuk bukunya, *Pelajar Pintas Cerdas* (semasa viva saya ditanya berkali-kali oleh panel *vetting*, iaitu Prof. Dr. Sahril tentang tajuk buku tersebut kerana saya menulis dan menyebut *cergas* tetapi sebenarnya *cerdas*).

Selepas *vetting*

Saya amat bersyukur kerana penyelia yang amat saya hormati, Prof. Dr. Saedah Siraj telah membimbing dan memberi penjelasan kepada saya bahawa pendekatan penyelesaian masalah ada tiga kategori. Pertama ialah pendekatan berasaskan masalah, yang mana bahan pembelajaran dipersembahkan dalam kuliah tetapi senarai masalah digunakan untuk memotivasikan pelajar dan mempersembahkan sesuatu teori. Kategori kedua ialah model hibrid (pendekatan penyelesaian masalah secara berpandu), iaitu senarai masalah diselesaikan secara berkumpulan dan menggunakan kuliah untuk menyampaikan bahan pembelajaran bagi konsep dan tajuk yang sukar difahami. Manakala kategori ketiga pula, dikenali dengan pendekatan penyelesaian masalah secara menyeluruh, yang mana senarai masalah direka untuk keseluruhan pembelajaran dan pelajar tidak menerima pendedahan kuliah secara formal daripada pengajar (Ellis et al., 1988). Secara umumnya, pendekatan penyelesaian masalah memberi penekanan utama untuk mengubah pelajar daripada penerima maklumat yang pasif kepada boleh memproses maklumat yang aktif. Secara tidak langsung, kaedah pengajaran turut berubah daripada berorientasi pengajaran kepada berorientasikan pembelajaran.

Penyelia yang saya hormati memberi nasihat, saya boleh campur ketiga-tiga kategori tersebut bagi membentuk kajian saya tetapi perlukan bentuk kajian teori baharu. Saya tidak mampu lagi membentuk teori baharu kerana mengambil masa yang lama dan sukar mencari bahan sumber rujukan baharu. Pengalaman sebelum ini untuk mencari model soalan pencapaian dalam Pendidikan Islam amat sukar dan mengambil masa yang lama sehingga saya menemui jalan buntu. Akhirnya, saya menemui dan mengguna pakai soalan ujian pencapaian yang diubah suai mengikut pengajaran Pendidikan Islam oleh Zaharah Hussein (1995) daripada model Ennis (1995), California State Board of Education (1988) dan Bayer (1988).

Penutup: Konvokesyen

Alhamdulillah hari konvokesyen yang ditunggu-tunggu telah tiba. Bangunan Dewan Canselor Universiti Malaya, sebelumnya mengalami kebakaran dan majlis konvo diadakan di Stadium Bukit Jalil. Kini, pembukaan baharu Dewan Canselor berserta majlis istiadat konvokesyen dihadiri oleh semua naib canselor universiti.

Alhamdulillah, dari Fakulti Pendidikan hanya empat orang sahaja yang berjaya menyelesaikan kajian Ph.D pada tahun tersebut, iaitu tiga orang perempuan dan seorang lelaki. Mereka terdiri daripada seorang pensyarah IPG Kampus Batu Lintang dalam bidang bahasa Inggeris, seorang pensyarah

IPG Kampus Pendidikan Islam dalam bidang Pendidikan Islam. Seorang lagi ialah pensyarah UIAM dalam bidang Matematik dan seorang pensyarah UM dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Penyelia saya, iaitu Prof. Dr. Saedah Siraj mengucapkan tahniah kerana saya merupakan pelajar sulung Ph.D beliau. Saya amat terharu atas penghargaan beliau. Saya merasa kerdil ketika menerima ijazah kerana ijazah perlu berfungsi bersama ilmu. Membawa ilmu adalah membawa kebenaran. Isu etika bukan sahaja harus dilihat dari segi aspek moral ataupun legitasi tetapi perlu menjaga diri daripada menjejaskan kualiti maklumat dan data yang diperoleh.

Saya berjanji kepada diri saya, tidak sama sekali khianat terhadap ilmu apa lagi agama yang Allah anugerah kepada saya untuk disampaikan tanpa manipulasi, menipu, kepentingan diri berselindung di sebalik ijazah ataupun jawatan malahan profesional etika dalam kajian atau penyelidikan. Tidak boleh dibataskan dengan persoalan tentang teknik atau prosedur sahaja tetapi kepada isu yang lebih penting, iaitu tentang keadilan, keikhlasan dan tanggungjawab.

Ismail bin Abas, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Surat tawaran

Tanggal keramat 2007 tidak luput dari ingatan. Dalam usia hampir setengah abad, surat tawaran meneruskan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) kuterima dengan air mata gembira. Hati ini berbunga-bunga. Syukur Ya Allah. Aku bakal bergelar pelajar kembali. Memang ini cita-citaku. Belajar sepanjang hayat. Sebagai motivasi kepada anak-anakku sendiri agar mereka juga cinta akan ilmu pengetahuan.

Mod pengajian

Aku memilih pengajian Ph.D mod peperiksaan dan tesis dengan matrik nombor PHB 0041. Selama setahun setengah aku perlu menghadiri kelas, menduduki peperiksaan, kemudian baharu diberikan penyelia dan mula menulis tesis. Aku suka menghadiri kelas dan menduduki peperiksaan.

Sistem Fakulti Pendidikan UM

Sistem di Fakulti Pendidikan ini ialah para calon Ph.D wajib mempertahankan tesis mereka dalam tiga peringkat utama, iaitu seminar 1, seminar 2 dan viva. Semasa seminar 1, calon perlu membentangkan tiga bab dalam kertas cadangan sahaja di hadapan tiga orang panel pembaca dan seorang pengerusi. Biasanya ketua jabatan atau dekan. Penyelia hadir sebagai pemerhati. Semasa seminar 2 pula, kelima-lima bab dibentangkan di hadapan tiga orang panel pembaca dalaman dan pengerusi. Penyelia juga sebagai pemerhati. Manakala viva pula dibentangkan di hadapan dua pemeriksa luar universiti, dua panel pembaca dalam universiti, seorang ahli senat universiti dan pengerusi. Penyelia sebagai pemerhati juga.

Terkenang semasa dulu

“Salam puan, saya mohon pelepasan untuk keluar pukul 5.00 petang untuk hadiri kelas Ph.D saya”.

“Tak boleh cikgu. Cikgu perlu berada di sekolah walaupun tiada jadual waktu mengajar waktu itu”.

“Kalau begitu izinkan saya mengajar di sesi pagi”. “Tak boleh cikgu. Cikgu diperlukan di sesi petang”.

Itulah dialog aku dan pengetua sekolahku yang tidak akan pernah aku lupakan sepanjang hayat. Dengan linangan air mata aku *drop* kelas Prof. Zahid sembilan tahun yang lalu.

Semangat juang

Semangatku tidak pernah luntur. Doa, taubat, tahajud dan hajat adalah perisaiku. Hari-hari aku mohon kepada yang Maha Kuasa agar dipermudahkan segala urusan. “*Rabbi ya sir, wala tuassir bil khair*”, bisik hati ini. Kekuatan datang daripada dorongan dan restu suami dan inspirasi anak-anak. Mereka ibarat pohon dan dahan tempat aku berpaut. Aku tetap meneruskan perjuangan. Kutelan caci nista keliling. Telinga kiri kanan kututup rapat. Aku fokus kepada penulisan tesis. Sambil itu aku perlu menulis jurnal sebagai memenuhi syarat bergraduat.

Cuti tanpa gaji

Namun begitu, tekanan tugas dari sudut kiri dan kanan membuat aku mengisi borang cuti tanpa gaji dengan genangan air mata. Suami menjadi tempat aku meluahkan rasa. Tanggal 4 Januari 2012 bermulalah cuti tanpa gaji. Aku melangkah ke bilik Ph.D UM juga dengan linangan air mata. Duduk di satu sudut menulis bersama rakan-rakan seperjuangan. Seawal pukul 6.00 pagi aku sudah memegang stereng kereta. Mengelak jalan sesak dari Bangi ke UM.

Kawan-kawan di bilik Ph.D memanggil aku cikgu sesi pagi. Aku hanya akan pulang dan sampai ke rumah apabila *Nightline* ditayangkan di televisyen. Itulah fokus, rutin dan pengorbananku selama setahun cuti tanpa gaji. Cuti tanpa gaji itulah motivasi yang memacu aku bertungkus lumus. Selama setahun itulah aku bertungkus lumus mengukuhkan pernyataan masalah, merapikan sorotan literatur, menyusun teori, memikirkan cara mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian.

Pahit maung

Tidak mudah kulalui pengajian dengan cuti tanpa gaji itu. Banyak pengorbanan. Perit kadangkala. Anak-anak sedang belajar dan perlukan duit juga. Tidak ada percutian, tidak ada balik kampung. Sudah biasa memegang duit sendiri. Kini, hanya menunggu pemberian orang. Selera ingin makan terpaksa ditahan. Bawa bekal dari rumah. Ingin membeli alat kecantikan, malu meminta. Untuk turun ke lapangan kutip data, perlu duit. Kadang-kadang minyak kereta sudah menunjukkan tanda merah, menunggu suami mengisi. Sebak di hati ditelan sendiri. Hanya semangat yang terus membara memacu perjuangan ini. Aku cemburu melihat rakan-rakan di bilik Ph.D yang menerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan bergaji penuh, sedangkan aku? Namun, itu semua adalah pemacu untuk aku bekerja keras. Terima kasih suamiku yang amat mengerti.

Penyataan masalah/isu

“Boleh terangkan apa isu kajian ini?” tanya panel pembaca dalam seminar 1.

“Isu kajian saya ini ialah murid-murid tidak boleh membaca dan menulis,” jawabku.

“Apakah sumber yang boleh diberikan untuk menyokong isu ini?”

“Saya seorang guru. Berdasarkan pemerhatian di sekolah, data peperiksaan, data dari Pejabat Pendidikan Daerah, laporan-laporan dari Kementerian Pelajaran, statistik dan juga kajian lalu,” jawabku yakin.

Panel pembaca kelihatan mengangguk-anggukkan kepala.

Objektif

“Apakah isu yang ingin kamu selesaikan dengan kajian ini?”

“Menerusi kajian ini, saya ingin menganalisis bagaimanakah Pelaksanaan Program LINUS itu berjaya mengatasi masalah murid-murid tidak boleh membaca?”

Soalan kajian

Untuk itu soalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini ialah:

Bagaimanakah pelaksanaan Program LINUS dapat mengatasi masalah murid-murid tidak boleh membaca di Sekolah Kebangsaan?

Sorotan literatur

Sorotan kajian bermula daripada kepentingan literasi, persekolahan formal dan pelaksanaan pelbagai program dari zaman merdeka hingga hari ini untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca.

Teori

Teori yang menjadi landasan kajian ini ialah Teori Pembelajaran, Model Dunn dan Model Proses Pelaksanaan Program Van Meter dan Van Horn.

Seminar 1

Seminar satu kujalani pada 23 Mei 2012. Kajian yang bertajuk “Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi: Satu Analisis” itu lulus dengan sedikit pembetulan. Syukur Ya Allah. Yang lucu dalam seminar 1 itu aku ditegur tiada *eye contact* dengan *reader*. Aku asyik memandangi kawan-kawan yang hadir memberi sokongan semasa membuat pembentangan. Semua yang hadir ketawa atas teguran itu. Suasana agak ceria. Terima kasih Prof. Datuk, para *reader* dan kawan-kawan seperjuangan. Ingatan kepada calon-calon Ph.D, apabila mempertahankan tesis, sila pandang panel penilai, pastikan ada *eye contact*.

Turun lapangan

Maka sampailah fasa memungut data. Kajian ini adalah kajian kualitatif sepenuhnya. Aku sebagai instrumen kajian perlu turun lapangan untuk pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Aku turun ke lokasi pilihan untuk buat kerja lapangan setelah membina *raport* sebelumnya. Daerah dan sekolah dipilih berdasarkan rasional. Sekolah adalah lokasi. Maka berkampunglah aku di lokasi terpilih selama setahun. Alhamdulillah, kerjasama yang amat baik kuperoleh daripada responden kajian. Sambil kutip data, aku analisis. Jumpa penyelia. Tunjuk hasil. Penyeliaku ok je. Sangat membantu dan tak pernah menyusahkan aku. Terima kasih para responden.

Masa setahun amat pantas berlari. Cuti tanpa gaji tamat. Cuti setahun hanya sempat menyelesaikan seminar 1 dan menulis jurnal. Ada dua lagi tembok besar yang perlu aku tembusi, iaitu seminar 2 dan viva. Mahu atau tidak, aku harus kembali bertugas di IPG. Niat hati ingin sambung cuti. Apakan daya. Liabiliti menunggu. Kasihan suami selama setahun menanggung segala perbelanjaanku. Yuran, minyak kereta, makan minum dan segala kos pengajianku. Masuk IPG semula pada 1 Januari 2013. Cabaran menanti. Antara tugas rutin sebagai pensyarah dan menyelesaikan tugas-tugas Ph.D. Masa amat terhad. S emangat yang membara sahaja yang membuatkan jari jemari terus menari-nari di *keyboard* menulis dan terus menulis.

Seminar 2

Sampailah masa seminar 2. Lulus juga dengan pembedulan. Alhamdulillah Ya Allah. Kau perkenankan doaku. Selesai seminar 2, aku buat pembedulan segera. Buat matriks. Jumpa penyelia. Bertekad untuk viva secepatnya.

Viva

Akhirnya tarikh keramat itu sampai jua. 9 Januari 2014 aku viva. Lulus dengan minor pembedulan. *“Nazariyah binti Sani, setelah kami berbincang dengan pemeriksa luar, pemeriksa dalam, ahli senat, penyelia maka kami sepakat memutuskan kamu lulus viva ini dengan minor pembedulan”*. Aku angkat kepala memandangi penyelia. Penyelia tersenyum memandangi. Syukur Ya Allah.

Konvokesyen

“Dipersilakan Dr. Nazariyah binti Sani, Doktor Falsafah Pengurusan Pendidikan”. Tarikh keramat 2014 juga sentiasa dalam ingatan. Hayunan langkah kaki terasa di awang-awangan. Kalimat itu juga membuat gugur air mataku. Namun, air mata gembira. Raja Dr. Nazrin, Canselor memberikan senyuman paling manis sambil menganggukkan kepala kepadaku. Syukran Ya Allah.

Nazariyah binti Sani, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Impian dan hasrat hati ini telah berputik dari buat *degree* lagi. Semasa buat *degree* pada tahun pertama umur telah mencecah 37 tahun. Sikap tidak pernah putus asa menjadi pegangan. Semasa belajar terdengar rungutan sahabat yang lain. “Aku tak akan sambung belajar”, seksanya... penatnya... malas macam ni... malu... kena marah... tak pandai bahasa Inggeris. Macam-macam lagi rintihan rakan-rakan termasuklah diri ini. Luahan hati ini tidak terluah sebab diri ini jadikan rintihan itu sebagai dorongan dan cabaran jiwa.

Tahun 2000 aku tamat *degree*. Seterusnya sambung *master* di tempat pengajian yang sama, UM bermula tahun 2002 hingga 2004. Dua kali temu duga kulalui. Akhirnya ketika umur 45 tahun aku diterima untuk menyambung pelajaran di peringkat Ph.D di UKM, iaitu tahun 2007. Perjalanan Ph.Dku sejurnya telah bermula pada tahun 2006. Aku telah berjinak dengan dunia Ph.D sebelum menerima biasiswa lagi. Hati ini meronta-ronta ingin melanjutkan pelajaran. Banyak sungguh cabaran yang ingin aku kongsi. Serba sedikit latar belakang perjalanan diri ini. Anak lima orang sedang belajar dan membesar. Yang paling kecil umur tiga tahun.

Aku teruskan juga perjuangan. Ayuh, terus dan terus. Bab1 telah kutempuh, diikuti dengan bab 2. Bab 3 nanti ya. Cerita bab 2 dulu. Penyelia kedua sangat membantu aku dalam kesibukan beliau. Dia suruh aku buat semula bab 2. Katanya teknik yang diajar ini sangat berguna apabila kita buat bab 5, iaitu perbincangan rumusan, implikasi dan cadangan terutama kajian berbentuk kualitatif yang dikaji oleh aku. Awak kena senaraikan kategori yang ditemui dalam bacaan ulasan kepustakaan. Awak kena kategorikan objektif kajian mengikut objektif, kemungkinan kategori dan konsep yang terdapat daripada data berasaskan ulasan kepustakaan. Daripada bacaan yang dibuat, tema mana yang perlu kita kategorikan. Adakah tema atau konsep.

Akhirnya dapat juga aku siapkan sebanyak 14 muka surat font 9. Apabila ditunjukkan kepada penyelia komennya, “Ini baharu *student Ph.D*” (ms 104-117). Itu aje respon daripada penyelia. Ooo seingat aku untuk buat *frame* aje sebulan tak ke mana-mana duduk sahaja di bilik *study* dan *library* fokus untuk dapatkan input yang diperlukan. Seterusnya apabila sebut sahaja kajian kualitatif, walaupun sudah dapat data jika perlu masukkan yang baharu terdapat dan terjumpa, kita boleh masukkan lagi. Kena cari lagi sehinggalah tepu. Akhirnya senarai kategori yang ditemui dalam data diletakkan dalam bab 3 di bawah tajuk besar analisis data secara perbandingan berterusan (*Constant Comparative Data Analysis*). Kata-kata penyelia masih terdengar di telinga lagi. “Awak nak *grade*?”, perlulah dengar cakap saya. Seingat saya setiap kali apabila ingin berjumpa penyelia kita perlu bersedia fizikal, minda dan emosi.

Jom pergi ke bab 4, *journey to preschool Ph.D*, lagi *kebabom bom*. Semasa pungut data aku mengalami kebingungan semacam, iaitu diserang sindrom ‘khayal’. Nasib baik cepat-cepat sedar apabila “*I talk to myself*”. Apabila data terkumpul ada masalah dengan tempat untuk memungut data walaupun telah memperoleh kebenaran. Seingat aku, soalan yang aku tanya kepada *owner* *kindergarten* tersebut ialah “*What method are you using to teach your children to read and write?*” Jawapannya, “*Ooo I cannot*

share with you. I come out with thousands of MYR... to get this method". Sorry... saya respon kepada 'owner', "Its ok madam but where do you found out this method. Ooo... New Zealand, Auckland".


Balik ke rumah aku panik dan murung. Nangis tak payah nak cakap. Di fikiran tergambar, "Tak habis Ph.D saya ni". Tak ada rezeki nampaknya. Bangun dan terus bangun. Tiada hari tanpa prestasi. Aku terus ke UKM membuat laporan kemajuan kajian kepada kedua-dua penyelia. Atas nasihat dan maklumat yang diperolehi akupun cuba mendapatkan peruntukan program *mobility student*. Berkat doa semua, akhirnya tara... aku ke NZ di taja oleh UKM selama sebulan bertujuan mengutip data tentang kaedah membaca program *sunshine NZ*.



Gambar 1.1 Ketibaan saya disambut oleh warga Bayview School, Northsore, NZ.



Gambar 1.2 Saya bersama penyelia kedua dan peserta kajian (kelas 5K).



Gambar 1.3 Contoh hasil idea murid.



Gambar 1.4 Mereka belajar membaca melalui lukisan.



Gambar 1.5 dan 1.6 Pembelajaran secara *meaningful*. Mereka melalui proses membaca dengan melukis dan menulis untuk menguasai konsep.

Masih lagi dengan bab 4. Bila nak menulis pula tak tahu bentuknya, macam *lost*... sebab kepala ni dah tepu dengan data. Aku tunjukkan kepadanya bab 4 aku. Dia pun menjelaskan dan terus mengambil komputer aku dan mula menaip. Macam ni caranya... sertakan rajah baharulah pembaca faham apa yang ingin awak kongsi. Allahuakbar aku pun lebih faham dan lapang. Macam mana data yang diperoleh ditinggalkan dalam tesis. Data pemerhatian, data temu bual dan dokumen.

Kita ke bab 5 pula. Alhamdulillah, jadual senarai kategori dan konsep yang terdapat daripada data berasaskan ulasan kepustakaan telah ada. Aku telah siapkan mengikut objektif dan tema. Senanglah sikit untuk membuatnya. Tentang kajian yang dibuat, aku banyak belajar erti kehidupan. Lebih-lebih lagi tentang persahabatan. Berkat doa arwah suami, anak-anak dan keluarga, akhirnya aku memperoleh kejayaan. Amin, alhamdulillah.

Saayah binti Abu, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Aku hanyalah guru biasa yang mengajar di prasekolah dan Tahun 1. Menggamit memori lama. Menjadi doktor adalah cita-cita yang tak pernah lekang dari genggamanku. Namun, rezeki dan keadaan tidak menyebelahi aku ketika itu. Aku reda. Dalam menyelusuri alam perguruan membawaku untuk menyambung pengajianku. Daripada sijil perguruan hinggalah ke Ijazah Kedoktoran di Fakulti Pendidikan UKM. Sesuatu yang tidak pernah kurencanakan.

Sewaktu kali pertama berjumpa dengan penyelia, kertas usulanku ditolak kerana menurutnya, tajuk kertas usulanku tidak sesuai. Aku diminta untuk membaca dan membuat sinopsis 20 buah jurnal dan 20 buah tesis. Aku hanya boleh berjumpa dengannya setelah melengkap tugas itu. Lalu aku membawa sinopsis tersebut kepadanya. Namun, sinopsis tersebut masih ditolak dengan alasan, aku masih belum faham dengan kajian yang akan dilaksanakan. Sekali lagi aku membaca 20 buah tesis yang berbeza. Setiap tesis itu, aku mengkaji sehabisnya. Bermula daripada latar belakang kajian, kaedah kajian, kekangan sehinggalah dapatan dan perbincangan. Setiap tesis itu, aku buat jadual perbandingan. Setelah aku yakin dengan tajuk kajian dan permasalahan kajian. Temu janji kubuat untuk bertemu dengan penyelia. Hari demi hari aku kecewa semata-mata tidak dapat berjumpa dengannya. Sekadar bertanya melalui telefon.

Enam bulan berlalu, aku masih lagi dengan cadangan tajuk. Masih lagi tidak bergerak. Entah bagaimana, Allah menemukan aku dengan rakan baharu dalam satu bengkel di UKM, Kak Su. Kak Su membawa aku ke mana sahaja. Dia turut membawaku berjumpa dengan penyeliannya di UPSI. Aku menggunakan peluang ini untuk bertanya. Aku juga turut bertemu dengan beberapa orang pensyarah lain di UPSI untuk mendalami kaedah kajian, mengesahkan permasalahan kajian dan teori kajian. Mereka terdiri daripada pensyarah yang telah lama (ada di antaranya bergelar profesor) dan baharu berkhidmat di UPSI. Kesemua profesor ini kutemui tanpa membuat temu janji. Aku redah sahaja, seandainya dimarahi, aku reda. Begitu juga semasa di UKM, aku tidak hanya duduk di Fakulti Pendidikan malah fakulti lain pun aku redah juga dengan cara yang sama. Semasa di tahun kedua, aku bersama Kak Su berpakat membuat bengkel-bengkel kecil yang memfokuskan pelajar-pelajar Ph.D yang masih di peringkat usulan. Sekiranya bengkel atau ceramah dijalankan di UKM, maka aku bertanggungjawab untuk menguruskannya. Sebaliknya, jika di luar UKM maka Kak Su yang menguruskannya pula. Kami berjaya membuat beberapa bengkel di Fakulti Pendidikan, UKM dan di IPG Kampus Pendidikan Islam.

Alhamdulillah, akhirnya aku dapat bersemuka semula dengan penyelia. Aku telah membawa bersama senarai tajuk-tajuk usulan berserta permasalahan dan objektif kajian sebagai strategi. Akhirnya, penyelia bersetuju dengan cadangan tajuk pertama. Beliau terus mencoret kerangka kerja yang perlu aku buat. Coretan demi coretan daripadanya, membantu aku memahami kajian yang bakal aku laksanakan nanti. Beliau turut mencadangkan bahan kajian yang perlu dibaca dan difahami. Malah meminjamkan bukunya untuk aku telusuri. Aku turut membuat kajian lapangan ke sekolah-sekolah untuk mengetahui dan mengesahkan bahawa kajian yang akan dijalankan memang wujud di sekolah serta bukan sekadar syok sendiri.

Kemelut kesukaran berjumpa dengan penyelia menyebabkan aku memohon untuk penyelia kedua dengan alasan kajian yang dijalankan melibatkan kajian bahasa. Oleh itu, aku memerlukan penyelia yang pakar dalam bidang pengajaran bahasa. Semasa membawa draf usulan untuk semakan, tidak aku sangka, penyeliaku bersetuju dengan cadangan penyelia bersama. Beliau sendiri mencadangkan nama penyelia. Setelah permohonan penyelia bersama diperoleh, aku berjumpa dengan penyelia kedua dengan membawa bersama usulan yang telah siap. Tidak banyak teguran yang kuterima daripada beliau. Ini menyebabkan aku nekad untuk membentangkan usulan dan akhirnya, ia telah diluluskan untuk kajian.

Rakan lain telah mula membentangkan dapatan kajian mereka sedang aku masih merencanakan kajian rintis. Aku reda jika jalan Ph.Dku berbeza daripada mereka. Itu bukan halangan untuk aku sebaliknya semangat. *“Biar lambat tapi berjalan”*, pesan Kak Hijrah. Enam bulan mengumpul dan membersihkan data. *“Ya Allah... aku pasrah... aku reda dengan rezeki yang Kau kurniakan kepadaku. Maka Kau bantulah aku agar dapat menerima pengijazahan seperti rakan-rakanku yang lain”*. Aku mula membentangkan kemajuanku di kala rakan lain sedang membentangkan pemantapan. Ketika mereka bersedia dengan viva aku masih dalam penulisan pemantapan di tahun ketiga. Aku kuatkan semangat dengan membentangkan kajian di luar negara. Aku bertanya dan merujuk para akademik awal kanak-kanak di sana. Dari Vietnam, aku ke Hong Kong, kemudian ke Bali. Teguran yang diterima semasa pembentangan telah aku gunakan dalam penulisan pemantapan.

Pada tahun ketiga pengajianku, peluang untuk berjumpa penyelia utama lebih mudah. Aku jarang membuat temu janji untuk berjumpa. Sebaliknya, aku redah. Cara redah bagiku amat berjaya untuk berjumpa dengan penyelia. *“Prof., saya sudah tidak tahu apa yang perlu saya tulis. Saya sudah tidak larat dan tak mampu hendak menulis lagi. Prof, saya sudah kehabisan idea. Saya menunggu ilham tapi masih tidak kunjung tiba. Macam mana ni Prof.?”* Aku tatapi wajah penyeliaku. Dia hanya tersenyum. *“Mana draf you, I nak baca”*, ujar Prof. kepadaku. Aku hanya menyerahkan bab 1 hingga 3. Bab 4 telah kuserah lebih awal. Ia masih dalam proses ‘bacaan’ Prof. *“Nanti you e-mel bab 5”*, kata Prof kepadaku. Bab 5 aku serahkan dua hari kemudiannya. Bila aku bersua kembali dengannya, surat memohon pembentangan telah siap bertandatangani. Hanya sedikit pembetulan yang perlu aku lakukan. Aku capai tangannya lalu aku salam memohon agar pembentangan pemantapanku diluluskan.

Ya Allah..., Kau gantikanlah segala kesusahan, kesedihan, kesakitanku dengan Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Prasekolah. Ya Allah..., kau luluskan vivaku dengan sekali bentang dan tak sampai 1 jam, amin. Doa itu yang acap kali aku baca dan dengan izin Allah SWT, proses viva berlangsung tidak sampai satu jam. Sepanjang melayari Ph.D ini, banyak perkara telah aku pelajari. Ihsan dan insaniah perlu ada. Allah itu esa. Semuanya adalah di bawah ketentuan-Nya. Jangan abaikan keluarga terutamanya orang tua kita sekiranya masih ada. Membantu kepada yang memerlukan dan jangan mengharap balasan kerana kita akan bertemu dengan orang lain yang akan membantu kita. Mulut perlu ringan muka perlu tebal. Reda... redah.

Siti Iwana Sharizah binti Abu Samah, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Aku diberi nama Paharudin, namun adik-beradik memanggilku abang Din sementara kawan sekolah memanggil Paha. Mengimbuai zaman sekolah dahulu, seorang guru memanggil aku dengan sapaan Ph.D (singkatan PaHaruDin). Terlintas dalam hati kecil, aku kena belajar tinggi sampai dapat Ph.D.

Alhamdulillah, mulai Februari 2015, rakan-rakan mula memanggilku dengan sapaan Dr. Paha. Kisah ni merupakan sepintas lalu kisah tentang nama dan gelaran yang dikaitkan dengan diriku. Aku bukanlah seorang pelajar yang 'pandai' bila melibatkan hal pembelajaran, namun begitu istiqamah atau usaha yang berterusan dari peringkat sekolah sampailah ke kemuncak pendidikan formal iaitu, Ijazah Kedoktoran.

Aku merupakan lulusan Ijazah Pertama dari Universiti al-Azhar, Mesir dan merupakan pemegang Diploma Pendidikan dari UKM serta Sarjana dari UM. Kedua-dua pengajianku di peringkat diploma dan sarjana adalah secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Memang jauh perjalanan, penat dan tidak terfokus. Lalu aku meletakkan azam dan syarat, jika nak buat Ijazah Kedoktoran, aku berhasrat untuk mendapatkan cuti belajar yang diberi biasiswa dan lebih besar peluang untuk berada di perpustakaan seperti rakan-rakan lain. Aku telah dipanggil temu duga Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sebanyak dua kali. Pada kali pertama adalah pada tahun 2009, namun aku tidak berjaya. Mungkin kerana belum ada rezeki. Tambahan pula aku kurang membuat persediaan. Alhamdulillah, pada kali kedua aku telah hadir untuk ditemu duga pada 2011 dan kali ini aku lebih bersedia serta berkeyakinan tinggi. Apa tidaknya, *proposal* pun dah siap, tebal danaku telah membuat perbincangan dengan bakal penyelia di UPSI. Sebelum keluar dari bilik temu duga pun, ahli panel ucapkan tahniah dan panggilku Dr. Paharudin. Apa lagi, aku keluar dari bilik temu duga dengan tersenyum dan *happy* sampai ke Ipoh.

UPSI menjadi pilihanku untuk membuat Ph.D. Walaupun pada ketika itu, iaitu pada tahun 2010, UPSI masih baharu dalam menawarkan Program Siswazah Lanjutan, terutama bagi bidang Pendidikan Islam. Ini bermakna, aku merupakan antara pelajar perintis yang membuat Ph.D di UPSI dalam bidang Pendidikan Islam pada masa itu. Namun begitu, faktor lokasi yang strategik dan jarak, menjadi faktor penyebab pemilihanku bagi memudahkan aku untuk berulang alik dari Tanjung Malim ke Ipoh. UPSI dikenali sebagai sebuah universiti yang berpengalaman dalam bidang pendidikan. Namun begitu, faktor yang lebih utama adalah aku sudah mengenali bakal penyelia utamaku, iaitu Dr. Misnan bin Jemali. Beliau dikenali sebagai seorang yang cukup komited, mesra dan amat mengasihi pelajarannya. Buktinya, sepanjang pengajianku, aku tidak pernah berhadapan dengan masalah untuk bertemu, berbincang dan sentiasa mendapat bimbingan secara terus daripada beliau tanpa sebarang syarat. Hubungan mesra dan saling memahami serta menghormati antara satu sama lain menjadikan perjalanan Ph.D aku sentiasa lancar, menyeronokkan tanpa ada banyak tekanan seperti mana yang digambarkan oleh rakan-rakanku yang lain.

Hasil perbincangan dan persefahaman bersama, penyeliaku mencadangkan agar aku membuat kajian tinjauan tentang amalan pengajaran al-Quran dalam kalangan guru j-QAF. Kajian ini agak menarik memandangkan program j-QAF telah dilaksanakan selama tujuh tahun. Walau bagaimanapun, dari aspek keberhasilannya masih belum ada lagi kajian dibuat secara mendalam terutamanya dari aspek

amalan pengajaran guru. Hanya dalam tempoh sembilan bulan sahaja selepas mengumpul semua bahan bacaan dan rujukan utama berkaitan skop kajian, *proposal* yang dibentangkan pada kali pertama telah diterima dan dipersetujui oleh pihak fakulti dengan sedikit perubahan dan penambahbaikan. Antara perubahan yang masih aku ingat adalah panel pemeriksa *proposal* mencadangkan agar lokasi kajian dijalankan di peringkat kebangsaan, iaitu Malaysia, bukan setakat di negeri Perak. Alasan mereka, pertamanya adalah kerana kajian ini melambangkan tahap kedoktoran dan dapatannya memberikan impak yang lebih besar kepada universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Keduanya, panel mencadangkan agar kajian kuantitatif ini perlu disokong dan dimantapkan dengan data kualitatif berbentuk pemerhatian kelas dan temu bual agar mampu mencungkil secara lebih mendalam tentang amalan pengajaran guru. Aku hanya mengiakkannya sahaja sebagai tanda bahawa aku bersetuju tanpa mempertahankan proposal asalku, sekalipun kesannya sedikit membebankan kerana aku perlu turun ke lokasi lapangan yang lebih luas dan memerlukan lebih masa dan kos yang tinggi.

Walaupun *proposalku* diterima dalam tempoh yang singkat, aku masih merasakan banyak kekurangan dan ketidakpuasan dengan perjalanan Ph.Dku ini. Suasana dan persekitaranku yang berada di Ipoh menjadikan pembelajaranku sedikit kaku, terbatas dan sedikit terasing dengan rakan-rakan dan masyarakat yang berkerjaya. Sekalipun aku bercuti tapi minda dan pemikiranku tidak memberikan fokus sepenuhnya kepada penyelidikan dan pembacaan secara lebih mendalam dan terancang. Aku perlu pergi lebih jauh, lebih fokus dan duduk dalam kelompok rakan-rakan sarjana yang lain. Duniaku perlukan perubahan dan masyarakatku adalah yang seirama dan sewaktu dengan aku. Orang kata bila buat Ph.D, fikiran, percakapan, perbualan malah mimpi pun biarlah mimpi Ph.D.

Alhamdulillah, sekali lagi pada tahun 2013, tuah dan rezeki menyebelahiku dan keluarga. Kali ini isteri pula berjaya mendapat cuti belajar di peringkat sarjana. Tanpa berleengah dan menoleh ke belakang, kami mengambil keputusan untuk berpindah ke lokasi yang berhampiran dengan universiti tempat isteriku belajar, iaitu UKM. Sebagai gedung ilmu, UKM menjadi pilihan isteriku untuk mendalami bidang Bahasa Arab. Sesungguhnya, kesan utama hijrah kami ke Bandar Baru Bangi yang mendapat jolokan bandar ilmu ini, insan yang paling beruntung adalah diri aku. Aku mendapat impak yang besar dan bonus berganda hasil berkampung saban hari di perpustakaan UKM. Masaku banyak dihabiskan di perpustakaan, kalau tidak di Fakulti Pendidikan UKM, aku akan ke Perpustakaan Tun Seri Lanang. Tidak cukup di UKM, aku mendapatkan rujukan tambahan di perpustakaan di UM di samping universiti tempat aku mendaftar, iaitu perpustakaan di UPSI. Semakin banyak membaca dan mengkaji, aku merasakan bahawa diri ini semakin kurang dan cetek ilmuku dalam dunia penyelidikan. Sekalipun begitu, masa dan fikiranku lebih terarah dan mampu memberikan fokus sepenuhnya kepada Ph.D. Banyak tesis lepas telah aku cuba selongkari. Asalkan ia ada kaitan dengan skop kajianku, aku cuba lihat, cuba belek dan ambil info-info penting sebagai rujukan dan pengalaman orang yang sudah bergelar Ph.D. Tidak kurang juga kajian lepas sama ada tesis atau jurnal telah aku teliti, terutama yang sama bidang dengan kajianku. Malah, aku turut mendapat ramai rakan dan sahabat yang sama-sama berfikir dan bercakap senada dan seirama dengan aku.

Mulai hari itu, langkahku semakin pantas dan aku tidak kekok lagi mengungkapkan perkataan kuantitatif, kualitatif, SPSS, korelasi, regrasi dan lain-lain istilah yang dahulunya cukup pelik dan asing bagi aku selaku pelajar lepasan bidang Usuluddin sebelum ini. Benarlah, banyak ibrah dan tauladan daripada ulama-ulama terdahulu dan cakap rakan-rakan Ph.D, untuk mendapatkan ilmu perlu berhijrah dan perlu berada dalam lubuknya. Baharulah ilmu mudah masuk dan semakin nampak

keberhasilannya. Empat semester aku berada di lokasi ilmu, ia amat berbaloi dan menguntungkan. Jarak ke perpustakaan dekat, rujukan banyak, kursus dan seminar untuk pelajar siswazah pun saban bulan dianjurkan sama ada secara percuma ataupun yang berbayar. Pilih sahaja mana yang sesuai dengan keperluan diri dan tesis yang bakal disiapkan.

Penghujung semester keenam, tesisku hampir siap dan lengkap. Penyeliaku juga sudah berpuas hati dengan segala isi dan data yang dipersembahkan dari awal bab pertama hinggalah kepada rujukan dan lampiran sebagai bukti dan pengukuhan. Penyeliaku, Dr. Misnan Jemali dan Dr. Ibrahim Hashim memberikan lampu hijau agar aku 'submit tesis' selepas berpuas hati dengan apa yang aku persembahkan. Fakulti dan Pusat Pengajian Siswazah juga memberikan laluan pantas untuk aku agar mencetak sembilan salinan tesis untuk persediaan viva. Selang empat bulan dari tarikh 'submit tesis', aku dipanggil viva untuk mempertahankan tesisku secara lisan dan melontarkan hujah akademik di hadapan para cendekiawan ulung dan terbilang dalam bidang kajian ini. Penyeliaku hanya tersenyum dan memberikan bisikan ringkas di penghujung viva, "Enta lulus dan tahniah Dr. Paharudin". Kata-kata tersebut lahir daripada pemerhatiannya apabila melihat aku mempertahankan tesis sebelum keputusan rasmi dikeluarkan oleh pengerusi jemaah viva. Alhamdulillah, terima kasih kepada semua, atas ruang dan peluang yang diberikan ini. Ph.D itu suatu yang biasa dan kecil bagi sebahagian orang tapi ianya cukup relevan dan signifikan dengan dunia pendidikan, era penyelidikan, detik menguji kesabaran dan masa melihat kesetiaan kepada penyelia dan ilmu itu sendiri.

Sekian coretankku, insan fakir, Dr. Paharudin bin Arbain yang mendapat kelulusan senat sebagai lulusan Ph.D pada 24 Febuari 2015, ketika usiaku mencecah 40 tahun.

Paharudin bin Arbain, Ph.D
IPG Kampus Pendidikan Islam
Bandar Baru Bangi, Selangor

Akhir tahun 2007 saya mendaftar Ph.D secara *part time*, iaitu semasa saya berkhidmat di Kolej Matrikulasi Perak yang kebetulan tempoh menjalankan tugas sebagai Ketua Jabatan (memangku DG48) Sastera Ikhtisas baru sahaja berakhir. Tidak lagi memegang jawatan Ketua Jabatan menjadikan tugas seharian sebagai pensyarah bertambah ringan dan mudah. Banyak masa terluang dan kesempatan itu membuatkan saya teruja untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran. Bidang Pengurusan Pendidikan amat saya minati sementelah semasa pengajian di peringkat sarjana pun saya mengambil bidang Pentadbiran Pendidikan di UPM. Membuat pengajian secara *part time* amat kurang sambutan pada masa itu dan saya orang pertama melaporkan diri sebagai pelajar Ph.D di Jabatan Pengurusan Pendidikan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPSI.

Pada tahun 2008 saya berpindah tempat bertugas ke Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Tempat baru sudah tentu sibuk dengan kerja baharu dan situasi baru yang amat berbeza dari tempat tugas sebelum ini. Sedikit sebanyak mengganggu kelancaran pengajian Ph.D saya. Kesibukan itu memberi inspirasi saya untuk melipat gandakan usaha tidak mengira masa untuk saya menyelesaikan tugas Ph.D berkenaan. Waktu-waktu terluang banyak duduk di Perpustakaan IPG Ipoh dan juga Perpustakaan Bandaraya Ipoh. Jika melancong dengan keluarga, komputer riba memang di bawa ke sana dan ke sini. Berpegang kepada falsafah lama, iaitu 'masa itu emas'. Di hujung minggu biasanya saya gunakan sepenuh masa untuk menyiapkan tugas berkenaan. Pengajian *part time* juga memerlukan banyak belanja. Kebetulan sebelum ini saya memilih skim KWSP dan kemudian beralih kepada pencen. Oleh itu, sepanjang pengajian yuran ditampung melalui simpanan KWSP berkenaan.

Semasa viva *proposal* di hujung semester 1, tajuk kajian saya kena ubah semula. Rasa tidak mahu meneruskan pengajian berkenaan. Setelah dipujuk dan diberi motivasi oleh penyelia utama saya Prof. Dr. Nek Kamal, saya meneruskan pengajian semula setelah beberapa bulan rehat disebabkan kecewa dengan keputusan berkenaan. Terima kasih Prof. Dr. Nek Kamal sebagai penyelia dan sebagai Timbalan Dekan pada masa itu yang amat memahami dan sanggup menyelia tidak mengira masa dan tempat seperti berbincang di rumah beliau, Masjid Gopeng Perak dan lain-lain. Pada masa itu, tidak ramai pensyarah IPG Ipoh yang buat Ph.D sama ada sepenuh masa ataupun *part time*. Oleh itu, tiada siapa hendak berbincang tentang pengajian Ph.D. Tidak seperti sekarang, terdapat PROSPEN dan ramai pula rakan pensyarah yang belajar. Bahkan tiada kursus audit seperti Kursus Metodologi Penyelidikan yang ditawarkan di UPSI ketika itu berbanding pengajian Ph.D sekarang ini.

Viva *proposal* untuk kali kedua di semester ke 2 telah berjaya dan sesi *mock viva* tersebut disertai oleh pelajar-pelajar Ph.D dari Indonesia (Program Biasiswa Pensyarah Universiti Indonesia). Pada ketika itu, mereka membentangkan proposal masing-masing dengan menggunakan *Structural Equation Modeling* (SEM). SEM memang telah biasa di negara berkenaan berbanding di Malaysia ketika itu.

Untuk membiasakan dalam budaya penyelidikan sepanjang pengajian Ph.D, saya kerap membuat pembentangan kertas kerja sama ada di peringkat IPG ataupun kebangsaan. Juga kerap menghantar artikel di jurnal *online* antarabangsa yang berpangkalan di UK dan lain-lain. Hampir 12 aktikel bersama En. Mubin telah diterbitkan secara *online* ketika itu. Rakan saya En. Mubin banyak

mendorong untuk menghantar kajian berkenaan. Akhirnya 3 ½ tahun saya *submitted* tesis dan viva dilaksanakan tidak berapa lama kemudian. Ingatkan boleh dikecualikan yuran pengajian setelah *submitted* tesis 3 ½ tahun tetapi masih dikenakan yuran semester ke lapang kerana syarat minimum pengajian *part time* perlu dihabiskan sekurang-kurangnya dalam masa 4 tahun. Boleh dianggap cepat juga pengajian Ph.D *part time* saya ini, kalah pelajar Ph.D sepenuh masa.

Pada hujung tahun 2011, saya mendapat SMS tahniah daripada Penyelia saya yang menyatakan dengan rasminya saya telah berjaya membuat pembetulan Ph.D saya. Tetapi kegembiraan itu diiringi dengan hari pemergian ayahanda saya buat selama-lamanya sehari sebelum itu. Hanya ibu tercinta, isteri dan keluarga yang dapat meraikan kejayaan itu. Moga roh Allahyarham ayahanda dicucuri rahmat dan tergolong dalam kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.

Pada 2013 istiadat konvokesyen telah diadakan dan istiadat berkenaan lewat hampir 1 tahun. Walau bagaimanapun dalam *scroll* saya tertulis tahun tamat pengajian 2012 dan tahun konvokesyen 2013. Oleh kerana minat yang tinggi dalam mencari ilmu, saya telah bertekad semula untuk menyambung pengajian sarjana ke 2 pula, iaitu di dalam bidang Sejarah dan Peradaban secara *part time* di UMK. Hanya 1 semester sahaja saya telah lulus viva *proposal* berkenaan. Oleh kerana kekangan masa dan kewangan serta kebetulan pada masa itu saya memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan JPIPK di IPG Ipoh telah memperlakan pengajian berkenaan.

Sekarang di IPG Kampus Ipoh saya memegang tugas sebagai Penyelaras PROSPEN setelah melepaskan jawatan KJ JPIPK. Di PROSPEN saya faham dan mengerti rakan-rakan yang membuat pengajian secara *part time*. Oleh itu, saya sedaya upaya ingin membantu rakan-rakan pensyarah yang membuat pengajian secara *part time*. Kejayaan bukan diukur dengan mod pengajian tetapi iltizam dan semangat juang yang tinggi. Selamat berjaya rakan-rakan semua.

Kamaruddin bin Hj. Ilias, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya aku dapat meneruskan kerjaya dan kehidupan dengan gelaran Dr. Kesemuanya bermula semasa aku bertugas di Institut Aminuddin Baki cawangan utara pada tahun 2010. Persekitaran yang kondusif dan rakan-rakan bergelar Dr. di sekeliling aku menyebabkan aku berasa kerdil. Rasanya tidak layak berbual dengan mereka. Apatah lagi duduk semeja semasa makan di kantin. Namun begitu, aku sematkan di hati untuk menyambung pengajian jika diberi peluang.

Pada awal tahun 2011, beberapa orang rakanku memaklumkan tentang iklan dari Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan untuk permohonan biasiswa bagi menyambung pelajaran peringkat Ph.D. Tanpa bertangguh, aku terus memohon walaupun aku merasakan rakan-rakanku yang lebih senior lebih layak memohon. Tapi aku cuba juga untuk memohon. Manalah tahu ada rezeki di situ. Alhamdulillah, setelah melalui proses temu duga, aku telah berjaya mendapat biasiswa untuk menyambung pelajaran di peringkat Ph.D yang aku idam-idamkan. Berkat doa ibu bapaku, isteri dan anak-anak yang dikasihi, aku ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bidang Kesusasteraan Melayu, iaitu cuti belajar selama 3 tahun, dapat biasiswa dan bergaji penuh.

Dengan keazaman yang tinggi aku terus memohon Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menyambung pengajianku peringkat Ph.D. Kesyukuran aku ucapkan kepada Allah SWT kerana keizinan-Nya, aku diterima menjadi warga UPSI dan mendapat penyelia yang aku kagumi, iaitu Prof. Madya Dato' Paduka Mohd Rosli bin Saludin (penyelia utama) dan Prof. Madya Dr. Talib bin Samat (penyelia kedua). Mereka berdua banyak membantu dan membimbing aku untuk menghasilkan tesis Ph.D yang terbaik dan menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Di dalam proses pengajian aku ini, banyak cabaran dan rintangan yang ditempuhi. Pertama kali bertemu dengan penyelia aku, iaitu Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin (seterusnya aku panggil Dato') beliau berkata, "Nazri, semangat mesti kuat! Nak ambil Ph.D ni, semangat mesti kuat!". Berkali-kali beliau menyatakan begitu kepada aku. Aku mengikuti dan mendengar apa yang Dato' katakan kepadaku. "Nazri, dalam proses belajar Ph.D ni, kamu perlu banyak membaca, membuat kertas kerja, membentangkan kertas kerja di dalam dan luar negara, perlu bergaul dengan para pensyarah dan pelajar Ph.D lain. Semasa melalui proses ini, mungkin berlaku perkara yang tidak diingini. Contohnya, anak sakit, buku hilang, komputer rosak dan sebagainya. Saya mahu kamu kuat semangat. Anggap itu semuanya dugaan dan cabaran," pesan Dato' kepada aku.

Bermulalah perjalanan hidupku sebagai pelajar Ph.D, yang mana buku sentiasa ada di sisi. Maklumlah kajian aku adalah berkaitan dengan menganalisis kandungan teks (novel Malaysia dan Brunei) dalam aspek kepimpinan berkualiti. Boleh dikatakan setiap minggu Dato' akan menelefon aku untuk berjumpa dengannya. Maknanya, sebelum berjumpa beliau sebagaimana tarikh yang ditetapkan maka aku harus bersedia. Bersedia dari aspek bahan yang perlu ditunjukkan, buku-buku yang telah dibaca dan perkembangan penulisan tesis. Beliau membimbing aku bagaimana untuk menghasilkan tesis yang baik dan mampu disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Aku bersyukur kepada Allah SWT kerana mendapat penyelia yang amat mengambil berat dan peka dengan masalah pelajarannya.

Malahan, Dato' akan menyuruh aku berjumpa dan membuat temu janji dengan pensyarah pakar dalam bidang tertentu. Beliau berkata, "Nazri, saya mahu kamu berjumpa Prof. Madya Dr. Mana Sikana. Beliau pakar teori sastera. Teori teksdealisme. Saya mahu kamu menggunakan teori beliau untuk menganalisis kepimpinan berkualiti dalam novel-novel yang dikaji." Alhamdulillah, setelah acap kali menuntut ilmu dengan Dr. Mana Sikana, maka mudahlah aku membuat kajian dan analisis tesis Ph.D aku ini. Lantaran, beliau merupakan pengasas teori teksdealisme. Aku merupakan pelajar Ph.D yang pertama yang mengaplikasikan teori teksdealisme dalam kajian. Lantaran itu, aku telah membuat rujukan yang tepat dan ini amat membantu dalam melancarkan analisis yang dijalankan.

Prof. Madya Dr. Talib Samat pula banyak membimbing aku untuk menghasilkan kertas kerja dan membuat pembentangan kertas kerja di merata-rata tempat. Boleh dikatakan dalam setahun 4 kali aku bentang kertas kerja. Kami sering bersama dikebanyakan lokasi yang melibatkan kajian Ph.Dku seperti di Perak, Pahang, Johor, Kuala Lumpur dan Brunei Darussalam. Ada kalanya, kami menggunakan khidmat bas dari UPSI, kereta sendiri, menaiki bas atau kapal terbang. Kesemuanya aku lalui dengan tabah dengan niat untuk belajar serta mencari pengalaman. Dr. Talib berpesan kepada aku, "Nazri, mudahkan urusan orang lain, Insya-Allah, Tuhan akan mempermudah urusan kau kelak". Pesanan beliau menjadi azimat kepada aku semasa belajar dan menjalankan tugas sebagai pensyarah di samping membantu sesiapa yang memerlukan bantuan, terutama kawan-kawan yang sedang menyiapkan tesis.


Dengan kata lain, aku lalui perjalanan Ph.D ini dengan lancar dan mengikut masa yang ditetapkan. Boleh dikatakan setiap hari aku menghadap *lap-top* untuk menulis tesis. Pergi ke mana-mana pun sentiasa teringat tesis. Rujukan kajian pula, kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, kefahaman yang mendalam diperlukan untuk memantapkan analisis dan kajian aku. Maka, kamus juga sentiasa ada di sisi. Proses kajian aku berjalan lancar kerana aku mengikut carta perbatuan yang dirancang. Alhamdulillah. Maknanya, semangat yang kuat dan dibantu oleh penyelia yang mengambil berat menyebabkan segala permasalahan dalam kajian dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

Terima kasih kepada ibu dan ayah kerana sentiasa mendoakan kejayaan aku. Sekalung kasih kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa ada di sisi ketika aku sibuk membuat kajian. Sejambak mawar aku simpulkan di dadamu kepada penyelia aku yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan tanpa berasa jemu. Alhamdulillah. Terima kasih kalian. Jasa dan pengorbanan kalian tetap dalam ingatan.


Mohd Nazri bin Zainuddin, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Dalam penulisan saya ini, saya ingin berkongsi pengalaman saya tentang elemen penting dalam penulisan tesis, iaitu pernyataan masalah (*problem statement*). Terdapat sebahagian penyelidik terpaksa mengubah tajuk berkali-kali semata-mata kerana pernyataan masalahnya tidak mantap. Apabila kita gagal membuktikan bahawa penyelidikan yang hendak kita jalankan itu tidak mempunyai masalah yang mantap maka tajuk penyelidikan itu secara automatiknya tidak boleh diterima. Kalau penyelia tidak bersetuju kerana pernyataan masalah kita belum cukup kuat bermakna tajuk kajian yang kita pilih itu adalah tidak sesuai dan boleh ditolak mentah-mentah.

Ada juga sebahagian penyelidik mengambil masa sehingga 6 bulan (1 semester) semata-mata untuk mendapatkan pernyataan masalah yang mantap. Di sini saya ingin memberi tips bagaimana hendak menulis pernyataan masalah. Sudah tentulah sebelum memikirkan tajuk dan masalah, penyelidik semua perlu banyak membaca jurnal, buku, tesis-tesis terdahulu bagi mendapatkan idea atau membantu kita berfikir apakah sebenarnya wujud masalah dalam bidang yang ingin dikaji. Sejauh manakah seriusnya masalah tersebut yang menyebabkan penyelidik terpaksa menjalankan penyelidikan bagi menangani isu/masalah tersebut.



Rajah 1: Kelompokan Ilmu (*Knowledge Gap*) Antara Guru Dan Pelajar



Rajah 2: Kelompongan Masalah (Problem Gap) Guru Tidak Dapat Memberi Komitmen Kepada Organisasi Dan Mengambil Keputusan Bersara Awal

Tips 1:

Dalam pernyataan masalah mesti ada *problem statement gap* (kelompongan masalah). Kelompongan tersebutlah yang penyelidik perlu isi atau tutup. Kelompongan masalah wujud disebabkan wujudnya *theoretical gap* (kelompongan teori). Berdasarkan *literature review* penyelidik perlu bijak mencari apakah, di manakah dan bagaimanakah *gap* tersebut wujud. Penyelidikan yang kita hendak jalankan mestilah menutup *gap* tersebut. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan contoh *gap* yang wujud dalam pernyataan masalah.

Tips 2:


Setiap pemboleh ubah dalam pernyataan masalah perlu disokong oleh data, fakta, hujah dan kajian-kajian yang terdahulu. Jika masalah yang hendak dikaji tidak disokong oleh aspek-aspek ini, maka penyelidik perlu banyak lagi membaca. Setelah berpuas hati dan boleh membuktikan kepada penyelia bahawa tidak ada satu pun aspek tersebut menyokong pemboleh ubah tersebut maka pemboleh ubah itu bolehlah dikeluarkan.

Tips 3:

Setiap pemboleh ubah yang telah kita nyatakan dalam pernyataan masalah perlu dikupas satu persatu dalam Bab 2 Tinjauan Literatur. Berdasarkan pengalaman, penulisan Bab 2 juga perlu sistematik dan berstruktur baharulah pemeriksa mudah memahami penulisan kita. Saya telah mendapat komen seperti berikut oleh pemeriksa tentang penulisan tinjauan literatur saya.

Calon telah menjalankan sorotan kajian dengan begitu baik, dengan membentangkan teori, model dan konsep yang berkaitan disusuli oleh sorotan kajian terdahulu. Kesemua aspek perbincangan ini digarap dengan baik untuk membentuk kerangka konseptual kajian. Ini merupakan antara penulisan sorotan literatur terbaik yang wajar dijadikan contoh.

~Pemeriksa
Fakulti Pendidikan UPM



Rajah 3: Model Kajian

Akhir sekali setelah pernyataan masalah mantap maka baharulah kita boleh menulis tentang objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian yang mana kesemua tajuk ini juga perlu ditulis secara sistematik dan berstruktur. Untuk pengetahuan para pembaca selepas sesi viva, saya telah mendapat komen daripada pemeriksa dan saya telah menukar lagi penulisan pernyataan masalah saya. Dalam Bab 5, saya telah berjaya menutup kelompongan masalah (*problem gap*) seperti Rajah 3 yang juga merupakan model penyelidikan ini.

Serangkap pantun buat tatapan semua:

*Kemumu di tengah pekan,
Dihembus angin jatuh ke bawah;
Jika ilmu tidak diamalkan,
Bagai pohon tidak berbuah.*

Masitah binti Mohammad Yusof, Ph.D, AMN
Ketua Jabatan
Jabatan Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme
IPGM

12 Oktober 2012 merupakan hari yang aku tunggu-tunggu. Tarikh tersebut merupakan hari penentu status *proposal* Ph.Dku. Pembentangan *proposal* pada pukul 10 pagi di Bilik Mesyuarat Fakulti Pendidikan. Pada masa yang sama, anakku yang sulung, Muhd Izzul Akhtar yang bersekolah di SMK Kuala Selangor juga akan pulang bercuti, sebagaimana rutin bulanan. Allahu... hari tersebut juga aku harus ke KLLA pada pukul 3 petang untuk mengambil suami tercinta yang telah dapat berpindah balik ke Semenanjung setelah hampir tiga tahun berkhidmat di bumi Sarawak. Pembentangan *proposal* tersebut berlangsung lebih kurang satu jam termasuk sesi soal jawab dan perbincangan. Alhamdulillah robbil a'lam, syukur, pengajian Ph.Dku yang bermula secara rasminya pada 11 September 2011 telah mendapat sedikit sinar apabila hari ini *proposalku* diluluskan dengan pindaan. Hanya Allah yang Maha Mengetahui kegembiraan dan bersyukur hati ini.

Namun, pada minggu yang berikutnya selepas kejadian seorang rakanku bertanya, “Ada tak Dr. X *inform you* yang topik *you* tak capai Ph.D level?” Aku benar-benar terkejut dan tergamam. “Mana mungkin”, fikirku. Jika *proposalku* tidak mencapai tahap Ph.D, mengapa *proposal* tersebut telah diterima oleh barisan panel dengan beberapa pindaan? Aku kira isu ini adalah antara ranjau duri yang harus aku tempuhi. Aku turut dipanggil oleh pihak atasan fakulti berikutan dengan suatu isu teknikal. Emosiku terganggu berikutan penghinaan yang dilontar oleh individu berkenaan. Aku menanggung emosi yang berat apabila merasa begitu rendah diri dan menangis untuk meleraikan bengkak di hati. Dalam tempoh dua minggu itu juga, aku meniti, bangun dan berdiri semula, bertatih dan memulakan langkah untuk meneruskan perjalanan yang telah aku mulakan. Allah mengurniakan aku penyelia yang memahami dan sentiasa memudahkan urusan, iaitu Dr. Fatanah dan Dr. Melati.

Syukur alhamdulillah dengan kasih sayang-Nya, aku dibekalkan kekuatan untuk terus menempuh liku-liku perjalanan tanpa mempedulikan apa yang telah aku rasai sebelum ini. Aku mula memurnikan modulku. Aku mencari dan melantik beberapa orang pakar untuk membaca dan memberi maklum balas berkenaan modulku. Pakar yang aku lantik adalah dalam kalangan pemegang ijazah Ph.D dalam bidang kaunseling dan mereka yang pernah berpengalaman membina modul, termasuklah seorang guru bimbingan kaunseling cemerlang negeri. Sekali lagi, aku diuji apabila guru bimbingan kaunseling negeri yang dicadangkan oleh pihak jabatan dan pejabat pendidikan daerah ini menolak dengan cara ‘membuang’ diriku. Penolakan guru berkenaan untuk menjadi pakar atau penilai modul bukanlah satu isu besar bagiku, meskipun pada perbincangan awal sebelum ini, guru berkenaan telah bersetuju untuk menjadi penilai modulku. Namun, perasaanku tergores dengan sikap guru bimbingan kaunseling cemerlang berkenaan yang tidak mahu bertemu denganku langsung. Malah dia meminta aku untuk mengambil modul yang telah kuhantar sebelum ini di balai pengawal sekolahnya. Di sebalik dugaan itu, Allah berikan aku 11 orang pakar dalam kalangan pensyarah dan Dr. yang sangat membantu dan memberi maklum balas yang positif untuk mengangkat Modul Konsep Kendiri sebagai rawatan yang ‘sah’ dalam kajian eksperimen yang bakal aku laksanakan.

Syukur alhamdulillah, aku terus diberi suntikan semangat dengan kasih sayang daripada-Nya apabila ada insan mulia yang sudi membantu aku melaksanakan kajian eksperimen di sekolah mereka. Jasa saudara Ahmad Fathy dan saudari Krishnamoorthy pastinya tidak akan aku lupakan. Setelah fasa pelaksanaan kajian disempurnakan, aku kini menempuh fasa berikutnya iaitu penganalisan data. Oh SPSS!!! Walaupun SPSS tidaklah sesukar AMOS tetapi ia tetap merupakan sesuatu yang mencabar

bagiku. Bermula dengan memasukkan data, memahami proses membersihkan data seterusnya memilih analisis yang bertepatan dengan soalan kajian adalah hal teknikal yang perlu dilakukan. Malah, yang lebih penting selain isu teknikal adalah memahami dan menterjemahkan makna hasil dapatan yang diperolehi. Bagiku, ini merupakan satu lagi dugaan yang besar. Hasil kajian bukan sekadar untuk ditulis tetapi harus dilaporkan dalam penulisan yang difahami dengan mendalam agar soalan-soalan yang bakal dilontar semasa viva dapat dijawab dengan jelas dan mantap. Aku mengambil masa yang agak panjang untuk menyempurnakan fasa ini.

Dalam tempoh memproses dan menulis laporan kajian, aku telah diberi peluang untuk memberi pendedahan berkenaan Bengkel Bimbingan Kaunseling Kerjaya kepada Guru Bimbingan Kaunseling Sekolah Rendah Negeri Selangor pada 2 Oktober 2013. Jutaan terima kasih aku ucapkan kepada En. Saidi Saari atas peluang yang telah diberikan. Aku dibantu oleh sekumpulan Jurulatih Utama (JU) Kaunseling Negeri Selangor dalam pelaksanaan bengkel tersebut. Sebahagian daripada kajianku menggunakan Teori Pembinaan Kerjaya Super yang mana teori ini menegaskan tentang konsep sendiri positif merupakan asas kepada pembinaan kerjaya seseorang individu. Aku bersyukur, bengkel ini telah melonjakkan keyakinan diriku kepada satu aras yang lebih tinggi apabila aku berpeluang untuk berkongsi dengan orang lain sedikit ilmu yang telah kuperoleh walaupun aku belum lagi menamatkan pengajian.

Syukur alhamdulillah, aku terus dihembuskan semangat dengan kasih sayang daripada-Nya untuk menitipkan diari kehidupan sebagai seorang pelajar yang telah bergelar isteri dan ibu kepada empat orang anak. Suatu hari ketika aku mengambil anak bongsuku dari sekolah, aku singgah di kelasnya. Aku perhatikan bahawa anakku telah bertukar tempat duduk. Ketika berbual dengan guru prasekolah, guru berkenaan memberitahu aku bahawa anakku tidak lancar membaca sedangkan ketika itu telah melangkaui semester dua, yang pastinya tidak sampai enam bulan lagi anakku akan memasuki ke tahun satu. Perasaan risau terus menyelinap ke dalam benakku. Walaupun sebelum ini, aku hanya akan mematikan *lap-top*ku pada pukul 5.30 petang tetapi hari tersebut aku telah memamatkannya awal, iaitu pada pukul 5 petang. Selepas usai solat asar, aku mengambil buku Bacalah Anakku untuk mengajar si kecilku yang berusia enam tahun membaca. Aduh! Setelah setengah jam pun, masih tidak dapat menghabiskan satu muka surat. Selepas itu, aku beralih pula kepada buku Iqra untuk mengajarnya mengaji. Situasi yang sama turut kualami. Setelah seminggu aku melalui rutin ini, pengamatanku terhadap anak kecilku ini, mengalami *mild dyslexia*. Dia keliru dengan huruf-huruf yang hampir serupa. Malah fokus tumpuannya hilang jika aku duduk mengajarnya dalam tempoh yang agak panjang. Air mataku tidak tertahan lagi. Oh Tuhan, aku telah melakukan satu kesilapan besar. Selama ini aku telah memberi tumpuan kepada diri dan pengajianku sendiri sehingga terlepas pandang tanggungjawab dan amanah yang paling berharga daripada Allah. Dengan penuh rasa bersalah dan linangan air mata aku menyusun strategi untuk mengatasi masalah anak bongsuku, di samping itu tidak melupakan untuk mengatur semula jadual sendiri. Aku turut dibantu oleh suami yang tidak pernah jemu menemani aku sepanjang perjalanan ini.

Syukur alhamdulillah, aku terus dibekalkan kekuatan dengan kasih sayang daripada-Nya untuk meneruskan perjalanan ini, walaupun telah berkali-kali aku terfikir untuk menghentikan pengajian ini. Suatu hari, semasa aku ke klinik aku bertanya kepada doktor, “Dr. mengapa agaknya saya sakit kepala, rasa macam bengang dan berdenyut?” Doktor bertanya, “Akak ada demam?” Aku geleng kepala sambil menjawab, “Badan saya ok, tidak ada rasa panas atau sejuk, tidak rasa lemah atau lenguh badan. Kepala saya rasa berat”. Lalu doktor mengambil pengesan suhu dan meletakkan dalam mulutku. Setelah pengesan suhu berbunyi doktor mengambil dan membaca suhu tersebut. “Kak,

panas badan akak ni 39.5°C. Akak demam ni”, kata doktor. Aku benar-benar terkejut kerana aku tidak terasa yang badanku panas atau demam. Aku langsung bercerita dengan doktor berhubung dengan stres yang aku hadapi untuk menyempurnakan pengajian Ph.D. Lalu doktor muda itu bertanya, “Susah sangat ke Ph.D tu kak?” Oh tidak!!! Aku bercerita dengan orang yang salah rupanya.

Syukur alhamdulillah, dengan kasih sayang daripada-Nya aku mendapat kekuatan untuk terus berjuang apabila permohonan menyambung cuti belajar selama enam bulan diluluskan. Hakikatnya aku mulai tidak keruan walaupun telah mendapat tambahan cuti selama enam bulan lagi. Bermula saat itu, aku tidak lagi lena tidur. Asal pukul 3.00 atau 4.00 pagi, mataku terbuka dengan sendirinya tanpa dikejutkan. Badanku bersedia untuk bangun dan menyambung kerja. Biasanya setelah mengambil sedikit masa untuk diri dan Pencipta, aku meneruskan kerja sehingga waktu subuh. Syukur, untuk peluang seterusnya apabila aku dapat membentangi tesisku dalam Seminar 2 (praviva) pada 23 September 2014. Sekali lagi rezeki daripada Allah Yang Maha Besar, cadangan penyelidikan sebanyak lima bab telah diluluskan dengan pindaan. Di samping itu, penulisan jurnal turut digiatkan bagi memenuhi syarat untuk viva. Aku terus melangkah menyempurnakan penulisan tesis ini. Januari dan April 2015 amat bermakna untukku apabila jurnal aku diterbitkan dalam jurnal talian Universiti Malaya. Penerbitan jurnal ini telah melengkapkan syarat untuk aku menjalani peperiksaan verbal.

Syukur alhamdulillah, dengan kasih sayang daripada-Nya aku sempat menghantar tesis untuk proses penambahbaikan selama tiga minggu sebelum bekerja semula sebagai penjawat awam pada 5 Mac 2015. Dengan izin-Nya aku dapat menyerahkan tesis bagi tujuan viva, iaitu dua bulan selepas aku kembali bekerja. Selepas lima bulan, iaitu pada 17 November 2015, aku mendapat panggilan untuk viva, iaitu peperiksaan verbal yang ditunggu-tunggu oleh semua pelajar Doktor Falsafah. Walaupun detik-detik untuk menempuh saat itu merupakan satu penyiksaan, namun viva merupakan garis penamat kepada penantian sebuah kejayaan, pengakhiran kepada penanggungan sebuah tanggungjawab dan penyempurnaan kepada sebuah amanah. Alhamdulillah pada tarikh yang tersebut, sekali lagi dengan izin daripada-Nya aku lulus viva dengan pembetulan minor. Tesisku melibatkan kajian kuasi-eksperimen terhadap konsep sendiri murid sekolah rendah. Ia melibatkan reka bentuk empat kumpulan solomon yang membabitkan ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan. Pada 28 Januari 2016, ahli senat universiti telah memutuskan untuk memberi anugerah Ijazah Kedoktoran kepadaku. Ini merupakan satu anugerah rezeki yang amat besar kepadaku. Menunggu hari konvokesyen merupakan saat-saat yang paling indah untuk aku, suami dan anak-anak.

Sesungguhnya rezeki Allah Maha Luas dan tidak bertepi. Banyak lagi pengalaman pahit manis yang tidak dapat diluahkan dengan kata-kata. Khas buat suami dan anak-anak, mohon maaf jika selama tiga tahun dan enam bulan cuti belajar ini, aku terlepas pandang keperluan dan tanggungjawab terhadap kalian. Mohon dihalalkan segala kekurangan. Terima kasih Allah, terima kasih penyelia, terima kasih pemeriksa dan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan IPG Kampus TAR. Terima kasih atas doa dan sokongan rakan-rakan sekerja di IPG Kampus Temenggung Ibrahim dan IPG Kampus Pendidikan Islam. Moga niat kita untuk memartabatkan ilmu pengetahuan terus mendapat rahmat dan berkat daripada Allah.

Yusni binti Haji Mohamad Yusop, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

“Dr. Suhaidah”, sedap juga panggilan itu. Bolehkah aku dapat gelaran Dr.? Kata orang, “Ukur baju di badan sendiri”. Mampukah aku? Sejak habis menduduki peperiksaan ‘A’ Level, sememangnya aku membayangkan diri ini menaiki pentas dengan memakai topi beret Ph.D. Namun, komitmen sedia ada sebagai Ketua Bidang Sains dan Matematik dan pada masa yang sama mengajar kelas-kelas peperiksaan. Malah, bukan itu sahaja cabarannya, bilangan anakku agak ramai berbanding dengan rakan-rakan guru lain. Rasanya cukuplah setakat ini skrol yang aku peroleh. Namun begitu, hari berganti hari, bulan berganti bulan, tahun berganti tahun, pelajar-pelajar silih berganti, aku mula bertanyakan diri ini, “Sampai bila kelayakan pendidikan aku hanya setakat ini?” Naik muak juga bila mengajar perkara yang sama berulang kali. Rasanya aku boleh buat lebih daripada ini. Suatu hari, aku terserempak dengan seorang bekas anak murid aku yang sudah punyai sarjana dan telah mendaftar untuk Ph.D. Tiba-tiba perasaan ingin menyambung pelajaran mula membuak. Alang-alang punya *master*, mengapa tidak aku teruskan. Berdasarkan kenangan susah dan pahitnya menyiapkan sarjana, padaku bukan semua orang telah mempunyai sarjana sanggup untuk menyambung ke peringkat Ph.D. Malah, bukan semua yang berkeinginan itu mampu belajar dan bukan semua yang mampu belajar itu berkeinginan untuk meneruskan pengajian ke tahap ini. Insya-Allah, aku tahu aku mampu melakukannya dan aku benar-benar menginginkannya. Itu jawapan yang kuberikan semasa sesi temu duga untuk mendapatkan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lebih kurang sebulan berikutnya, aku menerima sepucuk surat daripada Bahagian Biasiswa yang menyatakan, “Tahniah anda berjaya, namun kerana kegawatan ekonomi, keputusan sesi temu duga terpaksa ditangguhkan.” Aku agak sedih dengan hal ini. Habislah! Masuk dalam *frame* gambar dan gantung di dindinglah nampaknya. Namun, masa terus berlalu. Empat bulan selepas itu, satu lagi surat daripada KPM dialamatkan kepadaku. “Tahniah, anda telah terpilih untuk menerima Hadiah Latihan Persekutuan, iaitu Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa”. Perasaan gembiraku bercampur aduk. Apa maksudnya ‘Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa’? Aku terus menelefon Bahagian Biasiswa untuk mendapatkan penjelasan. Aku telah difahamkan oleh Bahagian Biasiswa melalui perbualan telefon bahawa gaji berjalan seperti biasa tetapi tiada bantuan kewangan lain dan pada masa yang sama yuran perlu dibayar sendiri. Adoi! Terkedu dan tersentak dibuatnya. Apa perlu aku lakukan sekarang. Semua anak kecil lagi dan masih bersekolah dengan yang sulung baru habis SPM manakala yang kesembilan berumur setahun. Perbelanjaan anak-anak bukan sedikit. Bayar yuran sekolah, yuran tadika dan bayar pengasuh. Yuran pengajian Ph.D juga bukan murah. Pastinya banyak wang ringgit dan masa akan dikorbankan untuk aku capai cita-cita ini. MAMPUKAH aku menamatkan pengajian jika dibelenggu dengan masalah-masalah lain.

Adakah kita akan belajar apabila ditaja sahaja? Sampai bila kita harus bergantung dengan orang lain? Adakah jika wang gajiku, aku ketepikan sedikit untuk keperluan pengajianku menjejaskan perbelanjaan rumah tangga? Antara kata-kata nasihat yang aku terima daripada pegawai di Bahagian Biasiswa yang masih terngiang-ngiang lagi di telingaku, “Cikgu adalah model kepada anak-anak, anak-anak murid dan rakan-rakan seperjuangan. Cikgu telah terpilih. Jangan lepaskan peluang ini”. Akhirnya aku mengambil keputusan untuk menerima hadiah latihan tersebut. Walaupun begitu, aku telah mohon penangguhan untuk melapor diri ke universiti setelah habis sesi persekolahan pada tahun itu. Ini adalah kerana aku terlibat mengajar kelas-kelas peperiksaan SPM.

Perjalanan sebagai pelajar bermula. Keluar tol masuk tol entah berapa kali sebulan. Kelas-kelas wajib diikuti setiap hari. Setelah enam bulan, sepucuk surat lagi telah kuterima. “Tahniah anda telah terpilih untuk menerima Hadiah Latihan Cuti Belajar Dengan Biasiswa”. Kali ini surat lebih tebal kerana terdapat sekeping cek di dalamnya. Alhamdulillah, aku terima biasiswa penuh daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Semua yuran pengajian akan dijelaskan oleh KPM.

Di mana agaknya aku mendapat kekuatan untuk membuat Ph.D. Kepada Allah kupohon pertolongan supaya diberi kekuatan, petunjuk dan dipermudahkan segala urusan. Sokongan moral amat diperlukan daripada keluarga tercinta terutamanya suamiku. Alhamdulillah, aku punyai keluarga yang amat memahami.

Masa berlalu terlalu pantas tanpa kusedari. Setelah aku membenteng *proposal* kajian, suamiku pula telah menerima biasiswa untuk meneruskan pengajian tetapi keluar negara. Oleh itu, kami sekeluarga berangkat ke United Kingdom (UK). Terdapat banyak hikmah di sebalik semua yang berlaku tanpa kita sedari. Oleh kerana sudah berada di luar negara, aku mengambil kesempatan menggunakan kemudahan-kemudahan di perpustakaan universiti tempat suamiku belajar. Rujukan-rujukan semasa amat mudah diperoleh.

Dalam kekalutan melayan karenah anak-anak, lebih-lebih lagi anak-anak yang masih kecil, aku perlu pandai mengurus masa 24 jam yang telah Allah berikan. Makan minum anak-anak mesti didahulukan. Urusan persekolahan mereka juga tanggungjawab kita sebagai ibu bapa. Tetapi satu perkara yang menjadi peganganku, bukan banyaknya jam yang diperlukan untuk menyiapkan Ph.D tetapi lebih kepada masa yang amat berkualiti walaupun sekejap. Empat bulan di UK, dua bulan di Malaysia sudah menjadi rutin setiap semester. Setiap kali pulang ke tanah air aku akan membawa bersama-sama anak yang ke-10 dan ke-11. Kedua-dua anak ini dilahirkan semasa aku bergelar pelajar Ph.D. Ramai pelajar di bawah tajaan Malaysia tinggal berdekatan dengan rumah kami. Masa inilah kita akan dapat melihat jalinan ikatan ukhawah dan kasih sayang antara kita. Kawan-kawan keliling sentiasa membantu. Makanan lauk pauk ada sahaja yang dihantar semasa ketiadaanku di UK. Selama empat tahun di UK, aku dan suami belayar dalam bahtera Ph.D bersama-sama sehingga ke penghujungnya. Nak dipendekkan cerita, alhamdulillah kami berjaya mendapatkan Ph.D masing-masing dengan anak 11 orang, tambahan seorang menantu dan seorang cucu.

Suhaidah binti Tahir, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Pada peringkat awal persekolahan di sekolah menengah, saya merupakan pelajar yang kurang berminat dalam pelajaran. Situasi ini berlaku, mungkin kerana pengaruh keluarga yang kurang menggalakkan untuk saya cemerlang dalam pelajaran. Namun begitu, situasi ini mula berubah. Hal ini demikian kerana hasil semaian motivasi oleh seorang guru kelas Tingkatan Lima yang bernama Cik Mahaletchumi. Beliau sering memberi dorongan kepada saya. Dorongan beliau telah mencetuskan keinginan kepada saya untuk meneroka ilmu. Dorongannya juga memulakan cetusan semangat yang berkobar-kobar kepada saya untuk melanjutkan pengajian. Saya berjaya memperoleh segulung Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1998, Sarjana pada tahun 2005 dan Doktor Falsafah pada tahun 2014.

Sewaktu saya meneruskan pengajian saya dalam bidang kedoktoran, saya telah menjangkau usia yang ke-48 tahun. Ada di antara sahabat saya yang beranggapan bahawa melanjutkan pengajian kedoktoran dengan perbelanjaan sendiri adalah tindakan yang kurang bijak. Mungkin pada tanggapan mereka, ia kurang membawa hasil dari aspek kenaikan pangkat terutama dalam bidang perguruan. Namun, saya bertekad untuk meneruskan hasrat untuk melanjutkan pengajian saya dalam bidang Kesusasteraan Tamil. Ini adalah semata-mata kerana keinginan saya untuk meneroka keunikan Kesusasteraan Tamil Klasik.

Saya telah membuat keputusan untuk menulis tesis saya dalam bahasa Melayu. Keputusan ini mengakibatkan saya perlu menghadapi beberapa cabaran. Antara cabaran utama yang perlu saya hadapi adalah, saya perlu menterjemahkan istilah-istilah klasik Tamil ke dalam bahasa Melayu. Selain daripada cabaran itu, kebanyakan buku rujukan saya adalah dalam bahasa Tamil. Namun, tanpa berputus asa, saya mula menulis penemuan saya dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, penyelia saya, iaitu, Profesor Madya Dr. S. Kumaran banyak membantu dan memberi sokongan moral dalam usaha saya ini. Selain daripada itu, Encik Earnest Manuel, Puan Hajah Satariah binti Khamis dan Dr. Ganesan merupakan antara pensyarah-pensyarah IPG Kampus Ipoh yang membantu saya untuk menulis dalam bahasa Melayu menggunakan laras bahasa yang betul. Seterusnya, buku-buku rujukan Tamil di perpustakaan IPG Kampus Ipoh turut membantu dalam proses saya menulis tesis. Saya juga turut mengambil cuti kursus sambilan yang ditawarkan oleh IPGM. Saya benar-benar memanfaatkan masa yang diberikan sepanjang tempoh tersebut. Saya memberikan sepenuh tumpuan dan perhatian kepada penulisan tesis saya sehingga ia siap sepenuhnya.

Namun, walaupun saya telah berjaya menyiapkan tesis pada masa yang ditetapkan tetapi cabaran kedua menanti selepas saya menghadapi sesi viva. Walaupun saya telah sedaya upaya menyampaikan hujah-hujah dengan baik dalam sesi viva tetapi saya kurang berjaya menarik perhatian ahli panel penilai. Mereka menyarankan kepada saya untuk memberi perhatian kepada beberapa penambahbaikan bagi mengatasi kekurangan dalam penulisan saya. Mereka memberi tempoh setahun kepada saya untuk memperbaikinya. Walaupun pada dasarnya saya berasa sedikit kecewa, namun hal ini tidak menyebabkan saya untuk berputus asa. Sebaliknya, saya berasa sungguh bertuah kerana salah seorang daripada ahli panel penilai, iaitu seorang profesor sanggup membantu untuk memperbaiki tesis saya. Beliau meluangkan masa untuk saya tanpa jemu. Saya telah bersemuka dengan beliau beberapa kali sehingga tesis itu berjaya disiapkan sebagaimana yang diminta oleh pihak ahli panel penilai mengikut

jangka masa yang telah ditetapkan. Saya amat terhutang budi kepada Encik Mubin bin Md. Noor, salah seorang pensyarah IPG Kampus Ipoh atas bantuan beliau dalam bahagian analisis data.

Akhirnya, saya berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran pada tanggal 13 Oktober 2014 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya. Ijazah kedoktoran tersebut dianugerahkan oleh YTM Sultan Perak. Akhir kalam, petua yang saya amalkan dalam kehidupan saya dan boleh dikongsikan, iaitu sikap tidak berputus-asa dan terus berjuang. Mungkin petua ini dapat membantu sahabat semua dalam perjalanan hidup anda. Semoga anda semua turut berjaya.

Mohan Kumar Chellaiah, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak



Betul kata orang, semua orang boleh sambung belajar tetapi hendak menghabiskan Ph.D banyak liku-liku yang perlu dilalui. Perjalanan dalam Ph.D memerlukan kekuatan fizikal, mental dan sumber kewangan yang mencukupi. Ph.D tidak memerlukan orang yang bijak pandai dan cemerlang tetapi semangat dan ketekunan adalah kunci kejayaan.

Bagaimana saya boleh mencapai kejayaan ini sedangkan ia bukanlah angan-angan saya dari kecil untuk memegang gelaran Doktor Falsafah. Seingat saya, cita-cita saya hanyalah hendak menjadi seorang guru sahaja. Tapi mungkin semangat itu hadir bermula daripada kata-kata sinis yang diluahkan oleh seorang sahabat yang lebih dahulu menjadi seorang guru berijazah.

Masih kuingat kata-katanya, “Setakat cikgu sekolah rendah, apa yang ada. Sijil Perguruan keluaran maktab sahaja. Tak sama dengan guru sekolah menengah yang ada ijazah dari universiti”. Terima kasih sahabat. Saya bersyukur kerana kata-kata tersebut telah memberi semangat untuk saya meneruskan perjuangan masuk ke menara gading dan menggenggam segulung ijazah. Saya bertekad, kalau dugaan di peringkat ijazah dengan gaji separuh dan bilangan anak dua yang masih kecil pun boleh, sudah tentu peringkat sarjana pun saya boleh. Dua tahun sahaja. Alhamdulillah, semangat tidak terhenti di situ saja. Saya berazam, alang-alang belajar biar sampai ke peringkat tertinggi. Saya nak buktikan. Saya adalah anak didik Sekolah Menengah Gunung Semanggol (SMGS) yang pertama berjaya mendapat Ph.D. Susah payah semasa sekolah dahulu dengan mengayuh basikal hampir satu jam (16km) untuk ke sekolah biarlah berbaloi.

Iltizam meneruskan niat untuk sambung ke peringkat Ph.D disuarakan kepada suami tercinta pada tahun 2010. Namun, suami saya memberi syarat jika hendak menyambung pengajian, saya perlu mendapatkan cuti belajar. “Alamak, ni yang susah ni”, hati kecil saya merungut. Bukan senang nak mendapatkan cuti. Tahun sebelumnya, saya ada menghadiri temu duga, namun tidak berjaya. Saya hanya cikgu sekolah. Pada pendapat saya, bukan sesuatu yang senang sebagai cikgu sekolah untuk bersaing dengan pensyarah IPG. Namun, saya tekad, “Aku perlu cuba lagi tahun ni”. Alhamdulillah, Allah itu maha penyayang. Saya berjaya setelah kali kedua memohon untuk mendapatkan cuti belajar. Strategi yang saya gunakan ialah memastikan tajuk *proposal* saya adalah isu semasa dan terkini untuk menarik perhatian panel penilai. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 tidak ada tawaran cuti belajar dengan biasiswa. Tetapi apa yang ditawarkan ialah Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBTB). Maknanya, saya kena tanggung segala perbelanjaan dan yuran pengajian. Namun begitu, saya tidak kisah kerana saya sudah mempunyai pengalaman belajar semasa peringkat sarjana secara separuh masa. Justeru itu, dengan mendapat cuti pada pengajian kali ini juga adalah memadai.

Cabaran bagi orang yang belajar tanpa biasiswa mula dirasakan oleh saya. Saya perlu berjimat cermat. Dengan gaji sedia ada, saya perlu simpan untuk bayar yuran, membeli buku, kos ulang-alik ke universiti dan tempat kajian serta memastikan sumber kewangan mencukupi untuk perbelanjaan keluarga. Justeru, saya perlu menabung setiap bulan (RM250) bagi memastikan wang mencukupi untuk bayar yuran pengajian setiap semester. Maklumlah, dapat gaji banyak cabangnya.

Pada Julai 2010, saya memilih untuk mendaftar di UPSI walaupun pada masa yang sama saya berjaya ditawarkan di USM. Ramai rakan bertanya, “Kenapa memilih UPSI?” Terdapat banyak faktor saya berbuat demikian. Kos yuran pengajian yang murah (RM12,500.00) adalah faktor utama saya memilih UPSI kerana saya tidak ditawarkan biasiswa. Selain itu, saya sudah rasa selesa di UPSI kerana mengenali ramai pensyarah yang mengajar saya semasa peringkat Ijazah Sarjana Muda lagi dan telah memahami budaya pembelajaran di UPSI.

Perjalanan pertama bermula dengan memilih penyelia yang sesuai dengan bidang Pentaksiran Pendidikan Seni. Prof. Madya Dr. Md. Nasir Ibrahim adalah satu-satunya penyelia tesis saya. Tidak ada pensyarah lain yang sesuai dengan bidang kajian saya. Syukur alhamdulillah, beliau merupakan penyelia yang sangat membantu saya dalam proses penyelidikan. Banyak bimbingan dan ilmu yang dicurahkan.

Bagaimana nak pilih tajuk kajian? Pada tahun 2010 isu tentang Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sering diperkatakan. Saya telah memilih tajuk tersebut sesuai dengan keadaan semasa dan ia amat berkaitan dengan tugas saya sebagai guru Seni Visual. Bagi memastikan perjalanan penyelidikan saya berjalan lancar, saya memastikan carta *ganttt* yang saya buat bermula daripada proses mencari tajuk atau isu yang sesuai, sehinggalah proses membentangkan *proposal* dapat diikuti. Saya berjaya membentangkan *proposal* pada semester kedua. Walau bagaimanapun, saya menghadapi masalah untuk turun ke lapangan kerana kajian saya ini perlu mengikut jadual pentaksiran SPM Kementerian Pendidikan Malaysia. Hampir 8 bulan saya tidak dapat mengumpul data. Lamanya rasa tempoh menunggu. Namun begitu, masa tersebut saya gunakan sebaiknya untuk mendalami tinjauan bacaan saya khususnya bagi tujuan penulisan bab 2 dan bab 3. Saya perlu memahami sedalam-dalamnya kajian saya ini. Selain itu, saya juga menghadiri kelas audit untuk memahami secara mendalam berkaitan bidang penyelidikan kualitatif. Saya rasakan ia sangat penting kerana dapat memastikan proses analisis data dan penulisan saya menjadi lancar.

Dalam pada itu, peranan rakan-rakan seperjuangan yang menyambung Ph.D sangat membantu dalam memberi kata semangat dalam proses mencapai kejayaan. Kita tidak boleh hidup sendirian kerana rakan-rakan dapat membantu semasa menghadapi masalah khususnya ketidakfahaman dalam proses penyelidikan. Saya bersyukur kerana dipertemukan dengan Khalijah, Azizah, Rodziah, Noridah (yang semuanya saya panggil kak dan sekarang dah bergelar Dr.). Kami berkongsi kereta, berkongsi bilik dan bersama-sama menaiki kereta api, berulang-alik ke UPSI untuk mengikuti kelas dan juga ke tempat lain bagi mencari bahan pengajian.

Pengalaman belajar tiga tahun juga mendedahkan saya untuk melibatkan diri dalam pembentangan kertas kajian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi memastikan kualiti dalam penyelidikan. Antaranya menjalankan penyelidikan ukiran kayu di Jepara, Indonesia, menjadi pembentang kertas kajian di Universiti Semarang Indonesia (peringkat antarabangsa), Monash Universiti (antarabangsa), Seminar Kebangsaan di IPGK Ilmu Khas, Konvensyen Kebangsaan di Hotel Copthorne, Pulau Pinang, Konvensyen Pentaksiran di USM dan lain-lain.

Sepanjang proses menyiapkan penyelidikan, adalah mustahil sekiranya saya mengatakan tiada sebarang masalah yang hadapi. Walaupun sedikit, ia tetap ada. Saya memang kurang mahir dalam bahasa Inggeris. Cukup perit rasanya, semasa hendak membaca dan menganalisis jurnal-jurnal atau

buku Bahasa Inggeris. Perasaan takut sekiranya saya tersalah tafsir. Maka, kamus digital yang saya beli pada tahun 2010 menjadi rakan baik saya hingga sekarang. Hendak atau tidak, saya perlu berusaha.

Namun begitu, cabaran yang paling besar yang saya rasakan adalah untuk menjalankan proses temu bual, mentranskripsikan kajian yang dijalankan melalui kaedah temu bual, pemerhatian, dan menganalisis dokumen tersebut. Sebagai penyelidik, kita perlu bersedia menghadapi cabaran dengan karenah responden. Kita juga perlu bersedia dengan ilmu di dada berkaitan bidang yang ingin dikaji semasa proses kutipan data. Jika tidak, kita akan pulang dengan tangan kosong. Data yang kaya pula perlu dianalisis sebaik mungkin. Pengalaman menyusun dan menganalisis data secara manual amat mencabar. Bukan itu sahaja, proses penulisan juga amat mencabar bagi diri saya. Kadangkala, berada di hadapan komputer berjam-jam lamanya tetapi tidak dapat satu perenggan pun. Apa yang penting, saya akan pastikan setiap hari saya buka komputer untuk melihat penulisan saya. Tak kira walau ke mana, sama ada balik kampung, pergi kenduri ataupun pergi bercuti (kadang-kala komputer tetap dibawa walau tidak dibuka). Tidur pun di hadapan komputer. Ini penting supaya saya sentiasa ada *mood* untuk menyiapkan penulisan. Ini satu motivasi untuk saya berusaha mencapai matlamat untuk menyiapkan Ph.D dalam tempoh tiga tahun. Saya perlu sering mengingatkan diri sendiri. Cuti yang kerajaan beri adalah satu amanah. Jadi, masa itu perlu digunakan sebaik mungkin.

Alhamdulillah, pada bulan Ogos 2013 saya berjaya menghantar tesis saya untuk semakan pemeriksa. Hampir tujuh bulan menunggu (masa tu saya dah sarat mengandung anak kelima). Saya telah lulus viva pada 30 April 2014. “Tahniah, dengan ini kami menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada Che Aleha”. Itulah kata-kata azimat yang tidak dapat saya lupakan. Kenangan belajar sebagai pelajar Ph.D adalah satu nikmat dan banyak hikmahnya. Syukur.

Che Aleha binti Ladin, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

“It’s a long and lonely journey” that was what I used to share with my friends and colleagues when they asked me about my journey to Ph.D. My statement is not meant to demotivate the aspiring Ph.D candidates but to prepare them for a ‘different’ experience in their professional development. If you can lend me your ears, allow me to share my humble experience. For a start, this long and lonely journey need to be taken in a positive stride. Never before have I all the time in hand to really plunge myself into the world of reading, searching, thinking, pondering, reflecting on the ideas and views of so many people in their area of expertise. This journey has taught me to be more introspective, to discipline my mind and thoughts, to enquire and question the validity of arguments and conclusions put forward by an array of researchers and writers.

I valued the study leave granted to me by the Scholarship Division, Ministry of Education Malaysia. When I looked back, these three and a half years were well-spent. It has provided me ample room to explore beyond my comfort zone, be it at the academic level or the personal level.

From the academic perspective, it became clear to me that my struggles were two-fold, firstly with the research area and secondly, with the research methodology. There were days in the initial stages when I felt lost, trying to make sense of what I have read... “Teachers’ belief, what does ‘belief’ mean, how do you define, operationalize and link it to self-efficacy, what do the big names say, who are the authorities,”...bits and pieces here and there, I needed to see the big picture. I could not remember the countless times I read and re-read articles, books and literature reviews, trying my best to decipher the meaning, to make sense of how it could relate to my area of research. My initial excitement of embarking on Ph.D had by now simmered down. I was at the stage of confusion, as though I was lost among the trees in the forest of trees.

However, my inherent organization skills saved the day, having recorded references on everything I read and making notes/remarks at the side of each article was indeed helpful. Monthly trips to meet my supervisor was something I looked forward to. She was there to listen to my views and to bounce intrusive new ideas to me. But at the end of the day I had to decide what I wanted to do in my research.

For each trip to the university, I would spend three to five days there. Prior to meeting with my supervisor for discussion, I would prepare a draft of my writing thus far and would do a mental picture of the things for seeking clarification. After the meeting, the library would be my dwelling place, doing more physical and electronic searches from the library collections, photostating relevant articles and saving the electronic versions to thumb drives (in those days thumb drive was the latest technology, there were no portable hard disk, Google drive or Drop box!) and to collect materials requested via inter-library loan. Often times my drive back to Ipoh was a time of reflection bringing more questions to my mind, seeking for further answers. Those materials collected from the library lasted me for another month of reading and writing before my next trip was due. By then, my reading collections were organized into two binders, labelled ‘High Priority’ and ‘KIV’. Keeping a log book also had helped me to refer any events or titles that I found interesting and for future cross-referencing.

Having struggled through one semester, I had arrived at the stage where I acquired some self-motivation and self-regulation strategies, the resiliency to push on and look for answers from various sources and people. I am forever grateful to a few distinguished people who had made a difference in this pursuit: a dear colleague who helped me with back-translation of my research instrument, university professors who were kind enough to receive me and willing to hear my 'problems' and an ex-colleague serving in the university who always warmly invites me to have coffee whenever I pop-in to say hello. As my hometown is in Klang, I would go back home to stay with my beloved mom, who was ever so glad to have me. Warm meals and hours of sharing stories with her, talking about family matters, children, spouse, siblings, health food and so forth have created a much closer bond with her. Those beautiful moments will forever be cherished in my heart.

During my second semester, the university provided a post-graduate room with a personal cubicle for us to study, to rest and to mingle with other post-graduate students. There were some friendly faces who would obliged to engage in a conversation and share common concerns. Although my stay was short, the presence of other fellow post-graduate students had given me an assurance that I was not alone in this struggle, at least for a while. I would watch out for opportunities to attend workshops, conferences and mock vetting sessions. As I sat in to listen, I gained confidence from listening to like-minded people, provided me opportunity to ask questions, strengthened my reasoning skills and exchanged information after their presentations. Not forgetting, my staunch supporters were my beloved husband and my two children. Back in my mind, I wanted to be a role model and to provide motivation for my children to follow. However, there were laidback days too, not doing a single reading or giving myself excuses why other tasks needed my attention more. In order not to lose focus, I kept reminding myself over and over again that finishing my dissertation must be my top priority.

The hardest part of my Ph.D was deciding the instrumentation and learning statistical analysis. My study which was quantitative in nature was most challenging to me. Now having to do multivariate statistics and not having any classes to audit because courses in that area were not offered during my time, I faced the most challenging time in this journey. Relying on my statistical knowledge and skills from my Masters years were not enough. My statistics *gurus* were authors such as Tabachnick & Fidell and a host of other statisticians. I felt so alone reading those books, asking the books questions, reading over and over again and never seemed to see the light. This was the stage of being in the wilderness. I needed the strength to persevere, I had to push my abilities beyond my limits. Hours were spent looking at the electronic media, and, Eureka!!... there was this godsend website by Jim Schwab, University of Texas who shared a thorough multivariate statistical procedure using the SPSS statistical package and the utilization of the statistical output in research finding.

I considered this experience a break through in my quest for knowledge, where I got to learn a new dimension in statistics, bringing out the hidden potential I never knew I could achieved. The computer, MS Word, SPSS, the printer, binders and printed papers had dominated my life for these three long years. I became so familiar with my new found skills, I was able to manoeuvre about these applications with ease, APA referencing skills became second nature to me. After crossing this hurdle, I had arrived to 'seeing the light at the end of the tunnel' stage. With determination and perseverance and many, many series of reading, editing and printing of my drafts (and the support from my supervisor), I submitted my final draft before my study leave came to an end.

I now feel happy and grateful that I can share my experience and the results of my work with others. Ph.D is the time when you discover more about yourself, the way you manage your task, your preferences, exercise resiliency, make choices and identify what motivates you to strive harder to reach your goals. It is a life-long learning process, a mental marathon, a time for deep reflection on your experience, strengths and limitations and try to improve on them. Embrace the journey, slowly and surely you will arrive at the destination to claim the reward in victory. May I now rephrase my opening statement that the journey to my Ph.D is ‘a long but rewarding journey’.

Wong Kiet Wah, Ph.D

Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh

Hulu Kinta, Perak

The moment I had decided to register for my doctorate program in University of Education Sultan Idris, I knew that I had to anticipate a very long, stressful and difficult journey. My mental preparation was there and I always prayed that I would be able to persevere and remain resilient in this tough journey. I knew I had to cope between office work, housework and writing my thesis. The first hurdle which I needed to overcome was my time management. Juggling between office work and house work was not easy at all. Official work starts when I clock in at 8 am and ends when I clock out at 5 pm. After 5 pm, I had to begin my household chores which starts immediately after I reach home after work. I had to prepare dinner every night, coach my son and daughter in their homework or studies as well as doing other household chores that need to be attended to everyday. Whatever it was, I held on to my principle that I will not neglect my family despite the need to complete my Ph.D. Many people often asked how I am able find the time to read and write my thesis. With this, I shall elaborate on how I had managed my time.

Well, to complete the Ph.D on a part-time basis, it is really not easy. I had to come out with a few rules and regulations on myself in which I had to follow closely. I had to be really disciplined and to always stick closely to the targeted dateline which I had set to complete a certain task. If I were to tell myself that I had to read up five articles or journals in two weeks' time means that I must do it! There was certainly no room for procrastination. All the reading that I need to do was done during my free time in college (at work). After completing my college task, immediately I will do my reading with the extra time that I have during the day. As most of my teaching hours were quite well spread out, reading articles and making notes were usually done in between a free time, and also in the afternoon. Putting effort and discipline into action was hard but it is something not to be compromised. I had to be extremely disciplined in this matter.

Another wonderful task that really helped me was ability to access the digital library. With the advancement in ICT, the digital library saved me a great deal of time. I didn't need to literally hop from one university library to another library searching for reading materials which I had done during my Master's program. It was really time consuming and costly. I really thank God that the digital library came in handy for me at the right time. Everything was downloaded for later reading. I also preferred to read articles in soft copy as I could enlarge its font... what to do? Age is catching up. Of course, at the same time, I also had selected some print out articles to read too. There would always be one or two articles that I had printed out and put into my hand bag or even a book in my car as standby. When I was stuck in traffic waiting for my children school dismissal, I would read those articles that I have put in my bag. This is one of my ways to find extra time to do my reading and to fulfil the targeted dateline which I have set to finish. No reading for me during night time, as I would always be totally worn out after dinner and my eyes could hardly open to do anything. I always need a good sleep of at least 7 hours as my day starts early as 5.30 am since my children need to move out from home to school by 6.30 am. Sticking to time and schedule set is a very important factor.

Accessing to international articles and journals opens up my mind and not confine it in a small cocoon. This is one of the insights which I have gained when I started to read and explore what others have done in the world concerning the research that I was doing. It was such a mind opening experience and it indirectly helped me to improve in my mastery of English language. I had to check

through the dictionary most of the time. I was born in the era of where Communication English was introduced to me in my school curriculum. Through this learning experience, I would always advise my students that they need to be able to read articles in English as there is a wide and big dimension of knowledge that they need to explore and investigate. We cannot have a closed mind thinking that many people out there are not doing certain things just because we are ignorant about it. Reading widely had also helped me in searching for the knowledge gap which is needed in research.

Another thing which I am grateful for is to have a supervisor who is pushy. He had his own schedule for me and he would always make sure that I will meet him at the proposed date that had been set. Of course, I have my own scheduled time too, but being human and multi-tasking too many things at one time, I did slack once a while. He would call on me whenever he felt I was slacking and would give me a gentle reminder to push me back on track. So you can just imagine how I felt whenever I heard my supervisor's ringing tone on my hand phone. It sends me chills all over my spine when I heard the tune 'Uptown Girl' ringing. That was the ringing tune I had purposely set on my phone for his number.

Writing out each chapter was also an agonising experience. Every step that I took required me to read up more before I could even proceed with anything else. It was not just any ordinary reading about my researched topic but about everything else that comes along with the topic. These are the following questions that came along while writing such as "How to write your bibliography correctly following the APA style?", "How do you write research questions correctly?", "What is the difference between theoretical framework and conceptual framework?", "What is quantitative research and how do I analyse data?" and so much more. To write out a whole chapter, I have to read up that much just to be able to write a small paragraph of the chapter in order to make sense. I had no choice but to read up the whole book pertaining to "Research in Education" in order to write a chapter related to it. Not forgetting too, doing my data analysis required SPSS skills. For that, I had to read up on how to use the SPSS programme first before I could even start to analyse my data. Reading it is one thing, understanding whatever I had read was another problem. Sometimes, I had to read a few books just to understand a concept. That was really tough for me as some knowledge was not easy to compute. Once again, I was very lucky and thankful that my good friend was there to help me out whenever I desperately needed some guidance in my research. She just came back from England with a doctorate degree and was the right person to enlighten me on how to analyse my data. The moral here is you cannot stop reading, comprehending knowledge, thinking and processing information. The whole thing would seem like infinity until you have finally completed your thesis. There is no easy way out, it is through hard work, discipline and non-stop reading. You should also not feel embarrassed to ask anything especially if it is something you are not sure about.

Maximising my study leave (I was entitled to apply for a 30 days study leave) was also another important factor for me as I seriously needed it. With the approved holiday, I could do quite a good sum of writing up for my thesis when I do not have to attend to office work. By disciplining myself to wake up the same time as working days, after sending my children to school, I could start working on my writing and reading up. In the 8 hours that I have at home, there was a lot of catching up in writing and reading.

Lastly, besides working hard, I had also prayed hard so that I could meet the right people who could facilitate me in completing my Ph.D. People of knowledge and all those who were willing to help and motivate were the people I had always hoped to encounter. Crossing path with people that like to condemn, demotivate or love to scold unnecessarily while not contributing the right guidance were

those people I totally tried to avoid. Oh yes, there were also many uncontrollable factors throughout the process of completing Ph.D. For example, the selection of examiners for the viva, the time taken for examiners to read your thesis, the date to meet up with the dean of the faculty and etc. These things may even take up more than a year for the whole process to go through smoothly. Hence, the waiting time is agonising and the key point to this whole thing boils down to one word: patience, patience and patience! These were all external factors and there was nothing much I could do but to just adhere to the system and wait.

Finally, when everything is over, I have learnt that there is so much more to learn and learning is really a lifelong process. The knowledge that I had acquired is just part of the learning process which I need to step further on. The moral is not to think that getting a Ph.D means you already know everything. No! There is still just so much more knowledge out there where you need to explore continuously. Whatever it is, you must have the passion to read more, just keep reading and reading.

Tan Ai Lee, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

I have enjoyed the pursuit of knowledge since young. So the idea of pursuing higher degrees was a natural progression for me. My two year stint in the United States of America pursuing a master's degree was so exhilarating that upon returning to Sarawak I immediately looked for opportunities to pursue my doctoral degree. Alas at that time I could not find a suitably experienced supervisor from the university nearby to guide me even though I was willing to pursue this degree part time with my own money. Prior to that I had tried to obtain a scholarship to pursue my doctoral study fulltime elsewhere in the country or overseas but I did not succeed and soon, due to my age, I was no longer eligible to apply for a scholarship from the Ministry of Education. That's when I started looking for opportunities to transfer near other universities and that opportunity came in the form of securing a secondment job at SEAMEO RECSAM which is located close to USM in Penang.

I needed to be sure that my new organisation was supportive of my desire to pursue my Ph.D so, during the interview with SEAMEO RECSAM, I made sure that I would be allowed to pursue my Ph.D part-time. Then, I was fortunate to meet a very senior former teacher who worked in USM as an associate professor who was willing to be my supervisor. Thus in 2004 I began my journey into my Ph.D programme as soon as I reported to work in Penang. As my motivation was so high at that time, I actually registered as a full time graduate student: after all I was going to live within 10 minutes driving distance from the university for the next five years.

However my job with the Centre was extremely challenging but very satisfying and occupied much longer than the eight hour per day that I signed up for. I was often bogged down with long meetings and travelling meeting people. I was also quickly made a Head of Department (later called Deputy Director) and that added to the stress of finding time to do my research while fulfilling my duty as a father to my two children and a husband to my wife. When you are in your mid 40's your family take precedence; it is more important that your children succeed, your marriage remains successful and your health not affected. Society also expects you to be free after work to contribute and it is difficult to give excuses that you are busy with your studies.

I registered in 2004 as a fulltime graduate student and had to change to part-time in 2006 upon realising that I would be unable to complete my degree by 2008. I had to stretch my candidacy with USM until 2010 where I was given a termination letter with a clause stating that I will be reconsidered only if I could hand in my completed thesis within one year. After handing in my completed thesis my case was considered and the committee decided to terminate my candidacy on technical grounds without even looking at my thesis. I later realised from the academic staff there, whom I made friends with, that USM has an appeal system going right to the Vice Chancellor which I made use of. The moment the Vice Chancellor was satisfied with my arguments put forward in my appeal it was smooth sailing all the way; my thesis was examined and I even performed very well in my viva voce presentation. I passed with minor corrections.

The pursuit of a Ph.D is seldom a lonely one; like it or not, you affect people around you – your wife, children, parents, neighbours, working colleagues, and others whom you care about. I realised that some of my fellow Ph.D candidates had to drop out due to one or more reasons; not being able to get along with their supervisor, having the wrong supervisor, getting sick, having marital problems, and children not performing well in school. These and other experiences were hidden lessons that I learnt in my pursuit of obtaining my Ph.D and I describe them further.

You need to embark on your Ph.D with the plan of finishing within a few years (about 4 years) after consulting your loved ones. Along my journey, I changed my area of study about three times as those areas of study were no longer current. Further, I wasted lots of time reading (but in a positive way I became more knowledgeable in a broader spectrum of knowledge), I forgot stuff as I had to take many significant long breaks to fulfil the demands of my workplace. I would even suggest to the universities to consider having a rule that if a candidate is unable to come up with a proposal within the first three years, his/her candidacy needs to be reviewed and provisions put in place for that person to be reinstated as a new candidate when he/she is ready.

Your family comes first – ensure that you spend enough time and energy with your wife and children as they grow. Remember that you married to raise a family and in these challenging times both parents are needed to raise children. You would not want to be in a situation where you attain your Ph.D at the expense of your children not performing well in education and in life.

You need to find time to contribute to society, spend time with your extended family like your parents & siblings who are getting old. I realised that it is no longer cool to abstain from interacting with society and your non immediate family and friends because of the “I’m pursuing a Ph.D” excuse. You can do that during the period where you were young when society expected you to spend time pursuing your career.

I also realised that you can so easily get into the momentum of pursuing your studies that you ignore your health for long periods of time. The 40’s to 60 are years where various long term diseases like diabetes and high blood pressure appear and you need to keep your health in check by going for routine medical tests as well as eating a balanced diet and regular exercise.

Then there is the issue of dealing with your university. First, choose a topic that you use in your career. It is only fair that you study a topic related to the organisation that supported you in letting you study. Further, building expertise in your topic will benefit your students and colleagues. Very often I noticed Ph.D candidates embark on a topic related to his/her supervisor’s interest which may not necessarily be relevant. Studying a topic related to your organisation will also make it easier to obtain sufficient respondents and the appropriate support from various educational organisations. Second, choose a supervisor who has lots of experience – has supervised many Ph.D candidates, familiar with latest research methodology, current with subject expertise, and, most importantly has a reputation for being committed to his/her students. My rationale is that you deserve good supervisors.

On a personal level, I learnt that the more I learnt about my subject the more I realised that I knew very little about my subject. I once got this comment from a very senior colleague of mine, “almost all bright ideas about teaching that you may discover or invent have probably already been discovered, it’s just that you did not read wide enough to know that”. How true indeed he was. I gained an

appreciation of how people before me have thought about what I am only thinking now and the concept of 'reinventing the wheel' comes to my mind. The process of writing my thesis helped me understand the importance and meaning of 'begin with the end in mind'. Post Ph.D, I do my writing by visualising the whole article/book before the actual writing. It has helped a lot on the quality of my academic writing. I also became more aware for the need to be careful with my choice of words.

I am more philosophical and non-judgmental in my approach to life now. This experience has taught me to be empathetic about friends pursuing their Ph.D, especially those in the above 50 category. I congratulate those who made it despite the odds. I also respect those who had to give up their pursuit half-way when they realised that the price they have to pay was too high. I have seen enough of friends paying too high a price in attempting their Ph.Ds.

I believe that obtaining a Ph.D is a worthwhile pursuit; both for the self and the organisation your work for and eventually the children. I encourage the younger generation of lecturers to attempt it early in their career and in an ecological manner.

Devadason Robert Peter, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Rakan-rakan pensyarah teman di IPG, boleh dikatakan setiap hari menggalakkan teman menyambung pelajaran ke peringkat Ph.D. Gesaan dan kata-kata nasihat itu diterima teman, mungkin disebabkan mereka beranggapan usia teman masih muda dan berpotensi. Atau juga mungkin sebab deme jemu tengok muka teman di IPG. Selepas menamatkan pengajian di peringkat sarjana secara separuh masa, sememangnya teman dari segi mental telah bersedia tetapi dari segi aktiviti penulisan jurnal amat kurang.

Bila surat panggilan temu duga permohonan biasiswa dikeluarkan, *proposal* teman baru sahaja seminggu siap, bak kata orang macam pisang goreng panas. Itu pun, teman baru sempat meminta seorang rakan membaca dan menyemak. Rakan teman memberi komen dan dengan bangga berkata, “Ok Yeop, *proposal* mike memang cantik”. Hari yang ditunggu telah tiba. Dengan rasa keyakinan yang tinggi untuk memperoleh biasiswa, teman memandu kereta seawal pukul 5.00 pagi dari Ipoh ke Kuala Lumpur. Sesi temu duga bermula pukul 8.00 pagi di Pusat Bandar Damansara Kuala Lumpur.

Sampai di Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Sungai Buloh, Selangor, lebuhraya menghadapi tahap kesesakan yang luar biasa. Kereta terenjut-enjut hampir 40 minit. Rupa-rupanya ada sebuah kenderaan terbakar di tepi lebuhraya. Oleh kerana pemandu di Malaysia ini mempunyai tahap keprihatinan tak bertempat yang tinggi, maka kesesakan berlaku. Dalam hati teman berkata, “Habishlah temu duga teman”. Sambil mengintai-intai jalan keluar dari lebuhraya untuk berpatah balik ke Ipoh, teman memujuk hati yang agak kecewa, “Teruskan sahaja, jangan berpatah balik. jJika ada rezeki, Insyallah sampailah ke tempat temu duga”. Akhirnya, roda kereta teman sampai ke tempat temu duga tepat pada masanya tanpa sesat. Kebiasaannya jika ke Kuala Lumpur, teman selalu sesat sebab zaman tersebut tiada *Waze* atau *Garmin*.

Sesampai di bilik temu duga, tiga panel telah sedia menunggu, iaitu Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan, seorang pegawai dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan seorang pegawai dari Bahagian Tajaan. Pada teman, apabila dibuat refleksi sendiri, sesi temu duga yang teman hadapi pada hari tersebut, teman boleh dianggap sebagai calon yang gagal. Sebab pertamanya adalah *proposal* yang rakan teman kata cantik tu sebenarnya adalah kertas cadangan yang mengandungi kesilapan besar. Teman memohon untuk biasiswa bidang teknologi maklumat tetapi *proposal* lebih kepada kurikulum teknologi maklumat. Sebab kedua pula adalah teman belum bersedia berhujah dari segi kaedah analisis data secara kuantitatif dengan panel penemu duga. Namun, teman dengan muka selamba dapat menepis kedua-dua masalah tersebut dengan hujah yang meyakinkan dan bahasa badan yang positif. Teman melihat reaksi ketiga-tiga panel yang pada awalnya bermuka serius, kelihatan selesa dengan jawapan yang teman kemukakan. Bak kata orang, biar patah kaki jangan patah lidah.

Setelah balik ke kampus, rakan-rakan bertanya teman tentang sesi temu duga yang teman hadapi. Keinginan yang tinggi untuk mendengar cerita sesi temu duga adalah disebabkan kebanyakan mereka tidak berjaya untuk dipanggil temu duga buat kali pertama. Namun, teman dengan selamba berkata, “Teman mungkin orang pertama yang dapat biasiswa walaupun kertas cadangan ditolak”. Mereka

terus tertanya-tanya sehingga kini, bagaimana teman berjaya dalam temu duga kali pertama. Melalui tulisan ini teman ingin menyatakan bahawa faktor tersebut adalah kerana teman berjaya meyakinkan panel dari segi kecerdikan emosi, kesediaan mental, fizikal, ketenangan berhujah dan bahan-bahan penerbitan yang pernah teman buat. Yang menariknya, kini teman pula jadi panel temu duga tajaan.

Setelah berjaya mendapat tawaran biasiswa, teman merasakan satu keseronokan pada peringkat awalnya. Setelah masa berlalu perasaan seronok semakin hilang tetapi perasaan terbeban semakin terasa. Apa tidaknya, pergi berjalan ke mana-mana terasa ada sahaja benda yang belum selesai kita lakukan. Macam terasa ada puaka mengekori dan meruntun-runtun untuk dilayan.

Setahun berlalu, penyelia tesis asyik menyuruh teman membuat bacaan atau literatur. Setelah itu, beliau pula berpindah ke universiti lain. “Aduh, cubaan”, bisik hati kecil teman. Rupa-rupanya perpindahan tersebut ada hikmahnya kerana penyelia kedua amat ramah dan mudah berjumpa walaupun beliau adalah seorang dekan. Mengambil dekan sebagai penyelia ini ada risikonya, iaitu sama ada beliau tidak dapat membimbing kita atau kita akan dapat laba, iaitu berpayung dan perlindungan yang baik daripada jawatan dekan tersebut. Alhamdulillah, risiko kurang bimbingan dan kurang kasih sayang tersebut tidak menjadi isu. Malah, teman dapat berjumpa banyak penyelia walaupun di luar waktu pejabat yang selalunya di hujung-hujung minggu.

Strategi teman menghabiskan pelajaran di peringkat Ph.D adalah berkesan kerana disebabkan empat faktor utama. Pertamanya, sokongan keluarga yang meminimumkan masalah, keduanya, penyelia yang sentiasa ambil tahu, ketiganya, bidang kajian yang diminati dan faktor yang terakhir, kaedah penyelidikan yang selesa.

Faktor keluarga amat memainkan peranan yang penting. Keluarga yang sentiasa memahami dan bertolak ansur adalah penting dalam kejayaan belajar mengikut perancangan. Kadangkala jika kita elok merancang tetapi banyak faktor gangguan, perancangan yang baik pun akan gagal. Tapi kalau kita gagal merancang, kita memang merancang untuk gagal. Teman berjaya mengatasi masalah-masalah dalaman berkaitan keluarga. Oleh itu, pelaksanaan proses pembelajaran boleh dikatakan lancar.

Penyelia teman pula boleh dikatakan sukar ditemui kerana sibuk dengan urusan pekerjaan dan kesihatan. Jawatan sebagai dekan memang menyukarkan perhubungan teman dengan penyelia. Di samping itu, masalah kesihatan beliau yang kurang baik juga menyukarkan pertemuan akademik. Dengan aktiviti mesyuarat, bengkel dan lawatan luar negara di samping masalah kesihatan dengan pembedahan demi pembedahan, memang menuntut tahap kesabaran yang tinggi. Namun, dalam kesibukan beliau itu, kami masih dapat menguruskan pertemuan. walaupun penyelia teman terpaksa menyemak penulisan teman dengan menggunakan kanta pembesar disebabkan penyakit kencing manis beliau.

Seterusnya, membuat kajian yang kita minat merupakan faktor mengekalkan momentum kajian yang dibuat oleh seseorang calon Ph.D. Jika kita membuat satu kajian yang kita tidak minat dan bukan kepakaran asas yang kita ada, kemungkinan minat ke atas penyelidikan yang dilaksanakan akan semakin malap. Jika kajian adalah kerana terpaksa akibat daripada kehendak penyelia atau sebab orang lain, tiada wujud penghayatan kepada kajian yang akan dijalankan. Jika tiada minat

dan penghayatan terhadap kajian tersebut kelunturan minat sering berlaku kepada rakan-rakan calon Ph.D.

Di samping itu, strategi yang paling berkesan adalah memilih metodologi kajian yang diminati. Jika kita telah memilih dari awal metodologi kajian, ia akan memudahkan kerja penulisan dilakukan dari peringkat awal. Teman telah memutuskan untuk membuat metodologi penyelidikan secara kajian eksperimen. Oleh itu, penumpuan dari segi pembacaan dan menghadiri kuliah secara audit terhadap kaedah eksperimen dilakukan secara intensif. Menghadiri kuliah secara audit amat membantu kerana kehadiran ke kuliah bukan sahaja kerana mendapatkan bahan baharu tetapi juga dapat menyemak penulisan draf tesis berkaitan kaedah eksperimen. Dari segi model eksperimen, andaian model eksperimen, jenis pemboleh ubah, syarat ujian eksperimen dan semua bahan yang diperoleh semasa kuliah berkaitan eksperimen akan dimasukkan ke dalam tesis tanpa tertinggal. Ini dapat membantu teman menulis dengan lengkap.

Setelah tamat penulisan teman, tibalah masa pembentangan akhir (viva). Ini adalah saat yang paling mendebarkan kebanyakan pelajar Ph.D. Bagi teman, untuk pembentangan yang berkesan, persediaan yang mantap akan mengurangkan rasa stres. Namun, kadangkala stres datang tanpa diundang walaupun semua perancangan telah dilakukan dengan baik. Bagi kes teman, maklumat untuk pembentangan hanya diketahui tiga hari sebelum. Di mana silapnya, teman pun tak tahu. Di dalam hati terasa juga waswas sama ada mahu ditunda atau teruskan sahaja. Namun, dalam hati teman kuat menyatakan, “Jika ditunda, benda yang sama juga akan dihadapi, iaitu VIVA”. Teman ambil keputusan untuk berhadapan juga walaupun mengambil masa tiga hari persediaan.

Dengan menggunakan perakam mp3, teman telah merakamkan suara teman membuat pembentangan tesis. Berulang-ulang kali teman memperdengarkan suara teman sendiri. Sama ada di rumah atau di dalam kereta, teman memperdengarkan suara lunak teman. Akhirnya, teman sudah ‘masak’ dengan kandungan pembentangan. Bagaikan pengacara televisyen teman membentangkan tesis teman. Pembentangan berlangsung selama 20 minit dan hampir 1 jam sesi soal jawab. Kemudian, teman diarahkan keluar. Puas para panel seramai 6 orang menyoal dan menyiat-nyiat teman. Melangkah keluar dari bilik pembentangan bagaikan seperti orang bingung. “Dipersilakan masuk semula”, kata urus setia pembentangan telah mengejutkan teman yang masih dalam kebingungan. “Tahniah, saudara telah lulus dengan sedikit pembetulan”, ucapan yang paling indah yang teman pernah dengar dalam hidup teman oleh pengerusi pembentangan.

Sesi pembentangan diakhiri dengan majlis jamuan. “Kenapa Prof. tanya soalan terakhir tadi tentang pemboleh ubah bersandar dan bebas?”, tanya salah seorang panel dalam majlis jamuan. “Itu soalan umpam tu, bukan apa, kadang-kadang tesis pelajar ni telah menggunakan polisi Dasar Pandang ke Timur, iaitu persyarikatan dan penswastaaan”, jawab Prof. Dr. Z. Majlis jamuan dipenuhi dengan gelak ketawa teman dan ahli-ahli panel meraikan penyudahan pembelajaran yang bernama Ph.D.

Yahya bin Osman, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Salam perkenalan daripada saya buat rakan-rakan Ph.D dan juga rakan-rakan yang sedang bertungkus lumus belajar untuk menyiapkan tesis Ph.D masing-masing. Saya coretkan sedikit pengalaman sepanjang menyiapkan tesis Ph.D saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Sesungguhnya pengalaman belajar itu sangat menarik kerana ianya juga satu jihad dalam mencari ilmu dan menyebarkan ilmu yang dipelajari itu satu kebajikan. Moga-moga dengan kebajikan itu membolehkan kita mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT jua. Kesibukan menguruskan keluarga dan kerjaya membuatkan saya agak lewat menyambung Ph.D. Bayangkanlah Ijazah Sarjana saya peroleh pada tahun 1995 di UKM, Bangi. Setelah enam tahun berlalu, baru saya memulakan langkah untuk Ph.D secara sambilan (*part-time*) pada tahun 2001. Belajar secara *part-time* agak sukar juga kerana tumpuan kerja yang sentiasa sibuk mengurangkan fokus kepada Ph.D.

Hampir setahun berlalu saya masih tidak dapat menyiapkan *proposal* Ph.D. Keadaan seperti kata orang perak masih peringkat '*raban teben*' yang mana tidak tentu hala tuju terutama dalam menyiapkan *proposal* dan tajuk kajian yang berfokus kepada ICT. Keadaan ini membuatkan saya banyak berdoa kepada Tuhan yang satu. Allah tidak mensia-siakan doa seseorang yang berdoa kepadanya seperti yang dinyatakan dalam surah Ghafir ayat 60: "*Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.*" Masa terus berlalu, hari dan bulan silih berganti. Dengan izin Allah, permohonan HLP saya berjaya dan dapat meneruskan pengajian peringkat Ph.D sepenuh masa. Hati gembira dan bersyukur kerana dapat menyambung belajar secara sepenuh masa. Saya agak terkejut dengan keputusan ini kerana saingan saya untuk mendapat HLP semasa temu duga hebat-hebat belaka.

Bayangkan rakan-rakan yang datang dari selatan, utara, timur dan barat hadir untuk satu temu duga mendapatkan HLP. Sebagai seorang yang *low profile*, saya masih ingat apa yang saya bawa semasa temu duga. Saya membawa bersama satu beg yang mengandungi sepuluh kajian yang dapat saya buat sepanjang bertugas dan sempat meminjam baju *coat* daripada abang ipar di Kuala Lumpur. Kajian banyak berfokus kepada pendidikan guru. Ada dua kajian yang mendapat geran BPG pada masa itu. Barang kali ini kelebihan yang membolehkan saya mendapat HLP. Saya sempat perhatikan rakan-rakan yang hadir, ada yang tidak sempat membawa dokumen-dokumen penting semasa temu duga kerana sering keluar kursus, mesyuarat dan sebagainya. Sepanjang perjalanan melalui lebuhraya utara selatan ke UPSI untuk berjumpa penyelia, fikiran sering berkecamuk. Banyak juga persoalan yang mengusik jiwa. Berapa lama aku dapat siapkan Ph.D? Anak-anak juga perlukan perhatian. Apapun yang berlaku perjalanan perlu diteruskan ke destinasiya. Itulah azam dan harapan. Pengalaman mengantuk bila kereta hampir melanggar *divider* biasa bagi yang masuk alam belajar. Seseorang perlu kekuatan dalaman, kekuatan diri dan mental dalam proses pembelajaran.

Membina instrumen bukanlah sesuatu yang mudah. Instrumen yang diuji melalui kajian rintis tidak mencapai kebolehpercayaan yang dihasratkan. Ini memerlukan saya membina, membaiki dan menjalankan ujian rintis berkali-kali. Setelah pertemuan berkali-kali dengan penyelia, akhirnya saya dapat menyiapkan tesis pada tahun 2006 sebelum bertugas semula di MPIP yang sekarang bertukar nama sebagai Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Hampir setahun menunggu viva. Keputusan viva dengan pembetulan dapat disiapkan seperti yang dikehendaki. Akhirnya perit jerih yang dialami itu membuahkan hasilnya yang mana pada tahun 2007 saya dianugerahkan Ijazah Ph.D dalam bidang Pendidikan Multimedia di bawah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), UPSI dan merupakan orang yang pertama memiliki Ijazah Ph.D di fakulti berkenaan. Kesempatan ini, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya yang banyak membantu, iaitu Profesor Dr. Mohamad Ibrahim. Moga Profesor sentiasa sihat dan beroleh keberkatan daripada Allah SWT. Jasamu Profesor tetap dikenang. Moga coretan ini dapat memberi semangat kepada anak didik untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Salam silaturrahim daripada saya.

Hj. Badrul Hisham bin Alang Osman, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Setiap orang yang buat Ph.D pasti akan mempunyai sejarah sendiri, cerita suka dan duka, pahit manis yang ditempuh sepanjang proses mendapat segulung Ijazah Sarjana Kedokteran. *I got mine as well and this is my story...*

Masa *apply* Ph.D dulu, saje je minta luar negara. Nak cuba nasib. Lagipun memang berangan nak jejak kaki ke *overseas* sejak kecil lagi. Bulan Mei 2009 dipanggil untuk *interview* and balik tu rasa macam tipis harapan. *No hope at all would be more accurate to explain it.* Tapi tak sangka la pulak ada rezeki. Alhamdulillah. *May be proposal* tu ok kot and *may be* cara yang sangat selamba, *confident and relax* jawab *interview* tu yang buat *the interviewers* kesian and *award a place.* Hahaha... *Anyway,* sangat bersyukur mendapat tawaran tu. *Told my parents* tapi *it was a hard choice* coz dapat jadi *lecturer* UiTM jugak pada masa yang sama. *Tough choice* tapi mestilah luar negara dan Ph.D jadi pilihan. *I was given two options, USA or UK. Once again* agak payah. Hati memang US la *but I applied both.* *Reply* dari US lewat sangat. Terpaksa terima tawaran UK *coz* pihak tajaan dah suruh pergi. Seriau gak darah *coz study* Ph.D kat UK ni macam *putting all your eggs in one basket. Everything depends* masa viva nanti... tapi tak pelah. Janji dapat belajar. *Off to UK* dan dapat la merasa naik *Business Class MAS.* *Awesome* tuu... *Privilege* yang budak Ph.D dapat. Alhamdulillah.

31 Dec. 2009, akhirnya jejak kaki kat York, England dan disambut oleh *snow.* *My dreams.* Nak rasa sendiri keajaiban 4 musim yang selama ni hanya dibaca dalam buku and tengok kat *tv* sahaja. *It was heavy snow and they called it White Christmas that year.* Hati rasa *happy and* berdebar-debar *at the same time.* Camne nak buat Ph.D ni? Mampu ke? Tapi apa nak buat, dah sampai, dah letak kaki sebelah, *soo..* redah sahaja le dan berdoa banyak-banyak. *Heavy snow and jet lag* buatkan memang keja tido je sehari dua. On 5 Jan. 2010 (Selasa), pergi jumpa *supervisor.* Profesor Frank Hardman. *Chat* lebih kurang pasal tajuk (*entrepreneurship education in primary school*) and di suruh cari *literature review.* Frank bagi masa sebulan *coz* dia nak ke Kenya buat *research.* Maka bermulalah perjalanan Ph.D Cik Munirah Abd Hamid (Miss Hamid in UK).

Dulu selalu terfikir, camne orang buat Ph.D ni yer... Bila buat sendiri baru tahu, *it is not easy... many hours of reading and writing. Sometimes* sangat-sangat bosan. *Anyway,* teruskan juga *coz* siapa lagi yang nak buat. Alhamdulillah, sepanjang beberapa bulan jadi *student, things were smooth.* Tajuk pun ok. Cadang nak tengok pedagogi topik keusahawanan yang diajar dalam subjek Kemahiran Hidup di sekolah rendah. *It's a case study using mix method approach.* Bulan 9 tahun 2010, *supervisor (SV)* minta buat *pilot study.* Soal selidik dan soalan *interview* dah siap. Cuma tinggal nak *prepare observation chart.* Bulan 9 selepas Hari Raya Aidilfitri, bertolak balik ke Malaysia. Rindunya... SV bagi cuti sebulan untuk *collect data pilot.* Saya pergi ke tiga buah sekolah dan *observed* tiga cikgu mengajar keusahawanan. Rasa macam semua dah ok and *ready* nak balik UK. Tapi sempat la juga jumpa pegawai dari CDC. *This is where my nightmare started.* Saya difahamkan akan ada perubahan dalam subjek KHRSR dan komponen keusahawanan tidak lagi akan diajar tetapi komponen itu akan dijadikan elemen merentas kurikulum di sekolah rendah bagi setiap subjek. Susahnya hati hanya Allah yang tahu *coz* kalau dah nak dimansuhkan, *there is no point of doing research on it.* Akan jadi *obsolete.* Dengan hati yang celaru, balik gak ke UK. *My problem couldn't get worst.* Sampai ke uni, dimaklumkan yang SV sekarang ni akan naik pangkat dan pindah jabatan. So, dia hanya boleh bawa 3 pelajar senior di bawah

bimbingan dia. Maka *student* yang baharu ni semua kena cari *supervisor* yang baharu. Jatuh di timpa tangga. Adoi... *but* sebelum pindah SV, ada satu perjumpaan antara SV, *course coordinator* dan seorang lagi pensyarah senior di *university*. *We had a very serious discussion*. Akhirnya persetujuan dicapai. Tukar SV dan tukar tajuk. Saya diminta untuk melihat tajuk Rekabentuk Teknologi (RBT) dan diletakkan sementara di bawah Mr. James, pakar RBT Sekolah Rendah di *university*. So kena buat *proposal* baharu. *Proposal accepted and* dah mula nak cari *literature*. Kerja yang buat setahun dulu, memang tak dapat nak digunakan langsung. Tak pe lah. Ujian pelajar Ph.D. Reda je.

Baharu semangat nak buat RBT (Design Technology), sekali lagi diberitahu yang Mr. James tidak boleh jadi SV atas beberapa sebab teknikal. *It could not get any worst* kan... adoi... memang stres. Nasib baik kawan-kawan banyak bagi *support*. So sebulan tanpa *supervisor* dan tajuk. Stres sangat-sangat. Tak banyak yang boleh dibuat selagi tak dapat SV. Nak keluar berjalan pun tak ada *mood* coz takut dan risau. Sebulan terperuk di rumah. Awal bulan dua (February 2011) *got a good news*. Dapat SV baharu. Dr. Gillian Hampden Thompson, *lecturer* yang sangat terkenal dengan kajian yang bermain dengan data yang banyak. *Nervous* gak nak jumpa *first time* tapi alhamdulillah selepas berbincang, *both agreed with a topic*. *She asked me to do topic that interest me which definitely is related to entrepreneurship education*. *After one hour of good discussion, we decided to look at the curriculum reform but focusing on the entrepreneurship education implementation in primary school*. So, bermulalah semula kerja sebagai Ph.D *student*. *First* sediakan a *simple proposal*. Kalau dihitung, 3 kali buat *proposal*. Adess... Nak dijadikan cerita, amalan *University of York* ialah *student* Ph.D kena melalui *upgrading* selepas 16 bulan menjadi *student*. Adoi... manalah nak cari bahan... tinggal 4 bulan je lagi sebelum giliran saya membentang. Maka memang *speed up* kerja, buat soalan *interview* dan balik buat *pilot*. Walaupun membuat kajian *qualitative*, SV tetap nak ada *pilot* dan ada data nak *present* ketika *upgrading*. So sekali lagi balik Malaysia untuk kutip data *pilot*. Semua kos tanggung sendiri. Isk3...

Kali ini research saya adalah tentang pelaksanaan elemen keusahawanan dalam kurikulum sekolah rendah. Kajian saya melibatkan 5 kumpulan responden yang berbeza yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pelaksanaan kurikulum. Seramai 48 orang responden telah dipilih dan sebenarnya jumlah itu agak ramai untuk sebuah kajian kes berbentuk kualitatif tetapi arahan SV saya memang nak data yang banyak. *Follow* sajee... *Method* kutipan data yang digunakan adalah secara '*semi-structured interview*' dan terdapat 5 set soalan yang berbeza untuk setiap kumpulan responden terdiri daripada guru, guru besar, guru pakar, pegawai di PPD dan JPN dan pegawai kurikulum di CDC. Bukan senang nak *interview* seramai 48 orang. Setiap satu *interview* sekurang-kurangnya setengah jam. Kadang lebih... Bayangkanlah macam mana nak *transcribe* dan banyaknya data yang saya ada. Pening... SV saya cakap, "*Munirah, you seem like you are overwhelm with all the data*". Memang betul pun. Banyaknya data. Tapi alhamdulillah, *still manageable*. Perisian Nvivo banyak membantu. Selesai analisis data dan buat *thematic analysis*, saya mulakan perbincangan bagi setiap *chapter*. Saya gabungkan analisis dan perbincangan dan saya jawab setiap persoalan kajian. *Thesis* saya ada 7 bab dan 3 daripadanya adalah *chapter* analisis dan perbincangan. *Things looks smooth*. Saya siapkan *draft chapters* dan hantar kesemuanya kepada *supervisor*. *Then again, my nightmare started*. SV beritahu yang dia tak nampak sangat korelasi dan hubung kait antara *chapter* satu dan tujuh. Berpeluh jap.. Berhari-hari saya fikirkan camne nak *setelkan*. Tapi alhamdulillah, saya berjaya. Pengalaman mengajar saya, bila stuck, take a *break*. Angin laut dan pemandangan luas atas kapal Thompson Cruise (menghala ke Italy) bagi idea baharu nak *setelkan* masalah. Balik dari *that short trip*, mampu siapkan semua dan hantar kepada SV... *good news*... SV kata dah boleh *submit*... *yeaayy*... So, buat *three copies* dan hantar. Rasa cam lega sangat *and free*. Berjaya siapkan dalam 2 tahun 10 bulan... Selepas hantar, terus ke *city centre* and lepak dengan *best friend*, Joana from Greece. *Had a good food and conversation*. Seminggu lepas tu balik ke Malaysia pada 20 December 2013.

Awal Januari dapat *email* mengatakan viva pada bulan *February*. Errkk... tp ok la... *At least* cepat dipanggil. So bulan 2 tu ambil cuti dan *fly* ke kampung York. Rindunya. Tapi *nervous*. Pada hari viva, *I was alone*. SV berada kat US... Masuk je dalam bilik viva, *warm welcome* daripada *examiners*. *My external* ialah Dr. Dina Williams dari University of Huddersfield dan *internal examiners* ialah Prof. Dr. Ian Davies. Sangat *nervous but luckily they were warm*. Viva terasa sangat *happy* dan lebih kepada *sharing dan discussion*. Ada beberapa pembetulan yang Dr. Dina *highlighted* tapi *overall she is happy to read my thesis*. Satu jam sepuluh minit dalam bilik viva tu tak terasa. Sedar-sedar *examiners* kata, "*We are done. Now give us time to discuss and you might want to wait outside*". Duduk luar lagi *nervous*. 10 minit selepas tu, saya dipanggil. Rasa macam tak keruan tapi masih mampu tersenyum. Bila duduk, Ian *looked at me and with a smile, he said, "Congratulations Munirah. You have passed the viva"*. Perghh... rasa macam di awangan... Tak leh nak cakap rasa syukur. Alhamdulillah sangat-sangat... TQ Allah... Keluar bilik viva dengan rasa syukur yang teramat sangat. *All my hard work is paid*. Lulus viva dengan *minor corrections (3 months)*. Agaknya semua ni berkat doa ibu bapa, keluarga, rakan-rakan dan semua yang mengenali saya... Siap hantar *correction*, dapat *official letter* dari uni... bagi tahu dah lulus dan boleh *graduate*. Akhirnya, impian tercapai dan bergelar Dr. Munirah Abd. Hamid.

Apapun, saya amat bersyukur kerana melalui semua pengalaman untuk mendapat segulung ijazah. Syukur diberikan peluang belajar di UK. Alhamdulillah... TQ Allah and TQ KPM bagi peluang anak kampung macam saya belajar jauh ke luar negara... *4 years in York, England had thought me well*. Banyak perkara yang membuka mata *and* minda saya. Banyak perkara yang saya pelajari, akademik *and* kehidupan. Pengalaman yang sangat berharga. Semoga apa yang saya lalui akan membentuk saya menjadi manusia yang lebih baik. Kehidupan ini adalah proses pembelajaran yang tidak pernah habis. Ph.D hanyalah segulung ijazah tapi pengalaman untuk mendapatkannya adalah sesuatu yang sangat berharga. *Priceless and great experience... and awesome too ;)*

Munirah binti Abd Hamid, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak

Perjalanan Ph.D. saya bermula sebaik sahaja menamatkan Ijazah Sarjana (*Master*) dalam bidang Teknologi Maklumat pada tahun 2002. Saya ditugaskan di Maktab Perguruan Raja Melewar. Saya cuba memohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran tapi saya diberitahu yang saya hanya boleh memohon semula setelah tamat perjanjian perkhidmatan cuti sarjana saya, iaitu 4 tahun. Hmmm... kecewa juga saya.

Pada Mei 2010 saya dipanggil temu duga untuk Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) kerana faktor usia yang melebihi had kelayakan. Ketika ini saya sudah 4 tahun bertukar ke Maktab Perguruan Ipoh. Sekali lagi saya gagal dan saya terpaksa berhenti memohon. Tetapi kali ini saya tekad untuk meneruskan pengajian saya tanpa atau dengan cuti. Saya memohon dan berjaya mendaftar sebagai pelajar Ph.D separuh masa di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan menerima Prof. Madya Dr. Nurahimah binti Mohd Yusoff sebagai penyelia saya dengan tajuk kajian, 'Modul Pembangunan Multimedia dalam PdP'. Ramai kawan-kawan yang sama-sama gagal dalam temu duga membuat rayuan kepada Bahagian Tajaan bagi mendapatkan cuti tapi saya tidak berbuat demikian kerana saya tidak mahu gagal lagi.

Allah Maha Berkuasa, pada Oktober 2010 selepas satu semester memulakan pengajian, saya menerima sepucuk surat daripada Bahagian Tajaan, tawaran CBBPTB. Tanpa berfikir panjang, saya terus menerimanya dan cuti saya bermula pada 29 Disember 2010. Saya mula menghubungi pihak UUM untuk menukar status pengajian saya dari separuh masa kepada sepenuh masa. Namun, hampir tamat semester kedua, saya hanya sempat menukar status pengajian sahaja tetapi saya tidak dapat menukar penyelia saya. Beliau keberatan untuk menyelia saya di bawah kajian Teknologi Maklumat kerana tawaran CBBPTB saya adalah di bawah kategori Teknologi Maklumat. Terpaksalah saya bertemu sendiri dengan Dekan Sekolah Komunikasi dan Teknologi Multimedia (SMMTC), Prof. Dr. Norshuhadah binti Shiratuddin dan memohon penyelia yang baharu. Mudah sahaja berurusan dengan beliau hanya bertanya saya nak buat kajian berkenaan apa. Saya maklumkan keinginan saya dan beliau terus memberi saya seorang penyelia. Sayangnya penyelia saya ketika itu tidak ada di pejabat. Saya terpaksa pulang dengan kehampaan.

Sebelum pulang, saya singgah di koperasi UUM untuk membeli sedikit keperluan. Tiba-tiba telefon saya berdering, panggilan daripada dekan yang menyatakan bahawa penyelia baharu sudah sampai ke pejabat. Terasa sebak hati saya dengan kebaikan dekan tersebut. Saya terus bergegas ke pejabat penyelia baharu berkenaan, Dr. Sobihatun Nur binti Abd. Salam. Seorang wanita muda yang cantik, menggerunkan!!! Saya bimbang *demandnya* tinggi memandangkan usianya yang jauh muda daripada saya, pasti bercita-cita tinggi. Kecut perut saya! Tetapi, tanggapan pertama saya itu jauh daripada kebenarannya dan betul kata pepatah orang Inggeris, 'Don't judge a book from its cover'. Perjalanan sebenar pengajian Ph.D saya bermula dengan pusingan U @ *back-to-square-on*, kerana saya terpaksa bermula semula.

Alhamdulillah, sejak menerima beliau sebagai penyelia, saya rasa tenang sangat. Beliau adalah seorang wanita berhemah tinggi dan memahami, penuh kasih sayang dan bertimbang rasa. Dia tidak pernah mendesak saya sebaliknya sentiasa memberi dorongan dan berpesan kepada saya supaya mengikuti kuliah bagi Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Akademik untuk membantu penulisan saya. Semester tiga penulisan saya bermula dan saya membentangkan idea awal kajian dalam kolokium anjuran SMMTC. Saya juga sempat menyertai kolokium pertama saya di Kolej Sastera dan Sains, kolej pengajian saya. Pengalaman yang amat berharga apabila dapat berkongsi dan bertukar-tukar maklumat dengan rakan-rakan sepengajian yang lain.

Pada semester ketiga saya mengambil subjek Kaedah Penyelidikan. Kuliah pada setiap pagi hari Ahad. Pada hari pertama menjejakkan kaki ke kelas, saya rasa macam saya salah masuk kelas atau saya berada di universiti luar negara. Ramainya pelajar asing di dalam kelas yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris itu. Saya selalu terlepas kelas itu kerana masalah kewangan dan kesihatan. Adakalanya saya tidak mendapat maklumat pembatalan kelas. Walau bagaimanapun, semua kerja kursus dan sesi pembentangan dapat saya selesaikan. Pada semester ini juga saya telah menghantar ketiga-tiga bab pertama kajian saya. Penyelia saya memulangkan kepada saya dan meminta saya membuat pembedulan dan perubahan besar. Sesungguhnya saya tidak begitu memahami apa pembedulan yang perlu saya buat. Saya buntu. Saya berhenti seketika dan memerhati, mencari idea.

Semester keempat, saya mengikuti kuliah bagi Penulisan Akademik di bawah kendalian Dr. Sarojini Krishnan pada setiap pukul 4 petang hari Rabu yang memaksa saya berulang alik dari Ipoh ke UUM dan kembali ke Ipoh dalam satu hari selama satu semester kerana anak-anak bersekolah. Kuliah ini menjadi titik tolak perubahan dalam pengajian saya. Setiap pembedulan dan penambahbaikan yang diminta oleh penyelia saya pada semester yang lalu telah dapat saya selesaikan semuanya sepanjang semester keempat ini. Hampir setiap minggu saya dapat bertemu dan berbincang dengan penyelia saya. Beliau pada ketika ini merupakan Penyelaras Pengajian Multimedia di SMMTC. Menurut penyelia saya, penulisan saya kali ini menunjukkan perubahan yang ketara dan beliau berasa seronok membaca penulisan saya. Ternyata tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh Dr. Sarojini yang merangkumi penulisan akademik dan kaedah penyelidikan banyak membantu saya dalam penulisan saya. Saya bersyukur kepada Allah dan ini menguatkan semangat saya untuk meningkatkan kemahiran penulisan dan kaedah penyelidikan saya.

Selain daripada itu, saya juga sempat mengikuti kursus SPSS dan juga Bengkel *Professional Slide Design Using Interaction Design Theory*. Kedua-dua kursus ini amat membantu kajian saya. UUM telah menetapkan bahawa setiap pelajar perlu membentangkan *proposal* kajian yang melibatkan tiga bab pertama tesis meliputi tajuk pengenalan/pendahuluan, sorotan literatur (*literature review*) dan kaedah kajian. Sebelum pembentangan dilakukan, penyelia saya telah mencadangkan penyelia kedua dilantik bagi membantu kajian saya. Beliau memilih Dr. Ariffin bin Abd. Mutalib, rakan sejawatnya sebagai penyelia kedua saya. Saya bersetuju dan menurut sahaja kerana bagi saya beliau lebih tahu apa yang terbaik untuk saya. Bagi memantapkan penulisan ketiga-tiga bab pertama saya, penyelia saya membawa kami ke Cameron Highlands untuk sesi perbincangan dan pemantapan. Menitik airmata saya melihat kesungguhan kedua-dua penyelia saya ini memberi idea dan cadangan penambahbaikan kepada kajian saya.














Alhamdulillah, pembentangan *proposal* saya telah diterima oleh dua orang pemeriksa dalaman, Dr. Syamsul Baharin dan Dr. Mahfuzoh dengan sedikit penambahbaikan. Kejayaan ini memberikan saya

semangat yang membara untuk menamatkan pengajian saya dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Namun, Tuhan lebih mengetahui. Saya terpaksa memohon cuti tambahan selama 6 bulan kerana menampung waktu ketika mana saya tidak sihat dan masalah kewangan yang kadangkala membuatkan saya berhenti menulis sehingga 2 - 3 bulan. Hubungan antara saya dan penyelia saya tidak pernah terputus kerana kami saling menghantar mesej pesanan ringkas (sms) dan aplikasi *whatsapp*.

Kajian saya yang bertajuk 'Model Konsep Persembahan Multimedia Bersepadu bagi Guru Malaysia' hanya menggunakan pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI) sebagai responden dan rakan-rakan sejawat seperti Dr. Ismail Zain, Dr. Abdul Hadi dan En. Mohd. Zaki sebagai pakar perunding. Saya tidak ada rakan berbincang. Jadi, sesekali saya menjengah rakan-rakan di IPGKI untuk berbincang dan mencari idea kajian. Seterusnya, berbekalkan semangat dan dorongan daripada ibu dan anak-anak serta kedua-dua penyelia saya, maka saya meneruskan penulisan. Sekali lagi penyelia saya membawa kami bercuti di Hotel Bustani, Jitra untuk memantapkan keseluruhan penulisan saya. Akhirnya, sebaik sahaja cukup 3 tahun tempoh bersama penyelia baharu dan tamat tempoh cuti belajar, saya disarankan oleh penyelia saya untuk menghantar tesis terakhir untuk dipertahankan dalam ujian lisan, atau lebih dikenali dengan VIVA.

Pada November 2014, setelah 4 bulan kembali bertugas, saya menghantar tesis lengkap untuk menetapkan tarikh VIVA. Hampir 4 bulan selepas itu, pada 16 Mac 2015, saya menghadapi pertarungan terakhir, VIVA. Berdepan dengan Dr. Syamsul semula dan Prof. Madya Dr. Fatimah dari UPM membuat saya sedikit gementar. Saya hampir gagal menjawab soalan mereka kerana saya kurang memahami kehendak mereka. Alhamdulillah, keberkesanan pengerusi sebagai pemudah cara, saya berjaya membuktikan bahawa kajian ini adalah hasil titik peluh saya sendiri sepenuhnya. Saya berjaya dalam pertarungan itu dan saya diberi tempoh setahun untuk membuat pembetulan. Pada Oktober 2015, saya telah menghantar pembetulan tesis akhir untuk dibaca semula oleh pemeriksa. Pada 1 Februari 2016, saya telah menerima surat menyatakan saya berjaya dan layak menerima Ijazah Kedoktoran yang saya dambakan selama ini.

Bila dikenang semula, saya merasakan bahawa perjuangan merentas dunia Ph. D. saya ini ibarat perjalanan di jalan raya:

Jalanan yang  sudah pasti, kadang-kadang mengah sebab terpaksa  dan terpaksa bergerak
 bagi  bila kehabisan idea. Buat pusingan  jika perlu, namun jangan  atau
 melanggar , tak dinafikan adakalanya kita akan berada di  atau  dan kadang-
 kadang berpusing  tak ke mana... Oleh itu, jangan lupa untuk singgah  .  bila perlu,
 perhati sekeliling sebelum meneruskan  .

Alhamdulillah, saya sesungguhnya bersyukur kepada Allah kerana mengurniakan saya dua orang penyelia yang sama cita rasa, sama gaya, sama corak pemikiran selain daripada banyak membantu dan mendorong saya. Itulah 'hadiah' Allah kepada saya setelah saya mengalami banyak kegagalan dalam perjuangan awal. Sememangnya permulaan perjalanan ini adalah mengelirukan dan semakin jauh berjalan, semakin mudah jika kita tahu apa yang kita mahukan. Yang penting, jangan mudah berputus asa, rajin bertanya dan berbincang. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan penyelesaian.

Suriati binti Abdul Aziz, Ph.D
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
Hulu Kinta, Perak



Aku masih terkenangkan hari-hari terakhir (1998) menamatkan pengajian peringkat Sarjana di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Sebelum kami diberi penempatan semula, ketua kelas, iaitu Cikgu Anuar telah mengambil inisiatif menyediakan sebuah memori berwarna biru yang mengungkap harapan, kata-kata semangat, mutiara kata dan sebagainya untuk tatapan rakan-rakan sekelas. Aku masih ingat apa yang kucatatkan dalam memori tersebut adalah ‘**Ph.D di Usia 40 tahun**’. Ketika itu usiaku mencecah 32 tahun. Alhamdulillah, impianku ketika itu telah menjadi kenyataan ketika aku berusia 41 tahun.

Sebenarnya aku, berlatar belakangkan pengajian pondok. Mana la pandai nak cakap bahasa *mat saleh*. Inilah pengalaman ngeri yang terpaksa aku harungi sama ada di peringkat mendapat tajaan dan semasa pengajian. Semasa sesi temu duga bagi mendapatkan tajaan, seorang rakanku menyapa, ‘*Habislah hang, depa tanya dalam bahasa Inggeris*’. Aku mula terasa gusar dan mula berfikir menyusun strategi untuk berhadapan dengan panel pada keesokan harinya. Aku tiada pilihan kecuali perlu menghafal skrip tertentu untuk dikemukakan kepada panel temu duga. Pendek cerita, alhamdulillah namaku tersenarai sebagai salah seorang calon yang berjaya ditawarkan biasiswa. Situasi yang sama aku hadapi ketika menduduki sesi temu duga biasiswa untuk Ph.D. Seramai 8 orang calon yang terpilih. Aku mendapat giliran yang keempat. Semasa berborak-borak selepas sesi temu duga, rakan-rakan yang mendahului aku semasa sesi temu duga memberi harapan agar panel memberi peluang untuk mereka bagi mempelajari bahasa Inggeris. Namun, berbeza dengan aku. Panel berkenaan meminta aku membuat ulasan berkaitan *English Medium School*. Jadi, aku dah bertekad, kali ini strategiku adalah redah je. Dengan *english broken* yang aku miliki, aku tidak pasti sama ada para panel memahami jawapanku atau tidak. Apa yang pasti namaku tersenarai sebagai calon yang berjaya mendapat tajaan biasiswa pada tahun berkenaan. Alhamdulillah.

Aku memulakan langkah pengajian di peringkat Ph.D pada bulan Jun 2003 di Fakulti Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Aku dibimbing oleh seorang Prof. Madya yang pada hematku seorang guru yang warak dan mendalam ilmunya. Aku menganggap dirinya sebagai seorang Syeikh. Aku cukup menghormati dan mengkagumi beliau. Untuk meyakinkan penyeliaku, di awal-awal pertemuan dan temu janji, aku telah menyediakan satu draf kerangka penyelidikan daripada bab 1 hingga bab 5. Beliau bersetuju dan aku meneruskan penulisanku dalam bab 1. Setelah hampir enam bulan berlalu, Tuan Syeikh memintaku untuk membentangkan *proposal* yang telah aku sediakan. Aku memberanikan diri. Lagipun aku dikhabarkan yang penyeliaku ini seorang yang disegani oleh rakan-rakan pensyarah yang lain. Adat kata, “Jika dia kata ok, biasanya yang lainpun akan akur”. *Power* punya Syeikh, alhamdulillah.

Ketika dalam pemanduan, *handphone* Alcatelku berdering. Ring! Ring! Ring! Aku bingkas menjawabnya, “Hello, assalamualaikum”, aku terdengar suara panggilan daripada Tuan Syeikh. “Ada hal apa pula ni?” Aku tertanya-tanya. Tuan Syeikh dengan nada yang agak perlahan menjawab, “Selepas ni enta diselia dan dibimbing oleh Dr. A.”. Aku merasa serba tidak kena. Apa pula yang menyebabkan Tuan Syeikh murka. Aku terkenangkan dalam satu pertemuan di mana Tuan Syeikh

mempertikaikan penulisanaku. Aku cuba mempertahankan hujahku dengan mengemukakan beberapa buah rujukan yang aku nukilkan. Aku tiada pilihan kecuali menuruti arahan yang beliau keluarkan dan kini aku memulakan episod dengan penyelia yang baharu.

Aku tetap bersyukur kerana penyelia yang baharu ini merupakan kenalan lama semasa di bangku sekolah di peringkat menengah dahulu. Walaupun kenalan, aku tetap menganggap beliau adalah pembimbing dan penyeliaku. Langkah perkenalan pertamaku dengan beliau ialah mengemukakan draf kerangka yang telah dipersetujui oleh Tuan Syeikh. Penyelia baharuku juga bersetuju. Alhamdulillah. Penyeliaku yang baharu memang seorang yang memiliki sifat sebagai *supervisor*. Mungkin hasil daripada pengalaman pengajian beliau di Scotland berbanding Tuan Syeikh pengalaman pengajian beliau dari Timur Tengah. Cara dan teknik membimbing cukup berbeza. Penyeliaku yang baharu banyak menunjuk jalan dan membuka minda untuk aku terus terokai. Aku bersyukur, alhamdulillah.

Penyelidikanku berkisar Pemikiran Fiqh Imam Syafi`i dalam Kurikulum IPTA. Tiga buah IPTA, iaitu Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kolej Universiti Islam Malaysia (kini Universiti Sains Islam Malaysia). Asas pemilihan ketiga-tiga universiti berkenaan atas faktor universiti yang telah lama menawarkan kursus-kursus Pengajian Islam dan KUIM merupakan kolej universiti yang baharu. Kedua, kesemua pelajar yang mengikuti kursus di ketiga-tiga buah universiti berkenaan adalah pelajar Malaysia, Melayu dan bermazhab al-Syafi`i. Selain daripada menyemak dan meneliti dokumen-dokumen tertentu, aku juga menggunakan temu bual sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Seramai empat orang responden bagi setiap universiti yang terlibat. Bagi memudahkan urusan semakan dan penelitian dokumen serta temu bual dengan responden, aku menyewa bilik asrama di Kolej 10 Universiti Malaya. RM10 je semalaman, alhamdulillah.

Di suatu pagi jam telah menunjukkan pukul 5.00 pagi. Ooppp sudah lewat. Aku bingkas bangun dan menyiapkan keperluan ke Kuala Lumpur untuk beberapa hari. Pukul 10.00 pagi nanti aku terpaksa memenuhi temu janjiku untuk menemu bual seorang Prof. Madya di UKM. Aku memecut laju kereta Wajaku mencecah 150 KM sejam. Tiada apa yang aku fikirkan. Yang penting, aku mesti sampai di UKM pukul 10.00 pagi. Alhamdulillah, pada pukul 10.00 pagi aku selamat sampai di UKM. Aku meluru segera ke bilik Prof. Sesampai sahaja aku di bilik Prof. terselit satu nota kecil, "*Temu janji hari ini dibatalkan*". Alhamdulillah aku selamat sampai.

Liku-liku perjalanan menyiapkan penyelidikan memang satu cabaran yang memerlukan kesabaran. Bersabar kerana meninggalkan anak-anak dan isteri, mengorbankan masa, keringat, wang ringgit dan karenah manusia. Aku terpaksa berulang alik dari Sungai Petani ke Kuala Lumpur untuk beberapa bulan. Selain menyelesaikan urusan temu bual dan menyemak dokumen, kebanyakan bahan rujukan penyelidikanku di dalam Bahasa Arab. Aku menghabiskan masa yang banyak dalam Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam. Di sana terdapat banyak kitab-kitab rujukan yang amat menepati kehendak penyelidikanku. Oleh itu, formula DUIT (Doa, Usaha, Ikhtiar dan Tawakal) hendaklah dijadikan azimat dalam kita menyelusuri perjalanan yang penuh berliku sebegini. Alhamdulillah, aku dapat menyelesaikan penyelidikanku dalam tempoh 3 tahun.

Aku menanti saat yang penuh debaran selama beberapa bulan setelah tesis dihantar ke Institut Pengajian Siswazah bagi tujuan viva. Setelah beberapa bulan, aku menerima surat pemakluman daripada pihak universiti berkaitan tarikh viva. Tesisku setebal 380 muka surat, tidak mungkin bagiku mengingati semua benda yang ada di dalamnya. Dengan sedikit kemahiran ICT, aku menyediakan satu set peta minda menggunakan perisian '*Mind Manager*' yang dipelopori oleh Edward D.Bono bagi merumuskan semua fakta yang tercatat dalam tesisku. Tak ketinggalan aku juga memohon agar ibu dan ayahku serta seorang guruku mendoakan semoga Allah mempermudah urusan vivaku. Setelah hampir satu jam berdiskusi, aku diminta keluar dan menunggu sebentar di luar bilik viva. Aku menunggu dengan penuh debaran. Kemudian, aku diminta masuk semula ke dalam bilik viva. Pengerusi membaca keputusan dan beliau mengucapkan tahniah dan memohon membuat pemurnian berpandukan saranan panel. Tanggal 28 Ogos 2007 aku dianugerahkan sekalung Ijazah Kedoktoran Pengajian Islam. Alhamdulillah, *impian semalam, kenyataan hari ini*.

Ridzuan bin Ahmad, Ph.D.
IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Sungai Petani, Kedah

Aku cuma seorang pensyarah biasa yang asalnya guru sekolah menengah yang tiada apa-apa. Tahun 2007 aku diterima sebagai pensyarah di Institut Pendidikan Guru, Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah. Terasa lega dapat naik pangkat sikit. Rasa macam orang berilmu pula bila sudah bergelar pensyarah tapi ilmuku sebenarnya terlalu sedikit. Aduhai, di sini rupanya mereka suka berbincang tentang ilmu, tentang kepakaran dan tentang kehebatan. Walaupun masa itu aku telah memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi Pendidikan tapi terasa diri ini kerdil berbanding orang lain yang sarat dengan pengalaman dan ilmu.

Aku termenung dan sentiasa muhasabah diri ini. Apakah langkahku dalam mengejar ilmu sudah berhenti? Bukankah Rasulullah telah bersabda bahawa tuntutan ilmu itu hingga ke liang lahad. Mana mungkin aku harus menjadi tongkol kayu yang makin mereput. Diri ini harus diperkayakan lagi dengan longgokan ilmu yang mantap, khususnya dalam bidang kepakaranku. Alhamdulillah, pada tanggal bulan Ogos 2009 aku tergerak hati untuk mendaftar sebagai seorang pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kursusku dibuat bersama-sama teman-teman dari Institut Pendidikan Guru Zon Utara dengan jumlah seramai 36 orang. Kursus itu dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Darulaman. Aduh, kerdil sungguh diri aku bergelar pelajar diusia ini. Hari pertama kuliah aku benar-benar tertekan. Apa tidaknya, kursus yang diberikan itu sangat mencabar. Bolehkah insan kampung ini meneruskan pengajian dengan belanja sendiri, belajar pada waktu bekerja, apatah lagi kebun-kebunku perlu diurus. Kebun sawit dan kelapa yang dah mula berbuah. Mampukah aku? Mampukah aku yang tak pernah kenal apa itu tesis dan penyelidikan. Ijazah pertama dan keduaku tidak kulalui pengalaman tesis. Memang aku kelam, sekelamnya... kosong.

Tapi, hati ini sentiasa berbisik, "Sekali aku terjun dalam lautan ilmu ini, aku tidak akan berpatah balik ke belakang. Biarlah apapun cabarannya akan kuhadapi pahit dan manisnya". Selepas setahun berkuliah bersama-sama teman di IPG Darulaman, jumlah kami semakin berkurangan. Ada yang sudah kecundang di pertengahan jalan. Aku tetap aku, anak kampung ini tidak takut cabaran. Itulah tekad yang aku pahatkan di hati. Biarlah mereka berundur, aku akan teruskan perjuangan ini. Tahun 2010 aku mula berjumpa dengan penyelia yang telah ditetapkan di Fakulti Pendidikan UUM, iaitu Profesor Madya Dr. Yahya bin Don. Seorang Ketua Jabatan dan Mejar dalam Angkatan Askar Wataniah. Tegus, berdisiplin dan menepati masa itu prinsipnya. Hari pertama berjumpa aku sudah kena hambur, "*Tajuk apa yang hang pilih ni Ya, kalu macam ni, hang nak buat Ph.D apa?*" Aduhai boleh lari aku ni. Tapi aku yakin penyeliaku ini seorang yang baik dan mahu membantu. Itu naluri hati kecilku. Ketegasannya menambahkan lagi semangatku.

Hari berganti minggu, minggu berganti bulan, pengajian kuteruskan dengan membuat sorotan literatur untuk menentukan isu dan tajuk yang benar-benar dapat kukaji. Alhamdulillah, akhir 2010 aku berjaya tetapkan tajukku dengan bimbingan penyeliaku yang tegus, iaitu "Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Stres dan Komitmen Guru Novis". Sejak awal lagi, walaupun aku sibuk dengan kerja sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Pendidikan, setiap malam bermula pukul 9.00 malam selepas

isyak pasti aku akan mengadap komputer sampai pukul 12.00 tengah malam. Itulah rutinku yang tak pernah kutinggalkan selama pengajian. Hari minggu aku di kebun sawit dan kelapa. Tenangkan fikiran, muhasabah diri dan lihat kebesaran Ilahi. Kepada anak dan isteri yang kucintai, awal-awal lagi sudahku nyatakan bahawa ayah pasti sibuk sepanjang pengajian ini dan mereka sangat memahami dan memberi sokongan yang amat aku hargai.

Setelah bertungkus lumus, akhirnya pada pertengahan 2012 aku berjaya membentangkan *proposal* kajian dengan sedikit penambahbaikan. Alhamdulillah, aku kini sudah bergelar calon Ph.D kata Prof. Madya Dr. Yahya. Aku kagum dengan penyeliaku ini. Dalam tegas dan marah dia amat membantuku. Kalau aku terlewat pasti dia akan telefon bertanyakan apa masalahku. Satu peristiwa yang masih segar dalam ingatanku, bila aku diminta berjumpa dengannya satu hari di UUM. Tanpa diduga kawan baiknya hari itu meninggal dunia dan katanya dia terpaksa menguruskan pengebumian, namun temu janjiku dengannya tetap diteruskan. “*Ya, kita jumpa di kubur sementara menunggu jenazah sampai*”. Bila sampai dia senyum, “*Hang buat Ph.D sampai kubur Ya*”. Dalam hatiku berkata inilah perjuangan yang ada manisnya.

Selama empat bulan aku menguruskan kajian dan penyelidikan untuk mengumpulkan data guru novis zon utara. Aku menggunakan surat sahaja untuk mohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan dengan tindakan yang sama aku poskan kepada semua guru besar untuk diagihkan kepada guru novis di sekolah mereka. Alhamdulillah, Allah beriku kemudahan kerana responden kajianku memberi kerjasama yang baik. Lantas pada pertengahan 2013 aku sudah mula menganalisis data-data yang telah terkumpul. Memang perit bagi seorang insan yang tak pernah bermain dengan data apatah lagi dengan menggunakan Model Persamaan Struktural (SEM). Penyelia keduaku yang baharu dilantik, Dr. Arumugam turut membantu. Aku sengaja mencabar diriku untuk menggunakan model ini dalam analisis data dan tidak menggunakan SPSS. Aku tahu ianya sukar dan mencabar. Aku suka itu. Aku mohon kursus yang dianjurkan oleh pakar-pakar dalam bidang ini. Aku mohon pertolongan mereka untuk mengajaraku. Mereka langsung tidak lokek ilmu. Walaupun terpaksa membayar, aku teruskan hingga semuanya selesai.

Di penghujung tahun 2013, aku sudah mula berjinak dengan bab 5. Selama tiga bulan aku bermain fakta dan pandangan untuk siapkan bahagian terakhir ini. Hanya kekuatan saja yang aku mohon daripada Allah agar aku sentiasa beristiqamah dengan perjuangan ini. Janganlah aku rebah di penghujungnya. Allah itu sentiasa mendengar rintihan hambanya. Alhamdulillah pada Mac 2014 aku telah yakin segala-galanya dan serahkan tesisku yang tidak seberapa ini untuk disemak oleh dua orang penyeliaku.

Hanya selepas dua minggu Prof. Madya Dr. Yahya menelefonku dan meminta sedikit penambahbaikan dan seterusnya dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah untuk penilaian. Hampir tiga bulan tesisku dinilai oleh Prof. Dr. Husna dari UUM dan Prof. Dr. Kamaruddin dari Universiti Perguruan Sultan Idris. Akhirnya aku dipanggil untuk sesi viva pada bulan Oktober 2014. Berpeluh, pucat dan mendebarkan itulah realiti di bilik viva. Hanya Allah yang tahu. Akhirnya aku berjaya tapi dengan major *correction*. “*Don't worry* kata penyeliaku. Habiskan pembetulan dalam masa enam bulan saja”. Dengan bantuan mereka berdua akhirnya saat yang tidak dapat aku lupakan ialah bila hari itu aku menelefon Prof. Dr. Husna setelah dua kali melakukan pembetulan, “*Zakaria, tesis you dah boleh di letak pada rak di perpustakaan*”.

Subhanallah menitis air mataku kerana terharu. Perjuangan ini berakhir sudah. Tanggal 25 Oktober 2015 aku berjaya memakai topi itu tanpa kawan-kawan yang sama mendaftar dahulu dan menerima segulung ijazah bergelar Doktor Falsafah pada pukul 3.30 petang disaksikan anak dan isteri serta ahli keluarga. Bila aku gulung kembali perjuangan ini segala-galanya bergantung kepada kesungguhan, istiqamah dan doa. Ilmu itu milik Allah, pohonlah pada-Nya.

Zakaria bin Mohd Arif, Ph.D
IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Sungai Petani, Kedah

Kali pertama memohon biasiswa HLP peringkat Ph.D saya berjaya dipilih sebagai penerimanya, alhamdulillah. Saya mula mendaftar di Fakulti Pendidikan UKM pada 29 Disember 2009 dan pada awal tahun 2010 maka bermulalah perjalanan mengharungi cabaran sebagai pelajar Ph.D. Saya menyewa bilik di salah sebuah rumah di Syeksen 4, Bandar Baru Bangi bagi memudahkan saya berulang alik ke UKM. Apatah lagi, suami dan anak saya masih tinggal di Tawau kerana suami masih bertugas di IPG Tawau, Sabah. Kali pertama berjumpa dengan penyelia pertama, Dr. Jamil bin Ahmad, berbincang berkaitan dengan *area* dan fokus yang hendak dikaji, beliau bersetuju dan meminta saya membuat carian bahan dan membaca banyak bahan bacaan berkaitan. Saya mula menjenguk pelbagai perpustakaan universiti dalam negara, membuat pinjaman melalui *inter library loan* dan sebagainya untuk mencari bahan. Dalam tempoh enam bulan pertama saya berjumpa penyelia hampir setiap bulan dan menyerahkan *proposal*, namun *proposal* saya ditolak oleh kedua-dua penyelia (Prof. Puan Sri Rohaty binti Majzub - penyelia kedua) dan mereka menasihati agar mencari lagi bahan bacaan dan baca lagi!!!

Masuk semester kedua, saya diuji dengan ujian yang berat, demam denggi berdarah. Saya dimasukkan ke Hospital Al-Zahrah Bangi selama seminggu. Keluar dari hospital keadaan saya sangat lemah sehingga tidak mampu berjalan dan mengurus diri sendiri. Kesakitan yang saya rasa sukar digambarkan dengan kata-kata. Cukuplah saya nyatakan, “Seluruh kulit sakit terkena baju yang dipakai”. Saya terlantar lemah di rumah ibu bapa di Perak dan merawat diri sendiri dengan membaca surah Yasin setiap kali selepas solat fardu. Alhamdulillah, selepas sebulan saya mula mampu mengurus diri dan berjalan. Saya dihantar balik ke Tawau. Selama tiga bulan berikutnya saya dijaga oleh suami dan dalam keadaan diri yang belum pulih sepenuhnya. Saya lupa tentang semua yang telah dibaca, ditulis dan dirumus. Lupa semuanya!!!

Saya terpaksa memulakan perjalanan Ph.D apabila masuk semester ketiga. Pelbagai perasaan mula menghantui kerana *proposal* belum siap. Risau, sedih dan mengelabah. Namun, saya bersyukur kepada Allah dengan rahmat-Nya saya sembuh, diberi peluang belajar semula dan keluarga juga dapat berpindah dari Tawau ke Sungai Petani, Kedah apabila suami mendapat HLP peringkat Ph.D pada hujung tahun 2010. Saya juga mendapat kekuatan menyambung semula penulisan *proposal*. Alhamdulillah di hujung semester ke tiga saya berjaya dalam pembentangan *proposal*. Saya mengambil masa dua minggu untuk membuat penambakan hasil daripada teguran-teguran pembaca dan menyerahkan *proposal* untuk diteliti semula oleh pembaca.

Semester ke empat bermula dengan pembinaan instrumen kajian, semakan pakar, kajian rintis yang dilakukan dalam dua pusingan Teknik Delphi. Maka bermulalah episod kedua kajian, iaitu membina item, mentadbir instrumen, merujuk pakar, menganalisis data, memurni item sehingga instrumen kajian berjaya dibentuk. Proses membina instrumen saya berlarutan sehingga awal semester kelima. Saya memulakan proses mentadbir, mengumpul dan menganalisis data kajian sebenar pada permulaan pertengahan semester keenam. Semasa di awal semester keenam, penyelia mengingatkan dan menasihati saya agar memohon cuti belajar tambahan selama setahun. Oleh kerana pendekatan kajian saya menggunakan kaedah kajian gabungan, maka saya perlukan masa untuk menjalankan kajian lapangan. Alhamdulillah, Bahagian Tajaan KPM meluluskan cuti tambahan selama 6 bulan.

Masa tersebut dimanfaatkan untuk menjalankan kajian lapangan selama tiga bulan. Data dikumpul dan dianalisis sepanjang tempoh kajian lapangan sehingga dapatan mencapai ketepuan. Sepanjang kajian lapangan, saya terus menulis bab 4. Alhamdulillah, saya berjaya membenteng peringkat kemajuan tesis pada semester ke tujuh. Walau bagaimanapun, saya masih belum selesai penulisan bab lima. Sekali lagi, penyelia memberi cadangan dan sokongan agar saya memohon lagi masa tambahan enam bulan bagi tujuan menyiapkan sepenuhnya tesis. Alhamdulillah, pertengahan semester kelapan saya berjaya membenteng peringkat pementapan. Akhir semester lapan saya berjaya menyiapkan tesis untuk dihantar ke peringkat viva. Saya berjaya menghantar draf untuk viva sebelum melapor diri bertugas semula di IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah.

Menyoroti perjalanan dalam jihad ilmu ini sangat mengajar saya erti pengorbanan, erti keluarga dan sahabat. Suami berkorban masa, tenaga dan wang ringgit bagi membantu saya meneruskan perjalanan jihad ini. Setiap kali perjalanan dari Sungai Petani ke UKM di Bangi akan ditemani suami dan anak. Kedua ibu bapa dan adik beradik adakalanya memerlukan bantuan saya dalam urusan tertentu. Walaupun sibuk menyusuri perjalanan Ph.D, namun saya (dengan bantuan suami) tetap meluangkan masa menguruskan semua hal berkaitan ibu bapa dan adik beradik. Saya turut menguruskan tiga majlis perkahwinan dan dua majlis pertunangan, malahan urusan hantaran, jemputan tetamu serta peminangan saya dan suami yang menguruskannya. Malahan kami turut menjaga bapa saya yang sakit lumpuh selama tiga bulan. Saya tidak berpeluang berjumpa rakan-rakan Ph.D, namun persahabatan tidak terputus begitu sahaja. Kami berhubung melalui telefon sehingga saya berjaya mengajar seorang rakan menyelesaikan masalah analisis data beliau hanya menerusi telefon. Alhamdulillah, perbincangan melalui telefon juga dapat membantu rakan-rakan yang memerlukan pandangan, idea serta cadangan saya. Walaupun banyak membantu mereka, tidak pula saya kesuntukan masa menyiapkan tesis Ph.D.

Dengan izin Allah saya berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran. Hanya Allah sahaja tempat pergantungan kita. Berdoalah, bermohon dan mengadulah hanya kepada-Nya. Bantulah orang lain yang memerlukan bantuan dan permudahkan urusan orang lain, nescaya Allah bantu dan permudahkan urusan kita. Segala-galanya datang daripada Allah dan kepada-Nya juga apa yang dianugerahkan akan kembali. Apa yang lebih penting ialah perjuangan kita selepas mendapat Ijazah Kedoktoran, iaitu apa yang boleh kita sumbangkan kepada dunia pendidikan, kepada masyarakat dan negara.

Suzana binti Mutalib, Ph.D
IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Sungai Petani, Kedah

My Ph.D journey had its beginnings in the interior of Sarawak where I began my teaching career. My experiences in that rural school caused me much internal conflict, pushing me into the world teacher education at a time when Schon (1983, 1987) had just published his exciting works that would alter the landscape of teacher education. For some reason, I was immediately attracted to the notion of reflective practice in teacher education and at the University of Houston where I later pursued my masters degree, there were ample opportunities to further nurture that idea through UH's Reflective Inquiry in Teacher Education (RITE) program. So, the first steps of my Ph.D were initially taken at that humble school where I first became a 'cikgu'.

As a fresh graduate teacher sent to teach Mathematics in a rural school, I was full of energy and naive, idealistic expectations. I had been taught in sociology classrooms that education was the most powerful tool for social justice, that only through education could disadvantaged sections of the community avail themselves of the opportunities for social mobility and a better future. I was posted to one of the poorest districts in the country and my kids were among the poorest of the poor. Thus, I felt so privileged to be the one chosen to help them change their life circumstances. However, in the space of a few months, all that I learned in the university classrooms were rudely exposed as out-of-sync with my classroom realities. In my classroom, there were kids who found classes so academically irrelevant that they were constantly finding ways to amuse themselves. Some would for no reason sing aloud in the midst of my explanation of how to differentiate a function of a function. They were not the best kids to teach but I always felt if they had good teachers, there was hope yet to turn their young lives around.

That was the beginning of my struggle to be the best teacher I could be to my students. With those kids, life was always tough. They had a way of making me constantly re-assess my teaching and my thinking. Was I reaching them, was my content relevant to them, if I were in their shoes, would it be important to learn how to calculate the gradient of a straight line? In the midst of this search for my teacher identity, one incident was to change my life. I was teaching one morning but was distracted by the noise from the next class. It was a bad day for everyone and as I walked out after I class, I peered into the classroom next door and saw a young, new teacher seated at his desk, teaching English by reading from a textbook while the class was in utter chaos. How could such a teacher continue teaching under those circumstances? The scene disturbed me to the core and I had one of my most important professional insights right at that moment. If those kids needed better teachers, the answer lay in the training of teachers.

I was convinced that I could serve students better if I became a teacher educator and within a year I was in Maktab Perguruan Batu Lintang as a lecturer. I joined teacher education in 1988, at a time when the term "reflective practitioner" was the buzz word following Schon (1983, 1987). Over the next few years, the ideal of reflection and the reflective practitioner found its way into teacher education practices in Malaysia, specifically with the implementation of the process-based course work and the practicum, further reinforcing my belief that good teachers had to be reflective teachers.

I was fortunate to be awarded a scholarship to pursue my Masters at the University of Houston in 1993 and was elated to find out about the RITE program, whose central ideas was reflective practice. It was an exciting period of time to read about RITE and I had opportunities to exchange ideas with people involved in RITE. Naturally, I wanted to research reflection in my thesis. However, fortunately so, my program coordinator was not in favour of that idea. I remember still his advice and encouragement – reflective practice was a very complex idea and it was best that I kept the idea for my Ph.D. In hindsight, it was at that photocopy machine in Farish Hall that my Ph.D was born.

Fortune favours the prepared mind and perhaps my scholarship interviewers could sense that I had long prepared for an academic study in reflective practice and offered me a scholarship to pursue my Ph.D at USM. I chose to conduct a qualitative, in-depth case study into student teachers' developing understandings of reflective practice and how they lived out those understandings in the practicum. Coming from a Mathematics background, the choice of a qualitative approach was a surprise to many except my supervisor and me. The days and nights we spent trying to digest the rich data that was collected, trying to make sense out of seemingly disconnected bits of information, and our attempts to bring order to chaos will forever be etched in my mind as probably the most fulfilling moments of my professional life. When the jigsaw finally fell in place, when the themes emerged and the story that unfolded was finally told, one stage of a journey that started so long ago finally came to a satisfying stop.

So how has that journey affected my personal and professional outlook? At a personal level, I remain convinced, perhaps even more so after the Ph.D, that good teachers need to be reflective ones. Consequently, I place a premium of a teacher's ability to reflect in and on experience. As has been said, unreflected experience is often miseducative. However, I believe reflectivity is a necessary, but insufficient, condition for a teacher's success. There are many factors out there that affect a teacher's job and understanding those external factors that make up the school environment and culture is crucial to supporting teacher reflection. At the professional level, I continue to be frustrated by the larger neglect of such an important idea as teacher reflection in our institutions. In my opinion, it has been given only surface attention. It is always talked about, often misunderstood and seldom practiced in a sustained manner.

As I write this, my Ph.D journey seems so long ago. However, as with all journeys, the memories linger on. There are moments on the journey we will always treasure, people we cannot forget, and experiences that endure the test of time. From the very beginning, my journey had been about the kids in my classroom. They are fathers and mothers now, raising families and pursuing careers but 30 years is a short span of time. Their places are now replaced by another generation of kids but these kids, too, need good and dare I say it, reflective teachers. For that reason alone, my post Ph.D journey continues...

Lee Wai Heng, Ph.D
IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Sungai Petani, Kedah

Tiga huruf Ph.D mempunyai berbagai akronim. Ada orang kata Ph.D ialah *Pretty Hard to Do*, *Project Half Done*, *Permanent Head Damage*, *Pakar Hasad Dengki*, *Premature Health Deficit* dan berbagai-bagai lagi akronim. Walau apapun yang dikata bagi saya Ph.D merupakan *Philosophy of Degree*, iaitu tahap pengajian tertinggi yang akhirnya menyebabkan kecintaan terhadap ilmu, dahagakan ilmu, kematangan berfikir, perubahan tingkah laku, kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan mempunyai falsafah hidup untuk memartabatkan ilmu serta membawa resmi padi semakin berisi semakin tunduk.

Sebenarnya hidup ini memang satu pilihan. Betapa Allah memuliakan kita dengan memberi kita seluruh kebebasan untuk memilih dan membuat keputusan. Terpulang kepada manusia untuk membuat pilihan sama ada pilihan yang betul atau pilihan yang salah. Saya yakin pilihan saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D dalam bidang Fizik Bahan Semikonduktor merupakan pilihan yang betul dan tepat.

Apabila saya membuat pilihan untuk membuat Ph.D dalam bidang Fizik, ramai kawan-kawan yang 'tabik' kepada saya. Maklumlah bidang Fizik itu sendiri 'digeruni' bukan sahaja kepada mereka yang mempunyai kelayakan akademik sastera tetapi juga digeruni oleh mereka yang mempunyai latar belakang Fizik. Kebanyakan guru-guru seperti saya yang mempunyai latar belakang Fizik atau Sains akan melanjutkan pelajaran dalam bidang Pendidikan Fizik kerana sangat relevan dengan profesion keguruan itu sendiri terutama kepada pendidik guru.

Apabila saya ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Ph.D dalam bidang Fizik, persoalan yang bermain di kepala saya ketika itu adalah, "Adakah aku mampu buat Ph.D Fizik dalam masa 3 tahun?" Walaupun semasa temu duga HLP saya telah meyakinkan panel dengan berkata "Dr. beri peluang kepada saya, akan saya buktikan yang saya boleh", namun kebimbangan untuk menamatkan Ph.D memang ada. Ternyata panel temu duga tidak membuat keputusan yang salah dengan memberikan saya Hadiah Latihan Persekutuan.

Fizik merupakan salah satu bidang ilmu Sains yang tersusun hasil daripada usaha manusia untuk mencari dan memahami fenomena alam serta saling hubungannya. Penemuan-penemuan baharu dalam bidang Fizik adalah hasil usaha Saintis Fizik yang sentiasa membuat penyelidikan untuk meningkatkan kualiti kehidupan manusia. Sebelum melanjutkan pengajian Ph.D, saya selalu melihat Jurnal Fizik yang ditulis oleh pensyarah-pensyarah Fizik terkemuka dari dalam atau luar negara.

Saya cuba membaca artikel atau kertas penyelidikan berkenaan tetapi kebanyakannya saya tidak faham. Ini disebabkan kebanyakan yang ditulis dalam jurnal tersebut ialah penemuan-penemuan atau ilmu-ilmu baharu dalam bidang Fizik. Di dalam hati saya terdetik alangkah baiknya jika suatu hari nanti saya menjadi penyumbang kepada penulisan berkenaan atau saya menjadi penyumbang kepada *body of knowledge* dalam Fizik. Motivasi untuk membuat kajian dalam bidang Fizik terutamanya Fizik Semikonduktor bertambah kuat apabila saya terbaca satu hadis kudi yang dipetik daripada

Imam Ghazali yang berbunyi, “Makhluk yang pertama dijadikan oleh Allah SWT ialah ilmu”. Tambahan pula, dalam Islam martabat orang yang berilmu sangat tinggi di sisi Allah. Motivasi untuk meningkatkan keilmuan bertambah membara apabila membaca mesej yang tersirat dalam surah al-Alaq ayat 1-5 seperti berikut:

Allah menyatakan yang bermaksud, “Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya”.

Ayat ini merupakan wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah SAW setelah dilantik menjadi nabi dan rasul terakhir. Empat mesej utama yang diberi oleh ahli mufasirin dalam ayat ini, iaitu: Pertama, mengenal “Allah Rabbul’alamin” yang Maha Esa dan Maha kuasa yang mencipta dan menghidupkan manusia. Kedua, ilmu saintifik, iaitu maklumat Sains tentang proses kejadian dan perkembangan manusia. Ketiga, kaedah menuntut, menguasai dan mengembangkan ilmu pengetahuan, iaitu melalui pembacaan dan penulisan. Keempat, segala bentuk ilmu pengetahuan termasuk Sains dan Teknologi asalnya daripada Allah dan Allah boleh beri kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya”.

Menurut Shaikh Mohd Saifuddeen dari Yayasan Ilmuan, kepentingan Sains dan Teknologi dapat dilihat daripada wahyu pertama seperti yang disebut di atas. Jika Sains dan Teknologi tidak penting sudah tentu Allah tidak menyebutnya dalam surah al-Alaq. Dalam zaman kegemilangan Islam sekitar kurun ke-13 Masihi, ilmuan-ilmuan Islam mengamalkan tuntutan dan mesej yang terkandung dalam surah al-Alaq ini. Mereka taat kepada Allah yang Maha Esa dengan mengamalkan segala perintah-Nya mengikut cara yang ditunjuk oleh baginda Rasulullah SAW. Mereka mengkaji, membaca, menterjemah dan menulis ilmu-ilmu dalam pelbagai disiplin yang diperolehi daripada tamadun-tamadun terdahulu seperti Yunani, China, India, Parsi, Mesir dan lain-lain tamadun. Natiujahnya ilmuan-ilmuan Islam ini menguasai lebih daripada satu bidang ilmu. Di zaman tamadun Islam, ilmuan-ilmuan Islam berdoa kepada Allah supaya dikurniakan ilmu seperti yang telah diberikan oleh Allah kepada para nabi dan rasul.

Sesungguhnya mesej yang terkandung dalam surah al-Alaq ini memberi keinsafan dan kesedaran kepada saya betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan terutama ilmu berkaitan Sains. Kehebatan para nabi, rasul, sahabat Rasulullah SAW dan ilmuan Islam adalah disebabkan penghayatan mereka terhadap ilmu itu sendiri. Berbekalkan Surah al-Alaq ini saya membuat pilihan untuk melanjutkan pelajaran hingga peringkat yang tertinggi.

Kehebatan cendikawan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Ibnu Sina, Al-Farabi dan Al-Biruni memang tidak dapat disangkal lagi. Al-Farabi telah dianggap guru kedua selepas Aristotle kerana ilmu yang tinggi dalam bidang falsafah. Ada riwayat mengatakan bahawa beliau pernah membaca buku Metafizik Aristotle sebanyak 100 kali untuk memahaminya. Beliau pernah berkata, “*Al-Farabi masih tetap merasa perlu untuk terus mengulang bacaannya lagi*”. Kata-kata Al-Farabi ini menjadi perangsang kepada saya untuk terus membaca dan cuba memahami apa yang dibaca semasa proses penyelidikan dalam bidang Fizik.

Sebenarnya di peringkat permulaan membuat penyelidikan dalam bidang Fizik semikonduktor,

banyak artikel atau kertas penyelidikan yang saya baca tetapi saya tidak faham. Mujurlah ada kata-kata daripada Al-Farabi yang menyebabkan saya terus teruja untuk membaca dan cuba memahami apa yang dibaca. Rakan saya Dr. Johari Surif pernah mengatakan bahawa Ph.D ialah sebuah pengurusan sendiri. Ya, memang benar saya perlu merancang dan menguruskan penyelidikan sendiri. Saya perlu banyak membaca dan memahami apa yang dibaca. Saya juga bertanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Penyelia hanya memberi nasihat dan sedikit tunjuk ajar dalam bidang yang dikaji. Pengkajilah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa yang dikaji dan apa yang seharusnya dilakukan.

Walau bagaimanapun, ada suatu ketika setelah membaca beberapa kali artikel dalam bidang yang dikaji tetapi saya tidak dapat memahami apa yang dibaca. Apa yang patut saya lakukan? Kesabaran dan keyakinan terhadap pertolongan Allah merupakan kepercayaan yang perlu dimiliki oleh orang Islam. Orang yang sabar sentiasa menerima segala cabaran dengan tenang dan tidak berputus asa. “Di dalam surah al-Baqarah ayat 153 Allah SWT mengatakan, *“Wahai orang-orang yang beriman jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu”*. Kisah Ibnu Sina berikut untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan beliau menjadi pedoman dan rangsangan kepada saya.

Apabila Ibnu Sina menghadapi sesuatu masalah beliau akan berdoa memohon bantuan daripada Allah SWT melalui solat yang ditunaikan di Masjid. Selepas mengerjakan solat segala permasalahan yang beliau hadapi dapat diselesaikan. Ibnu Sina seorang yang tekun menimba ilmu pengetahuan. Beliau tidak akan tidur pada waktu malam dan waktu siang kecuali setelah beliau banyak membaca dan memperoleh ilmu pengetahuan pada hari tersebut. Apabila beliau merasa mengantuk dan keletihan ketika membaca buku, beliau akan minum secawan air dan meneruskan pembacaan sehinggalah beliau mengantuk. Semasa tidur, biasanya beliau bermimpi bagaimana menyelesaikan persoalan-persoalan yang belum terjawab di fikirannya.” (Dipetik daripada Buku Meneroka Kegemilangan Saintis Islam)

Perpustakaan adalah gedung ilmu yang tidak ternilai harganya. Ada dua tempat yang saya selalu berada di universiti ketika membuat Ph.D ini, iaitu di Makmal Fizik dan Perpustakaan UTM. Semasa di Makmal Fizik saya akan merancang dan menjalankan eksperimen berkaitan dengan bidang Fizik semikonduktor. Ketika tiada eksperimen yang ingin dilakukan saya akan mengambil kesempatan berada di perpustakaan dengan mencari maklumat atau buku yang berkaitan dengan penyelidikan saya.

Kisah saintis Islam yang bernama Al-Khazin memberi saya motivasi untuk menimba dan membaca apa sahaja buku-buku yang berkaitan di Perpustakaan UTM. “Al-Khazin telah menunjukkan minat untuk belajar dengan mengunjungi perpustakaan sejak masih kecil lagi. Semasa berumur 15 tahun, beliau telah memohon kepada tuannya, Ali Marwazi untuk bekerja di perpustakaan. Melihat kesungguhan yang ditunjukkan oleh Al-Khazin, Ali Marwazi bersetuju untuk membenarkan Al-Khazin bertugas di perpustakaan. Ali Marwazi dapat merasakan bahawa Al-Khazin bakal menjadi cendikawan pada suatu hari nanti. Al-Khazin menggunakan peluang bekerja di perpustakaan dengan membaca seberapa banyak buku untuk menimba ilmu pengetahuan. Setiap malam, beliau menimba ilmu pengetahuan melalui kuliah yang kedengaran melalui tingkap-tingkap istana. Ini membuatkan Ali Marwazi terharu dan mengajak Al-Khazin bersama beliau mengikuti kelas-kelas ilmu yang dijalankan di istana, rumah-rumah ulama, majlis ilmu di masjid dan mengaji kitab.

Kecintaan Al-Khazin yang mendalam terhadap ilmu menyebabkan Ali Marwazi memerdekakan beliau. Al-Khazin tidak menoleh ke belakang lagi, beliau terus mempelajari bahasa Yunani, Parsi, Arab, Astronomi, Fizik dan ilmu-ilmu agama. Sifat tidak menyombongkan diri menyebabkan ramai guru Al-Khazin menyukai beliau. Walaupun beliau pernah menjadi orang kepercayaan sultan, beliau tetap merendahkan dirinya sehinggakan sultan ingin memberikan istana untuknya disebabkan kedudukan ilmunya yang tinggi. Namun demikian, Al-Khazin terpaksa menolak dengan baik tawaran tersebut kerana cintanya terhadap ilmu lebih daripada segala-galanya. Beliau pernah berkata, “Darjat seseorang ditentukan oleh akal dan ilmu yang dimilikinya dan bukan kehebatan tempat tinggalnya” (Dipetik daripada Buku Menerokai Kegemilangan Saintis Islam).

Untuk berjaya dalam apa jua bidang, kita perlulah mempunyai idola atau ikon untuk dijadikan rujukan dalam mengharungi kehidupan seterusnya mencipta kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi. Seperti dalam kisah di atas terdapat ramai cendikawan atau ahli Sains yang telah berjaya dalam bidang yang diceburi. Kejayaan yang dicapai oleh mereka disebabkan formula atau resipi yang diamalkan dalam kehidupan mereka. Tidak mustahil jika resipi atau formula itu digunakan untuk kejayaan yang kita idamkan.

Yazid bin Abdul Manap, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Masing-masing punya persepsi tersendiri tentang Ph.D. Oleh itu, tidak ada salahnya kalau saya katakan Ph.D sebagai 'Pintu Hidayah di Dunia.' Ini adalah berdasarkan kepada perjalanan saya menyelesaikan penyelidikan.

Kenapa saya buat Ph.D?

- i. Dengan adanya Sarjana, belum menjamin masa depan sebab dah makin ramai buat Sarjana.
- ii. Makin lama, syarat untuk kenaikan pangkat makin leceh. Silap-silap saya tak ada peluang.
- iii. Suami selalu *outstation* dan rasanya dengan sambung belajar, tidaklah rasa bosan.
- iv. Nak memotivasi anak-anak untuk belajar itu nawaitu asal kenapa saya sambung belajar. Jadi, bila dapat tawaran untuk buat Ph.D, memang tak terkata apa-apa. Memang terlampau suka.

Ditakdirkan saya mendapat penyelia (SV) yang memang bergiat aktif dalam penyelidikan berkaitan Pendekatan Holistik dalam Pendidikan. Mak aaiiii... apa benda holistik ni? Nak dikaitkan dengan 'Pendidikan Teknik dan Vokasional' pula tu. Pada awal pertemuan, SV cakap baca, baca, baca, baca dan sambil itu bolehlah rangka apa yang patut untuk bab 1. Siap... hantar... buat pembetulan... siap... hantar... buat pembetulan... siap... hantar... buat pembetulan... (berulang-ulang kitaran ini sampai terdetik dalam hati, "Duduk kerja elok-elok gatal nak sambung belajar. Haaa sekarang tanggung la akibatnya".

Nasib baik saya bukan jenis orang yang mudah putus asa. Lagi banyak dibaca bahan yang relevan, lagi banyak yang digali, lagi banyak bimbingan daripada SV. Lagi banyak perbincangan dengan kawan-kawan yang sama atau berbeza bidang, lagi banyak berdoa kepada Allah, lagi dekat bawa diri dengan Allah. Akhirnya terbuka mata zahir, terbuka mata hati, didorong untuk menyedari, memahami dan menghayati permasalahan sebenar dalam bidang kajian. Terbukti "Saya ingat DIA, DIA ingat saya, saya minta tolong daripada DIA, DIA pasti tolong saya".

Sebelum ini saya melihat 'masalah' itu 'masalah' yang pasti membebankan. Tetapi sekarang saya melihat 'masalah' itu 'ujian' yang Allah beri kepada mereka yang Allah yakin mampu lalunya. Dengan kata lain, setiap ujian ada hikmah dan bagi mereka yang sabar, ikhlas, reda, tenang dalam mencari jalan keluarnya, ganjaran ujian itu amat membahagiakan. Kalaupun lambat benar jangka masa ujian itu, saya yakin pasti ada jalan keluar, pasti selesai bila sampai masa yang sesuai dan mungkin juga saya ada berbuat kesalahan di luar sedar. Jadi, pendekatan yang saya ambil bila susah sangat nak selesaikan sesuatu kerja dalam penyelidikan adalah berdoa kepada Allah dan mohon ampun atas segala kesalahan yang dilakukan sama ada sedar atau tidak sedar. Percaya atau tidak, selang beberapa jangka masa, pasti saya temui jalan keluar.

Penyelidikan ini menemukan saya dengan bermacam-macam jenis orang. Ada yang sangat membantu, ada yang membantu, ada yang kurang membantu dan ada yang tidak membantu langsung. Walau apapun, membantu atau tidak, saya amat berterima kasih, mendoakan kesejahteraan mereka di dunia dan mohon agar Allah kurniakan pahala berlipat ganda untuk mereka. Tidak timbul rasa marah kepada yang tidak membantu kerana bagi saya itu cara Allah SWT nak tunjuk kepada saya jenis-jenis orang yang ada di dunia ini. Jadi, pilihlah mana satu yang saya nak jadi. Insyallah saya nak jadi manusia yang sangat membantu manusia lain.

Penyelidikan ini juga mengajar saya erti berdikari dan meletakkan kebergantungan hanya kepada Allah SWT. Kalau statik kat JB, bila kerja nak siap? Ilmu pun tak datang bergolekkan? Dalam tempoh penyelidikan, saya pernah:

- i. Memandu dari Johor Bahru pukul 4.30 pagi ke UPM untuk jumpa pakar modul pukul 8.30 pagi. Berlangsung sekitar 1 hingga 2 jam, kemudian terus pandu pulang ke Johor Bahru.
- ii. Dari Johor Bahru ke UTHM untuk temu bual pakar bidang, terus ke Melaka untuk hadiri kolokium, terus ke IIUM temu bual pakar bidang dan terus pandu pulang ke Johor Bahru. Lebih kurang 4 hari tinggalkan suami dan anak-anak, mesti tak sabar nak balik rumah. Saya pecut la kat *highway* dan tiba kawasan Kulai. Kena tahan dengan polis *traffic* maka dapatlah saman. Esoknya pergi balai terus bayar saman RM150. Selang seminggu, dapat lagi surat saman. Pelik sebab dah bayarkan. Ohhh... rupa-rupanya pada hari yang sama di kawasan Seremban, saya dah kena perangkap laju dengan polis trafik. Hohohoo... lebur lagi RM150.
- iii. Naik keretapi ditemani anak no-3 (Aiman Thaqif) dari Kempas pukul 12.30 pagi. Sampai KL pukul 7 pagi. Naik LRT ke stesen UPM. Ambil teksi masuk UPM sebab nak jumpa pakar pukul 9 pagi. Pada masa yang sama, pakar telefon bagi tahu dia kena hadiri mesyuarat tergempar. Jadi, tunggulah pakar kat ruang menunggu Fakulti Pendidikan UPM. Pukul 2.30 petang baru dapat jumpa pakar dalam 1 jam lebih. Kemudian, jalan kaki nak dapatkan teksi, naik LRT dan naik bas kat Terminal Bas Tasik Selatan balik Johor Bahru. Terima kasih Aiman Thaqif sebab sanggup teman ibu. Walaupun tak pernah gerak sendiri dalam KL, Ibu kuat dan berani kerana semangat Aiman.
- iv. Memandu dari Johor Bahru lepas Subuh ke Kuantan. Hari yang sama, selesai urusan terus pandu pulang ke Johor Bahru dan banyak lagi yang tidak tersenarai.

Tak banyak ke belanja? Ohh... bab itu jangan cakap. Saya tidak pernah hitung sebab memang tidak terhitung. Lagipun, saya dapat biasiswa. Jadi, saya gunalah duit biasiswa tu. Tapi kadang guna juga duit gaji, ikut keperluan dan ikut mana yang ada. Kalau tak cukup juga, encik suamilah tolong *cover*.

Dalam sibuk fokus nak siapkan penyelidikan, suami *injured*. Anak ke-4 patah tangan dan anak ke-3 pula, ada bendasing dalam telinga. Rentetan itu, saya terpaksa ulang alik ke hospital untuk urusan *check-up* mereka. Saya tak pernah mengeluh. Saya mesti kuat semangat. Saya perlu sabar, reda dan dahulukan keluarga. Masa mereka tidur, kalau saya rasa masih segar, barulah saya masuk bilik belajar, buka *lap-top*, sambung kerja dan selang beberapa minit jengah lagi mereka tidur. Tetapi kalau dah letih sangat memang saya tak layan kerja-kerja penyelidikan ini.

Tempoh buat penyelidikan, bukanlah tempoh untuk mengadap buku 24 jam atau mengurung diri daripada aktiviti-aktiviti luar. Dalam sibuk-sibuk buat *proposal*, kumpul data dan semua yang berkaitan dengan penyelidikan, sempat lagi bawa anak-anak bercuti ke Desaru, Melaka, Port Dickson, Cameron Highland, Sarawak, Terengganu dan tempat-tempat lain. Berbalik kepada hal *research*.

Dalam menulis, nak siapkan satu perenggan kadang-kadang ambil masa yang lama dan memang adakalanya tersangkut. Bila berhadapan dengan situasi ini, pendekatan yang saya ambil ialah bergerak ke bahagian lain sebab bagi saya kalau satu pintu tertutup, masih ada pintu-pintu lain yang boleh saya masuk. Misal kata rumah kampung yang banyak pintu, kalau terlupa bawa kunci pintu utama, kita masih boleh cuba untuk masuk ikut pintu lain yang mungkin tidak berkunci. Jangan dikopak pintu utama kalau tak bawa kunci takut kalau-kalau rosak dibuatnya.

Saya perlu menyelesaikan penyelidikan dan pada masa yang sama saya ada seorang suami yang memerlukan perhatian seorang isteri, saya ada empat orang anak yang perlukan perhatian dan didikan seorang ibu, saya ada emak yang perlukan perhatian daripada seorang anak dan saya ada adik-adik yang perlu perhatian daripada seorang kakak. Berpegang kepada kata-kata ini, “Selagi saya tidak menidakkan hak mereka di sekeliling saya, Allah SWT tidak akan menidakkan hak saya”. Sibuk macam manapun hal suami, hal anak-anak, hal mak, hal adik-adik perlu selesai dulu dan urusan saya akan automatik jadi lancar. Macam tidak logikkan? Buat baik dengan orang ini, kerja saya jadi lancar. Tapi, itulah hikmah. Setiap yang terjadi ada hikmahnya. Saya hanya manusia biasa. Jadi, untuk berbakti kepada suami, anak-anak, mak dan adik-adik, pengurusan masa tu penting. Macam mana nak urus? Kena ada jadual ke? Saya tidaklah pula ada jadual tetapi pandai-pandai sendirilah urus 24 jam tu. Penat memang penat, tetapi pada saya, ‘Dunia memang tempat untuk penat, berbakti kerana Allah supaya akhirnya jadi tempat rehat yang penuh nikmat’.

Perjalanan menyelesaikan penyelidikan memang mencabar tetapi sangat indah. Penyelidikan membawa saya kepada tahu, sedar dan faham tujuan saya diciptakan di dunia. Saya bukanlah yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya saya cuba berusaha untuk memperbaiki diri. Apa yang saya dapat daripada perjalanan penyelidikan ini adalah diluar jangkaan. Syukur alhamdulillah dengan hidayah yang Allah beri dan Insha-Allah takkan saya persiapkan.

Terima Kasih kepada suami, anak-anak, mak, adik-adik dan kawan-kawan yang turut membantu melancarkan perjalanan penyelidikan ini.

Hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa kalian.

Ros Eliana binti Ahmad Zuki, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Ya Allah... Syukur kepada Mu Ya Allah... sehingga ke hari dan saat ini saya masih lagi terasa seperti bermimpi. Sukar untuk percaya akhirnya saya bergelar Doktor Falsafah. Masih bermain-main di fikiran, saya yang hampir berputus asa dan air mata menjadi teman setia mengakui bahawa saya seorang yang berjiwa sensitif, namun di sebalik kelemahan itu Allah juga kurniakan semangat pejuang kepada saya. Setiap kali keciwa (bahasa orang muda zaman sekarang), saya akan menangis. Ya menangis dan berendam air mata, namun fasa hujan air mata itu akan saya akhiri dengan fasa berjuang habis-habisan. Sehabis dan sekuat tenaga saya kerana di sebalik melayan perasaan sedih dan kecewa tersebut, saya sentiasa sematkan di jiwa bahawa kegagalan saya dalam perjalanan keilmuan ini tidak akan merugikan sesiapa kecuali diri saya sendiri. Semangat juang yang hadir dalam diri saya juga bertambah mekar dan mekar apabila mengingatkan pilihan saya sendiri untuk cuti belajar tanpa gaji tanpa biasiswa bagi mencapai impian bergelar Doktor Falsafah. Saya percaya kesakitan akibat kekecewaan jugalah yang membuatkan saya kuat berjuang. Bak kata John Pattrick, "Rasa sakit membuat anda berfikir, fikiran membuat anda bijaksana". Dan saya berfikir secara bijak untuk meneruskan perjalanan keilmuan ini tanpa berhenti sebelum berjaya.

Perjalanan keilmuan ini juga banyak mengajar saya erti sabar dan tidak berputus asa. Ya... sabar. Sabar untuk membaca jurnal yang tidak ada noktahnya, sabar menghadapi karenah penyelia yang emosinya berubah-ubah (walaupun saya rasa penyelia saya juga mengamalkan tahap kesabaran peringkat dewa untuk melayan karenah saya), sabar menaip tesis yang beratus-ratus muka surat, sabar melayan karenah birokrasi pejabat universiti, sabar ketika mengumpul data dengan macam-macam perangai responden dan pihak pentadbir sekolah serta IPG, sabar dalam melayan kepeningan menganalisis data dengan menggunakan perisian yang sebelum ini tidak pernah didengari (ATLAS.ti laaa... NVivo laaa...), sabar memikirkan dan menulis idea-idea yang diperoleh dan yang paling terkesan dengan saya adalah sabar untuk bangun seawal 4 pagi untuk menulis dan saya terpaksa akui salah satu sebab saya berjaya menyiapkan tesis saya adalah kerana kesabaran dan kegigihan saya bangun awal pagi. Dalam surah al-Baqarah ayat 155 Allah menyatakan, "Berikanlah khabar gembira kepada mereka yang sabar". Alhamdulillah. Terima kasih Ya Allah atas kurniaan kekuatan tersebut. Namun, di sebalik jerit perih mengharungi perjalanan keilmuan ini, saya percaya dan yakin kejayaan menghabiskan perjalanan ini bertitik tolak daripada 5 kunci, iaitu doa yang tidak pernah putus, solat tahajud, disiplin diri, konsisten dan buku nota.

Perjalanan keilmuan saya tidaklah lancar pada awalnya. Tahun pertama saya begitu sibuk dengan seminar demi seminar dek mengejar biasiswa Zamalah UTM. Walaupun penyelia berulang kali mengingatkan saya untuk menyiapkan *proposal* terlebih dahulu, namun saya degil dengan pendirian saya untuk mengejar Zamalah UTM kerana menyedari situasi saya yang mengambil cuti belajar tanpa gaji tanpa biasiswa. Akhirnya tahun pertama masa saya habis begitu saja dengan keghairahan berseminar. Masuk tahun kedua, saya mula menulis *proposal*. Pembacaan demi pembacaan, akhirnya saya sendiri pening. Daripada isu kreativiti dan visualisasi, akhirnya kepada imaginasi. Kepeningan saya dalam penyelidikan akhirnya berakhir setelah dipandu dan dibimbing oleh Dr. Mazlan bin Aris (dulunya pensyarah JPIPK, sekarang Timbalan Pengarah Pengurusan dan Perkhidmatan, IPGKTI) dan semestinya penyelia saya, Dr. Johari bin Surif. Akibat kekurangan ilmu penyelidikan, hampir setahun saya mengambil masa menyiapkan *proposal* yang sempurna dan lulus pembentangan *proposal* dengan beberapa cadangan penambahbaikan. Menyedari saya sudah menghabiskan tahun pertama

dan tahun kedua dalam keadaan ‘berbulan madu’, maka saya nekad mengumpul data secepat yang mungkin. Akhirnya setelah menemu bual hampir 3 orang responden setiap hari selama dua minggu (pening sebenarnya untuk menemu bual 3 orang responden setiap hari lantaran proses temu bual tersebut mengambil masa selama 2 hingga 3 jam setiap responden), saya berjaya menyiapkan proses pengumpulan data dalam masa yang singkat, iaitu hampir 2 bulan sahaja. Benarlah kata-kata Bruce Lee, “Tidak ada rumus yang sempurna dalam hidup ini tetapi yang boleh saya lakukan adalah menyediakan ubat bagi tindakan yang salah”.

Menyedari saya sudah tertinggal berbanding kawan-kawan yang lain, saya mula mengorak langkah yang *super* laju, bukan lagi *gear* 1 tetapi terus kepada *gear* 7. Allah SWT juga permudahkan jalan saya apabila bertemu dengan pakar-pakar perisian ATLAS.ti (terima kasih Kak Zie) dan NVivo (Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi, pensyarah Fakulti Tamadun Islam, UTM) yang tidak jemu-jemu mengajar saya yang lemah ini cara menganalisis data kualitatif dengan baik. Kedua-dua insan istimewa ini tidak saya kenali dan saya percaya Allah SWT yang ‘menghantar’ mereka kepada saya. Sebaik selesai urusan menganalisis data, tanpa menoleh ke belakang saya terus menulis dan menulis tanpa henti. Saya sendiri tidak percaya bahawa saya mampu menulis dan membuat kerja-kerja penyelidikan dari pukul 4 pagi sehingga pukul 4 petang. Hanya berhenti untuk makan dan solat sahaja. Sesuaiailah dengan kata-kata Abraham Lincoln, “Aku tidak punyai aturan, aku hanya selalu berusaha melakukan yang terbaik setiap saat dan setiap hari”.

Perjalanan yang panjang dan berliku ini akhirnya menemui titik noktah apabila sekeping surat senat berada di tangan. Hanya Allah sahaja yang tahu perasaan saya ketika itu. Bercampur baur, namun saya rasa yang paling dominan adalah sebak (sayakan puteri air mata, hehehe). Apa yang paling berharga dan penting yang saya peroleh sepanjang perjalanan ini bukan memperoleh gelaran doktor itu semata-mata tetapi pengalaman dan kematangan menjadi lebih luas dan mencapah. Saya belajar untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menyerahkan pergantungan hanya kepada-Nya. Pada awalnya saya percaya jika saya berusaha sedaya upaya, saya akan berjaya dalam perjalanan ini tetapi saya lupa nun jauh di sana yang lebih BERKUASA ALLAH SWT. Selain itu, saya juga belajar mengenal diri. Apa kelebihan dan kekurangan saya bukan hanya dalam bidang akademik tetapi dalam kehidupan juga. Dalam erti yang lebih mendalam, saya menjadi seseorang yang baharu dengan pemikiran yang baharu.

**Apapun Masalahmu
Jangan Pernah Menyerah
Apapun Rintangan
Tetap Bertahan
Badaikan Berlalu
Mentarikan Bersinar**

Nurdiana binti Abdullah, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Pemergianku untuk misi pertempuran kali ini setelah bergelar Kapten diiringi dengan tabik hormat sahabat-sahabatku. Kapten Ahmad, Kapten Johar, Kapten Zairi, Kapten Sarala dan Kapten Azhari masing-masing tersenyum bangga denganku. Bangga??? Aku pun tidak pasti kenapa mereka perlu bangga dengan pemergianku kali ini. Cuma apa yang pasti, aku sangat bangga kerana mempunyai sahabat yang ikhlas seperti mereka. Ketika aku mula-mula mengenali mereka, aku hanyalah berpangkat Leftenan. Walaupun mereka berpangkat tinggi daripadaku mereka tidak pernah menyisih, tidak pernah menyingkir, tidak lokek berkongsi ilmu dan kepakaran denganku. Bekerja dengan mereka dalam satu pasukan tempur, mengajar aku banyak perkara. Aku peroleh ilmu bertempur daripada Kapten Ahmad, pakar perancang perang. Ilmu perisikan dalaman daripada Kapten Johar, pakar psikologi ketenteraan. Ilmu komunikasi daripada Kapten Zairi, jurucakap peperangan yang sangat petah berhujah. Ilmu statistik peperangan daripada Kapten Azhari, penganalisis yang sangat sistematik. Ilmu suaka politik daripada Kapten Sarala, kaunselor ketenteraan yang sangat santun dan manis. Ya sangat manis orangnya.

Misi pertempuran kali ini aku namakan sendiri sebagai misi 1/6. 1 bermaksud aku seorang daripada enam orang sahabat yang diberi kepercayaan untuk memimpin misi pertempuran pertama. Misi tempur yang aku perlu jalani tanpa bantuan sahabat-sahabatku bukan seperti misi-misi sebelum ini. Apa yang menjadi cabaran terbesar bagiku adalah keputusan akhir misi itu sama ada berjaya atau gagal. Seperti biasa langkah mulaku ke tapak pertempuran nampak longlai dan mereka adalah sahabat yang tahu kegemetaranku.

“*Kapten Bahiyah!!! Jangan gementar, keluarkan semua kepakaranmu*”, jerit Kapten Ahmad.

“*Ingat Bahiyah!!! Apa yang penting, di mana kita berakhir, bukan di mana kita bermulaaaaa*”, sambung Kapten Johar.

Benarlah kata pujangga, “Sahabat adalah mereka yang tahu kekuranganmu tetapi mereka menunjukkan kelebihanmu. Mereka yang tahu ketakutanmu tetapi mereka berjaya menunjukkan keberanianmu”. Ya, aku kena kuat kerana aku sudah ada semua, *Heckler Koch* di sisi kananku, *Submachine Gun* di sisi kiriku. *RPG Bazooka* terpaut kemas dibelakangku. Namun, yang utama yang aku ada adalah Allah Yang Maha Berkuasa. “Ahhhhh, kenapa perlu aku takut?” Sergahku untuk diri sendiri. Aku terus tidak menoleh dan terus mara. Namun, masih lagi kedengaran kata-kata semangat daripada sahabat-sahabatku yang lain. Tersentuh dan cukup tersentuh. Benarlah sesungguhnya Rasullullah SAW tidak pernah melahirkan kawan-kawan sebaliknya Baginda melahirkan sahabat. Begitu besar impak tarbiyah Rasulullah SAW. Oleh itu, aku tidak akan menoleh. Apa yang pasti aku hanya ada dua pilihan seperti kata-kata Omar Mokhtar, “*We will never surrender, either we win or we died*”. Aku kena pastikan aku menang dan hanya ajal sahaja yang menamatkan perjuanganku.

Di medan pertempuran, aku berjaya mengawal gementar. Keyakinanaku semakin terbina utuh apabila setiap serangan dapat aku patahkan. Setiap detik pertempuran dapat aku hadapi dengan baik. Ya Allah, syukurku tidak terhingga kerana Engkau memberi aku semangat, ilham dan keyakinan ini

kerana untuk bertempur aku bukan hanya perlu ada fizikal yang kuat tetapi ilmu dan ilham yang mantap untuk memastikan misiku berjaya. Aku tidak boleh gagal kerana aku telah melalui banyak keperitan sebelum ini sepanjang latihanku. Tiada detik sewaktu latihan tanpa air mata. Aku akui menangis bukan bermaksud aku pengecut tetapi aku menangis untuk pastikan aku kuat. Menangis kerana Allah merupakan sebuah tangisan yang indah kerana langkah mulaku dalam perjuangan ini kerana Allah, untuk Allah dan demi Allah. Yang pasti pengakhiran aku untuk misi ini adalah cabaran untuk memastikan ia milik Allah.

Sedang aku asyik menepis serangan tanpa aku sedar aku menerima hentakan yang kuat dari arah yang tidak aku sangka. Aku rebah. Secara tiba-tiba persekitaranku menjadi kelam dan akhirnya gelap. Kalahkah aku? Aku tidak mampu membuka mata. Otakku seakan-akan disekat tidak mampu mencari solusi ketika itu. Subhanallah, lahawlawalaquwata illah billah terus tersekat, tak mampu bergerak. Zikirku tidak henti. Ya Allah, bantulah aku. Hingga beberapa detik seakan-akan aku rasa bahu disentuh dan aku disapa, “Engkau boleh Bahiyah. Jangan berhenti berlari sehingga kedua belah kakimu di dalam syurga”. Astagfirullah, aku memang tidak boleh menyerah. Harus bangkit daripada rebah. Misi ini akan aku pastikan berjaya 100% walaupun aku sakit, walaupun pahit dan terluka. Kerana kesakitan dan kepahitan sudah lama menjadi temanku. Kata-kata daripada guruku Ustaz Pahrol Mohd Juoi menjadi temanku ketika itu. Sesungguhnya keikhlasan tidak ditempa oleh gigihnya pengajian tetapi pedihnya penderitaan menghadapi ujian Allah.

Aku kuatkan diri untuk membuka mataku. Aku gagahi untuk berdiri. Aku kena teruskan perjuangan ini walaupun kesannya gagal. Selama ini aku terlupa, Allah tidak pernah melihat kesan perjuangan seseorang itu kerana yang Allah lihat adalah apa yang diperjuangkan. “OK Bahiyah, gagal setelah lama berjuang lebih baik daripada kegagalan tanpa perjuangan”, motivasi terbaik untukku ketika itu. Aku terus bangkit dan tekad menghadapi pertempuran. Jika *plan A* aku gagal, aku sudah bersedia dengan *plan B*. Itu adalah modus operandiku. Aku berjuang dan terus berjuang dan akhirnya tanpa aku sangka aku sudah berada di garisan penamatku. Musuh-musuhku beralah dan pertempuran itu berakhir. Alhamdulillah, sujud syukurku kepada-Nya kerana pengakhiran misi itu adalah 100% selesai. *Mission accomplished*. Walaupun tercedera, misiku berjaya. Berjaya kerana Dia membantu sedang aku tiada kudrat untuk itu. Hebatnya Dia, subhanallah.

Apabila aku melangkah keluar, aku menerima sorakan hebat. Sorakan kegembiraan kerana aku berjaya. Aku terus meluru kepada ibu bapaku dan memeluk mereka. Mengucapkan tahniah kepada mereka kerana kejayaan ini milik mereka. Aku jumpa suamiku, aku kucup tangannya. Terima kasih suamiku atas pengorbananmu kerana sabar dan faham akan tugas dan amanah yang aku pikul ini. Tanpa reda suami, aku tidak akan dapat reda Allah. Mataku kemudiannya mengintai-intai sahabat-sabhatku. Aku bertanya kepada suamiku di mana mereka. Suamiku berkata mereka semua masih di medan tempur untuk menyempurnakan misi masing-masing. Ya Allah, mudahkanlah mereka kerana mereka selalu memudahkanku. Aku yakin mereka akan berjaya. Akhirnya seorang demi seorang sahabatku muncul. Kapten Ahmad muncul dengan sedikit kecederaan di lengan. Aku menyapanya, “Tahniah tuan dan terima kasih kerana menjadi guru saya selama ini”. Dia membalas sapaanku dengan sengihnya. Memang sengihan itu menjadi *trademark* utamanya yang cukup disenangi dalam pasukan kami. Kemudian, Kapten Sarala keluar dari medan tempur diikuti dengan Kapten Azhari. Kedua-dua mereka turut mengalami kecederaan. Tetapi raut wajah mereka menunjukkan mereka berpuas hati dengan pelaksanaan misi masing-masing. Agak lama kami menanti Kapten Zairi dan Kapten Johar. Kami semua disergah kebimbangan. Semoga mereka terselamat.

Sedang dalam penantian itu, akhirnya kami di sapa oleh suara ala-ala *John Travolta*. Ya, itu Kapten Zairi dan Kapten Johar. Tiada kecederaan. Hanya sedikit kesan-kesan pertempuran. Syukur, alhamdulillah kerana keenam-enam kami dapat menyempurnakan misi masing-masing. Sesungguhnya kekuatan yang kami ada adalah semangat berpasukan yang ikhlas. Memberi bantuan tanpa mengharap balasan. Bersahabat tanpa syarat.

Sebenarnya coretan ini merupakan 5% daripada kembara pengajian Ph.D saya. Ia merupakan coretan mengenai perjalanan sesi viva saya. 1/6 mewakili saya daripada enam sahabat yang bersedia menghadapi medan tempur viva setelah kami selama tiga tahun menuntut ilmu bersama-sama dalam satu pasukan. *No man is an island* merupakan pujangga Inggeris yang menyaksikan kejayaan kami. Perjalanan menelusuri 'sungai' Ph.D yang merupakan satu perjalanan yang penuh onak duri. Daripada pengamatan saya yang kerdil, tiada pelajar Ph.D yang menelusurinya dengan gelak ketawa tanpa cabaran dan kepahitan. Semua terpalit dengan kesukaran, cabaran, sempadan dan sekatan. Namun, kembara ini merupakan kembara terindah dalam perjalanan hidup penuntutnya.

Kembara saya bermula dengan menyaksikan saya seorang yang sangat kerdil dalam pengajian. Kosong dan cetek dengan ilmu. Allah pertemukan saya dengan sahabat-sahabat yang membantu saya tanpa syarat, yang menasihati saya untuk bangun apabila dijatuhkan, yang membela saya apabila dikecam. Oleh itu, pesan saya insan kerdil dalam dunia Ph.D ini, apabila kita tersekat dan disekat dalam mencari hala tuju perjalanan Ph.D kita, jangan mengalah. Bentuklah pasukan namun jagalah adab pergaulan dalam pasukan itu. Jaga Allah, Allah akan jaga kita. Insya-Allah kita pasti akan kuat dan akan membuahkannya satu pengakhiran yang sangat manis.

Nur Bahiyah binti Abdul Wahab, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Looking back now, my Ph.D journey started with the ‘why’ question: Why I wanted to do a Ph.D? A question that many asked me back then and also warned me against doing it as a part-time student. On one hand, I was congratulated for the decision but on the other hand, was bombarded with endless advice on how difficult it would be to do it part-time and the negative effects it might bring towards my family and me. Of course, confusion engulfed me at that time but it was not for long. I was clear of what I wanted. I did not do it in hope of any monetary gains in terms of salary increase or to climb the career ladder. These have never been my motivation to embark on this journey. It was a personal choice that I made based on my desire and passion to explore, learn and develop. It was purely for self-satisfaction. YES, writing this account of my journey now, I realise that, it not only gave me self-satisfaction but actually made me recognize my true potential!

Every Ph.D holders’ journey is very personal and unique in its own way. However, in that uniqueness, there is a common ground that we share – no voyage is smooth-sailing! I too, had my own sets of crises with respect to juggling a full-time career as a lecturer, a mom, a wife and a part-time researcher - a Ph.D student. I always had to make choices which would fit my family, work and career into my intellectual sphere. The important thing was to ensure that my Ph.D journey did not disrupt the very foundation of my life – my family. At times, this was very challenging especially when the kids were growing into teenagers and needed my attention more. Although they were understanding and supportive when I spent my time researching and writing either in the library or behind close doors at home, I always suffered a guilty feeling that I was not fully doing my motherhood duties. However, time and again my ever-loving, God-sent family had constantly helped to negate that guilty feeling and provided support to continue my path.

Every trial that I faced was distinct. For me, they were picturesque discoveries that unfolded as I travelled deeper into the lonely path, many times lost and longing to see the sunshine at the end of the tunnel. However, when I finally see the sunshine, the happiness from my little discovery was usually short-lived as without fail, I would be back to square one - standing yet at the entrance of another tunnel. Voltaires’ quote describes my situation perfectly: *The more I read, the more I acquire, the more certain I am that I know nothing.* I knew countless long and dusky tunnels awaited me and I must put on my armour and brave them all single-handedly. Sometimes the challenges felt insurmountable and never-ending. Experiencing fatigueness, frustrations, depressions and all the other mixed- feelings became an everyday thing that I got use to. Managing these correctly were extremely perplexing at first but these taught me a great lesson that working on a Ph.D is more physically and emotionally stressful than it is intellectually challenging. It was all about discipline, perseverance, endurance and resilience. The bumpy voyage actually sharpened and polished these qualities over time that they facilitated me to finally complete my Ph.D. Without these qualities, I can say without doubt that anyone who embarks on a Ph.D journey, can never ever complete it!

During my journey, learning took place in various unexpected ways. I live by the statement that *we don’t meet people by accident, they are meant to cross our path for a reason.* In the process of my learning especially during my critical stages, many Samaritans guided me. I am truly grateful to these individuals who regardless of race, religion or colour willingly shared their knowledge and

wisdom to light my path. In addition, the international community whom I shared my research with in conferences and seminars were also eye-openers. These individuals made it possible for my small limited piece of research to fill a tiny gap in a bigger picture. Some valuable lessons were also learnt through mistakes. Below are a few miscalculations that further shaped my learning curve:

Miscalculation No. 1: Doing it part-time. As I was doing it part-time, time constraint was my major issue. However, I learnt that there is always time available – I just need to know how to find it! I fought hard with myself to find precious time to consistently ensure that I worked on my thesis each day. Stretching the day was the only option. Working through the night and wee hours of the mornings. Sometimes this was not possible on week days especially when there were always countless and endless office work to attend to. Work related out-station trips also posted added distraction. During these times, my train of thoughts was always disrupted. When I came back to my thesis writing after two or three days of my trip, I, at all times, find myself wondering how to continue. The notes, highlighted texts or the scribbles on the articles that I had already read, most of the time puzzled me. YES – endless questions with no answers. It would take at least a few days to get back on track. Weekends and school holidays were my very precious times. Strictly no vacation, no family gatherings, no guests, no outings whatsoever unless really necessary! During weekends and school holidays, I made sure that I was in the library before it opened. The cubicle in the library became my second home or rather my first home during the period of my study. I disciplined myself to find time and to keep a routine. That really made the difference!

Miscalculation No. 2: Being ambitious. My area of study is educational leadership but my interest in psychology made me merge these two disciplines into my research. I always liked to try something different, however, this merging was not easy to execute. The most difficult part was convincing the proposal committee for approval. I still remember vividly that the clarity of thought with which I entered the defence room, turned extremely foggy after the proposal defence. However, endless hours of reading new stuffs, rereading old stuffs, organizing thoughts, re-organizing thoughts, writing, re-writing, discussing etc., brought in a new clarity. Before long came another hurdle, the decision of the Ministry of Education to revamp the structure of the training that I was evaluating for my research. The impact to my research - I could not utilize the data that I collected from almost a thousand samples throughout Malaysia. Of all the sudden, I was left with no samples. I had to wait about one and half years for three cohorts to complete their training to get the number of samples needed! Truly an awesome test of endurance and resilience!! Lesson learnt: Don't research on something that has potential risk.


Miscalculation No. 3: Reading vastly and not writing. Of course doing Ph.D requires one to read vastly. Being an ardent reader myself, this was not difficult at all. I found myself reading and reading everything connected to my topic. Each article that I read opened new doors of discoveries for me. I highlighted, jotted down notes, analysed and criticized each and every journal article that I read. I enjoyed it very much and I had the satisfaction that I was productively collecting information for my writing. However, I failed to realise the importance of starting to write my thesis. Reading vastly and not putting my thought into writing from the very beginning cost me precious time. However, this realisation was very timely and since then, writing became my utmost important task.

Miscalculation No. 4: Perfecting till the every last minute. One major problem that I faced is my inability to be satisfied with my work. I usually refine and perfect my work until the last minute. I cannot get myself to submit it earlier, even though my final draft copies are usually ready before the

due date. My anxiety would increase and I would be haunted by various thoughts such as I should have done this or that, add or refined certain parts etc., if I sent in earlier. Although it is a never-ending battle that I fight with myself till today, I have learnt to relax and accept the fact that it will never be perfect.

In conclusion, although my perseverance, endurance and resilience were tested and retested from the very beginning until the day of submission. Staying focused and getting back on track, everytime I fall, carried me through all the countless hard trials. The journey in its hardship provided priceless learning opportunities. My *Learning Curve* was shaped in a rather distinctive way and I am grateful for this life changing opportunity!

Santhanamary R. Anthony, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor



As the saying goes, “A friend in need is a friend indeed”... That was a suitable proverb for my situation as I used to be a very reserved person in the past. I had very few friends and my friends know me as workaholic. Then, one day I decided to indulge myself into my Ph.D journey. This journey started sometime earlier even though officially it started in 2012. I was assigned a supervisor by the institution as I was new to it for my earlier two degrees were from another institution. This supervisor was a very ‘hard’ person from many angles... starting from the way she talked, discipline, appointments and many more. But I thought it was good as I would be able to do my work in a more systematic way.

Actually, I was very lucky to obtain a scholarship to do this Ph.D in 2012. So, when I wanted to start fresh in 2012, many of my friends advised me to consider changing the supervisor as we could head anywhere earlier. But I did not listen to any of them as I always thought that everything depends on me. I always told myself, “Everything is possible if I am hardworking”. But my own situation proved that my theory was wrong when I was not moving anywhere even after one year, not even a page. My worry was my duration of the leave, which was three years. I did not mind the money and time spent earlier with her without any prospect.

I was always told to read, read and read. My close friends advised me to confront my supervisor to start looking into areas of data collection for pilot study at least. Then, a big shock was waiting for me... She told me to work on another area and not in a friendly manner though. I tried to convince her about our previous discussion on a different topic which I was interested and related to my field. After a long discussion, I realised we did not have a common interest and expertise. In the end, I surrendered and agreed to work on the new area which was alien to me. I asked for more time to start working on it and left her room devastated.

“A new topic after one year?” screamed my close friends. I could not convince them but they convinced me to put my foot down to change my supervisor. I was worried that I would not be able to complete my study within the stipulated time. But my friends told me at least I could finish some time in future because that was what I wanted to do and it was parallel with what my sponsors wanted me to do as well. Another friend suggested a new supervisor. To cut the long story short, I managed to change the supervisor and obtained two new supervisors – a main supervisor and a co-supervisor.

My actual Ph.D journey started in July 2013. I was warned by some people in the university that my new main supervisor was a critic and fast. Many students became stressed because of her. I told them that I was good for me as I was already pressing for time. These two wonderful new supervisors guided me in a way that I was able to defend my proposal and attend viva session. Finally, I submitted the complete version of my thesis on time where I was able to report to duty on time... Phew... I owed it to my three close friends who opened my eyes at the right time for me to continue my path in the right way.

And when I reported to work, another blow was waiting for me. One of my colleagues, a veteran lecturer, who was not in favour of me pursuing my study from the very beginning started to give problem. Practically, she could not believe that I completed my studies before I came back. When my head of department addressed me as “Dr” in her welcoming speech, she rectified that she doubted it as I had not undergone my convocation yet. Therefore, I did not deserve the doctorate title yet... There was a lot of teasing going on at my department pertaining to the title, of course. My close friends again consoled me.

A good friend told me to submit my university senate letter (that stated the completion of my studies officially) to the office. Thus, all the official documents prepared by the institution started issuing official documents with the title ‘Dr.’ in front of my name. After some time, that veteran lecturer came to a consensus that I have really completed my Ph.D. In fact, it was just a matter of time I graduated officially from the university where I was conferred the doctorate title together with the “Best Student Award”.

The moral of the story is that, I realised that good friends are important in life. And it was during this Ph.D journey, I realised who my true friends were and my rivals. I learned that it was important to know our own goals. Staying focused was crucial in order to achieve the targets at the end of the journey. And I also realised that another journey starts at the end of one journey. Thus, having few true friends is wiser than having many fake friends as good friends can guide us to the right part in life. Good luck.

Sarala @ Thulasi A/P Palpanadan, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Reading and delving deeper into the world of education has been my passion since young. It never tires me in the continuous search of knowledge to improve my professional practice. The more frustrating part will be the time constraint amidst the busy routine of teaching career, be it the teaching process, administration work or involvement in work-related activities. It is almost impossible for me to focus in any in-depth research or reading in the arduous and demanding task as a lecturer. Perhaps, multitasking or juggling family, work and study is never my strength. Furthering my study will never be the first in my priority list within the same time frame. Therefore, full time study has always been my career advancement dream.

“*Opportunity comes to those who are prepared*”. Thank God I was offered the full time study leave by Bahagian Tajaan Pendidikan again in 2010 after completing my master degree under *Hadiah Latihan Persekutuan* (HLP) in 2004. I was more than prepared for it, I think. The journey started smoothly when I embarked myself in UTM, a research university. It was my choice due to its proximity and prestigious university reputation.

First few months of study leave, I enjoyed reading widely and spending a lot of time researching and browsing to zoom in to my area of research interest and gain deep subject-matter expertise. Instead of wearing formal attire and high-heeled court shoes to work, I happily changed into casual pants and sport shoes to university. I enjoyed the ambience of the PSZ library as well as the convenient browsing in the virtual library.

I believe years of experience as a lecturer in IPG, specifically in education studies, provided me with strong theoretical background as well as practical skills. This gave me the advantage of establishing the theoretical framework of my study in less than a semester. Furthermore, the full time study leave gave me the luxury to attend courses organised by library or education faculty which largely equipped me with the technical research knowledge and skills. I was literally absorbed in the research world. At that stage, I had been drawing lots of mind maps on big *mahjong* paper to create the links between all my readings, be it theories, methodologies or data analysis.

I began to write and present papers at the needs analysis stage. That gave me opportunities to attempt different research design and to explore different constructs in my research area. Attending and presenting in international conferences as well as publishing in journals widened my horizon and helped me establish the essential networking in my field of study. You would actually find helpful academicians all over the world who are willing to share and never hesitate to respond to your questions. In addition, it was often inspiring to hear new ideas so as to continuously update my content knowledge and review my own work.

I was indeed blessed to have helpful and kind souls along the journey. I was indebted to the Director of Johor State Education Department, Johor Bahru Education District Officer, preschool supervisors, teachers and parents of *Jabatan Kemajuan Masyarakat* or KEMAS (Community Development Department) who have shown full commitment and support from the initial stage of interviews,

sample selection, site visits, observations, pretests, implementation of the intervention in the preschools up till the final stage of posttests and interviews.

I was especially thankful to the preschool teachers who spent countless hours after school and during weekends with me to get themselves prepared with intervention skills and materials. I was practically spending more than a year, day in and day out in preschools for field and experimental studies. All along, the teachers were willing to give me full support and I truly admired them for showing their passion in teaching.

I was also fortunate to have a supervisor who gave me full empowerment in my study. As I was determined to acquire many different research skills, I had made a “*suicidal attempt*” to do a comprehensive study, from designing and establishing a literacy intervention model, to designing and establishing the literacy intervention kit with softwares and materials based on the model; and to carrying out an experiment study which focuses on two constructs, literacy skills and literacy motivation. Of course that also involved the designing and validation of instruments using different statistical methods such as item analysis and Rasch Model. My supervisor gave me full support and freedom to explore and learn all along the way.

As I took a full research mode of study, I did not need to attend lectures except for a compulsory university subject and a methodology course. I enjoyed every session with varsity mates from different backgrounds. I felt young again when I participated in class activities, not as a lecturer but as a student. It was heartening to know that I attained an A+ in the Dynamics of Leadership course which gave me a beautiful transcript of CGPA 4.0 until the end of the semesters, although it did not matter at all for the award of Ph.D.

Under my supervisor’s research grant, I was also able to participate in a number of university level and national level innovation competitions such as Industrial Art and Technology Exhibition (INATEX) and Malaysia Technology Expo (MTE). Other than bringing back awards and medals (1 bronze and 2 golds), I had learnt invaluable skills such as collaboration, communication, interpersonal skills, knowledge transfer skills and product commercialization skills. These have paved my ways towards leading my students’ participation in innovation projects after I came back from my study.

“*All work and no play makes Jack a dull boy.*” Of course I did not want to be a dull Jack, working in full swing without a break. For each successful milestone completed, I would reward myself with a family trip. My accomplishment within the time frame included trips to Taiwan, South Korea and Gold Coast. Besides bonding time with my family, those trips gave me time to get away and come back with a fresh mind and a new sense of life purpose and direction.

Knowing my inability to multitask, I was determined to complete the whole of thesis submission process before my study leave ended. I planned my time meticulously when I reached the final stage of writing. The writing and rewriting stage was never easy. It felt like you would never be satisfied with your work for final submission. There reached a stage whereby I had to tell myself, “Stop it, pass up and never look back!”

While waiting for my viva date, I was also fortunate enough to be one of the participants in the first ever 3-minute-thesis contest organised by UTM. This gave me opportunity to communicate in three minutes about my three-year Ph.D project. I learnt how to effectively and persuasively elaborate, convince and share with others about my study using layman, non-technical terms. I was blessed to have emerged as the champion in the Social Science category.

I praise the university efficient postgraduate administration and both my internal and external examiners for their efficient work that I received my viva date only 10 weeks after the submission. Unlike the proposal defence where I had to argue and defend my stand to put forward my intended research, the viva was more like an academic discussion to perfect my dissertation. I enjoyed the whole viva session. It was never stormy nor thundery. It felt like smooth sailing in calm seas with soothing rhythmic waves. I was delighted to have gaining recognition for my hard work and was thankful for the valuable advice to make my writing unblemished and impeccable before the final submission. I did the required amendment and submitted my thesis within three days after viva!

To sum up, it has been a great journey and I could not have asked for more. It was never a lonely journey too. I had my parents, my loving husband and children, supporting friends, colleagues and students who were always with me when I needed physical or moral support. I thank God for the Grand Finale when I was conferred the “*Best Postgraduate Student Award*” during the convocation. With that I bid farewell to my smooth but fruitful Ph.D journey and embarked on the next journey in my career. I was truly grateful to have this exclusive route in my life journey and cherish every moment of it!

Ng Pei Fern, Ph.D.
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Bismillah...

Cita-cita untuk menjadi seorang guru tidak pernah terfikir dalam benak saya. Berkerjaya sebagai jurutera bunyi dalam bidang muzik amat mengujakan. Tapi takdir Allah SWT tiada siapa yang tahu termasuklah saya. Atas inisiatif abang saya, Hj. Zainordin bin Hj. Husain serta galakan daripada bonda tercinta, Hjh. Halimah bte Hj. Khamis, maka pada tahun 1992 saya memulakan bibit kerjaya sebagai seorang guru. Alhamdulillah, tamat pengajian di Maktab Perguruan Mohd Khalid Johor Bahru saya dianugerahi Guru Pelatih Terbaik Kategori Ko-kurikulum. Gempar sekampung bila mana keesokan harinya berita kejayaan saya diabadikan dalam akhbar Harian Metro, Berita Harian, Utusan Malaysia dan The New Straits Times. **Rasa gembira dan seronok sangat kerana saya memperoleh kekuatan sesudah mengatasi kepayahan seperti kata-kata Ralph Waldo Emerson.** Seorang anak FELDA Bukit Permai, Layang-Layang Johor dengan pencapaian akademik yang sederhana mendapat anugerah guru pelatih terbaik.

Memulakan tugas sebagai seorang guru di sekolah rendah dan menengah tidak terlalu panjang, iaitu sekitar 10 tahun. Saya memulakan tugas sebagai seorang pensyarah akademik di Jabatan Pendidikan Jasmani & Kesihatan di IPGKTI Johor Bahru pada tahun 2008 setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana di UTM pada tahun 2007. Teruja dengan tugas baharu walaupun kerja tidak pernah habis. Kuliah, kursus, aktiviti luar dan macam-macam lagi. Rencam tapi seronok. Tahun 2010, sahabat baik saya sejak saya mengajar di sekolah yang juga merupakan pensyarah di IPGKTI bertanya semasa sarapan, “Kau tak nak mohon HLP ke buat Ph.D?” Saya jawab ringkas, “Ok jugak!”. Berbekalkan sedikit semangat rakan-rakan seperjuangan yang turut sama memohon biasiswa, saya pun mencuba nasib. Pada masa yang sama, saya juga telah mendaftar sebagai calon siswazah Ph.D di UTHM (sepenuh/*partime*?). Proses pembelajaran berjalan seperti biasa, iaitu sesi kuliah di sebelah petang. Berulang alik dari Johor Bahru ke UTHM seminggu dua kali.

Tugas hakiki dan pengajian Ph.D secara separuh masa berjalan seperti biasa sehingga keputusan permohonan biasiswa HLP diumumkan. Alhamdulillah, saya berjaya mendapat panggilan temu duga. Perasaan biasa sahaja. Tiada rasa gemuruh dan sedikit pun tiada rasa tekanan. Tanggal 13 April 2011 saya empat sekawan telah pergi ke Bahagian Tajaan KPM untuk menghadiri temu duga. Berbekalkan *proposal* yang saya sendiri kurang yakin semasa penghasilannya, saya gagahkan diri masuk ke bilik temu duga sebagai calon yang pertama. Walau bagaimanapun, saya agak lega kerana saya masuk sekali bersama-sama dengan beberapa buah buku yang saya tulis dan keratan-keratan akhbar yang merakamkan pencapaian terbaik saya sepanjang masa belajar dan berkhidmat. Dr. Mahinder Singh dan Dr. Zabani agak tenang semasa sesi temu duga berlangsung. Kali pertama ditemu duga tanpa pengalaman, kedua-dua panel sangat tenang dan berpuas hati dengan perjalanan sesi temu duga. Pada awalnya saya agak stres juga kerana menjadi calon pertama. Dalam hati saya berkata, “Habishlah aku!!!”. Namun begitu, apabila berhadapan dengan panel penemu duga, hilanglah segala debaran kerana sifat profesional mereka. **Saya teringat kata-kata Washington Irving, “Minda yang hebat mempunyai tujuan, yang lain mempunyai harapan”.** Setelah 45 minit, sebelum melangkah keluar sempat saya berkata, “Tuan, semoga stigma calon pertama sesi temu duga yang kebiasaannya kurang

bernasib baik hanya mitos semata-mata”. Saya dan panel saling berpandangan dan tersenyum menggambarkan kepuasan di kedua-dua pihak. Syukur takdir Allah siapa yang tahu.

Selesai bab temu duga seperti pepatah lama, “Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu!!!”, alhamdulillah saya mendapat panggilan telefon daripada seorang sahabat yang sama-sama menghadiri temu duga mengucapkan tahniah kerana saya berjaya dalam temu duga tempoh hari. Saya seperti tidak percaya akan berita tersebut. Walau bagaimanapun, terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Junaidy atau lebih mesra dengan panggilan Dr. Bulat kerana banyak membantu terutama dari segi motivasi. Dia di UKM dan saya di UTHM. Setelah selesai segala urusan penerimaan tawaran HLP, saya meneruskan pengajian seperti biasa di UTHM dengan menukar mod dari separuh masa kepada sepenuh masa. Maka bermulalah kehidupan saya sebagai seorang pelajar calon Ph.D. Hari berganti minggu, minggu berganti bulan dan bulan berganti tahun. Diam tak diam, tempoh pengajian saya sudah masuk ke tahun kedua. Bagi sesetengah calon Ph.D mungkin mereka seronok kerana sudah masuk ke fasa akhir penulisan tetapi tidak kepada saya. Saya masih teraba-raba dan terpinga-pinga. Jumpa SV hantar *proposal* asyik ditolak. Ada sahaja salah, ada sahaja silap. Hendak buat satu muka surat pun terpaksa mengambil masa hampir satu minggu. Dalam kepayahan itu saya terus juga untuk menghasilkan satu *proposal* yang baik dan akhirnya siap juga. Saya terus mengisi borang untuk pembentangan *proposal*. Tarikh diperoleh dan saya melangkah ke bilik pembentangan dengan yakin. Takdir Allah tiada siapa boleh jangka dan saya gagal dalam sesi pembentangan tersebut. Saya rasa terlalu kecewa dan macam-macam lagi perasaan negatif hingga saya mula mencongak untuk menukar SV lain. Saya perlu menguatkan semangat. **Henry Ford pernah berkata, “Halangan adalah perkara menakutkan yang kamu lihat apabila kamu hilang tumpuan daripada matlamat”**. Justeru, kenapa saya perlu mengalah?

Mungkin Allah SWT mendengar rintihan saya. Genap dua tahun SV saya bersara wajib dan tidak disambung kontrak. Saya tidak panik cuma rasa tertekan kerana proses menukar SV baharu mengambil masa agak lama, iaitu 5 bulan. Akan tetapi saya sudah bersedia dengan sebarang kemungkinan. Apabila Pusat Pengajian Siswazah mengeluarkan surat lantikan SV baharu, saya terus menghantar *proposal* baharu kepada SV dan beliau bersetuju dengan sedikit pindaan. Selepas pembetulan dan pemurnian, saya terus mengisi borang untuk membentangkan *proposal* bagi kali kedua. Alhamdulillah dengan berbekalkan input dan ilmu dalam Model Rasch yang sangat kontra dengan SV yang lama, *proposal* saya diterima dan lulus. Pada saya ini satu titik tolak ke arah mencapai matlamat saya untuk bergelar sebagai seorang Doktor Falsafah. Saya tidak menoleh ke belakang lagi. Di mana saya dengar ada ilmu baharu tentang Model Rasch dan AMOS, saya akan mendapatkannya. Terima kasih Dr. Azman Hassan, Dr. Akhbariah Mohd Mahadzir, Dr. Fatimah Mustaffa dan Dr. Rohaya Talib yang banyak memberi input tentang Model Rasch. Terima kasih juga kepada Dr. Awang Mohd Idris yang banyak membantu dalam AMOS. Tidak lupa juga Dr. Julismah Jani, Dr. Norkhalid Salimin dan Dr. Kok Lian Yee yang membantu pemantapan dari segi *content*. Terakhir kepada Tuan Haji Zamrus A. Rahman, Ketua Unit Pendidikan Jasmani, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM yang sangat setia membantu saya menyiapkan data kajian ini. Tidak ketinggalan juga terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan saya susah senang bersama-sama sepanjang pengajian Ph.D ini, Dr. Jamil Mohd Baser, Dr. Ahmad Zainal, Dr. Nur Bahiyah Abdul Wahab, Dr. Johar Bunimin, Dr. Sarala @ Thulasi a/p Palpanadan dan Dr. Mohd Yusof Dagang. Kalian sememangnya sahabat yang sangat baik. Mak, mak dan ayah mentua, isteri tercinta Julia Jantan serta anak-anak, kalian pembakar semangat saya. **Seperti kata-kata William Shakespear, “Tiada jawapan lain yang mampu saya berikan kepada kalian kecuali terima kasih dan terima kasih”**.

Selama lebih kurang dua bulan saya berkelana ke seluruh negeri di Malaysia untuk memungut data, akhirnya data saya siap. Proses penganalisan data bermula. Alhamdulillah, sangat mudah memprosesnya. Sebaik sahaja selesai analisis, saya menyerahkan draf saya kepada SV untuk disemak dan beliau mengatakan bahawa analisis data saya sangat baik dan lengkap. Lega saya mendengar dan proses menyiapkan Bab 5 pun bermula. Saya tidak mengambil masa yang lama. Lebih kurang sebulan selesai penulisan. Saya serahkan kepada SV draf lengkap dari Bab 1 hingga Bab 5. Beliau sangat berpuas hati. Saya juga tidak menyangka dalam masa dua tahun saya mampu menyiapkan keseluruhan penulisan saya walaupun cuti belajar saya masih berbaki tiga bulan lagi. Tanpa membuang masa, pada bulan Februari 2015, saya mengisi borang untuk *mock viva* akhir. Bulan Mei 2015 saya menjalani *mock* ujian lisan. Penilai *mock* berpuas hati dan menyokong saya untuk meneruskan ujian lisan akhir. Perjalanan saya terganggu sedikit kerana pada bulan Jun 2015, tempoh cuti belajar saya tamat. Saya melapor diri di Bahagian Tajaan KPM pada 4 Jun 2015 dan alhamdulillah saya ditempatkan semula di IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Pada 6 Jun 2015 saya kembali bertugas. Kembali bertugas dengan mengalas satu beban yang sepatutnya saya selesaikan sepanjang 3 tahun tempoh cuti belajar, iaitu ujian lisan akhir. Tidak mengapa, saya sudah bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi.

Dalam kesibukan mengurus kuliah, praktikum, aktiviti pendidikan luar dan bermacam-macam lagi tugas hakiki, saya bertekad bahawa saya mesti selesaikan ujian lisan akhir saya secepat mungkin. Apa yang saya lakukan ialah selepas waktu kerja, iaitu selepas pukul 5.00 petang saya akan balik lewat untuk memurnikan penulisan saya. Ianya berterusan sehingga bulan Ogos 2015. Awal bulan September 2015, setelah mendapat restu daripada SV, saya mengisi borang ujian lisan akhir. Bermula dari situ, penantian saya bermula. Boleh dikatakan setiap hari saya memeriksa peti e-mel saya menunggu surat panggilan ujian lisan. Alhamdulillah, pada awal bulan November 2015 saya mendapat satu e-mel menetapkan tarikh ujian lisan saya yang akan berlangsung pada 16 November 2015. Syukur. Akhirnya tarikh keramat yang ditunggu muncul juga. Tapi seperti yang saya perkatikan sebelum ini, Allah SWT adalah perancangan yang sangat hebat. Tarikh ujian lisan saya ditunda ke satu tarikh baru. Saya fikirkan sekali sahaja ditunda, rupa-rupanya tiga kali tarikh ujian lisan saya ditunda hinggalah saya mendapat tarikh ujian lisan yang sebenar, iaitu pada 22 Mei 2016 bersempena malam Nisfu Syaaban. Tak mengapa saya reda walaupun hampir lapan bulan saya menunggu. Saya yakin dengan perancangan Allah SWT.

Mungkin hikmah di sebalik penangguhan demi penangguhan ujian lisan saya, maka saya dapat membuat persediaan dengan lebih mantap bagi menghadapi hari perhitungan terakhir saya dalam mengejar cita-cita bergelar seorang Doktor Falsafah. Tesis sudah sedia, *powerpoint* sudah disemak, nota-nota ringkas sudah dicetak, restu dan doa sudah dipohon daripada ibu, ibu dan bapa mentua, isteri tercinta dan anak-anak yang dikasihi serta rakan-rakan. Persediaan mental, fizikal dan emosi saya pada ketika itu sudah berada pada tahap maksimum. Tepat pukul 9.00 pagi tanggal 22 Mei 2016 saya melangkah gagah ke bilik ujian lisan akhir dengan penuh yakin. Pukul 9.30 pagi selesai sesi pembentangan terbuka. Semua berjalan lancar. Pukul 10.00 pagi sesi soal jawab bermula. Pukul 11.45 pagi sesi soal jawab selesai. Saya bersyukur kepada Allah SWT, saya lulus sesi ujian lisan akhir tersebut dengan pembetulan kecil. Tanpa mengambil masa yang panjang saya terus membuat pembetulan. Keesokan harinya saya mula merangka strategi untuk membuat pembetulan yang baik tanpa mengambil masa yang lama. Lebih kurang seminggu saya mengadap *lap-top*, akhirnya siap pembetulan saya. Setelah mendapat persetujuan dan tandatangan daripada SV, saya membuat temu janji dengan pemeriksa dalaman untuk menyemak pembetulan yang telah saya buat. Semuanya Allah SWT aturkan dengan sangat menarik. Lebih kurang satu jam berbincang dengan pemeriksa dalaman, beliau bersetuju dan memperakui penulisan saya. Seakan-akan tidak percaya begitu mudah

urusan saya. Mungkin saya yakin dengan Allah SWT dan berpegang kepada pesanan **Imam Syafi'e di mana beliau menyatakan, "Bila kamu tak tahan penatnya belajar, maka kamu akan menanggung peritnya kebodohan"**. Aku bersyukur Ya Allah.

Langkah seterusnya saya menyerahkan semua dokumen ke Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bagi proses pengesahan daripada fakulti dan senat. Pihak PPS meminta saya membuat jilid kulit keras untuk dibawa masuk ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Senat Universiti. Pada 4 September 2016, Jawatankuasa Senat memutuskan bahawa saya layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah. Saat yang paling mengembirakan dalam hidup saya sebagai seorang anak jadi FELDA Bukit Permai, Layang-Layang dengan tahap pendidikan yang sederhana akhirnya berjaya bergelar seorang Doktor Falsafah, Dr. Mohd Zairi bin Husain. Penat lelah saya selama ini terbalas juga. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perjalanan Ph.D saya ini dari mula sehinggalah selesai. Terima kasih Lewis Carroll kerana berkongsi kata hikmah ini, "Mulakan di permulaan dan teruskan sehingga kamu sampai di penghujung, kemudian berhenti". Jadi, saya mohon izin untuk berhenti kerana matlamat saya dalam pengajian Ph.D sudah sampai penghujung.

Mohd Zairi bin Husain, Ph.D.
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Tarikh-tarikh yang tak dapat aku lupakan, 5 September 2011, aku mendaftar sebagai pelajar Ph.D. Sebulan kemudian, 5 Oktober 2011, aku menerima berita sedih kehilangan ayah tersayang. Kata-kata ayah dengan senyuman manis masih dalam ingatanku, “Sambung belajar Ph.D! Baik, usahalah sehingga berjaya”. Setiap kali hampir aku hilang semangat, hampir aku nak berhenti, kata-kata ayah berbunyi di telingaku. Ayahlah punca sokonganku. Hati kecilku sentiasa berbisik, “Aku tidak boleh gagal! Aku mesti dapatkan Ph.D untuk ayah!”. Aku sentiasa berdoa kepada Buddha agar memberikanku semangat untuk meneruskan perjuanganku.

Hari pertama mendaftar, terus aku berjumpa dengan penyelia. Penyeliaku memberikan bimbingan dalam segala aspek. Beliau bagaikan tok guru, fasilitator, kaunselor, rakan seperjuangan malah telinga yang sudi mendengar segala keluhan, kecewa, sedih dan letihku. Sungguh bertuah aku mendapat penyelia yang begitu prihatin dan bersemangat. Setiap hari Rabu, aku melaporkan *progressku* dan membincangkan langkah seterusnya. Memang *progressku* perlahan tidak dapat mengejar langkah rakan-rakan lain disebabkan komitmen yang banyak. Tapi penyeliaku tak pernah marah, malah beliau memberikan nasihat, “Ph.D ini bukan sahaja mendapatkan *title* ‘Dr.’ tetapi bagaimana kita uruskan hidup seperti pelajaran, keluarga, anak dan kerja”. Selain penyelia, beberapa orang rakan seperjuanganku sentiasa berada di sisiku. Kami berbincang, meluahkan stres, saling memberi motivasi, ingat-mengingati dan bantu-membantu dalam segala urusan.

Keluarga adalah tempatku mencurahkan rasa takut, risau, kecewa dan putus asa. Suamilah orang yang menenangkan aku setiap kali mendengar tangisanku pada tengah malam. Ibulah orang yang memberikan sokongan 100%. Walaupun beliau tidak faham apa yang aku lakukan tapi dengan kata-katanya, “Pergilah siapkan pelajaran nak, ibu akan uruskan kerja rumah”. Begitu terharunya hatiku mendengar kata-kata ibu yang berusia lebih daripada 70 tahun dan masih sanggup membantuku dalam hal-hal kerja rumah.

Perjalananku bermula dengan membaca, mencari maklumat, menulis, membaiki dan membentang. Cabaranku mula muncul sewaktu mengumpul data. Pelbagai halangan dan tembok aku perlu hadapi. Pertama kalinya, tangan memegang surat kebenaran JPN dengan hati bersemangat tinggi, aku mengetuk pintu pengetua sekolah pertama yang aku ingin mengumpul data. Semangatku terus hilang apabila pengetua dengan muka serius menyatakan, “Kamu tidak ada hak nak membuat pemerhatian ke atas cikgu saya”. Aku cuba menjelaskan kajianku kepadanya tetapi tidak diterimanya penjelasanku. Apa yang harus aku lakukan? Selepas beberapa hari, aku membangunkan balik semangatku dan berjumpa pengetua sekolah kedua. “Berapa kali Cikgu nak *observe* cikgu saya?” Aku cuba jelaskan bilangan pemerhatian bergantung kepada dapatan yang diperolehi tetapi beliau masih dengan muka serius bertanya, “Cikgu nak *observe* berapa kali?” Akhirnya, terpaksa aku memberitahunya bahawa aku hanya membuat dua kali pemerhatian. Baharulah beliau bersetuju dan menandatangani surat kebenaran menjalankan kajian di sekolahnya. Dengan hati yang sedih dan kecewa, aku berjumpa penyelia dan menceritakan kisah yang aku hadapi. Penyeliaku dengan senyuman manis menyatakan, “Heng, ingat, rapor tu penting!”

Sekolah ketiga yang aku kunjungi adalah sekolah lamaku. Jadi, aku rasa pastinya tiada masalah. Guru Penolong Kanan kawan lamaku. Beliau memperkenalkan aku dengan guru yang mengajar mata pelajaran Kimia. Aku menerangkan modul yang akan digunakan serta menghadihkan sekotak *Ferrero Rocher* sebelum pulang. Perbualan kali pertama berakhir dengan suasana mesra. Beliau berjanji akan memberitahuku apabila tiba masa tajuk yang inginku buat pemerhatian. Dengan hati yang yakin dan gembira aku pulang dan menunggu panggilannya. Masa berlalu, telefonku tetap tidak muncul nombor panggilannya. Beberapa buah sekolah lain telah aku laksanakan pemerhatian dan ujian tetapi masih tiada panggilan daripadanya. Aku terpaksa menelefonnya. “Oh, *sorry*, saya dah lepaslah tajuk tu”. Itulah jawapannya! Betapa geramnya hatiku. Aku terpaksa mencari sekolah lain untuk menggantikan responden sekolah tersebut. Masalah yang sama turut wujud di sekolah yang satu lagi, guru yang berjanji melibatkan diri dalam kajianku akhirnya tidak menjawab panggilan. Dalam keadaan kelim kabut aku terpaksa mencari gantinya dalam masa yang suntuk.

Aku masih bertuah. Ada pengetua dan guru yang bermurah hati memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya. Akan tetapi pelajar pula memberikan masalah. Selepas rakaman video dan audio sesi perbincangan kumpulan, hatiku begitu bersemangat ingin menganalisisnya. Oh! Hampir aku pengsan! Bagaimana aku nak analisis rakaman muka ‘badut’ pelajar di depan kamera; video kosong kerana pelajar telah menghalakan kamera rakaman ke arah lantai dan ada pula yang menutup kamera apabila aku tidak perhatikan mereka. Banyak data yang terpaksa aku tinggalkan!

Aku tidak bersendirian. Bermula dari saat mencari fokus kajian, mengumpul data, menganalisis sehinggalah menulis laporan, melukis model, *proof read* teliti dengan semakan ayat, tatabahasa sehinggalah format penulisan; saat-saat kekaburan selepas viva, sokongan moral tak terhingga yang diberikan oleh rakan-rakan kariblah yang memberikan aku semangat untuk meneruskan perjalanan. Aku memang bertuah mempunyai rakan-rakan yang sentiasa berada di sisiku. Akhirnya, berjaya aku menghantar tesisku!

Proses menulis kertas kerja ke jurnal berimpak tinggi dan *Scopus* memang mencabar. Jurnal pertama *Journal of Science Education and Technology* yang pertama aku hantar terus ditolak sebelum sampai ke tangan editor kerana dikatakan kertas kerjaku tidak memenuhi skop atau fokus jurnal mereka. Kecewanya hatiku! Aku mula membaca dengan teliti skop dan kehendak jurnal-jurnal dan mencari jurnal yang bersesuaian dengan kajianku. Aku meminta bantuan anak saudara yang mahir dalam penulisan bagi membaiki kertas kerjaku. Rupa-rupanya banyak yang perlu dibaiki walaupun aku telah membayar upah tinggi meminta *proof read* semakan bahasa. Selepas berkali-kali semakan dan pembetulan, aku cuba menghantar ke jurnal *International Journal of Science Education*. Proses menunggu memang menyeksakan! Hari demi hari aku menunggu e-melnya. Selepas hampir tiga bulan, baru aku menerima e-mel daripada editor berserta laporan *reviewer*. Aku terus berbincang dengan penyelia dan anak saudaraku. Proses memberi respons dan membaiki kertas kerja berdasarkan laporan dua orang *reviewer* amat sukar dan mencabar sekali. Rupa-rupanya setiap ayat komennya perlu dijawab dan dibetulkan. Selepas mencari, membetulkan; mencari dan membetulkan, aku e-mel kembali respons dan pembetulan kepada editor. Selepas itu, menunggu dan menunggu lagi! Entah berapa bulan berlalu, datanglah e-mel yang dinanti-nantikan. Kali ini, selain daripada dua laporan *reviewer*, bertambah lagi dengan komen editor. Proses memberi respons dan membetulkan kertas kerja diulangi. Nampaknya *reviewer* kali pertama dan kali kedua bukanlah orang yang sama. Banyak yang telah dijawab dalam respons pertama masih wujud lagi komen yang berbeza. Walau bagaimanapun, syukurilah semua komen dapat dijawab dan akhirnya kertas kerja diterima. Gembiraku tidak dapat digambarkan dengan kata-kata apabila menerima e-mel penerimaan tersebut. Usaha aku akhirnya mendapat hasil walaupun prosesnya mengambil masa hampir setahun!

Perjalanan Ph.D aku memang banyak cabaran dan halangan. Namum, aku menganggapnya sebagai peluang. Peluang untuk belajar; belajar menguruskan diri, keluarga, responden, instrumen dan data; belajar berurusan dengan orang lain, terutamanya pihak sekolah, pelajar dan guru yang menjadi responden, pemeriksa, kerani-kerani yang menguruskan pelajaran dan banyak lagi. Aku memang bersyukur! Bersyukur dikelilingi orang yang banyak memberikan bantuan, bimbingan dan sokongan. Perjalananku tidak akan dapat berjaya tanpa mereka semua. Ijazah yang aku peroleh bukanlah milik aku seorang tetapi hasil usaha semua yang berada di sisiku sepanjang perjalanan ini.

Heng Lee Ling, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor



Alhamdulillah! Permohonanku untuk cuti belajar akhirnya diterima. Ini merupakan permohonan kali yang ketiga sebenarnya. Itupun setelah melalui proses rayuan sebab kali ketiga juga aku gagal setelah berjuang bermati-matian di medan temu duga. Sempat aku bergurau dengan rakanku, aku buat Ph.D sebab teringin nak menjadi panel penemu duga tawaran cuti belajar. Sebab tiga kali temu duga pun masih gagal. Dengan izin Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, rayuanku diterima. Sudah tertulis rezeki aku agaknya. Maka bermulalah kehidupanku sebagai pelajar Ph.D secara sepenuh masa mulai 3 September 2012. Aku bertekad untuk membuktikan bahawa aku memang layak untuk diberi cuti belajar biarpun tanpa biasiswa. Ph.D! *Mung* tunggu aku datang! Jerit batinku waktu itu. Semangat tu *der!*

Aku memilih Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai destinasi pengajian Ph.D dalam bidang Pendidikan Matematik. Sebenarnya, UTM tidak asing bagiku sebab di sinilah aku memperoleh Diploma Pendidikan dan Sarjana Pendidikan. Cuma ijazah pertamaku adalah dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia. Lagipun, rumahku hanya 33 km dari kampus UTM. Mudah sikit untuk aku berulang alik. Tidak seperti beberapa orang rakanku yang tinggal jauh dari kampus. Ada yang dari Sarawak, Perlis dan Pulau Pinang. Mmm... Jauh tu *der!* Memang aku sepatutnya bersyukur! Alhamdulillah! Lokasi pengajian tidak menjadi masalah bagiku.

Sepanjang pengajian, aku dibimbing oleh penyelia yang sangat hebat dan baik hati! Beliau ialah Profesor Madya Dr. Zaleha Ismail. Beliau sangat membantu dalam menyempurnakan kajian Ph.Dku. Sikap terbukanya yang memberi peluang kepadaku untuk mengkaji bidang yang aku minati menyebabkan aku selesa bekerja dengannya. Entah kenapa aku tidak berasa stres apabila ada temu janji dengannya. Tapi kena bersedialah dengan bahan yang ada kaitan dengan kajian kita, bukan menghadap dengan tangan kosong ya *der*. Hakikatnya, bukan semua pelajar Ph.D berpeluang mendapat penyelia yang prihatin seperti beliau. Acap kali aku dengar cerita negatif berkaitan penyelia yang kurang membimbing dan sentiasa sibuk. Tapi pada pandangan aku, kita sendiri kena bijak menjalin hubungan yang baik dengan penyelia. Apa yang penting, hormati pendapat beliau dan laksanakan apa yang diminta sebab penyelia pastinya lebih arif tentang apa yang terbaik untuk kita. Berbeza pendapat itu biasalah *der* tapi perlu justifikasi yang jelas. Barulah pendapat kita dihormati. Betul tak? Tahu takpe...

Alhamdulillah! Banyak ilmu aku peroleh sepanjang pengajian Ph.D ini. Sesungguhnya ilmu Allah itu sangat luas. Kata penyeliaku, proses sepanjang pengajian itu lebih utama berbanding keputusan atau anugerah Ph.D yang diperolehi. Proses inilah yang mampu memantapkan diri seseorang penyelidik. Aku mengakui sebab banyak yang aku pelajari sepanjang proses pengajian Ph.D ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Memang banyak *der*. Tak percaya? Cuba tanya orang yang dah berjaya. Jawapannya pasti sama. Penyelia aku kata, kajian aku yang pertama membangunkan model menggunakan pendekatan Pemodelan Persamaan Struktur (*Structural Equation Modelling*) [SEM] dalam bidang Pendidikan Matematik di Fakulti Pendidikan UTM. Jadi, selain pembacaan, banyak juga tempat aku menuntut ilmu tentang SEM dengan pakar-pakar yang hebat. Antaranya Dr. Awang Idris dari Universiti Malaya (UM) dan Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Ab. Hamid dari Universiti

Malaysia Pahang (UMP). Dengan rakan Ph.D Nigeria, Oke Jonathan (kini dah Dr.) pun aku tidak malu berguru. Kini, aku berupaya mengongsi ilmu yang aku tahu dengan beberapa orang rakan yang menggunakan pendekatan SEM dalam kajian mereka. Baharulah ilmu tu bermanfaat *der!*

Aku juga dikelilingi oleh sahabat handai yang sangat hebat. Alhamdulillah! Kini mereka juga telah berjaya menggenggam ijazah Ph.D sama sepertiku. Terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Ahmad, Dr. Zairi, Dr. Johar, Dr. Bahiyah (Ph.D Universiti Tun Hussein Onn [UTHM]) dan Dr. Sarala (Ph.D UTM). Semuanya kecuali Dr. Johar (GPK 1 SMK Bandar Pengelih) merupakan rakan sekerjaku di IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor. Percayalah... Jasa kalian akan aku kenang sampai bila-bila. Sejajurnya, aku bangga menjadi sebahagian daripada pasukan kalian. Entah berapa kali kita orang buat *discussion* aku pun tak ingat. Sebab kerap sangat. Kami berbincang apa sahaja yang berkaitan dengan kajian. Seorang bentang, kawan yang lain tolong komen. Komen yang membina *der*. Baharulah ada percambahan idea. Sebab idea kawan-kawan biasanya *brilliant*. Kata orang 'yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, ke gunung sama kita daki, ke lurah sama kita turuni, bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat, sebab yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang'. Namun aku bersyukur kepada Mu Ya Allah sebab menganugerahi kawan-kawan yang sangat hebat. Mereka memang terbaik!!!

Tidak dilupakan rakan-rakan sepengajian dari UTM, Dr. Shoma, Dr. Anwar, Dr. Khairul, Dr. Nazirah, Dr. Diana dan saudara Ramdhan yang sering berkongsi maklumat. Memang benarlah kata-kata mereka yang telah berjaya termasuk penyeliaku sendiri. Ph.D adalah kerja berpasukan. Saling bantu-membantu. Apa yang penting... kerjasama! Macam *Wonder Pets*lah pulak ha ha. Ilmu yang ada perlu dikongsi bersama baharulah ada keberkatan. Tak faham, tanya kawan-kawan yang tahu. Kata orang, "Malu bertanya sesat jalan, malas berkayuh perahu hanyut". Tak begitu *der?* Satu lagi, bagus kalau kita ada carta *gantt* dan jadual perancangan pengajian. Jadi, kita boleh nampak *target* kita. Macam-macam perancangan *der*. Siapkan *proposal*, hadir seminar, tulis jurnal, bina instrumen, *defend proposal*, kumpul dan analisis data, *viva voca* dan yang penting jangkaan tarikh untuk menamatkan pengajian dengan jayanya. Kata bijak pandai, "orang yang gagal merancang sebenarnya merancang untuk gagal". Mmmm... Betul juga tu.

Alhamdulillah! Aku juga dipertemukan dengan sifu-sifu dari *Excellent Research Centre* (ERC) yang hebat, Dr. Azman dan Dr. Jamil dari UTHM. Siapa yang ajak aku ke seminar ERC? Siapa lagi, kawan-kawanlah *der*. Sebab tu aku kata berkawan dalam Ph.D ni penting *der*. Terus terang aku katakan, seminar di ERC telah membuka minda aku dan rakan-rakanku tentang proses menyempurnakan Ph.D mengikut laluan yang betul. Mengikut jalan yang lurus. Senang cerita *der*, seminar yang dikendalikan oleh Dr. Azman dan Dr. Jamil (kedua-duanya lulusan Ph.D UTM) menjadikan kami lebih memahami hala tuju kajian kami. Apa yang penting, kami sentiasa fokus terhadap kajian dengan adanya *Research Content Structure* (RCS). Jadi, taklah menerawang ke sana ke mari tanpa tujuan. Dah dapat ilmu daripada sifu-sifu, baharulah *confident* nak menghadap penyelia sebab tahu apa nak buat. Bercakap tentang ilmu ni *der*, kita kena rajin menuntut ilmu. Jika ada peluang menghadiri bengkel, seminar, kolokium dan sebagainya, sebaik-baiknya jangan ditolak. Lebih *afdal* kalau-kalau kita jadi pembentang. Memanglah kena keluar belanja lebih sikit tapi hasilnya sangat berbaloi. Ibarat nak pergi berperang, kenalah siap siaga segala senjata daripada yang asas hinggalah yang canggih. Contoh paling *simple*, kalau nak nyatakan pembolehubah bersandar dan tak bersandar dalam kajian kita pun masih pening, alamat berat yang amat sangat tu *der!* Itu baharu yang paling asas. Belum lagi ditanya yang lain-lain. Segala macam istilah dalam *research* kita kena tahu. Jadi, kena mengaji banyak ya *der*... Mmm... bagi nasihat nampak!

Alhamdulillah! *Part* ni yang aku paling bersyukur. Aku bersyukur memiliki keluarga yang sangat memahami khususnya isteri dan anak-anakku. Aku sedar yang aku ni selalu sibuk dengan pengajianku. Namun, aku bersyukur! Mereka tidak merungut apabila kurang diberi perhatian dan sering ditinggalkan dek tanggungjawab aku yang perlu fokus dengan pengajian. Juga bondaku yang tak putus-putus mendoakan kejayaanku. Namun, dua bulan sebelum majlis konvokesyenku, bondaku telah pergi menemui Ilahi setelah enam tahun pemergian ayahandaku. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh bonda dan ayahandaku. Sesungguhnya aku amat menghargai pengorbanan keluargaku. Terima kasih atas doa kalian. Tidak lupa juga kepada seluruh warga IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor yang banyak memberi semangat dan motivasi serta mendoakan kejayaanku. Bukan apa der, aku *target* nak *Graduate On Time* (GOT). Paling tidak pun apabila mula bertugas kembali, aku dah selesai viva (*viva-voce*). Ini antara doaku setiap kali lepas solat. Ya Allah! Perudahkanlah urusan Ph.Dku. Sebab, selain kita berusaha, doa adalah senjata yang paling ampuh. Sesungguhnya Allah tidak akan menghampakan doa hamba-hambanya yang rajin berusaha Insya-Allah. Alhamdulillah, syukur kepada-Mu Ya Allah. Akhirnya aku berjaya melepasi sesi viva pada 29 Februari 2016 (senang ingat tarikh ni sebab jumpa 4 tahun sekali) dengan sedikit pembetulan sebelum tamat cuti belajar dan secara rasminya aku dianugerahkan Doktor Falsafah (Pendidikan Matematik) berkuatkuasa pada 6 April 2016. Syukur Alhamdulillah!

Buat rakan-rakan yang sedang belajar dan akan belajar, Ph.D tidaklah sesukar yang digambarkan. Kalau orang lain boleh berjaya, mengapa kita tidak? Kisah aku ni bolehlah sikit-sikit dijadikan motivasi. *Think positive der!* Oklah aku simpulkan *kat* sini walaupun kau orang dah baca tadi. Apa yang aku cuba sampaikan, untuk berjaya dalam Ph.D ni... kita kena usaha lebih sikit, bukan setakat *work hard* tapi perlu juga *work smart*, ikut jalan yang betul berdasarkan RCS yang aku nyatakan tadi. Hubungan dengan penyelia mesti baik, kerja hendaklah secara berpasukan, bukannya individu dan ikut jadual perancangan pengajian. Seterusnya, sentiasa rebut peluang untuk menambah pengetahuan melalui seminar, bengkel, kolokium dan sebagainya. Akhir sekali, istiqamah dalam pengajian di samping doa kita dan keluarga kita. Insya-Allah, ada sinar di hadapan. *Orite der!* Terima kasih sudi baca pengalaman kecil aku buat Ph.D ni. Jumpa anda semua di puncak kejayaan!

Azhari bin Mariani, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Rasa gembira bercampur duka dikala membaca e-mel daripada pihak Pusat Pengajian Siswazah, UTHM memaklumkan bahawa 1 November 2015 adalah tarikh *viva voce* yang wajib aku hadiri. Sedangkan aku masih belum sembuh sepenuhnya daripada pembedahan akibat keracunan darah seminggu sebelumnya di Hospital KPJ, Pasir Gudang. Pembedahan sepanjang 14 cm di bahagian punggung menyebabkan kesukaran untuk aku berjalan dan berdiri untuk berdepan dengan *internal* dan *external examiner* yang akan menilai tesis Ph.D yang telah siap sejak pertengahan tahun menunggu untuk dibentangkan. Menurut doktor yang merawatku, kesan sampingan ubat bius dan *epidural* akan menyebabkan daya ingatanku terjejas sehingga tiga puluh peratus dan akan mengambil masa sehingga 6 hingga 7 bulan untuk sembuh sepenuhnya.

Dalam bingung memikirkan untuk menanggungkannya kerana masih berada di wad, tiba-tiba pihak Pusat Pendidikan Siswazah, UTHM menghubungi untuk memberitahu penilaian lisan vivaku ditangguh kepada 14 November kerana pihak *external examiner* Prof. Madya Dr. Ahmad Mohamad Sharif dari UPSI mohon agar ditunda ke tarikh lain atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Perasaan lega kerana Tuhan mendengar rintihanku tapi yang paling aku teruja adalah tarikh keramat tersebut jatuh pada hari ulang tahunku yang ke-44. Sekurang-kurangnya bekas jahitan pembedahan aku akan pulih dalam tempoh dua minggu dan sentiasa mengingati tarikh *viva voce* yang sama dengan hari kelahiranku setiap tahun nanti.

Hari yang dinanti-nanti telah tiba, seperti lagak pahlawan yang ingin pergi berperang aku melangkah gagah. Kata-kata Suekarno mantan Presiden Indonesia, “*Sukses bukanlah milik mereka yang pintar dan cerdas. Sukses adalah milik mereka yang memiliki mimpi dan berjuang bermati-matian untuk menggapai mimpi itu*” menjadi azimatku, walaupun berbagi rasa, kerisauan, gusar dan pelbagai perasaan yang berkecamuk di dalam hati, namun atas sokongan penyelia utama yang aku kagumi, Prof. Dr. Noraini Kaprawi dan Dr. Azman Hasan selaku penyelia bersama menjadikan aku tabah. Bekalan ilmu yang diberi dan nasihat yang tidak berbelah bagi sejak aku mula bergelar pelajar di UTHM menjadikan aku lebih kuat, di samping sokongan keluarga dan rakan-rakan baikku. Jam menunjukkan tepat pukul 8:30 pagi, kelihatan Pn. Susila, pegawai di Pejabat Pusat Siswazah sedang menguruskan tempat Pembentangan Umum agar lebih selesa dengan menghidupkan penghawa dingin. Bilik ini akan dihadiri pelajar *post graduate*, pensyarah-pensyarah selain pengerusi viva serta *internal* dan *external examiner*, membuatkan jiwa aku menjadi lebih gementar dalam keterujaan.

Dengan lafaz Bismillah.. Prof. Madya Dr. Mohamad Hisyam bin Mohd. Hashim, selaku pengerusi memulakan pembuka bicara dan mengalu-alukan kehadiran *audience* yang memenuhi setiap ruang di studio viva, UTHM yang dihadiri sekitar 30 hingga 40 orang tapi aku merasakan seperti 3 hingga 4 ribu orang yang memerhatikan gerak-geriku dalam pembentangan terbuka berbantuan *slaid power point* yang bertajuk “*Model Kelestarian Program TVET Berasaskan Kompetensi Pensyarah dan Amalan Lestari Kolej Vokasional*”. Dari konteks mata dan anggukan *audience* terutama *internal examiner*, Prof. Dr. Wan Mohd. Rashid Wan Ahmad membuatkan aku lebih yakin dan bersemangat untuk menjawab beberapa soalan daripada pelajar dan pensyarah berkaitan dengan *content* dan *methodology* sehingga berlarutan selama sejam tanpa aku sedari.

Masuk ke Fasa ke-2, kali ini adalah penilaian bersemuka antara aku, pengerusi serta *internal* dan *external examiner* yang akan menilai tesis Ph.D secara lebih terperinci. Penilaian kali ini lebih *detail*, yang mana setiap inci akan dinilai. Bak kata *supervisor*ku, “*Apa yang kamu tulis akan dinilai word by word, page by page dan chapter by chapter*”. Terngiang-ngiang di telinga memang terbukti betul. Teringat kata-kata Thomas Alva Edison pencipta mentol lampu elektrik yang pertama. “*Jadikanlah suatu keyakinan bahawa apa yang anda cita-citakan pasti tercapai dan apa yang anda usahakan pasti berhasil*”, menjadi pedoman walaupun pada kali ini peluh jantanku mula keluar membasahi dahi. Setiap soalan aku jawab dengan penuh hikmah dan setiap cadangan yang diberikan kuterima dengan fikiran penuh terbuka. Semuanya itu kuanggap sebagai ujian yang perlu ditempuhi. Tempoh dua jam telah tamat di bilik viva yang penuh misteri dan dramatik dan aku diminta keluar oleh pengerusi untuk memberi peluang *panel viva* berbincang dan membuat keputusan bagi meluluskan atau menggagalkanku. Aku teringat kata-kata pujangga yang menyatakan bahawa, “*Kehidupan ini dipenuhi dengan seribu macam kemanisan tetapi untuk mencapainya perlu seribu macam pengorbanan*”. Kata pujangga ini ada betulnya, kita perlu banyak berkorban masa, tenaga, wang ringgit dan apa jua perkara jika ingin mencapai sesuatu matlamat, itulah pengorbanan yang hakiki.

Sementara menunggu keputusan viva, kepalaku menerawang saat-saat sebelum bergelar calon Ph.D yang akan bergelar Doktor Falsafah. Sebagai bekas pelajar Sekolah Menengah Vokasional aliran bidang Kejuruteraan Pertanian, tidak terlintas di benak otakku untuk pergi lebih jauh ke tahap ini. Setakat menjadi guru atau pegawai pertanian selepas mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda Sains Pertanian di UPM telah memadai bagiku. Tidak kusangka semasa mengikuti pengajian di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru pada tahun 1990 hingga 1992 bermulanya cita-citaku untuk menjadi seorang pensyarah yang berkelulusan lebih tinggi daripada yang dirancang sewaktu ketika dulu. Kata Seniman Agong P.Ramlee, “*Biarpun jalan itu panjang, kita akan merintisnya perlahan-lahan*”. Ada kebenarannya. Selepas lulus dalam Ijazah Sarjana di UTM pada tahun 2005, aku ditawarkan sebagai pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru mulai Jun 2007. Sebelumnya, aku telah berkhidmat sebagai pendidik di lima buah sekolah menengah di negeri Johor sejak Disember 1992. Antara sekolah yang pernah aku berkhidmat adalah SMK Benut, SMK Johor Jaya, SMK Seri Rahmat, SMK Pasir Gudang 2 dan SMK Taman Rinting 2. Di setiap sekolah yang aku berkhidmat, kenangan pahit dan manis yang aku lalui telah banyak mendewasakan aku.

Pepatah Melayu ada mengatakan, “*Bagai Sirih Pulang Ke Gagang*” sangat tepat kerana bermula episod sebagai pensyarah di IPG yang pernah membentuk jati diriku. Di gedung ilmu inilah, bermulanya aku dilatih sebagai seorang pendidik satu waktu dahulu. Sejajurnya aku kagum dengan kesungguhan pensyarah-pensyarah yang berkaliber dalam mendidik bakal-bakal guru khususnya bekas pensyarahku. Antaranya seperti Tn. Hj. Mohd. Said Hasran, Pn. Rubiah Ahmad, En. Latif Awi dan Tn. Hj. Sasman Yaser yang ikhlas dan berhati mulia. Pesanan mereka untuk aku belajar dan terus belajar menjadi pemangkin untukku mengorak langkah menggapai cita-citaku. Kata hikmah daripada King Samuel Benson menjadi pedoman untuk tidak menoleh ke belakang jika aku ingin mencapai matlamat dalam kehidupanku yang berbunyi, “*Life will always have a different plan for you. If you don't give up, you will eventually get to your destination. But towards the end of your life, you may look back and realize that it was never really about the destination; it was the journey that counted.*”

Bermulanya tanggal 9 September 2011 aku dihadiahkan cuti belajar berbiasiswa penuh atau Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama sahabat dari IPG yang sama, iaitu Zairi Husain, Suhaimi Muhamad dan Yusof Dagang yang juga bersama-sama

mendaftar di UTHM, Batu Pahat, Johor dalam bidang yang berbeza. Pada semester pertama dan kedua kami wajib menghadiri kuliah berkaitan dengan beberapa subjek seperti Statistik, Kaedah Penyelidikan, Pembangunan Penyelidikan dan subjek seminar di samping kami menyiapkan *proposal*. Subjek tersebut semuanya wajib lulus peperiksaan di peringkat universiti. Jika aku gagal bermakna aku kena mengulang sehingga lulus. Alhamdulillah, berkat usaha, doa keluarga dan bantuan rakan-rakan akhirnya aku lulus dengan jayanya kesemua subjek itu. Masuk semester ketiga, *supervisor*ku menyarankan agar aku mendaftar untuk dinilai dalam *defend proposal*. Di sinilah bermulanya aku betul-betul memahami penulisan *Research Content Structure* selepas berguru dengan beberapa orang yang hebat di ERC dari beberapa buah universiti. “*Kajian Ph.D yang hebat datang dari idea yang hebat*”, kata Prof. Madya Dr. Yahya Buntat dari UTM dalam salah satu bengkel yang aku hadiri. Malah *supervisor*ku acap kali menekankan dalam perbincangan bersamanya berkata, “*Ph.D adalah penerokaan ilmu yang menyumbang kepada kemajuan pengetahuan bagi menuju masa depan, perlu ada novelty dan outcome*”. Kata-katanya sangat terkesan untuk aku memerah idea bagi menghasilkan penulisan tesis yang terbaik seperti yang disarankan beliau.

Tunjuk ajar sifu-sifu dan bahan-bahan artikel, jurnal dan tesis yang berkaitan dengan bidang yang dikaji sangat-sangat membantu untuk mengetahui, “*What else need to be done*” yang aku pinjam daripada kata-kata Dr. OT sebagai *novelty* yang signifikan dalam kajian aku. Sepanjang masa berada di sini aku telah mengenali ramai *student post graduate* antaranya Sarala, Suhaila, Johar, Nur Bahiyah, Fatimah, Ali Jemali dan Azhari yang banyak membantu aku dalam menyumbangkan idea-idea yang sangat berguna. Akhirnya, aku lulus *defend proposal* dengan jayanya pada semester yang keempat. Sejurus selepas aku lulus, tanpa berlengah aku mula mengatur langkah menjalankan kajian sebenar dengan mengedar instrumen soal selidik ke Kolej Vokasional (KV) seluruh Malaysia mengikut zon dari utara (KV Balik Pulau), pantai timur (KV Temerloh), tengah (KV Shah Alam), selatan (KV Kluang) hinggalah ke Sabah (KV Tawau) dan Sarawak (KV Kucing). Pengalaman di Tawau sangat mencabar kerana pada waktu itu daerah tersebut berlaku perintah berkurung (ESSZone) akibat isu pencerobohan tentera Sulu sehingga mengakibatkan beberapa anggota ATM dan PDRM terkorban dalam serangan tersebut. Bagi memastikan kawasan perairan itu tidak diceroboh oleh pengganas yang boleh mengancam keselamatan pengunjung dan rakyat tempatan banyak laluan dikawal tentera dan polis. Mujur aku ditemani rakan belajar, Zairi Husain yang membantu dalam proses mengumpul data. Di semua zon yang aku kunjungi di seluruh Malaysia juga mengajar aku tentang erti kesabaran dengan telatah dan karenah manusia. Benarlah kata Pak Hamka, “*Pergaulan mempengaruhi didikan otak. Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan orang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita mengambil manfaatnya*”. Berkat kesabaran, akhirnya aku berjaya menganalisis data kajian sebenar mengikut tempoh masa yang telah dirancang.

Selesai aku menyiapkan keseluruhan *chapter* dalam tesis dan membenteng beberapa kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penerbitan jurnal *high impact* seperti yang disyaratkan oleh pihak universiti, kini tibalah masanya untuk aku mendaftar bagi diuji dalam ujian *viva voce*. Ini bermakna aku sudah di penghujung cuti HLP yang tinggal berbaki enam bulan sahaja. Kelihatan para *supervisor*ku, Profesor Dr. Noraini Kaprawi dan Dr. Azman Hasan bertungkus-lumus untuk membuat temu janji *mock viva* dengan beberapa pakar akademik bagi persediaan *viva* sebenarku. Banyak idea dan sumbangan yang aku dapat daripada penilai-penilai *mock viva* seperti Prof. Dr. Wahid Razally, Prof. Dr. Jailani dan Prof. Madya Dr. Asri Selamat. Sesungguhnya mereka dalam kalangan ahli akademik yang hebat membantu mematangkan aku untuk berani berhujah bak kata-kata Omar Bradley Jeneral Tentera USA semasa Perang Dunia Pertama iaitu, “*Keberanian adalah keupayaan yang memungkinkan seseorang bertindak dengan baik dan mantap, walaupun ia dalam keadaan setengah mati*”.

Sementara menunggu giliran untuk *viva voce*, aku telah kembali semula bertugas di IPG Kampus Temenggong Ibrahim setelah tiga tahun enam bulan tempoh belajarku tamat. Berada di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi memberi peluang untuk aku mempraktikkan sedikit ilmu yang ada bagi dikongsikan dengan rakan-rakan yang sedang belajar atas dorongan Dr. Wan Noor Siah, Ketua Jabatanku. Ada pepatah yang pernah aku baca, “*Jika kita suka menolong orang lain, maka pada hakikatnya kita menolong diri kita sendiri. Semakin banyak orang yang kita tolong, maka akan semakin sering pula kita ditolong oleh Allah SWT dengan caraNya yang tidak terduga*”. Walau sesibuk mana pun dengan kerja dan tugas sudah pasti aku akan meluangkan masa untuk membantu rakan-rakan yang memerlukan khidmatku. Tiba-tiba aku terdengar suara memanggil namaku berulang kali.. “*Encik Ahmad Zainal... sila masuk semula ke bilik viva*”. Rupa-rupanya sudah lama aku mengelamun di luar sementara *panel viva* berbincang tentang keputusan yang sangat aku nanti-nantikan.

Wajah setiap *panel viva voce* kelihatan sangat serius. Aku mulai gusar dan timbul kerisauan di hati kecilku. Aku reda dengan apa jua keputusan, hanya berserah kepada Allah SWT. Aku telah berusaha bersungguh-sungguh sejak dari mula mendaftar sebagai calon Ph.D dan pasrah dengan ketentuannya. “*Encik Ahmad Zainal, kami sebulat suara mengumumkan anda LULUS dengan sedikit pembetulan seperti yang tercatat dalam Borang Penilaian Viva Lisan dan kami mengucapkan tahniah kepada anda*”, kata pengerusi viva dengan senyuman yang sangat manis kulihat ketika itu. Syukur alhamdulillah, ayat yang mula-mula keluar dari mulutku ketika itu. Rakan-rakan baikku Salbihana, Azhari, Nur Bahiyah dan Johar yang setia menunggu di bilik sebelah tidak putus-putus mengucapkan tahniah dan terasa seperti selibriti apabila diajak bergambar bersama-sama dengan *supervisor* dan *panel viva voce*. Ibuku adalah orang pertama aku hubungi dengan membuat panggilan telefon untuk aku maklumkan khabar gembira ini diikuti isteriku sejeurus aku lulus *viva voce*.

Akhirnya, selepas selesai pembetulan dan menghantar empat *hardcopy* tesis yang berjilid, pada awal bulan Januari 2016. Pusat Pengajian Siswazah telah menyerahkan surat Senat bagi penganugerahan Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional). Kepada ibu bapaku, isteriku, anak-anaku dan sahabat-sahabatku, inilah sumbangan kecil daripadaku untuk menjadi pemangkin kepada anda semua dalam menghadapi apa jua rintangan. Terima kasih kepada keluarga tercinta kerana mengerti dan menyokong sepanjang aku menyelesaikan tesis. Maaf kerana ayahmu ini terpaksa mengambil masa kalian untuk menumpukan sepenuh perhatian dalam menyelesaikan pengajian. Sesungguhnya, tiada manusia yang berjaya dalam semua perkara yang dilakukannya tanpa rintangan dan cabaran. Hadapilah cabaran dan rintangan dengan sabar dan yakinlah, setiap usaha yang bersungguh-sungguh akan mendapat ganjaran dan kejayaan dengan izin Allah SWT. Ketahuilah, tiada yang mustahil dalam dunia ini jika kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menggapai cita-cita yang diidamkan. Walaupun pada mulanya kita hanya ‘zero’ dari segi pengetahuan dan pengalaman yang serba-serbi kekurangan, akhirnya akan bergelar ‘hero’ apabila kita berusaha sehingga matlamat tercapai dengan jayanya. Apa yang penting, kita tidak menjadi lemah semasa kegagalan itu terjadi dan kekalkan usaha serta berdoa hingga ke akhir hayat.

Ahmad bin Zainal, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Selepas tujuh tahun aku bertugas sebagai seorang guru di Sarawak, aku begitu gembira sekali kerana dapat kembali bertugas di SM Bukit Jenun, Pendang, Kedah. Selama beberapa tahun di negeri Kedah aku ingin mengembara lagi ke negeri orang lalu aku memohon bertukar ke Sabah. Aku bertugas di SMK Likas. Pada penghujung tahun 1992 aku kembali semula bertugas di Sungai Petani, Kedah. Aku tinggal di rumah yang aku beli sendiri hasil daripada simpanan wang semasa di rantau orang. Aku dianugerahi Allah seorang lagi cahaya mata selepas kembali ke Kedah. Sebagai guru biasa aku bersyukur kerana selama sebelas tahun di negeri Sarawak dan Sabah aku dapat memiliki rumah dan kereta sendiri selain anak-anak dan isteri tercinta.

Semasa di SMK Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah ramai rakan yang sama-sama mengajar subjek Kemahiran Hidup memohon untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda. Aku mencuba untuk memohon tetapi syaratnya perlu ada kursus satu tahun. Aku hampir kecewa tetapi ada dalam kalangan rakan yang menyarankan aku memohon kursus satu tahun di USM. Selain berjaya mengikuti Kursus Teknologi Pendidikan (Komputer) aku juga dikurniakan seorang lagi cahaya mata. Tempoh satu tahun berada di USM merupakan saat yang paling seronok dan teruja kerana dapat memasuki universiti. Bukannya mudah walaupun ia hanyalah mengambil masa satu tahun kerana aku perlu menghadiri temu duga untuk biasiswa. Selepas tamat berkursus di USM aku memohon pula mengikuti Kursus Diploma Perguruan Khas selama setahun di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Seberang Perai, Pulau Pinang. Sebagai seorang guru lulusan SPM, ini merupakan peluang keemasan untuk aku berjaya dalam kerjaya. Mana tidaknya, jika mengharapkan untuk melangkah kaki ke menara gading dengan kelulusan SPM adalah suatu hal yang mustahil. Terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar kami semasa mengikuti Kursus Diploma Perguruan Khas di maktab perguruan. Terima kasih Cikgu!

Aku kembali ke sekolah dengan kelulusan Diploma Perguruan dan mendapat imbuhan yang lebih baik. Ramai rakan dinaikkan pangkat selepas mendapat Diploma Perguruan Khas. Terdapat rakan dalam kumpulan kami yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup menyambung pengajian ke UPM dan UTM. Aku tidak melepaskan peluang untuk menyambung pengajian ke menara gading. Semua rakan sekuliah semasa di Maktab Perguruan Tuanku Bainun berjaya mendapat tempat di universiti. Aku yang mendapat keputusan kurang baik akhirnya terpilih juga ke UTM walaupun dengan biaya separuh gaji. Aku meninggalkan isteriku berbekalkan wang gajiku yang separuh dan sebuah motorsikal yang aku gunakan setiap hari ke sekolah. Cita-citaku selepas bergraduan nanti hanyalah untuk berkebum dan membuka peniagaan sendiri secara sambilan.

Kehidupan bertambah baik kerana selepas mendapat Ijazah Sarjana Muda, aku ditempatkan di SMK Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah. Aku mengajar subjek Kemahiran Hidup. Selain mengajar, aku juga ditugaskan sebagai Penolong Setiausaha Sukan dan penyenggara komputer. Aku pulang agak lewat, walaupun sesi pagi persekolahan berakhir pukul 1.30 petang. Selepas memperoleh ijazah Sarjana Muda, sesuatu yang pelik berlaku kepada diriku. Aku tidak dapat tidur awal. Dalam puisi Inggeris Geoffrey Chaucer menyatakan, "*Time and Tide Wait for No Men*". Isteriku selalunya tidur awal. Aku tidak dapat melelapkan mata. Tabiat suka membaca dan belajar tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan seharian. Setiap hari adalah hari yang sibuk.

Oleh sebab tidak dapat melelap mata pada waktu malam, aku mengambil Kursus Penyelenggaraan Komputer di Kolej Cosmopoint. Aku belajar di situ selama 6 bulan pada sebelah malam. Ketika di sekolah aku kadangkala geram, panas hati dan sesekali putus harapan terutama apabila mengajar pelajar yang berkognitif rendah. Golongan pelajar ini mempunyai permasalahan terutama apabila ingin menyiapkan dokumentasi projek Reka Cipta. Mereka perlu melakar, melukis Unjuran Ortografi dan Isometri walaupun dari aspek kerja tangan mereka mengalahkan rakan-rakan yang berkognitif tinggi. Berlaku percambahan minda dalam kalangan kami guru-guru, terutama sekali guru-guru yang mengajar subjek amali dalam kelas peperiksaan PMR. Antaranya ialah amali Kemahiran Hidup, Geografi, Sejarah, Pendidikan Islam dan Sains Paduan. Aku teringat Gardner menyatakan tentang Teori Kecerdasan Pelbagai bahawa, “Kita semua dapat mengetahui dunia melalui bahasa, analisis logik-matematik, visual ruang (*visual-spatial*), pemikiran muzik, penggunaan badan untuk menyelesaikan masalah (*bodily-kinesthetic*) atau untuk membuat perkara lain serta memahami tentang individu lain (*interpersonal*, dan memahami konsep sendiri (*intrapersonal*). Setiap individu adalah berbeza dalam profil kekuatan kecerdasan dan dalam cara di mana kecerdasan tersebut digabungkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berbeza, menyelesaikan pelbagai masalah dengan lebih maju dalam pelbagai domain”. Aku mengandaikan dalam kehidupan manusia secara fitrahnya adalah makhluk yang bermusafir melalui lima ruang dimensi yang berbeza. Diri aku sendiri tergolong dalam domain *visual-spatial* dan begitu juga anak-anak muridku. Aku tidak dapat mengawal emosi setiap kali apabila berhadapan dengan mereka.

Tahun 2001 hingga 2003 adalah waktu yang sibuk dan mencabar. Di sekolah aku ditugaskan untuk membina arca dan landskap untuk Panitia Kemahiran Hidup. SMK Sungai Pasir akan menyertai pertandingan Sekolah Lima Bintang. Rakan sekolahku mengajakku bersama-sama menyambung belajar ke peringkat Ijazah Sarjana, aku cuba menolong rakanku memperoleh borang kemasukan ke USM. Untuk menyambung belajar ke peringkat Ijazah Sarjana, aku bukan saja perlu mengisi borang permohonan tetapi memerlukan sokongan penyeliaku semasa belajar di UTM dulu. Aku melengkapkan borang permohonan, memohon cuti dan membuat temu janji dengan Dr. Rio Sumarni dan Dr. Muhammad Sukri Saud. Ketika bertemu dengan penyelia Sarjana Muda aku Dr. Rio Sumarni di UTM, beliau berasa gembira serta mengucapkan tahniah atas niat aku ingin belajar. Dorongan dan motivasi beliau kepadaku dulu supaya sentiasa belajar, dimakbulkan Allah. Janji rakanku Yusri untuk menyambung belajar Sarjana bersamaku tidak kesampaian. Aku meneruskan sahaja niatku dengan mengirimkan borang permohonan. Beberapa ketika sekitar bulan Julai tahun 2000, aku memulakan pengajian Sarjana di USM.

Aku menghadiri kuliah di sebelah petang pada setiap hari Jumaat dan Sabtu. Kelas tutorial bermula dari pukul 5 hingga 6 petang. Kuliah disambung semula mulai pukul 8 hingga 10 malam selepas berehat dan solat. Tidak ada rakan sekuliah yang aku kenali. Selama hampir sebulan saling pandang memandang antara rakan aku membina rangkaian persahabatan. Seperti kata Pendita Za’ba, “Mahkota kemanusiaan ialah rendah hati”. Lazimnya selepas kuliah seramai tiga atau empat orang rakan sekuliah akan bertemu di Restoran Subaidah berdekatan USM. Berbincang dan bertukar fikiran. Kertas Statistik tidaklah asing bagiku tetapi banyak latihan yang perlu disiapkan. Aku gagal dalam kertas Statistik tetapi lulus dalam Kertas Major (Teknologi Pendidikan) semasa semester pertama. Aku meneruskan pengajian sehingga ke semester akhir. Aku berjaya menyiapkan Tesis Sarjana aku pada bulan Julai 2003 tetapi tidak memenuhi syarat untuk pengijazahan. Aku menduduki semula kertas Statistik. Ketika itu, entah bagaimana rakan sekolahku Yusri, memberanikan diri kembali memohon untuk belajar. Beliau turut membantuku mendalami ilmu statistik. Semasa semester pendek yang berakhir pada November 2003, aku mempelajari ilmu Statistik daripada tiga orang pengajar. Selain berguru dengan rakan sekolahku, Cikgu Yusri, mengikuti kuliah Statistik daripada

Dr. Halim pada setiap hujung minggu aku juga turut menumpang kuliah Statistik bagi kumpulan lain bersama Dr. Gino Hartono. Aku berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan) pada Ogos 2004.

Selepas SMK Sungai Pasir berjaya meraih anugerah Sekolah Lima Bintang, aku turut menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2005. Terdapat beberapa orang rakan di SMK Sungai Pasir memohon untuk menjadi pensyarah di maktab perguruan. Sesekali bertemu rakan sekuliah yang bergelar pensyarah semasa belajar Sarjana di USM, mereka mengesyorkan aku untuk menyambung belajar ke peringkat Doktor Falsafah. Bolehkah aku mendapat Ph.D? Adakah aku layak? Apa perlunya aku memiliki Ph.D? Setakat guru sekolah, tak payahlah. Tetapi hati kecil masih ingin mencuba. Aku terkenangkan cogan kata SM Vokasional Alor Setar, "Mahir dan Maju".

Perjalanan hidupku sebagai seorang guru sudah begitu jauh. Penjanaan minda dalam kalangan rakan guru di sekolah tentang nikmat mata dan telinga telah mencetuskan minat aku untuk meneruskan pengajian. Suatu petang sekembalinya aku dari sekolah, aku menelaah kembali nota-nota kuliah tentang visualisasi-spatial, peranan grafik statik dan dinamik, animasi, suara, audio, video dan teks serta aplikasinya dalam mendidik pelajar-pelajar berkognitif rendah. Hampir sepetang aku menaip, terhasilah satu muka surat cadangan penyelidikan sebagai syarat permohonanku untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah. Aku merasakan penantian keputusan permohonanku untuk mengikuti pengajian tersebut menjadi satu titik tolak ke arah pembinaan minda falsafah serta memberi manfaat kepada masyarakat umum. Kata Imam Ghazali, "Menuntut ilmu adalah taqwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad". Alangkah teruja dan gembiranya aku bila aku diterima untuk mendaftar sebagai pelajar Ijazah Tinggi Doktor Falsafah.

Aku bertemu penyeliaku Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Minden, USM. Bersama kenyataan pendaftaran, cadangan penyelidikan dan beberapa lakaran karikatur hasil coretan anak bongsuku Mohd.Faiz Muzani aku bercerita dengan hujah berserta rujukan literatur. Hujah aku lebih banyak tentang kebolehan kognitif, kebolehan spatial, aspek psikomotor dan komponen multimedia. Suatu lontaran soalan yang tidak dapat kujawab hasil daripada perbincangan dengan penyeliaku ialah, "Adakah orang yang tidak dapat melakukan pembayangan minda secara visualisasi-spatial dalam kalangan pelajar berkognitif rendah juga wujud dalam kalangan masyarakat Melayu?" Aku tergamam dengan persoalan kontemporari tersebut lalu beliau menyarankan aku supaya melakukan kajian rintis. Rentetan daripada itu suatu kajian awal dilakukan di Kuala Terengganu dalam kalangan tukang-tukang bot menggunakan Ujian Kecenderungan Kebezaan tentang Hubungan Ruang (*Space Relations*) yang diterjemahkan oleh Dr. Toh (1996). Pertengahan cuti sekolah tahun 2006 aku bermusafir dan mengembara bersama isteriku Rofeah ke Dungun, Terengganu mencari tukang pembuat Bot Pinisi. Akhirnya kami diketemukan dengan Tuan Haji Abdullah Muda dan Pak Hassan di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Empat tahun aku berulang alik ke Kuala Terengganu mengutip data kajian telah menanamkan minatku terhadap pembinaan Bot Pinisi.

Awal tahun 2007, barulah aku dibenarkan memulakan penulisan. Aku tiba-tiba mendapat tawaran untuk berkhidmat sebagai Pensyarah Akademik di Maktab Perguruan Perlis. Tentu sekali keperitan dan cabaran datang dari pelbagai sudut. Rakan sekerja, keluarga, karenah anak-anak, beban tugas yang tidak menentu membuatkan aku suka menyendiri dan bersahabat dengan buku. Pernah seketika aku tidak dapat bersua dengan penyeliaku kerana beliau menghadiri persidangan. Adakala

aku berasa sunyi, keseorangan di pejabat bertemankan buku, kamus dan komputer peribadi. Pada tahun 2008 aku disarankan supaya menyiapkan penulisan dari bab satu hingga tiga. Agak kecewa sekali, setelah menyiapkan bab tiga penyeliaku terpaksa bercuti sabatikal ke New Zealand pada awal tahun 2011. Hanya Prof. Madya Dr. Balakrisnan Muniandy menyelia tesisku. Aku menggunakan masa sepanjang tahun 2011 untuk menyiapkan *softwer* perisian multimedia bersama En. Sazali. Sekitar awal tahun 2012 barulah aku layak untuk membentangkan Pra-*Proposal* kajianku. Isi kajianku adalah relevan tetapi kurang signifikan dan perlu banyak penambahbaikan. Aku digalakkan untuk menghadiri seminar dan membentang semula Pra-*Proposal* kajian. Penghujung tahun 2012, aku berjaya dalam pembentangan Pra-*Proposal* kajian dan dibenarkan untuk menulis bab empat dan lima. Setelah bersusah payah menulis tentang reka bentuk *koswer* dan pembangunan bahan serta data kajian diperoleh, diproses dan dianalisis dalam bab lima, aku dibenarkan untuk membentang *Proposal* kajianku pada September 2013. Aku berjaya.

Rumusan penulisan dalam bab enam tetap diteruskan. Menjelang April, 2014 ketika sibuk menyiapkan penulisan, aku menerima panggilan yang menyedihkan. Ibuku Hajjah Fatimah pulang ke rahmatullah pada 8 April, 2014. Sepanjang tiga hari, selepas kenduri arwah pukul 9 malam, aku terpaksa meneruskan penulisan tesisku sebagai persediaan untuk diviva yang bakal berlangsung pada bulan November 2014. Aku berjaya diviva tetapi semasa mengemas dan bergegas untuk pulang ke Perlis baru aku sedari komputer ribaku telah hilang. Perasaan hampa dan kecewa menimpa diri. Tidak ada daya lagi melainkan duduk serta merenung ke dalam diri. Isteri menenangkan diriku. Malam itu aku dan isteri tidak jadi pulang. Kami berusaha mencari dengan bantuan pekerja di PTPM, USM. Apakah daya semua usahaku kini tiada berganti lagi. Aku kemudian teringat rakan sekuliahku saudara Jihadi. Pernah suatu ketika beliau bertandang ke IPG Kampus Perlis dan memohon bantuan daripadaku. Kebetulan semua bahan penulisan berserta perisian telahku berikan kepada beliau. Aku segera dapatkan semula daripada beliau, memuat naik dan menambahbaik semula penulisan aku sejak 2012.

Penghujung tahun 2014, aku dinaikkan pangkat ke IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Perasaan marah, kecewa, hiba, murung dan susah hati kerana terpaksa bermusafir lagi. Aku meninggalkan isteri di Kangar dan Sungai Petani, anak-anak yang meningkat remaja, kakak yang sedang sakit serta urusan pekerjaan tanah sawah di Alor Setar. Sabar separuh daripada iman. Itulah sahaja yang terdaya kuucap. Berat mata memandangi, berat lagi bahu memikul. Aku bersama rakan Wan Zaini bersama kembara ke Johor Bahru. Kami tiba di Johor Bahru pukul 3 pagi. Bermalam di Hotel Ghazarin dan kemudian tidur di Bilik Muzik. Sepanjang tiga bulan aku melakukan pembetulan dan penambahbaikan ke atas tesisku sehingga berjaya diserahkan pada akhir Februari 2015. Bulan April 2015 dengan rendah hati dan tawaduk aku berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Teknologi Pengajaran dan Multimedia. Amin.

Abdullah bin Abdul Rahman, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Segala kerumitan dan cabaran yang saya hadapi sepanjang perjalanan merealisasikan impian saya seakan-akan lauk yang dipenuhi dengan pelbagai perencah rasa yang dihidangkan dalam satu majlis yang bernama 'Viva Akademik' untuk kelayakan Ph.D saya.

Kemanisannya mungkin hanya dirasai pada penghujung majlis viva tetapi anehnya saya masih merasainya setiap kali saya mengenang kembali pengalaman ini. Kemanisan ini menjadi saya seorang berbudaya fikir. Saya percaya hanya manusia yang berbudaya fikir dapat bersaing di medan antarabangsa serta dapat menjana idea ke arah pembangunan tamadun ilmu, masyarakat, budaya, bangsa dan negara.

Rasa masam merupakan sesuatu perisa yang saya kurang senangi. Ia menjadi begitu tinggi pHnya ketika saya terpaksa meninggalkan kampung halaman dan hidup keseorangan di bandar Nanjing yang hanya saya kenal melalui bacaan dan cerita-cerita. Proses penyesuaian seorang pelajar veteran sudah pasti jauh lebih sukar daripada pelajar muda. Ada ketika rasa masamnya memuncak dan melemahkan semangat dan jasad saya, khususnya pada hujung-hujung tahun di mana suasana bandar Nanjing menjadi sunyi dan sejuk membeku. Saat-saat itulah saya sering meragui keputusan saya memilih untuk melanjutkan pengajian saya di Normal University of Nanjing, China. Pemilihan saya itu hanya berdasarkan pertimbangan boleh mendapat bahan rujukan kesusasteraan Cina yang lengkap serta profesor pembimbing yang berpengalaman dan berwibawa di bandar Nanjing. Pemikiran saya ini banyak dipengaruhi sasterawan agong Cina yang membutakan mata saya terhadap kekurangan kemudahan-kemudahan bandar Nanjing pada tahun 2004. Saya sering menggunakan ayat berikut ketika memperkenalkan bandar Nanjing: "Kota bersejarah agung China yang pernah menjadi Kapitol enam dinasti China". Bandar yang bersejarah ini memang banyak mencetus ilham saya dalam penulisan karya sastera mahu pun ilmiah.

Kepahitan dalam konsep orang Cina sering dikaitkan dengan kemiskinan tetapi apabila saya memikirkan tentang kemiskinan ilmu, kekurangan kebendaan tidak pernah menjadi rintangan saya dalam mengejar impian saya.

Pengalaman makan sup pedas di daerah Sichuan, China mengecutkan deria rasa saya yang memang sudah terlalu selesa dengan rasa pedas nasi lemak dan pedas asam pedas di Malaysia. Sejak itu, bagi segala kritikan dan bidasan terhadap penulisan saya, saya sanggup terima secara positif dengan harapan saya tidak akan berpuas hati dengan keadaan-keadaan yang selesa dalam perjalanan akademik saya kerana tiada suatu bidang yang pernah habis diterokai. Oleh yang demikian, saya lebih yakin dan berpegang kepada perinsip dan menganggap pengiktirafan gelaran Ph.D itu tidak 'menamatkan' pembelajaran seseorang, ia hanya mengiktirafkan keupayaan seseorang tentang keupayaan dan kesediaannya terhadap penerokaan ilmiah.

Sebagai seorang pendidik yang mengamalkan kepimpinan akademik, saya yakin dan selalu berusaha menguasai disiplin ilmu yang tinggi dan meningkatkan kemahiran peribadi selaras dengan semangat pendidikan sepanjang hayat. Melalui kesemua program pengajian tinggi yang saya ikuti

telah mempertingkatkan profesionalisme dan ilmu pengetahuan peribadi saya. Saya berharap dan bertindak sebagai satu pemangkin perubahan dan menjadi teladan atau suri teladan kepada para guru pelatih tentang kepentingan kepimpinan akademik.

Kesimpulannya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada profesor pembimbing saya, rakan sejawat, ahli keluarga dan rakan sebaya di bandar Nanjing yang banyak memberi sokongan dan galakan sepanjang perjalanan Ph.D saya.

Yong Kee Ping, Ph.D
IPG Kampus Temenggong Ibrahim
Johor Bahru, Johor

Dapat surat dari IPGM mohon artikel *Journey to Ph.D*, dilampirkan contoh hasil penulisan Datin Dr. Bushro binti Ali dari IPG Kampus Pendidikan Islam. Setelah membaca, macam cerita saya banyak persamaan dengan apa yang dikongsi oleh Datin Dr. Bushro pula. Apa-apa pun... saya cerita sajalah, harap-harap cerita saya yang berkisar dengan tema *Gate* dan *lesson learnt* boleh meningkatkan motivasi kawan-kawan. (***Lesson learnt: sharing is caring, biar apa yang kita buat boleh motivate each other***)

Gate 1

Tahun 2007 di IPGK Gaya, saya bersyukur ada ramai kawan yang merupakan suri teladan yang terbaik. Pn. Lam Saw Yin (mantan Ketua Jabatan Matematika), Pn. Lim Bee Leng (mantan Ketua Unit Matematika), Dr. Ng Kee Chuan (mantan Ketua Jabatan Sains), Dr. Goh Lay Huah (mantan Ketua Jabatan Bahasa), Dr. Shahrir Affandi Daud (ketika itu beliau sedang cuti belajar, belum memperoleh Ijazah Kedoktoran). Mereka adalah antara beberapa orang rakan yang banyak memberi rangsangan positif kepada saya. Mereka memang *sifu* yang berpengalaman, luas ilmu pengetahuan, suka membantu dan kuat membatu api banyak memberi motivasi kepada saya untuk buat Ph.D. (***Lesson learnt: Dekati orang yang bijak, berilmu, bermotivasi tinggi, suka membantu... mengenal pasti righteous friends***)

Gate 2

“Apa mahu *study* ya?” *Journey* saya bermula dengan soalan ini, lama saya fikirkan untuk melanjutkan pengajian. Saya serah dalam doa. “*Lead me and guide me, Your will be done. Anoint me with wisdom and strength so that I can carry through.*” Pada tahun 2009, saya membuat keputusan untuk mengikuti pengajian peringkat Ph.D. Saya tidak fikir soal biasiswa kerana faktor had umur. Masa itu terkilan juga tetapi apabila saya reflek kembali, ketiadaan biasiswa sebenarnya merupakan satu motivasi kepada saya supaya tidak malas belajar. (***Lesson learnt: serah dalam doa, daripada berangan-angan kosong, fikirkan perkara remeh-temeh dan menyesal atas perkara yang sudah tidak boleh berubah, lebih baik bertindak***)

Gate 3

“Siapa sesuai jadi *supervisor* saya ya?” (apabila hati reda *give up* biasiswa, boleh pilih-pilih *supervisor* pula... ada hikmah di sebaliknya juga hehe...). Terfikir kawan lama Profesor Dr. Vincent Pang di Universiti Malaysia Sabah yang sudah lama tidak menghubunginya. Prof. terkenal dengan rekod yang baik dalam pelbagai bidang. “Prof., saya *mo* (mahu) buat Ph.D dengan Prof., saya *mo* siap dalam masa enam semester.” Terus terang saya cakap dengan Prof. “*Bah* (ok)... daftarlah. *Start literature review* dan tulis *proposal karang* (sekarang) juga *k* (ok).” Prof memberi respons. (***Lesson learnt:***

Dapatkan *supervisor* yang mempunyai kredibiliti yang tinggi dan selasi dengan kita. Saya suka *keep it short and precise*, *supervisor* saya pun perangai begini)

Gate 4

Selepas selesai minggu orientasi dan pengurusan pendaftaran, saya berjumpa dengan Prof. dan menunjukkan *proposal* saya. Dalam perjumpaan pertama ini kami bincang tajuk kajian dan mod komunikasi. Kami setuju dengan menggunakan e-mel dan SMS atau telefon terus jika perlu (masa itu belum ada *whatsapp* lagi). Setiap kali saya hendak berjumpa dengan Prof., saya akan SMS buat temu janji dan selepas menghantar penulisan saya SMS sekali lagi. Prof. orang yang sibuk banyak tugas rasmi, SMS bertujuan sebagai *soft reminder* kepada Prof. Prof. pula e-mel kembali selepas menyemak penulisan saya. Kebanyakan masa Prof. e-mel kembali dalam masa yang singkat. Mekanisme ini berlangsung dengan baik dari awal hingga saya menghantar *hard cover* tesis saya. (***Lesson learnt: Tentukan mod komunikasi yang berkesan bersama supervisor, kemahiran insaniah... interpersonal skill*** adalah salah satu *package* yang wajib dalam *journey to Ph.D*)

Gate 5

Enam semester tidak boleh *syok* sendiri, perlu ada perancangan. Dalam carta *gantt* saya, satu semester untuk setiap bab kecuali bab 4 yang saya peruntukkan dua semester. Syukur, ada kawan yang membantu. Sebelum membenteng *proposal*, saya memohon Dr. Shahrir memberi komen. *Atukoi* (Adui)... berhabis kawan ini komen. Tapi saya tahu, kawan yang ikhlas akan cakap benar. Dengan pembetulan selepas komen, syukurlah *proposal* diluluskan. (***Lesson learnt: Be practical, be discipline, be humble, be thankful***)

Gate 6

Nightmare, nightmare, nightmare... semasa kutipan data, kejadian yang malang berlaku. Tetiba skrin *lap-top* hitam. Balik-balik *re-start* tidak boleh berfungsi. Penulisan saya hanya ada *save* satu salinan sahaja di *lap-top*. *Atukoi*... rasa macam langit jatuh, hancur kepala otak mati dihimpit *heaven and earth*. Syukur dapat dipulihkan sebahagian dokumen selepas dibantu *expert* komputer. Nasib baik juga boleh *retrieve* kembali sebahagian daripada e-mel, walaupun kelam kabut tapi jauh lebih baik kalau kena tulis semula. *Palis-palis (touch wood)* ...jangan-jangan peristiwa seperti ini berulang lagi. (***Lesson learnt: Perlu ada back up dan sistem simpanan hasil penulisan yang sesuai dengan profil sendiri, make use of ICT, e-mail, dropbox etc***)

Gate 7

Syukur dalam masa enam semester tesis telah disiapkan. Namun, disebabkan pentadbiran pihak universiti, saya tidak boleh menghadiri viva lagi. Setahun saya menunggu viva, bosan juga tahi ayam sudah sejuk. Rancangan Tuhan... masa itu IPGM mewujudkan jawatankuasa PROSPEN dan Dr. Shahrir merupakan penyelaraz zon Sabah pada masa itu. Kawan ini mengajak, "*Ging* (kawan),

marilah bentang tesis *ko*.” Saya jawab, “sudah habis tesis *bah*... tunggu viva ni...tak perlu bimbingan sudah.” “Ikut *la bah*... biar orang komen, *ko* ingat tesis *ko perfect* sangat *ka tu* (kah)?” mulut laser Dr. Shahrir. Pantang dicabar tetapi apabila fikir balik, betul juga cakap si kawan ini. “*Bah...ging, bulih* (boleh) lah, saya ikutlah.” Saya merupakan orang pertama yang membentang tesis di sidang pertama dalam bengkel yang dianjurkan oleh PROSPEN IPGM tahun 2013. Panel pada masa itu ialah Dr. Abdul Razak Osman dari IPGKTB dan Dr. Ng Kee Chuan dari IPGK Gaya. Tidak sangka banyak pula ruang penambahbaikan untuk saya. Semasa minum pagi, sempat saya tunjuk power point kepada kak Ros (Dr. Rosmawati binti Hamzah), ada lagi komen-komen yang membina daripada kak Ros. Dengan input-input daripada mereka, saya sempat membuat pembetulan major sebelum viva. (***Lesson learnt: be open minded, be HUMBLE, belajar kesabaran, jangan sombong, accept criticisms and advices, mistakes make us a better person***)

Gate 8

Pada hari viva, saya bersiap sedia dengan sarapan pagi yang berat, mencetak beberapa salinan *hardcopy* (manalah tahu ada kejadian bekalan elektrik terputus mengakibatkan pembentangan tergendala... boleh menimbulkan rasa panik). Bawa botol air (takut kehausan, lagipun minum air boleh menghilangkan stres sikit). Sampai awal di tempat viva, swafoto dan muat naik di *facebook* (sambil baca doa untuk menghilangkan keresahan). Sempat dapat beberapa *like* daripada kawan-kawan *facebook* yang setia (Syukur ada kawan-kawan yang *supportive* di dunia maya). Kalau sebelum viva banyak saya dengar betapa sengsara di bilik viva kena tembak berhabis sampai menangis, tidak ada pula perkara seperti ini berlaku kepada saya. Panel penilai hanya memberi beberapa cadangan penambahbaikan. Sesi penilaian selesai dalam masa kurang daripada 45 minit. LULUS tetapi perlu membuat pembetulan minor dengan syarat bahawa pembetulan perlu disiapkan dalam masa dua bulan – Itulah keputusan panel viva. Syukur, terima kasih dan penghargaan kepada kawan-kawan, tidak lupa Ahli Jawatankuasa PROSPEN. *Honour and glory be to God!* (***Lesson learnt: Be ready, foresee potential happenings, know one's needs, hope for the best, prepare for the worst, keep close to righteous friends, perlu bijak menggunakan media sosial untuk tujuan yang baik, address the importance of relaxing techniques, relax, relax and relax, GIVE THANK, GIVE THANK AND GIVE THANK***)

Gate ketibaan

Sepanjang *journey to Ph.D* banyak pengalaman manis, masam, pahit dan pedas. Apabila saya mengimbas kembali, Ph.D sebenarnya *baby step* saya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti ilmiah. Ilmu pengetahuan yang dipelajari semasa Ph.D hanya sedikit. Lebih banyak lagi saya belajar tentang keimanan, ketabahan, kesabaran, kesyukuran, kemahiran insaniah dan kemahiran memperoleh sumber-sumber rujukan yang diperlukan. Penerbangan yang *transit* di lapan *Gate*, nombor 8 dalam numerologi melambangkan kekayaan-kekayaan dari segi *intelligence quotient, emotional quotient* dan *spiritual quotient*. Selamat maju jaya kepada kawan-kawan bakal Ph.D.

Chiam Sun May, Ph.D
IPG Kampus Kent
Tuaran, Sabah

Doing a Ph.D has to be considered as one of the hardest things for me in my entire life. When I began my Ph.D journey in 2010 as a part-time student, I was ready for a long hard slog, and I haven't been disappointed. Despite having to do it solely on my own, I did not encounter any financial stress throughout my study. I have been able to go at my own pace and I have presented papers at two international conferences locally. It has been said that the relationship with a supervisor is of critical importance. I was very blessed to have three very supportive supervisors to help me in completing the thesis writing. The journey had been a pleasant, fruitful and eventful one.

For me, earning my Ph.D is a result of the craving for extra and new knowledge in my field of interest; that is Mathematics, although knowing that it may not get me a pay raise. Getting through a Ph.D requires high levels of passion, determination, commitment, dedication and resilience and it is only possible if you really really do it sincerely and want to succeed. At times I ended up stressed, depressed, overwhelmed, and nearly quit in my sixth semester. "It's OK to fail, but not OK to quit... don't have to be perfect but just finish the job!" Holding on to these words...and with God's grace and mercy, I managed to graduate on time in 5 solid years!

Let me share some tips for making it through my Ph.D. Firstly, read as widely around your topic as possible. Having broad knowledge has helped me to find the research gaps, frameworks, methodology and most of all learn how to write academically. Get your research design correct right from the start by seeking the right experts (may it be qualitative, quantitative or mix-methods). There is no shortcuts to success. Only with consistent reading and writing will help in completing your Ph.D. Write, write, write with a purpose and schedule and always check and balance. Every chapter must be given equal attention. Celebrate each hurdle that you clear so that you know you are making progress. I would encourage you to promote and share your ideas and work not only in your campus but to go to graduate research forums (e.g. LinkedIn, a good online blog), professional organizations for graduate research presentation and colleagues in your research area. Seek out active researchers (both locally and abroad) in your core area of interest and discuss the needs of that research.

In this long and winding journey, stay focus and concentrate on each step and see yourself finishing that step. Success is mostly about hard work and persistence. Ph.D is not everything, but it is your attitude that make the difference. Good luck!

Chai Chin Peng, Ph.D
IPG Kampus Gaya
Sabah

Tarikh 23 April 2015 akan sentiasa tersemat dalam kenangan. Lega sungguh rasanya saat aku meletakkan topi bulat itu di atas kepalaku. Rasa kepuasan yang tidak terhingga. Terasa berbaloi setelah keletihan mengharungi perjalanan Ph.D yang panjang, sunyi dan penuh ranjau itu. Syukur alhamdulillah. Sebenarnya tidak pernah terfikir pun di pemikiran aku untuk menyambung pengajian ke peringkat Ph.D, lebih-lebih lagi sebagai pelajar separuh masa. Namun, gesaan dan pujukan pasangan rakan sejabatan abang Nasarudin dan Allahyarhamah isterinya Kak Noryani, akhirnya berjaya menjerumuskan aku untuk mendaftar dalam program pesisir kerjasama pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka (IPGKPM). Yuran pengajiannya agak mahal berbanding dengan program perdana di UTM, namun sokongan suami yang tidak berbelah bahagi menyebabkan aku meneruskan juga pengajianku itu.

Januari 2009, bermulalah perjalanan aku sebagai mahasiswi untuk Program Doktor Falsafah dalam bidang Kurikulum dan Pengajaran di Fakulti Pendidikan UTM. Pada peringkat awal segalanya berjalan lancar seakan-akan perjalanan Ph.D kami akan berlalu tanpa sebarang halangan. Aku menjangkakan bahawa aku akan menamatkan pengajianku itu lebih awal dari masa yang ditetapkan, iaitu selama 4 tahun. Semua rakan sepengajian, iaitu seramai hampir 20 orang pensyarah IPGKPM itu amat bermotivasi pada awalnya. Kami bersama-sama menjalani interaksi bersemuka dalam kuliah bersama pensyarah yang didatangkan khas daripada UTM. Namun, selepas selesai semua interaksi bersemuka kami mula bersendirian meneruskan penyelidikan mengikut bidang masing-masing. Ketika inilah cabaran sebagai pelajar di samping tugas-tugas hakiki sebagai pensyarah di IPGKPM mula dirasai.

Pada pertengahan bulan Ogos tahun 2011 aku berjaya membentangkan *proposal* kajian terlewat satu semester daripada tarikh mengikut jadual asal yang dicadangkan oleh penyelia. Kata orang, lulus *proposal* adalah seumpama kita telah melangkah sebelah kaki menaiki tangga Dewan Canselor untuk konvokesyen, namun untuk aku ia tidak semudah itu. Selepas selesai *proposal* aku disibukkan pula oleh tugas-tugas hakiki di IPGKPM. Penghujung tahun 2011 aku dilantik sebagai jurulatih utama untuk Program i-Think. Aku juga turut terlibat sebagai jurulatih untuk Kursus e-learning bagi pensyarah-pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan kolej matrikulasi. Hampir setiap minggu aku dihantar ke merata lokasi di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Sepanjang masa aku berkhidmat sebagai jurulatih Kursus e-learning aku terus hilang fokus dalam penulisan tesis.

Setelah sekian lama tesisku terbengkalai selepas pembentangan *proposal*, akhirnya pada awal tahun 2012 aku mula merancang memungut data. Tugas memungut data juga tidak semudah yang dijangkakan. Aku terpaksa berdepan dengan karenah sampel kajianku yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah IPG di Malaysia. Berkat bantuan suami yang sanggup mengambil cuti untuk menemani aku ke beberapa buah IPG kampus untuk mentakbirkan soalan kaji selidik, akhirnya aku berjaya juga mengumpul data yang mencukupi untuk proses analisa selanjutnya.

Hari-hari seterusnya banyak terisi dengan aktiviti-aktiviti kejurulatihan yang memerlukan konsentrasi yang tidak berbelah bahagi. Sedar tak sedar sepanjang tahun 2013 aku hampir mengabaikan sama

sekali data yang perlu dianalisa. Aku tidak menafikan kurangnya dorongan dan pemantauan oleh penyelia juga sebahagian daripada punca pengabaian tersebut. Namun, faktor yang lebih utama adalah kurangnya kecekapan aku untuk membahagikan masa antara pembelajaran aku dengan tugas hakiki di IPGKPM. Mungkin bagi sesetengah pelajar sepenuh masa seperti aku, mereka turut mengambil kesempatan menyelesaikan penulisan dalam ruang senggang sewaktu di pejabat, namun tidak bagi aku. Suasana di pejabat tidak sama sekali merangsang idea penulisanaku.

Kemelesetan ekonomi memberi kelebihan kepada proses penulisan tesis kerana kami tidak lagi dihantar keluar IPG untuk mengendalikan kursus yang banyak mengambil ruang masaku. Setelah agak lama tesis itu terbengkalai, pada awal 2014 aku mula kembali aktif menyambung semula penulisan tesis itu. Saat menganalisa data dan merumuskan penulisan tesis merupakan saat yang sangat mencabar sehingga aku hampir berputus asa untuk menamatkan pengajianku. Namun, dorongan dan sokongan suami banyak membantu aku untuk terus menyempurnakan penulisan. Pertemuan dengan Prof. Dr. Rasimah bekas pensyarah dalam bidang Statistik UITM memberikan aku keyakinan untuk menyelesaikan analisis data. Aku amat terhutang budi dengan beliau yang membantu proses penganalisan data secara sukarela. Aku juga sangat terhutang budi kepada adik kandungku Prof. Madya Dr. Zakiah Salleh seorang pensyarah di Universiti Malaya yang turut membantu aku dalam meneruskan perjuangan menamatkan pengajianku itu terutamanya dalam mendapatkan bahan-bahan rujukan. Ketika itu aku banyak menggunakan cuti tanpa rekod untuk beruzlah daripada tugas di IPGKPM dan bersendirian menyelesaikan penulisan akhir tesis itu sehingga aku mampu untuk menghantar draf tesis untuk semakan terakhir sebelum dipanggil untuk proses viva.

Saat aku dipanggil untuk membentangkan viva pada penghujung Disember 2015 debaran itu sudah tidak dirasakan lagi. Sepanjang pengajian aku telah membentangkan kajianku dalam banyak seminar baik peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa. Aku juga turut menghantar kajianku untuk penerbitan jurnal antarabangsa termasuk jurnal berimpak tinggi. Sedikit sebanyak hal itu meningkatkan tahap keyakinan aku apabila menghadapi panel penilai semasa viva. Hasilnya aku dianugerahkan sijil kecemerlangan dalam pembentangan viva oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah UTM. Aku diberikan tempoh sebulan untuk memurnikan tesis itu. Walau bagaimanapun, aku berjaya menyelesaikan pemurnian tesis itu dalam tempoh dua minggu. Sebaik selepas penyerahan tesis yang telah dimurnikan untuk mesyuarat senat, kesihatanku merundum sehingga menyebabkan aku dimasukkan ke hospital. Semua urusan pemurniaan untuk proses penerbitan ketika itu terpaksa dibantu oleh suami dan anak-anakku. Saat itu aku hampir putus asa untuk menaiki tangga Dewan Canselor UTM untuk menerima ijazah yang kuusahakan selama hampir tujuh tahun.

Alhamdulillah, pada 23 April 2016 aku mampu untuk hadir ke majlis konvokesyen yang sangat bermakna untuk aku walaupun dengan status sebagai graduan kurang upaya. Sebaik selesai menerima sijil daripada Naib Canselor baharulah air mata yang kusimpan itu gugur juga akhirnya. Aku teringat ibu dan ayah yang tidak bersama-sama untuk melihat anaknya menerima Ijazah Doktor Falsafah. Walaupun pada awal pengajian aku menanam tekad untuk menyelesaikan pengajian sebelum mencapai usia emas, namun takdir menentukan yang aku memegang Ijazah Kedoktoran dengan gelaran Doktor pada usia 52 tahun, seorang ibu kepada 8 orang anak, mempunyai dua orang menantu dan seorang cucu yang lahir 2 minggu sebelum aku menerima Ijazah Kedoktoran tersebut.

Keseluruhan perjalanan ini meningkatkan rasa kekerdilan kepada Allah yang Maha Berkuasa. Aku diuji dengan perjalanan Ph.D yang jauh dan sukar selepas aku diberikan kemudahan dalam mengharungi perjalanan akademik sebelum ini. Sebagai pemegang biasiswa untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Biokimia di sebuah universiti di Kanada dan seterusnya pemegang Hadiah Latihan Biasiswa untuk Ijazah Sarjana Pendidikan dengan cemerlang di Universiti Malaya, mungkin ada peringatan kepadaku daripada Dia yang di langit bahawa ilmu yang kita peroleh ini semata-mata daripada Dia dan perlu dimanfaatkan untuk persiapan kita kembali kepada Dia, Tuhan yang mencipta kita.

Halimatussaadiah binti Salleh, Ph.D
IPGK Perempuan Melayu Melaka
Durian Daun, Melaka



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

“Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhan kamu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dia lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjukNya”

Al-Nahl 16:125

Saya mulakan penulisan ini dengan satu petikan kalimah ayat al-Quran untuk menyeru kepada manusia ke arah menuntut ilmu pengetahuan dengan cara penyampaian yang bijaksana dan berhemah dengan nasihat yang baik. Hanya Allah SWT sahajalah yang mengetahui isi hati hamba-Nya niat penulisan buku ini. Saya ingin mencari keredaan Allah SWT supaya pengalaman catatan penulisan ini dapat menarik minat mereka yang sedang tercari-cari untuk berjaya ke peringkat Ph.D.

Sukar untuk saya memulakan penulisan ini jika tidak kerana pertolongan Ilahi yang memberi kudrat iradat kepada saya dan ilham serta idea untuk menceritakan pengalaman saya berjaya di peringkat Ph.D. Saya teringat kata-kata sahabat baik saya allahyarham Dr. Basri bin Yusof seorang pensyarah dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi sebaik sahaja saya menamatkan pembentangan penulisan di peringkat pemantapan Ph.D. “Tahniah, kau telah berjaya membentangkan kajian di peringkat *proposal*, kemajuan sehingga ke peringkat pemantapan. Selepas ini kau perlu menulis pengalaman menyiapkan Ph.D ini dalam bentuk buku. Di Malaysia buku tentang pengalaman menyiapkan Ph.D ini amat kurang sekali”. Ketika ditegur oleh sahabat, saya tidak terfikir langsung tentang penulisan ini kerana selalu penyelia kalau hendak berjumpa hanya membincangkan teguran dan pandangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh mereka yang hadir semasa sesi pembentangan pemantapan tadi. Kini, penulis setelah menjadi panel penemu duga dan penceramah bagi kursus persediaan penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) peringkat kedoktoran dan sarjana baharulah terfikir bahawa ilmu dan pengalaman ini perlu dikongsi bersama. Penulisan pengalaman saya ini adalah sekadar untuk berkongsi untuk membantu guru-guru yang akan dan sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana atau Ph.D.

Apabila melihat rakan sekerja dan sepensyarah serta anak didik yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana atau Ph.D sama ada dalam dan luar negeri balik dengan tangan kosong, maka terfikir dalam hati, mereka perlu dibantu. Saya amat berharap penulisan ini sebagai satu perkongsian pengalaman bagaimana sarjana dan Ph.D ini dapat direalisasikan.

Pengalaman yang dilalui semasa melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah cukup berharga dan istimewa dalam kehidupan saya. Penulisan ini bukanlah buku ilmiah yang membincangkan satu persatu aspek-aspek penyelidikan atau hal yang mendalam tentang bagaimana proses menjalankan penyelidikan. Penulisan ini menceritakan pengalaman penulis bagaimana proses mengharungi segala permasalahan yang timbul semasa menyiapkan Ph.D ini. Bermakna kandungan penulisan ini memaparkan peristiwa kehidupan seorang yang serba kekurangan dapat menyiapkan Ph.D dalam masa lima tahun.

Satu perjalanan dan pengalaman hidup yang amat menarik untuk dikongsikan bersama. Sebagai seorang guru, salah satu cita-cita saya adalah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Peluang terhidang apabila saya terpilih oleh Bahagian Tajaan untuk mendapat Cuti Belajar Bergaji Penuh selama tiga tahun Ijazah Doktor Falsafah pada bulan Disember tahun 2009. Pihak Bahagian Tajaan menawarkan saya dalam Ijazah Kedoktoran bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Saya memilih Universiti Kebangsaan Malaysia tempat saya belajar. Pada peringkat awal cuti belajar, masalah yang saya hadapi adalah untuk menyesuaikan diri dengan suasana sibuk bekerja dan suasana cuti penuh duduk di rumah sebab di universiti tiada kelas khusus. Pelajar hanya perlu berjumpa penyelia dan membincangkan apa kajian yang hendak dibuat. Penyelia saya seorang perempuan, Dr. Lilia Halim yang baru balik dari cuti belajar di UK. Bermakna saya adalah anak didik pertama beliau. Sangkaan awal saya beliau seorang yang cerewet dan amat teliti. Selama enam bulan saya terseksa untuk mendapat kelulusan tajuk kajian ini.

Selepas tajuk kajian diterima, tugas seterusnya diberi oleh penyeliaan ialah menulis kajian literatur. Pengalaman ini yang paling mencabar untuk pengkaji tahu hala tuju kajian sebenar. Selama enam bulan masa digunakan untuk mengumpul bahan bacaan dari sumber tesis, jurnal, artikel dan dokumen berkaitan. Lambakan bahan merupakan satu masalah yang perlu diatasi oleh pengkaji supaya bahan yang berkaitan sahaja perlu digunakan.

Saya bersyukur penyelia saya tiada masalah kerana kedua-duanya Prof. Dr. Lilia Halim dan Prof. Noraishah Buang memberi kerjasama yang amat baik kepada saya. Mereka mengatur perjumpaan serentak secara bergilir-gilir di bilik masing-masing. Kunci kejayaan Ph.D saya ialah disiplin diri dan tidak menyalahkan orang lain. Sering merujuk penyelia dan akur dengan teguran serta cepat membetulkan kesilapan kunci kejayaan Ph.Dku....

Kamarudin bin Haji Abu Hassan, Ph.D
IPGK Perempuan Melayu Melaka
Durian Daun, Melaka

When I started doing my Master Degree, I told myself that, MA was the highest achievement that I would struggle for. However, Allah had a different plan for me. After savouring the sweet scents of roses, lilies, orchids, daffodils, daisies... in the garden of research fraternity, I began to wonder if the 'burger hat' was meant for me. The journey hence commenced in January a long long time ago...

Ph.D is a package of sweat and tears as well as beautiful moments that you cannot at all explain. Along the way, you come to know yourself even more, you get closer to your family, and primarily the Creator in search of His Blessings and of course His guidance for I did not want this journey to be a quest for wealth but a quest for wisdom and serenity, which in turn would be invaluable, an investment of no other.

It was a slow, arduous path for me, a voyage of no ending. There was neither a captain nor a crew on the ship that I was sailing in, I was a Lone Ranger, oh God, it was agonizing. I too had sweat and tears but my tears were never shed, I was too strong to let go of the pain. I suppose the set objective of my life was for my family, hence whether I win or I lose in this battle would not matter. If I win, I'd consider it as a gift; if I lose I'd take it as just another chapter of my life. Moreover, I was on unpaid study leave. I had no ties to anyone. Little did I know that the unconditional leave did not help me to hike the extra mile.

Because it took longer than it should, motivation, advice, sneering and cynical remarks were part of my mountain of food. I did not mind at all, because when there is a start, you are supposed to have a finish. It's the custom! And to keep up to that custom, I waded my weary feet through the jungle of fire for several years... At times I condemned myself, 'Hey girl, it's been too long, get it done, wrap it up,' sometimes I coaxed myself, 'Come on, you can do it, do it, just do it...,' but I never once gave up, alhamdulillah. Whenever I had that evil thought, I jabbed myself with this story:

There was a man, a grandpa, whose life had never been at ease. He was just a farmer, making ends meet. One day, the Israelis indiscriminately cut his clan's water supply to their settlement giving an unacceptable reason that the Palestinians are in their land. You and I know the truth of the true invader. This has caused the drying up of their farm, killing their plants, their source of food. Just next to their farm, you can hear the irrigation flowing in abundance in the enemies' farm. Grandpa had nothing to lose, he brought the matter up to the authority, but you know what happened? The next day, the Israelis looted his so-called home – a rundown tent which could hardly even protect its occupants from the cold of winter or the scorching heat of summer. From a distant, the viewers could see the frustration in grandpa's eyes; the viewers could feel his pain for himself and for his people. But you know what he said; I will never back down, I will continue fighting for I believe Allah is with me all the way through.

After watching that heart-breaking documentary, I wrote this in my note book, *'Every time you think of giving up, think about the Palestinian man, who has never given up to date. Compare your upheals to his and see if you dare to say, 'I give up!'*

Being a qualitative researcher, it sort of dragged the process further. I was too deep in the forest that I could not find my way out. Nonetheless, the jungle was an amazing jungle. There was just too much to explore especially on the development of the human minds and the human demeanors. It was obnoxious yet rewarding at the same time. After I had finalized my analysis, I sensed that there wasn't anything significant in my findings. What contribution can I make out of this research, I lamented. Later, I understood that my respondents were trying to tell me that what was said in the outside world about them was not true at all. The pre-conceived claim was Malaysian undergraduates were deemed not ready for autonomy or they did not have the attributes of learner autonomy. In my study however, it was evident that Malaysian undergraduates did possess the qualities of learner autonomy. In fact, together, they made a dynamic team. They grew wiser in their reflections, decision makings and in their revisions; the abilities of learner autonomy that were useful in learning writing. It's their collaboration that played a crucial part in learning. I learnt so much from my respondents; I grasped that one can never master all traits. One might be lacking in one quality but can be a champion in many others. Hence, we should not be judgemental; instead we should be more supportive and considerate.

After all was over, I came to know my real ability. I had a very low self-esteem, never confident of my stance. I had to rehearse many times before a talk or a conference. Not wanting my piece of mind to be heard; afraid of making mistakes or jeered at. Always had this feeling that nobody will listen to you, you are not the 'significant other' as Vygotsky would put it. Loathed giving trainings and the list goes on. But I have come to realize that I will never be perfect because I am just a human being like you. The more I seek knowledge, the more inept I feel. The circle of knowledge quest will never be complete as long as you live, and I will continue searching and learning.

Now, I can look back and laugh, 'Hey, I was there!' Despite the roller-coaster rides, it was a beautiful journey that only those takers will understand. So come, board the ship and sail along. But be sure to have a captain onboard. Bon voyage!

Rohaya binti Abdullah, Ph.D
IPG Kampus Pulau Pinang
Bukit Coombe, Penang


PENGHARGAAN



Sidang Editor Buku GOT merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Rektor IPGM, Timbalan Rektor IPGM, Ketua Jabatan JKPP IPGM, Pengarah-Pengarah IPG Kampus dan Pensyarah-pensyarah yang terlibat atas kerjasama serta sokongan yang tidak ternilai diberikan dalam penerbitan Buku G.O.T 2017.

Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

 Aras 1-3, Blok 2250
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya

 +603-8312 6666

 +603-8312 6655

 <http://ipgm.moe.edu.my>

eISBN 978-967-12720-4-6



9 789671 272046